PTS Litera
Novel Sejarah Islam
Abdul Latip Talib
Penulis Novel Sejarah No.1 Malaysia
Imam Syafie
Pejuang Kebenaran

Peta

Muslim Distribution
SUNNI
SHIA
SHAFIE
HANAFI
MALIKI
HANBALI
HANAFI DAN JUGA SEMUA MAZHAB YANG EMPAT
Russia
Sweden
Finland
Norway
United Kingdom
Estonia
Latvia
Lithuania
Denmark
Ireland
Belarus
Poland
Germany
Ukraine
Austria
France
Italy
Spain
Portugal
Bulgaria
Georgia
Armenia
Azerbaijan
Kazakhstan
Uzbekistan
Turkmenistan
Kyrgyzstan
Tajikistan
Mongolia
North Korea
South Korea
Japan
China
Afghanistan
Pakistan
Iraq
Iran
Turkey
Syria
Tunisia
Morocco
Algeria
Libya
Egypt
Western Sahara
Mauritania
Mali
Niger
Chad
Sudan
Cape Verde
Guinea
Ghana
Togo
Nigeria
Sierra Leone
Cote d'Ivoire
Gabon
Congo
Djibouti
Ethiopia
Somalia
Kenya
Rwanda
Burundi
Tanzania
Comoros
Angola
Zambia
Malawi
Madagascar
Namibia
Zimbabwe
Botswana
Mozambique
Mauritius
Lesotho
Swaziland
South Africa
Saudi Arabia
Qatar
Oman
United Arab Emirates
Seychelles
Maldives
India
Sri Lanka
Nepal
Bhutan
Bangladesh
Laos
Thailand
Vietnam
Taiwan
Philippines
Brunei
Malaysia
Singapore
Indonesia
Timor-Leste
Australia

Pendahuluan

Mazhab yang Empat

Empat Imam Besar iaitu Imam Ahmad bin Muhamad bin Hanbal (Mazhab Hanbali) Imam Muhamad bin Idris atau Imam Syafie (Mazhab Syafie) Imam Abu Hanifah (Mazhab Hanafi) dan Imam Malik (Mazhab Maliki) perlu diketahui riwayat hidupnya oleh umat Islam, terutama Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Empat imam besar itu menjadi terkemuka kerana mereka ulama bebas yang tidak terikat dengan sesiapa dan tidak pula berasa terhutang budi pada sesiapa terutama pemerintah.

Perbezaan pendapat di kalangan mereka hanya berkisar dalam masalah furuk atau cabang hukum agama yang berhubung dengan urusan muamalat ataupun yang berkait dengan kepentingan masyarakat. Keempat mazhab ini tidak berselisih dalam urusan pokok agama kerana mereka tetap berpegang kepada Quran dan hadis, dan sunnah Rasulullah.

Keempat imam besar ini sama-sama menentang amalan bidaah atau yang menyeleweng daripada ajaran Islam. Mereka juga tidak memaksa pengikutnya supaya bertaklid kepada mazhab masing-masing tanpa menyelidik nas yang diambil bagi merumuskan sesuatu fatwa atau masalah.

Imam Syafie contohnya menasihatkan pengikutnya supaya tidak teragak-agak menolak pendapatnya sekiranya ada nas daripada Quran ataupun hadis yang sahih berlawanan dengan pendapatnya.

Timbulnya mazhab-mazhab itu apabila umat Islam tidak lagi berpegang kepada Quran dan hadis pada masa itu. Justeru tampil Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam Syafie dan Imam Hanbali memimpin umat Islam. Keempat mazhab besar itu semuanya berpegang pada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Rasulullah berkata yang bermaksud, Demi Allah yang jiwa Muhammad di tangannya akan berfikrah umatku sebanyak 73 fikrah. Hanya satu masuk syurga dan yang lainnya masuk neraka. Sahabat bertanya siapakah itu ya Rasulullah, baginda menjawab Ahli Sunah Wal Jamaah.

Menurut kajian, terdapat 73 fahaman ataupun fikrah pada masa sekarang. Pecahannya seperti berikut:

Bil Kaum	Fahaman ataupun Fikrah
1. Syiah	22

2. Khawarij	20
3. Muktazilah	20
4. Murjiah	5
5. Najariyah	3
6. Jabariyah	1
7. Musyabihah	1
8. Ahli Sunah Wal Jamaah	1
Jumlah	73

Kenapa Timbulnya Mazhab?

Pada masa Nabi Muhammad hidup, tidak timbul perselisihan pendapat di kalangan umat Islam kerana boleh merujuk terus kepadanya. Tetapi selepas beliau wafat pada 2 Rabiul Awal tahun 11 Hijrah ataupun 8 Jun 632 Masihi, wujud perbezaan pendapat di kalangan umat Islam. Akibat perbezaan pendapat itu, tercetus Perang Jamal dan perang Siffin yang mengorbankan ramai umat Islam. Ekoran dari itu, wujud kaum Syiah dan Khawarij. Kemudian muncul pula fahaman Muktazilah yang diketuai Washil bin Athak

dan Umar bin Ubeid. Kemudian muncul pula fahaman Qadariyah dan Jabariyah.

Akhirnya muncul pula fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diketuai Syeikh Abu Hasan Asyaari dan Syeikh Abu Mansur al-Maturidi.

Di bawah ini dinyatakan perbezaan fahaman-fahaman itu:

1. Kaum Syiah, kaum yang berlebih-lebihan memuja Saidina Ali bin Abi Talib. Malah dikatakan mereka tidak mengakui Khalifah Abu Bakar as-Siddiq, Umar al-Khattab dan Uthman Affan. Namun, fahaman Syiah juga berpecah kepada 22 aliran.
2. Kaum Khawarij, kaum yang membenci Saidina Ali bin Abi Talib, malah ada yang mengkafirkannya. Mereka sanggup membunuh Saidina Ali bin Abi Talib dan keluarganya. Mereka tidak sependapat dan berpecah kepada 20 aliran.
3. Kaum Muktazilah, kaum yang berfahaman Tuhan tidak mempunyai sifat. Kerana itu manusia berkuasa ke atas dirinya sendiri. Baik dan buruk bergantung pada pilihan sendiri. Mereka berpendapat manusia tidak boleh melihat Tuhan walau di dalam syurga. Mereka berpendapat syurga dan neraka berserta penghuninya tidak kekal. Israk dan Mikraj Nabi Muhammad berlaku dengan roh sahaja. Fahaman Muktazilah juga berpecah kepada 20 aliran.
4. Kaum Murjiah, mereka berpendapat sesiapa yang sudah Islam dan beriman sekiranya melakukan maksiat tetap masuk syurga seperti orang kafir yang membuat kebajikan tetap masuk neraka.

5. Kaum Najariyah, mereka berpendapat manusia melakukan sesuatu perbuatan itu kerana sudah ditentukan Tuhan. Mereka juga mengatakan sifat Tuhan tidak ada.
6. Kaum Jabariyah, mereka berpendapat untung nasib setiap manusia sudah ditentukan sejak azali lagi. Manusia tidak mempunyai daya dan upaya mengubahnya. Contoh, seseorang itu sudah ditentukan tempatnya di syurga ataupun neraka.
7. Kaum Musyabbihah, mereka berpendapat Tuhan juga bersifat seperti manusia, ada tangan, mata, kaki, duduk di atas kursi dan sering turun naik di antara langit dan bumi.

Imam Syafie

Imam Syafie adalah imam yang paling popular dan ramai pengikutnya mungkin kerana beliau daripada keluarga Quraisy yang nasabnya berkait dengan Rasulullah.

Nama sebenarnya adalah Muhamad bin Idris bin Abbas bin Ulthman bin Shafie bin Saib bin Abdu Yazid bin Hasyim bin Abdul Mutalib bin Abdul Manaf. Ayahnya berasal daripada keturunan Quraisy dari Bani Mutalib. Ayahnya meninggal dunia ketika Imam Syafie masih kanak-kanak. Ada pendapat lain mengatakan bapanya meninggal ketika beliau masih di dalam kandungan ibu.

Menurut al-Hakim, nama ibu Imam Syafie adalah Fatimah binti Abdullah binti al-Hasan bin Husain bin Ali bin Abi Talib. Tetapi pendapat yang popular mengatakan ibunya bernama Ummu Habibah al-Uzdiyyah berasal dari kabilah

Yaman dari suku Uzd.

Beliau dilahirkan di kota Gaza Palestin pada bulan Rejab tahun 150 hijrah. Ada yang mengatakan pada malam beliau dilahirkan Imam Abu Hanifah (Imam Hanafi) meninggal dunia. Khalifah Islam pada masa itu adalah khalifah Abu Jaafar al-Mansur dari Bani Abbasiyah.

Imam Syafie dibesarkan dalam serba kekurangan. Sejak kecil lagi beliau sudah mempelajari Quran. Beliau mula menghafal Quran sejak berusia sembilan tahun. Selama 10 tahun beliau menghafal dan memahami kitab *al-Muwatta'* yang ditulis Imam Malek. Beliau mempunyai suara merdu, boleh bersyair dan bersajak. Ketika berusia 15 tahun, beliau mengajar dan memberi fatwa kepada orang ramai di Masjid al-Haram. Kerana kegigihan dan kecerdikan beliau yang luar biasa, beliau disanjung masyarakat. Beliau meninggal di Mesir tahun 204 hijrah ketika berumur 54 tahun.

Imam Syafie menentang amalan bidaah. Katanya amalan bidaah itu terbahagi dua. Pertama, bidaah yang terpuji. Kedua bidaah yang keji. Sesuai dengan sunnah adalah bidaah yang terpuji. Mana-mana yang menyalahi sunnah adalah bidaah yang keji.

Katanya lagi, semua perkara yang diadakan menyalahi Quran dan sunnah atau ijmak ulama adalah bidaah yang sesat. Perkara kebaikan yang tidak menyalahi sedikit pun daripada semuanya itu adalah bidaah terpuji.

Imam Syafie juga melarang taklid, baik taklid kepada dirinya sendiri ataupun kepada sesiapa sahaja. Semasa

hidup, Beliau selalu menasihatkan orang ramai terutama anak muridnya berkenaan taklid, “Janganlah mereka-reka dalam perkara-perkara agama mengguna pakai taklid sahaja kepada perkataan ataupun tindakan yang tidak disertai dengan keterangan ataupun alasan dari Quran dan hadis.”

Pesan Imam Syafie, “Tiap-tiap perkara yang saya katakan padahal kata Rasulullah bertentangan dengan perkataan saya, Rasulullah itulah yang lebih utama perlu dituruti.”

Pandangan Mengenai Imam Syafie

Imam Malik bin Anas berkata, “Tidak ada lagi keturunan Quraisy lebih pandai daripada Imam Syafie.”

Imam Ahmad bin Hanbal berkata, “Saya belum faham mengenai ilmu hadis kecuali selepas belajar dengan Imam Syafie.”

Imam Ahmad bin Hanbal berkata lagi, “Wahai anakku, Imam Syafie itu seperti matahari bagi dunia dan seperti kesihatan bagi tubuh. Fikirlah adakah gunanya selain dari dua ini?”

Imam Muhamad al-Hakam berkata, “Saya belum berjumpa seorang yang lebih mengetahui cerdik akalnya, lebih cerdas fikirannya, lebih cermat amalannya, lebih fasih lidahnya, daripada Imam Syafie.

Imam Muhamad berkata lagi, “Saya belum berjumpa seorang yang lebih mengetahui berkenaan usul fiqah selain Imam Syafie.”

Basyrat Muraisi seorang pengkaji sejarah dan pengikutnya berkata, “Akal Imam Syafie menyamai akal separuh penduduk dunia. Beliau lebih suka membicarakan soal pokok daripada soal furuk.”

Ibnu Ruhuwaih pula berkata, “Imam Syafie memiliki lidah yang fasih dan iman yang teguh. Beliau adalah ahli pidato yang mengetahui rahsia kejiwaan.”

Antara kitab-kitabnya yang terpenting:

1. Al-Hujjah
2. Al-Imlak
3. Al-'Umm
4. Mukhtasar al-Muzani
5. Al-Risalah
6. Ahkamul Quran
7. Ibtalul Istihsan
8. Al-Buwaiti
9. Al-Qias
10. Al-Musnad
11. Jami’ul Ilmi
12. Mukhtasar al-Buwaiti
13. Harmalah
14. Jami’ al-Mizani as-Saghir
15. Jami’ al-Muzani al-Kabir
16. Istiqbalul Qiblatain
17. Al-Amali
18. Al-Qassamah
19. Al-Jizyah
20. Qital Ahli Baghyi

Sumbangan Imam Syafie kepada Masyarakat

Imam Syafie memberi sumbangan yang besar dalam bidang perundangan Islam. Beliau juga menyusun tidak kurang daripada 113 buah kitab.

Dalam kitab *ar-Risalah,* beliau menerangkan cara mengambil hukum (istinbat) daripada Quran dan hadis serta membincangkan nasakh, kecacatan hadis, syarat penerimaan hadis, ijmak, istihsan, dan qias.

Dalam kitab *al-'Umm*, beliau menyumbangkan ilmu-ilmu mengenai ibadat, muamalat, jenayah dan sebagainya. Pembelaan terhadap hadis dikumpulkan dalam kitab *Ilmak al-Ilmu Ulama*.

Fahaman Ahli Sunah Wal Jamaah

Bermaksud fahaman yang menganut iktikad sebagaimana iktikad yang dianuti oleh Nabi Muhammad dan para sahabat beliau seperti yang termaktub dalam Quran dan hadis.

Hukum-hukum agama yang digali dari Quran dan hadis oleh seseorang imam dinamakan mazhab. Hasil daripada ijtihad Imam Hanafi dinamakan Mazhab Hanafi. Hasil ijtihad Imam Maliki dinamakan Mazhab Maliki. Hasil ijtihad Imam Syafie dinamakan Mazhab Syafie dan hasil ijtihad Imam Ahmad bin Hanbal dinamakan Mazhab Hanbali.

Selain daripada mazhab yang empat itu, terdapat lagi beberapa fahaman seperti Syiah, Khawarij, Muktazilah, Qadariyah, Jabariyah, Bahaiyah, Ahmadiyah, Wahabiyah

dan sebagainya.

Masing-masing mempunyai fahaman yang berbeza dan tidak dapat disatukan. Rasulullah berkata yang bermaksud, “Siapa yang hidup lama antara kamu akan melihat perselisihan yang banyak. Ketika itu pegang teguhlah sunnahku dan sunah Khalifah ar-Rasyidin yang diberi hidayah. Pegang teguhlah itu dan gigitlah dengan gerahammu.” (Dilaporkan oleh Imam Abu Daud)

Fahaman Muktazilah

Kaum Muktazilah ertinya kaum yang menyisihkan diri. Fahaman ini mula muncul pada tahun 100 hijrah ketika pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Muluk dari Bani Umaiyah. Fahaman itu tersebar luas pada masa pemerintahan Khalifah Makmun bin Harun ar-Rasyid (198-217 H/ 813-833M), Khalifah al-Muktashim bin Harun ar-Rasyid (218-228 H /833-842 M) dan Khalifah al-Watsiq bin al-Muktashim (228-232 H/ 842-847M).

Fahaman itu masih wujud hingga sekarang. Menurut sejarahnya, kaum Muktazilah ini membunuh ribuan ulama yang tidak sefahaman dengan mereka termasuk Syeikh Buwaithi pengganti Imam Syafie. Imam Syafie sendiri pernah diancam bunuh oleh penganut fahaman itu dan Imam Ahmad bin Hanbal, pengasas Mazhab Hanbali dipenjara selama 15 tahun akibat menentang fahaman Muktazilah.

Munculnya fahaman Ahli Sunah Wal Jamaah yang diketuai Imam Abu Hasan Bashri bertujuan bagi menyekat penyelewengan fahaman Muktazilah ini.

Sejarah Kemunculan Fahaman Muktazilah

Pada tahun 100 Hijrah muncul seorang guru agama di Baghdad bernama Syeikh Abu Hasan Bashri. Antara anak muridnya ada seorang yang bernama Wasil bin Athak.

Dalam satu kuliah agama, Wasil bertanya bagaimana keadaan seseorang yang mengaku Islam tetapi melakukan dosa-dosa besar? Syeikh Hasan Bashri menjawab, seseorang yang beriman kepada Allah dan rasulnya tetapi dia mengerjakan dosa-dosa besar, dia tetap seorang Islam tetapi digelar Muslim yang berdosa. Di akhirat kelak sekiranya dia tidak sempat bertaubat sebelum meninggal dunia, dia dimasukkan ke dalam neraka sebagai hukuman di atas dosa-dosa yang dilakukannya. Selesai menjalani hukuman baru dimasukkan ke dalam syurga. Tetapi sekiranya dia sempat bertaubat, sesungguhnya Allah itu maha pengampun.

Wasil bin Athak tidak sependapat dengan gurunya itu. Menurutnya, setiap manusia ditentukan tempatnya di syurga ataupun di neraka sejak azali lagi. Mereka tidak dapat menolak takdir yang ditentukan ke atasnya. Kerana berbeza pendapat dengan gurunya, Wasil dan mereka yang sependapat dengannya menyisihkan diri daripada ajaran guru mereka.

Fahaman Muktazilah

Fahaman ini lebih mengutamakan akal mereka daripada Quran dan hadis. Setiap sesuatu masalah dipertimbangkan dahulu dengan akal mereka mana yang tidak sesuai dengan akal mereka buang walaupun ada hadis ataupun

ayat Quran yang bertalian dengan masalah itu.

Bagi fahaman Muktazilah, akal fikiran itu lebih tinggi dari Quran dan hadis tetapi fahaman Ahli Sunah Wal Jamaah pula mengatakan Quran dan hadis itu lebih tinggi daripada akal fikiran.

Kerana itu fahaman Muktazilah menolak peristiwa Israk dan Mikraj kerana bertentangan dengan akal mereka. Mereka juga menolak adanya seksaan kubur kerana mustahil mayat yang terbaring dalam liang lahad yang sempit itu dapat dibangunkan semula.

Dengan erti kata lain, fahaman Muktazilah mentafsirkan ayat Quran dan hadis menggunakan akal fikiran sendiri tanpa merujuk pendapat ulama yang muktabar.

Fahaman Muktazilah Bertentangan dengan Fahaman Ahli Sunah Wal Jamaah

1. Buruk dan Baik Ditentukan oleh Akal

Bagi fahaman Muktazilah, buruk dan baik sesuatu perkara itu bergantung kepada akal. Perkara yang baik bagi akal, baiklah ia. Mana yang buruk bagi akal, buruklah ia.

Bagi Ahli Sunah Wal Jamaah pula, baik dan buruk sesuatu perkara itu ditentukan oleh hukum yang terdapat dalam Quran dan hadis. Apa yang baik dikatakan oleh syariat Islam (Quran dan hadis) maka baiklah. Apa yang dikatakan buruk maka buruklah.

Bagi Ahli Sunah Wal Jamaah, akal itu digunakan bagi meneliti, sebagai alat pelaksana, bukan bagi menentukan

sesuatu hukum. Yang berhak menentukannya adalah Quran dan hadis. Ini disebabkan akal manusia itu terbatas dan tidak tetap. Apa yang baik pada pandangan seseorang mungkin buruk pada pandangan orang lain.

1. Allah Tidak Mempunyai Sifat

Fahaman Muktazilah mengatakan Allah itu tidak mempunyai sifat. Tuhan mendengar dengan zatnya, melihat dengan zatnya, dan berkata dengan zatnya.

Tetapi Ahli Sunah Wal Jamaah mengatakan Allah itu mempunyai zat dan sifat. Ada sifat yang wajib, mustahil dan harus. Ini berdasarkan ayat Quran surah *al-Hasyar* ayat 22) yang bermaksud, "Dialah Tuhan tiada tuhan selain dia yang mengetahui yang tersembunyi dan yang terang dia yang pengasih dan penyayang."

1. Quran Makhluk

Kaum Muktazilah mengatakan Quran itu makhluk bukan sifat Allah yang qadim.

Kaum Ahli Sunah Wal Jamaah mengatakan Quran itu adalah qadim bukan makhluk. Wahyu Allah yang qadim itu diperdengarkan kepada malaikat Jibrail lalu dijadikan bersuara dan berhuruf. Malaikat Jibrail membacanya kepada Muhammad sebagai wahyu. Ini yang dipertahankan oleh Imam Syafie dan Imam Ahmad bin Hanbal serta ulama yang lain.

Imam Ahmad bin Hanbal diseksa separuh mati kerana tidak mahu mengatakan Quran itu makhluk. Imam Buwaityi

diseksa sampai mati kerana mempertahankan pendapatnya.

1. Pembuat Dosa Besar

Imam Hasan Basri berpendapat, seseorang yang melakukan dosa besar seperti membunuh manusia, menderhaka kepada ibu bapa, dan sebagainya tidak menjadi kafir dengan perbuatannya tetapi berdosa. Sekiranya dia tidak bertaubat, di akhirat kelak dimasukkan ke dalam neraka sebagai hukumannya. Kemudian dikeluarkan semula lalu dimasukkan ke dalam syurga.

Kaum Muktazilah pula berpendapat, seseorang Islam yang melakukan dosa besar dan mati atas dosanya dan tidak bertaubat, dia tidak lagi mukmin tetapi tidak pula kafir. Kedudukannya di antara mukmin dengan kafir. Ia dimasukkan ke dalam neraka tetapi hukumannya diringankan, nerakanya tidak sepanas orang kafir.

1. Israk dan Mikraj

Kaum Muktazilah tidak mengakui berlakunya Mikraj atau naik ke langit tetapi mengakui berlakunya Israk atau berjalan malam dari Mekah ke Masjidil Aqsa. Alasannya mikraj tidak masuk akal walaupun ada hadis sahih yang menceritakannya.

1. Neraka dan Syurga Tidak Kekal

Fahaman Muktazilah mengatakan syurga dan neraka tidak kekal kerana akhirnya akan dilenyapkan. Tetapi Ahli Sunah Wal Jamaah mengatakan syurga dan neraka itu kekal

selamanya.

Bab 1 Lahirnya Seorang Ulama

Tuntutlah ilmu sebanyak mungkin kerana ia dapat menjaga dan membuat kamu cemerlang di dunia dan akhirat.

Pada awal tahun 150 Hijrah bersamaan 767 Masihi, Idris meninggalkan kota Mekah berhijrah ke Palestin dengan membawa isterinya Ummu Habibah al-Uzdiyyah. Mereka tinggal di Ghazzah, sebuah perkampungan yang terletak kira-kira dua batu dari Baitulmuqaddis. Setiap hari, Idris berulang alik dari kediamannya ke pelabuhan Ghazzah bagi membantu majikannya berniaga. Petang itu, Ummu Habibah al-Uzdiyyah yang sedang sarat mengandung anak pertama menunggu kepulangan suaminya. Tidak lama kemudian Idris pulang dengan wajah ceria.

“Selamat pulang suamiku. Semoga Tuhan merahmati kehidupan kita,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah sambil menyambut kepulangan suaminya.

Kemudian katanya lagi, “Kakanda tentu kehausan. Minumlah air ini bagi menghilang dahaga.” Ummu Habibah

al-Uzdiyyah tersenyum sambil menghulurkan segelas air minuman kepada suaminya.

“Terima kasih. Cuaca hari ini sungguh panas,” kata Idris lalu meneguk air itu bagi menghilangkan dahaganya.

Kemudian dia termenung seolah-olah ada sesuatu yang tidak menyenangkan hatinya. Ummu Habibah al-Uzdiyyah berasa tidak senang hati. Dia mengambil sebatang rotan lalu dihulurkan kepada suaminya.

“Sekiranya ada perkara yang tidak menyenangkan hatimu ataupun menimbulkan kemarahanmu pada hari ini, pukullah saya dengan rotan ini.”

Idris terkesima lalu memandang isterinya dengan penuh kasih sayang. “Engkau isteri yang baik dan sedang mengandungkan zuriatku. Simpanlah rotan itu kerana kakanda tidak tergamak memukulmu. Tambah pula kamu tidak melakukan apa-apa kesalahan dan tidak menyakiti hatiku,” katanya.

“Sebentar tadi kakanda termenung seperti ada sesuatu yang tidak menyenangkan hati. Adinda khuatir sekiranya melukakan hati kakanda,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

“Kakanda sedang memikirkan nasib kita yang berada jauh dari kampung halaman. Tambahan pula tidak lama lagi kita akan dikurniakan cahaya mata. Penyambung zuriat kita. Kakanda terfikir, sekiranya sesuatu yang tidak baik terjadi kepada kakanda, bagaimana nanti nasib adinda dan anak kita?”

“Sesungguhnya tuhan itu maha pengasih kepada hambanya. Selagi kita hidup, maka selama itu kita dikurniakan rezeki. Kita perlu berusaha bagi mendapatkannya.”

“Benar katamu. Cuma sesekali fikiran kakanda bagaikan dihasut syaitan. Bimbang apabila memikirkan untung nasib kamu sekiranya kakanda sudah tiada. Tambahan pula kita miskin. Tidak ada harta yang kakanda tinggalkan selain beberapa helai pakaian yang sudah lusuh.”

“Apakah kakanda sudah lupa dengan janji kita sebelum meninggalkan kota Mekah?” tanya Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

“Masakan kakanda lupa yang kita sudah berjanji akan bersama menghadapi suka ataupun duka sepanjang berada di perantauan,” jawab Idris.

“Adinda tetap bahagia walaupun hidup kita tidak mewah seperti orang lain. Bukankah Nabi Muhammad mengatakan, kaya itu bukan terletak pada harta yang banyak, tetapi kaya itu letaknya di hati dan di jiwa kita,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

Dia berasa bertuah kerana mendapat isteri yang solehah. Ummu Habibah al-Uzdiyyah melakukan tanggungjawabnya sebagai isteri dengan baik dan tidak pernah bersungut walau kehidupan mereka tidak semewah orang lain.

“Hari ini genap sembilan bulan kandungan ini. Tidak lama lagi adinda akan melahirkan zuriat kakanda,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah dengan penuh harapan.

“Kakanda juga gembira. Semoga kita mendapat anak lelaki. Apabila besar kelak menjadi seorang yang berilmu pengetahuan,” kata Idris pula, juga dengan penuh pengharapan.

“Semoga anak kita kelak menjadi ulama yang terkenal seperti Imam Abu Hanifah dan Imam Malik.”

Idris juga mempunyai harapan yang sama seperti isterinya. Umat Islam ketika itu perlukan ulama yang berpengaruh bagi membimbing mereka. Di Baghdad, muncul Imam Abu Hanifah, manakala di Madinah pula ada Imam Malik bin Anas. Kedua-dua ulama terbilang itu mempunyai ramai pengikut. Tetapi masih ramai lagi umat Islam yang dahagakan ilmu pengetahuan serta bimbingan daripada ulama-ulama seperti mereka.

Dia teringat sebuah hadis Rasulullah yang bermaksud, “Pada setiap 100 tahun, Allah membangkitkan seorang mujaddid daripada keturunanku yang akan membaharui keadaan umatnya dalam hal agamanya.”

Umat Islam menunggu kelahiran mujaddid yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad itu. Idris juga berdoa semoga ada di kalangan anak-anaknya yang akan menjadi lelaki pilihan itu.

Idris teringat kota Mekah tempat kelahirannya. Di sana ramai ulama terbilang. Setiap hari banyak kelas agama diadakan di dalam Masjidil Haram. Tetapi kini dia dan isterinya berada di Palestin. Menetap di Ghazzah yang terletak lebih kurang dua batu dari Baitulmuqaddis. Dia membawa isterinya merantau ke Palestin bagi mencuba

nasib dengan memulakan kehidupan baru. Tetapi kehidupan di Palestin lebih sukar daripada kota Mekah kerana mereka jauh dari sanak saudara dan kaum keluarga.

Idris berasal daripada keluarga Bani Hasyim. Salasilah keturunannya sama dengan keluarga Nabi Muhammad. Ayahnya bernama al-Abbas bin Uthman bin Syafie bin Sa'ib bin Abd Yazid bin Hasyim bin Abdul Mutalib bin Abd Manap bin Qusai.

Mengikut sejarahnya, Abdul Manap dikurniakan empat orang anak iaitu Hasyim, moyang kepada Nabi Muhammad, Abdu Syam, Nawfal dan Abdul Mutalib. Hasyim dan Abdul Mutalib adalah dua saudara yang akrab. Seterusnya terbentuklah dua keluarga keturunan Bani Hasyim dan Bani Abdul Mutalib. Apabila Muhammad menjadi Rasul, mereka turut membantu dalam melaksanakan dakwah Rasulullah. Mereka sanggup menderita kerana melindungi Nabi Muhammad daripada ancaman orang Quraisy. Nabi Muhammad begitu menyayangi mereka dengan berkata, "Kami Bani Hasyim dan Bani Mutallib adalah satu."

Tetapi Bani Syam dan Bani Nawfal amat keras memusuhi Nabi Muhammad hingga kedua-dua keluarga itu tidak mendapat apa-apa keistimewaan daripada beliau.

"Apabila anak kita lahir nanti, kita pulang semula ke kota Mekah. Di sana, kehidupan kita lebih selamat walaupun dalam kesusahan. Di sini, kita jauh dari saudara-mara dan kaum keluarga. Sekiranya sesuatu terjadi, tidak ada

sesiapa yang pedulikan kita," kata Idris pula.

Kemudian katanya lagi, "Sejak orang Bani Umaiyah memerintah, keluarga Bani Hasyim dan Bani Abdul Mutalib tidak dipedulikan lagi. Apabila orang Bani Abbas pula memerintah, mereka memusuhi keluarga Bani Umaiyah. Kakanda tidak mahu terlibat dengan pertelingkahan ini. Kerana itu lebih selamat apabila kita pulang ke kota Mekah."

"Bagaimana sekiranya kita pindah ke kota Baghdad? Bukankah khalifah Abu Jaafar al-Mansur itu daripada keluarga Bani Hasyim? Mungkin beliau dapat membantu kita," cadang Ummu Habibah al-Uzdiyyah pula.

"Memang benar pemerintahan kerajaan Abbasiyah berpusat di kota Baghdad. Tetapi Khalifah Abu Jaafar al-Mansur bukan seperti Khalifah Umar Abdul Aziz. Oleh itu lebih baik kita pulang ke kota Mekah sahaja," kata Idris pula.

Kemudian katanya lagi, "Walau di mana pun kita berada, janganlah bergantung pada raja. Apa yang kita mahukan daripada seorang raja? Apabila raja murka dia pasti menghukum kita. Apabila dia jemu, kita pasti dibuang begitu sahaja. Oleh itu, berlindunglah hanya kepada Allah dan jauhi istana raja-raja. Sesungguhnya berdiri di pintu istana raja adalah satu penghinaan, tetapi berserah dan bertawakal kepada Allah adalah satu kemuliaan."

Kemudian Idris bercerita mengenai sejarah Bani Umaiyah dan Bani Abbasiyah. Ketika masyarakat Arab jahiliah lagi sudah wujud permusuhan antara Bani Umaiyah dengan

Bani Hasyim atau Bani Abbasiyah. Tetapi selepas Nabi Muhammad menjadi Rasul, beliau dapat mendamaikan mereka hingga bersatu dalam agama Islam. Namun, selepas Nabi Muhammad wafat dan selepas Khalifah ar-Rasyidin juga meninggal dunia, permusuhan itu tercetus semula.

Keadaan menjadi semakin kacau apabila Muawiyah bin Abu Sufian menjadi khalifah. Sikap beliau yang memusuhi keluarga Bani Hasyim itu menyemarakkan lagi persengketaan antara kedua-dua keluarga. Apabila Bani Abbasiyah dapat merebut kuasa daripada Bani Umaiyah, maka berlaku pula balas dendam. Ramai orang Bani Umaiyah yang dibunuh dengan kejam.

"Umat Islam sudah banyak menderita akibat perpecahan dan berbunuhan sesama sendiri. Kerana itu kakanda tidak mahu terlibat dalam perkara itu. Kakanda tidak akan menyokong mana-mana pihak yang bermusuhan sesama Islam," kata Idris.

Hari semakin larut malam. Ummu Habibah al-Uzdiyyah mengemaskan tempat tidur kerana suaminya sudah mengantuk. Kemudian dia berkata, "Tidurlah, kakanda tentu keletihan. Sekiranya kakanda izinkan, adinda hendak membaca Quran dahulu sebelum tidur."

Selepas mendapat keizinan daripada suaminya, maka Ummu Habibah al-Uzdiyyah membaca surah *Yusuf* dan surah *Luqman*. Selesai membaca kedua-dua surah itu baharu dia tidur. Itulah yang diamalkannya sejak mula mengandung. Dia berharap semoga anak yang

dikandungnya memiliki paras rupa yang cantik dan cerdik.

Malam itu, Ummu Habibah al-Uzdiyyah bermimpi melihat sebutir bintang keluar dari perutnya lalu naik ke langit. Kemudian bintang itu pecah lalu bertaburan jatuh ke bumi. Cahaya daripada bintang itu menjadikan muka bumi ini terang benderang. Tiba-tiba dia terjaga daripada tidurnya lalu memikirkan makna mimpinya itu. Keesokan harinya, Ummu Habibah al-Uzdiyyah menceritakan mimpi itu kepada suaminya.

“Masya-Allah, kakanda juga bermimpi perkara yang sama,” kata suaminya.

Menurut Idris, dia bermimpi melihat sebutir bintang yang putih berkilauan keluar dari perut isterinya lalu naik ke angkasa. Kemudian bintang itu jatuh lalu cahayanya menerangi muka bumi ini.

“Ada mimpi yang cuma mainan tidur. Tetapi ada pula mimpi yang membawa alamat tertentu. Kakanda yakin mimpi kita ini membawa alamat yang baik. Tambahan pula kita bermimpi perkara yang sama. Tetapi kakanda tidak pandai mentafsir mimpi,” kata Idris dengan wajah gembira kerana yakin mimpi itu membawa alamat yang baik.

“Kakanda yakin mimpi kita itu membawa petanda yang baik?” tanya Ummu Habibah al-Uzdiyyah mahukan kepastian daripada suaminya.

“Walaupun kakanda tidak pandai mentafsir mimpi, tetapi kakanda yakin mimpi kita itu membawa alamat yang baik,” jawab Idris.

Kemudian katanya lagi, "Bukankah semasa Aminah mengandungkan Nabi Muhammad, dia juga pernah bermimpi melihat bulan keluar dari perutnya? Kemudian bulan itu tawaf mengelilingi Kaabah. Bezanya, Aminah bermimpi bulan yang keluar dari perutnya. Adinda pula bermimpi bintang yang keluar."

"Benar, adinda yakin mimpi kita itu bukan mainan syaitan. Tetapi perlukah kita rahsiakan mimpi itu ataupun kita boleh hebahkan kepada orang lain?"

"Sebaik-baiknya kita rahsiakan dahulu hingga kita berjumpa dengan Syeikh Fatani. Dia pandai mentafsirkan mimpi," kata Idris.

Kemudian Idris mengajak isterinya berjumpa dengan orang alim yang pandai dalam ilmu mentafsir mimpi.

Selepas mendengar penerangan daripada Idris, orang tua itu pun berkata, "Anak yang lahir daripada kandungan isteri kamu nanti akan menjadi seorang yang berilmu dan ilmunya memenuhi muka bumi ini. Oleh itu, jaga dan didiklah anak itu dengan baik. Ajar dia ilmu agama supaya apabila dewasa kelak menjadi insan yang berilmu."

Idris dan Ummu Habibah al-Uzdiyyah senang hati mendengar tafsiran mimpi daripada orang alim itu. Mereka berharap anak itu menjadi orang yang berilmu pengetahuan, berguna kepada agama, bangsa dan tanah air.

Pada suatu malam, Ummu Habibah al-Uzdiyyah merasakan kandungannya sudah semakin sakit. Idris

segera menjemput bidan datang ke rumahnya. Tetapi ketika Mak Bidan sampai, Ummu Habibah al-Uzdiyyah sudah selamat melahirkan anaknya.

“Kamu melahirkannya tanpa bantuan daripada sesiapa?” tanya Mak Bidan hairan.

“Tuhan memudahkan saya bersalin. Saya tidak berasa kesakitan yang sangat,” jawab Ummu Habibah al-Uzdiyyah sambil melahirkan rasa kesyukuran.

Idris juga kelihatan gembira. Dia mengendong bayi yang baharu dilahirkan itu lalu mengalunkan azan. Kemudian dia berdoa semoga anak itu akan menjadi anak yang soleh.

“Aku namakan anakku ini Muhammad. Semoga dia mendapat syafaat daripada Nabi Muhammad di akhirat kelak,” katanya.

Bab 2 Imam Abu Hanifah

Perbanyakan menyebut Allah daripada menyebut makhluk.
Perbanyakan menyebut akhirat daripada menyebut dunia.

28 Rejab 150 Hijrah

Di kota Baghdad ada seorang ulama yang masyhur, namanya Al-Nukman bin Thabit atau lebih dikenali dengan nama Imam Abu Hanifah. Beliau disayangi serta dihormati orang ramai tetapi dimusuhi oleh khalifah kerana ketegasannya. Beliau dikurniakan umur yang panjang hingga dapat hidup pada zaman khalifah Abdul Malik bin Marwan (Bani Umaiyah) hingga ke zaman pemerintahan Khalifah Abu Jaafar al-Mansur (Bani Abbasiyah.)

Semasa khalifah Bani Umaiyah berkuasa, Imam Abu Hanifah dipenjara serta diseksa kerana enggan memegang jawatan Kadi yang ditawarkan oleh khalifah. Beliau sanggup diseksa daripada bekerjasama dengan khalifah yang dianggapnya zalim.

Apabila Bani Abbasiyah berjaya merebut kuasa daripada

Bani Umaiyah, Imam Abu Hanifah ditawarkan semula jawatan sebagai hakim tetapi tetap ditolaknya hingga khalifah menjadi murka. Dia ditangkap lalu dipenjara serta diseksa dengan sebatan rotan. Namun, dia tidak berganjak daripada pendiriannya.

“Tuanku, sekiranya saya dibunuh, ulama lain akan meneruskan perjuanganku ini,” kata Imam Abu Hanifah sambil menahan kesakitan akibat disebat oleh Khalifah al-Mansur.

“Beta boleh membebaskan kamu dengan syarat kamu menerima tawaran beta. Sekiranya kamu masih menolak, kamu akan terus dikurung di dalam penjara. Setiap hari kamu akan didera. Pilihlah antara dua, kebebasan ataupun kesengsaraan,” gertak Khalifah al-Mansur.

“Saya sanggup menderita di dunia tetapi tidak sanggup sengsara di akhirat,” tegas Imam Abu Hanifah.

Baginda tersinggung apabila Imam Hanifah menolak mentah-mentah pelantikannya menjadi hakim. Khalifah al-Mansur perlukan khidmat ulama terbilang itu bagi memudahkan tugasnya mentadbir negara. Tambahan pula Imam Hanifah berpengaruh serta dikenali ramai.

“Tuanku, suatu ketika dahulu gabenor Baghdad melantik saya menjadi penjaga perbendaharaan negara. Tetapi saya menolaknya. Kemudian khalifah sebelum tuanku menyuruh saya menjadi hakim tetapi saya juga menolaknya. Kerana itu tidak ada sebab untuk saya mengubah pendirian menerima pelantikan tuanku,” tegas Imam Hanifah.

Khalifah al-Mansur marah lalu berkata, “Beta bersumpah tidak akan memberikan jawatan ini kepada orang lain selain kamu!”

“Amirul Mukminin sudah bersumpah. Adakah kamu masih sanggup menolak pelantikan itu?” tanya gabenor Baghdad pula.

“Aku tidak akan menerima jawatan itu sekalipun aku dibunuh!” jawab Imam Abu Hanifah.

Khalifah al-Mansur bertempik marah lalu memerintahkan pengawalnya mengurung semula Imam Abu Hanifah ke dalam penjara. Kemudian baginda mencari ikhtiar bagi memujuk Imam Abu Hanifah menerima pelantikan itu.

“Perintahkan ibu Imam Abu Hanifah datang menghadap beta sekarang juga,” perintah Khalifah al-Mansur.

Perintah itu segera dijalankan. Tidak lama kemudian, ibu Imam Abu Hanifah datang ke istana menghadap khalifah. Baginda mengarahkannya memujuk Imam Abu Hanifah supaya bersetuju menerima tawaran jawatan hakim ataupun kadi. Ibu Imam Abu Hanifah bersetuju memujuk anaknya.

“Anak bonda yang dikasihi. Suatu ketika dahulu bonda berbangga dan gembira kerana kamu menjadi orang yang banyak ilmu dan disanjung tinggi. Tetapi sekarang bonda berdukacita melihat keadaanmu. Kerana itu lebih elok kamu buang sahaja dan lemparkan jauh-jauh ilmu-ilmu yang kamu dapati kerana tidak ada manfaatnya. Apa yang kamu dapati sekarang adalah dikurung di dalam penjara,

dipukul dengan cemeti setiap hari dan rantai yang membelit tubuhmu," kata ibunya sambil menangis.

Imam Abu Hanifah menjawab pujukan ibu yang dikasihinya itu dengan lembut, "Wahai ibuku, anakanda bersyukur dengan apa yang tuhan kurniakan kepadaku. Sekiranya anakanda hendakkan kemewahan dunia, tentu anakanda akan mendapatnya. Anakanda tidak akan dipukul dan di penjara. Tetapi anakanda mengutamakan keredaan Allah serta memelihara ilmu pengetahuan yang anakanda dapati. Anakanda tidak akan membuang ilmu pengetahuan yang selama ini anakanda pelihara sekiranya menuju kepada kemurkaan Allah."

"Anakku, cuba beritahu bonda kenapa anakanda menolak jawatan itu? Bukankah itu perintah khalifah?" tanya ibu Imam Hanafi yang masih belum berpuas hati dengan jawapan anaknya.

"Wahai bondaku, khalifah sekarang bukan seperti Khalifah Abu Bakar as-Siddiq, Umar al-Khattab, Uthman bin Affan, dan Ali bin Abi Talib. Sekiranya mereka mencontohi Khalifah Umar bin Abdul Aziz pun sudah cukup membuat anakanda mahu berkhidmat dengannya. Tetapi khalifah sekarang berlaku zalim. Lihatlah apa yang baginda lakukan kepada anakanda. Kerana itu sekiranya khalifah menyuruh anakanda menegakkan pintu masjid sekalipun anakanda akan menolaknya. Inikan pula disuruh menandatangani surat memenggal leher orang Islam. Demi Allah, anakanda tidak akan bersubahat dengannya," jawab Imam Hanifah.

"Anakku, seluruh badan kamu bengkak dan berdarah

akibat disebat dengan cemeti. Bonda yang melihat keadaan kamu pun sudah merasa sakit. Apatah lagi dirimu," pujuk ibunya lagi.

"Wahai ibuku, rotan yang anakanda terima di dunia ini lebih baik berbanding cemeti Allah di akhirat kelak. Anakanda lebih takut hukuman Allah berbanding hukuman khalifah," kata Imam Abu Hanifah. Si ibu berasa kecewa kerana tidak dapat memujuk anaknya.

Kemarahan khalifah al-Mansur kepada Imam Abu Hanifah tidak dapat ditahan lagi apabila semua usaha yang dilakukannya tidak berjaya. Akhirnya baginda mengambil keputusan membunuhnya. Baginda menyuruh pembantunya membubuh racun ke dalam air minuman. Kemudian Imam Abu Hanifah disuruh datang menghadap dalam keadaan kaki dan tangannya diikat dengan rantai.

"Buka rantai yang mengikat kaki dan tangannya," perintah khalifah, berpura-pura bersikap baik.

Pengawal segera membuka rantai yang mengikat Imam Abu Hanifah. Kemudian dia disuruh berdiri, tetapi keadaannya sudah terlalu lemah kerana tidak diberi makanan dan minuman, juga disebat dengan rotan setiap hari.

"Beta sudah membebaskan kamu dari rantai itu. Sekarang mahukah kamu ikut perintah beta?" tanya Khalifah al-Mansur.

"Perintah apa?" tanya Imam Abu Hanifah.

“Minum air itu,” jawab Khalifah sambil menyuruh pembantunya memberikan minuman yang sudah dibubuh racun itu.

Imam Abu Hanifah ketika itu berada dalam keadaan lapar dan dahaga. Beliau terpaksa juga meminum air yang diberikan itu. Selepas habis diminum, khalifah menyuruh pengawalnya menghantar semula Imam Abu Hanifah ke dalam penjara. Tidak lama kemudian, racun yang diminumnya itu memasuki urat sarafnya. Seluruh tubuhnya berasa panas namun tidak siapa yang menolongnya. Akhirnya Imam Abu Hanifah meninggal dunia. Pada malam itu juga Imam Syafie dilahirkan.

Berita Imam Abu Hanifah meninggal dunia di dalam penjara mengejutkan orang ramai. Penduduk kota Baghdad keluar beramai-ramai menuju ke istana menuntut supaya jenazah Imam Abu Hanifah diserahkan kepada keluarganya dengan segera. Bimbang keadaan tidak terkawal, maka khalifah segera memerintahkan jenazah ulama terbilang itu diserahkan kepada keluarganya bagi dimandi, dikafan dan disembahyangkan. Kemudian orang ramai mengiringi jenazah Imam Abu Hanifah ke tanah perkuburan. Jumlah mereka lebih 50,000 orang.

Khalifah al-Mansur cuba merahsiakan sebab-sebab kematian Imam Abu Hanifah. Namun, akhirnya rahsia itu bocor juga apabila salah seorang pelayan istana berpaling tadah kerana tidak sanggup bersubahat dengan kezaliman khalifah. Dia menghebahkan kepada orang ramai yang Imam Abu Hanifah diracun oleh khalifah. Ini menimbulkan kemarahan orang ramai. Mereka semakin membenci serta

menjauhkan diri daripada khalifah. Akibatnya pemerintahan baginda semakin lemah.

Tidak lama kemudian terjadi pula perbalahan hebat antara golongan ahli Naqli iaitu mereka yang berpegang kuat kepada Quran dan hadis, dengan golongan Ahli Rakyi yang hanya menggunakan akal fikiran mereka bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Kerana hebatnya perbalahan itu, hampir terjadi pertumpahan darah sesama mereka. Khalifah berasa susah hati. Ketika itu baru baginda menyesal kerana membunuh Imam Abu Hanifah. Tambahan pula orang ramai sudah tidak lagi menghormati baginda.

Berita mengenai Imam Abu Hanifah meninggal dunia sampai ke Palestin. Ramai yang berasa sedih serta meratapi pemergiannya. Tambahan pula apabila mendapat tahu sebab kematiannya kerana diberi minuman bercampur racun oleh khalifah. Ada antara anak murid Imam Abu Hanifah mahu menuntut bela atas kematian guru mereka, tetapi dapat disabarkan oleh Imam Maliki yang berada di Madinah.

Khalifah al-Mansur menjemput Imam Maliki datang ke Baghdad tetapi ditolaknya pelawaan itu dengan alasan penduduk Madinah memerlukan khidmat beliau.

Di Ghazzah Palestin pula, jiran-jiran berkumpul di rumah Idris. Mereka mengucapkan tahniah kepada pasangan itu kerana dikurniakan seorang bayi lelaki yang sihat dan comel. Sebagai tanda kesyukuran, Idris menyembelih dua ekor kambing jantan lalu dimasak untuk dijamu kepada

tetamu yang datang.

“Imam Abu Hanifah meninggal dunia pada malam anak kita dilahirkan. Mari kita berdoa semoga anak kita ini menjadi ulama terbilang seperti Imam Abu Hanifah,” kata Idris.

“Adinda yakin apabila besar kelak anak kita ini akan menjadi orang yang berilmu dan ilmunya tersebar ke seluruh muka bumi ini,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

Bab 3 Kembali ke Mekah

Pilihlah makanan yang halal kerana ia menjamin kesihatan dan menyebabkan syaitan gerun.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah dan suaminya berasa gembira dengan kelahiran anak mereka yang sihat dan comel. Sejak dilahirkan, anak itu tidak banyak menimbulkan masalah. Kelahirannya bagaikan membawa tuah. Beberapa perkara ganjil berlaku antaranya pada siang hari bulan Ramadan anak kecil itu tidak mahu menyusu. Dia hanya mahu menyusu pada malam hari selepas waktu berbuka. Dia seolah-olah turut berpuasa ataupun menghormati ibu dan ayahnya yang sedang menjalani ibadat berpuasa. Satu lagi keganjilan anak itu, apabila si ibu membaca Quran, dia akan berdiam diri seolah-olah sedang mendengar ayat-ayat suci itu dibacakan. Apabila berumur setahun dia sudah boleh berjalan. Apabila berumur dua tahun, dia sudah petah berkata-kata. Kemudian Ummu Habibah al-Uzdiyyah mengajarnya membaca Quran. Dia tahu anak yang dididik oleh ayah dan ibunya dengan penuh kasih sayang itu

mendapat keberkatan dalam hidupnya.

“Apabila besar kelak kakanda mahu anak kita ini menjadi seorang pahlawan,” kata Idris sambil meluahkan harapannya. Dia mahu anak itu menjadi seorang pahlawan seperti Khalid al-Walid.

Tetapi Ummu Habibah al-Uzdiyyah berasa kurang senang mendengar kata-kata suaminya. “Kenapa kakanda mahu anak kita menjadi seorang pahlawan?” Dia bertanya dengan nada suara yang lunak.

“Adinda tidak suka?” tanya Idris pula.

“Islam sudah tersebar ke seluruh pelosok dunia. Umat Islam sekarang lebih memerlukan ramai ulama bagi membimbing mereka dalam agama. Kerana itu adinda lebih suka anak kita menjadi seorang ulama,” jawab Ummu Habibah al-Uzdiyyah. Dia melunakkan suaranya supaya tidak menyinggung hati suaminya.

Idris terdiam seolah-olah sedang memikirkan kata-kata isterinya. Melihat keadaan itu maka Ummu Habibah al-Uzdiyyah melanjutkan kata-katanya, “Sekiranya anak kita seorang pahlawan, kelak dia dipergunakan oleh pemerintah bagi mengukuhkan kezaliman mereka. Tetapi sekiranya dia seorang ulama, dia akan menegur pemerintah yang zalim.”

“Benar katamu. Didiklah anak kita dengan sempurna. Sesungguhnya tangan ibu yang mengayun buaian itu boleh menggoncang dunia.” Akhirnya Idris bersetuju dengan pendapat isterinya.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah memberi perhatian serta didikan kepada anaknya. Anak itu membesar dengan penuh kasih sayang daripada kedua-dua orang tuanya. Idris pula semakin tekun mencari rezeki untuk keluarganya.

“Tidak lama lagi kita akan menyambut kedatangan bulan Ramadan. Kakanda perlu bekerja lebih kuat. Sekiranya diizinkan Tuhan, kita akan pulang ke kota Mekah dan menyambut hari raya di sana,” kata Idris pada satu malam sebelum mereka melelapkan mata.

“Alangkah gembiranya adinda mendengarnya. Sejak kita berada di bumi Palestin ini, adinda sentiasa terkenangkan kota Mekah. Kerinduan pada Masjidil Haram seolah-olah tidak tertahan lagi,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah pula.

“Kakanda perlu bekerja keras mengumpul wang bagi menampung perbelanjaan kita untuk pulang. Tambahan pula kita sudah mempunyai anak,” kata Idris pula.

“Kesihatan diri kakanda perlu dijaga juga. Tidak perlu bekerja dengan teruk. Sekiranya kakanda sakit, kita juga yang susah.” Ummu Habibah al-Uzdiyyah melahirkan kebimbangan dalam hati.

“Janganlah bimbang. Tahulah kakanda menjaga diri,” kata Idris bagi meyakinkan isterinya.

Cuaca petang itu semakin redup. Sebentar lagi senja akan menjelang tiba. Ummu Habibah al-Uzdiyyah resah menunggu kepulangan suaminya. Biasanya dia pulang ke rumah sebelum masuk waktu asar. Tetapi sekarang sudah hampir waktu maghrib masih belum pulang. Dia berdoa

semoga suaminya sentiasa dalam perlindungan Tuhan. Tidak lama kemudian kedengaran suara azan maghrib. Sebagai wanita yang solehah, dia segera menunaikan tanggungjawabnya kepada yang esa. Kemudian dia berdoa lagi untuk keselamatan suaminya yang tercinta. Tiba-tiba kedengaran pintu rumah diketuk dari luar. Ummu Habibah al-Uzdiyyah segera menerpa ke arah pintu.

"Selamat pulang," ucapnya lunak sambil menyambut kepulangan suaminya.

"Maaf kerana lambat pulang hari ini," kata Idris. Wajahnya kelihatan sugul.

"Kakanda tentu keletihan. Minumlah air ini semoga kakanda berasa segar semula," kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah sambil menghulurkan bekas berisi air kepada suaminya. Idris meneguk minuman itu. Tetapi dia kelihatan tidak berselera.

"Kakanda sakit?" tanya Ummu Habibah al-Uzdiyyah sambil meletakkan tapak tangan kanan ke dahi suaminya.

"Kakanda rasa amat letih. Kepala kakanda sakit dan susah hendak bernafas. Tetapi janganlah bimbang. Mungkin selepas mandi dan sembahyang nanti kakanda akan pulih semula," jawab Idris, cuba meredakan kerunsingan isterinya.

"Berehatlah dahulu. Selepas itu baru mandi dan bersihkan diri," kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah pula.

Idris akur dengan isterinya. Tidak lama kemudian dia mandi

dan membersihkan diri. Selepas sembahyang maghrib dia berehat. Ketika itu Ummu Habibah al-Uzdiyyah sedang sibuk di dapur menyediakan makanan. Kemudian dia membawa makanan lalu dihidangkan kepada suaminya. Tetapi Idris seolah-olah tidak berselera hendak menjamah makanan.

“Kakanda kurang sihat kerana itu tidak berselera makan,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

“Kakanda sakit. Mungkin kesakitan ini yang akan mengakhiri kehidupan kakanda,” kata Idris pula.

“Bersabarlah. Tuhan yang maha berkuasa. Dia yang menghidupkan dan mematikan kita. Kita berserah kepadanya,” kata Ummu Habibah berusaha menenangkan suaminya.

Beberapa hari berlalu. Penyakit Idris semakin teruk. Beberapa orang tabib dipanggil datang bagi mengubatinya. Tetapi penyakitnya tidak juga mahu sembuh malah bertambah teruk. Apabila merasa ajalnya sudah hampir, Idris pun berpesan kepada isterinya, “Sekiranya kakanda meninggal dunia, pulanglah semula ke kota Mekah. Di sana ada rumah kita dan ramai saudara-mara kita. Peliharalah anak kita dengan baik. Beri didikan agama yang sempurna. Semoga apabila dewasa kelak dia menjadi ulama,” kata Idris penuh harapan.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah akur dengan permintaan suaminya. Dia berjanji akan memelihara anak mereka dengan baik serta mendidiknya dengan ilmu agama. Tidak lama kemudian Idris menghembuskan nafasnya yang

terakhir selepas mengucap dua kalimah syahadah.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah tabah menerima ketentuan Ilahi itu. Dia tidak menyangka suaminya meninggal dunia di rantau orang. Jauh dari kota Mekah tempat kelahiran mereka. Tetapi dia tetap reda dengan ketentuan Ilahi. Selepas suaminya selamat disemadikan, Ummu Habibah al-Uzdiyyah pulang ke kota Mekah. Kepulangannya disambut baik oleh kaum keluarga suaminya. Mereka turut bersedih dengan kehilangan Idris namun gembira kerana Ummu Habibah al-Uzdiyyah dan anak kecilnya yang berusia dua tahun selamat pulang ke pangkuan mereka.

“Menetaplah di sini dan jangan pergi ke mana-mana lagi. Peliharalah anakmu itu hingga menjadi dewasa,” kata al-Munir, saudara kandung Idris.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah dan anaknya tinggal di sebuah perkampungan bernama Sya’ab al-Khaif yang terletak di bahagian utara kota Mekah. Di situ dia tinggal bersama anaknya. Pada suatu hari, mereka dikunjungi seorang saudara yang paling tua daripada keluarga Idris di kota Mekah. Dia merenung lama ke wajah Muhamad.

“Anak kamu ini wajahnya seiris dengan moyang kita yang bernama Syafie. Moyang kita itu wajahnya seiris dengan wajah Nabi Muhammad. Kamu perlu berbangga kerana wajah anak kamu ini mirip wajahnya,” kata orang tua itu.

Lalu Ummu Habibah al-Uzdiyyah menceritakan mengenai mimpinya semasa mengandungkan Muhammad. Orang tua itu kelihatan gembira lalu mencadangkan supaya nama anak itu ditukar menjadi Syafie.

“Semoga apabila besar kelak anak kamu ini menjadi ulama terbilang. Berilah didikan ilmu agama kepadanya,” pesan orang tua itu.

“Sebagai ibu kepada anak ini, saya sentiasa mendoakan kebaikan untuknya,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah pula.

Sejak hari itu, Muhammad dipanggil dengan nama Syafie sempena nama moyang mereka. Dia dididik oleh ibunya dengan penuh kasih sayang. Ummu Habibah al-Uzdiyyah juga menutup pintu hatinya untuk menerima kehadiran lelaki lain. Dia masih mencintai suaminya walaupun sudah meninggal dunia.

Kerana miskin, Ummu Habibah al-Uzdiyyah tidak mampu menghantar anaknya belajar. Justeru dia sendiri yang mendidik anaknya dengan ilmu agama. Mula-mula dia mengajar mengenal huruf Quran. Ternyata anak itu seorang yang cergas dan cerdas. Dengan mudah Syafie dapat membaca wahyu Ilahi itu.

“Saya mahu pergi belajar seperti kawan-kawan yang lain,” kata Syafie pada suatu hari kepada ibunya.

“Ibu miskin dan tidak mampu menghantar kamu pergi belajar,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

Kemudian katanya lagi, “Di Masjidil Haram sering diadakan majlis ilmu. Ibu akan bawa kamu ke sana untuk belajar ilmu agama secara percuma. Semoga kamu beroleh keberkatan.”

Syafie bersetuju dengan cadangan ibunya itu. Setiap

malam dia ke Masjidil Haram menghadiri majlis ilmu. Ketika itu di kota Mekah ramai ulama dan setiap hari banyak majlis ilmu yang diadakan secara percuma. Setiap hari Syafie berulang alik antara rumahnya ke Masjidil Haram bagi menuntut ilmu. Antara majlis ilmu yang paling disukainya adalah pengajian Quran.

“Saya mahu menghafal ayat-ayat Quran. Doakan semoga saya berjaya,” kata Syafie kepada ibunya.

“Berusahalah anakku. Kamu pasti akan berjaya,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah pula.

Setiap kali selepas sembahyang, Ummu Habibah al-Uzdiyyah berdoa semoga anaknya dikurniakan kecerdasan akal supaya mudah menghafal ayat-ayat suci Quran. Doa si ibu dimakbulkan Tuhan. Pada suatu malam, Imam Syafie bermimpi bertemu dengan Nabi Muhammad. Dalam mimpi itu Rasulullah bertanya siapa Imam Syafie. Dia pun menjawab dengan mengatakan nama sebenarnya Muhammad bin Idris dan daripada keturunan Bani Hasyim.

Rasulullah menyuruh Imam Syafie dekat kepadanya lalu beliau mengusap muka, mulut dan bibir Imam Syafie. Kemudian Rasulullah berpesan, “Pergilah engkau semoga Tuhan memberkati hidupmu.”

Sejak itu Imam Syafie merasakan daya ingatan dan hafalannya sangat kuat, hingga sekiranya ada kertas catatan setinggi gunung pun, dapat dihafalnya. Dia menggunakan kelebihan itu bagi menghafal ayat-ayat suci Quran. Dalam masa yang singkat, dia berjaya menghafalnya. Ketika itu umurnya baharu sembilan tahun.

“Wahai Ummu Habibah al-Uzdiyyah, apa rahsia kamu mendidik anakmu hingga begitu luar biasa ingatannya?” tanya jiran tetangga yang berasa kagum dengan kebolehan Imam Syafie.

“Saya sentiasa mendoakan kebaikan untuknya. Makan dan minumnya saya pastikan daripada sumber yang halal. Saya tidak pernah memarahinya apatah lagi mengucapkan kata-kata yang tidak baik padanya. Kerana kata-kata ibu itu adalah doa. Sekiranya dia melakukan kesalahan, saya didik dia dengan nasihat dan tunjuk ajar. Begitu caranya saya mendidik anak saya,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

Bab 4 Menuntut Ilmu Quran

Sabar menghadapi musibah adalah sebesar-besar erti sabar di mana sabar itu sendiri memerlukan kesabaran pula. Bala dan musibah menunjukkan adanya perhatian dan kasih sayang Allah. Oleh itu, bersyukurlah kerana syukur yang sedemikian setinggi-tinggi erti syukur.

Suasana di Masjidil Haram hening seketika apabila para jemaah sedang khusyuk membaca tahiyat akhir dalam sembahyang subuh. Selesai memberi salam, suasana kembali sibuk. Ada yang berjalan keluar dari masjid dan ada pula yang terus beribadat dengan membaca Quran, berzikir, bertawaf dan sebagainya.

Di satu sudut tidak jauh dari Kaabah, Imam Syafie sedang membaca ayat-ayat Quran yang sudah dihafalnya. Tiba-tiba dia didatangi seorang lelaki tua yang tidak dikenalinya. Lelaki itu terus duduk di sebelahnya.

“Teruskan bacaan kamu wahai anak yang soleh,” kata lelaki tua itu apabila Imam Syafie menghentikan bacaan sebagai tanda menghormati kedatangan tetamu yang tidak

dikenalinya itu.

“Tuan mahu saya baca surah apa?” tanya Imam Syafie pula.

“Surah *Luqman*,” jawab orang tua itu sambil tersenyum. Raut wajahnya alim. Dia memakai jubah dan serban berwarna putih. Wajah tuanya dihiasi janggut yang memutih bagaikan kapas.

“Tuan dari mana? Apakah kita pernah bertemu sebelum ini?” tanya Imam Syafie.

“Saya datang dari Madinah. Ketika melalui tempat ini saya terdengar kamu membaca ayat-ayat suci Quran. Suara kamu sungguh merdu. Teruskan bacaan kamu,” jawab lelaki tua itu.

Kemudian katanya lagi, “Saya sudah tua, mata pula sudah kabur, kerana itu tidak dapat lagi membaca Quran. Saya cuma dapat mendengarnya sahaja. Tetapi saya yakin tetap mendapat pahala dan rahmatnya.”

Imam Syafie pun membaca dengan lancar surah *Luqman* yang sudah dihafalnya. Lelaki tua itu mendengar dengan penuh khusyuk hingga meleleh air matanya. Dia terus mendengar bacaan ayat suci Quran itu hingga selesai.

“Kenapa tuan menangis?” tanya Imam Syafie.

“Suara kamu amat merdu apabila membaca ayat-ayat suci Quran. Menusuk ke dalam hati. Saya berasa sebak…,” jawab orang tua itu sambil menyapu air mata yang mengalir di pipi.

“Terima kasih atas puji-pujian tuan,” balas Imam Syafie.

Pujian seperti itu bukan pertama kali dia mendapatnya. Ramai yang memuji suaranya lunak merdu apabila mengalunkan bacaan ayat-ayat suci Quran. Tambahan pula umurnya masih muda. Ramai yang berasa kagum dengan kebolehannya. Masing-masing berharap anak-anak mereka juga dikurniakan keistimewaan seperti Imam Syafie.

“Boleh saya tahu, siapa yang mengajar kamu mengaji?” tanya lelaki tua itu sambil menatap wajah Imam Syafie.

“Ibu saya,” jawabnya.

“Siapa ibu kamu?”

“Ummu Habibah al-Uzdiyyah.”

“Ayah kamu?”

“Idris bin al-Abbas bin Uthman bin Syafie bin Sa’ib bin Abd Yazid bin Hasyim bin Abdul Mutalib bin Abd Manaf bin Qusai al-Quraisy.”

“Sesungguhnya kamu daripada keturunan yang baik kerana nasab kamu bertemu dengan Nabi Muhammad,” kata orang tua itu lalu memeluk Imam Syafie.

“Alhamdulillah...,” kata Imam Syafie pula.

“Kamu anak yang baik. Ayah dan ibu kamu sangat bertuah kerana mempunyai anak seperti kamu. Boleh saya bertemu dengan mereka?” tanya orang tua itu lagi.

“Ayah saya sudah meninggal dunia tetapi ibu saya masih ada.” Jawapan daripada Imam Syafie itu membuat lelaki tua itu berasa simpati.

“Boleh bawa saya bertemu dengan ibu kamu?” tanya lelaki tua itu.

“Ibu saya tentu tidak bersedia bertemu dengan lelaki yang bukan muhrimnya,” jawab Imam Syafie.

Lelaki tua itu kelihatan serba salah lalu berkata, “Sekiranya pak cik orang kaya, pasti pak cik hantar kamu berguru dengan Imam Ismail Kustantani. Dia seorang yang berilmu pengetahuan dalam bidang Quran. Namanya terkenal hingga ke Madinah.”

Lelaki tua itu bercerita mengenai kehebatan Imam Ismail Kustantani yang terkenal ahli dalam ilmu Quran. Selepas mendengar kata-kata lelaki tua itu, Imam Syafie tertarik hati hendak berguru dengannya. Apabila pulang ke rumah, dia menyatakan hasrat itu kepada ibunya.

“Imam Ismail Kustantani itu sememangnya terkenal sebagai ahli dalam bidang Quran. Dia mempunyai anak murid yang ramai. Malah imam Masjidil Haram juga berguru dengannya,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

“Saya mahu berguru dengannya,” kata Imam Syafie.

“Tidakkah kamu sedar kita ini orang miskin? Ibu tidak mampu menghantar kamu belajar dengan orang yang alim itu,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

“Apakah ilmu Allah itu hanya untuk anak-anak orang kaya

sahaja?" tanya Imam Syafie pula.

Kemudian katanya lagi, "Saya yakin sekiranya dia mengajar kerana Allah, dia tidak akan mengenakan apa-apa bayaran kepada anak muridnya yang miskin seperi saya. Kerana itu marilah kita berjumpa dengannya."

Melihat kesungguhan anaknya yang mahu belajar, akhirnya Ummu Habibah al-Uzdiyyah bersetuju. Mereka pun pergi ke rumah Imam Ismail Kustantani. Pada masa itu dia sedang mengajar anak-anak muridnya membaca Quran. Ummu Habibah al-Uzdiyyah dan Imam Syafie terus menunggu hingga kelas pengajian itu tamat.

"Wahai tuan Imam. Kami daripada keluarga miskin. Tetapi anak saya ini begitu kuat kemahuannya hendak berguru dengan tuan. Alangkah gembiranya hati saya sekiranya tuan sudi mengajarnya ilmu Quran," kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

"Adakah kamu menyangka hanya anak-anak orang kaya sahaja yang layak menjadi anak murid saya?" tanya Imam Ismail Kustantani pula.

"Tetapi saya tidak mampu memberi upahnya kepada tuan," jawab Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

"Adakah kamu pernah mendengar saya meminta bayaran daripada anak-anak murid saya?" tanya Imam Ismail Kustantani lagi.

"Memang benar tuan tidak mengenakan apa-apa bayaran. Tetapi ibu bapa anak-anak murid tuan akan memberi duit

sebagai upah mengajar anak-anak mereka, dan saya tidak mampu memberikan apa-apa kepada tuan," jawab Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

"Adakah kamu pernah mendengar saya menghalau anak-anak murid yang keluarga mereka tidak mampu memberikan apa-apa?" tanya Imam Ismail Kustantani lagi.

"Saya tidak tahu…," jawab Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

"Saya tidak pernah menolak anak-anak daripada keluarga miskin datang belajar di sini. Saya juga tidak pernah menetapkan apa-apa bayaran. Tetapi sekiranya ada yang memberinya secara ikhlas, saya terima," kata Imam Ismail Kustantani.

Barulah lega hati Ummu Habibah al-Uzdiyyah mendengarnya.

"Wahai tuan, saya mendapat tahu yang tuan memiliki ilmu pengetahuan mendalam berkenaan Quran. Kerana itu saya mahu berguru dengan tuan," kata Imam Syafie dengan lancar.

Imam Ismail Kustantani memandang tepat ke arah Imam Syafie. Dia merenung agak lama. Kemudian bertanya, "Berapakah umur kamu?"

"Sembilan tahun," jawab Imam Syafie.

"Saya tahu kamu anak yang baik. Tetapi saya tidak menerima murid yang baru berumur sembilan tahun. Tunggu umur kamu 12 tahun baharu datang berguru kepadaku," kata Imam Ismail Kustantani.

“Wahai tuan, walaupun anak saya ini baru berumur sembilan tahun, tetapi dia sudah berjaya menghafal Quran. Kerana itu dia mahu mendalami ilmu Quran dengan tuan. Saya merayu supaya tuan jangan hampakan harapannya,” Ummu Habibah al-Uzdiyyah pula menyampuk.

Imam Ismail Kustantani tertarik hati mendengarnya. Dia menyuruh Imam Syafie dekat kepadanya lalu mengujinya membaca ayat-ayat Quran yang sudah dihafalnya. Imam Syafie pun membacakan ayat-ayat Quran surah demi surah yang disuruh. Imam Ismail Kustantani begitu kagum dengan kanak-kanak yang disangkanya terlalu mentah itu.

“Pada firasat saya, kelak kamu menjadi seorang ulama. Kerana itu kamu menetaplah di sini. Kamu sudah pun menjadi anak murid saya,” kata Imam Ismail Kustantani dengan gembira.

“Tetapi tuan, ibu saya tidak mampu memberi tuan apa-apa kerana kami miskin,” kata Imam Syafie.

“Saya tidak akan meminta apa-apa upah daripada ibu kamu. Tetapi saya mahu meminta khidmat kamu sebagai balasannya,” balas Imam Ismail Kustantani pula sambil tersenyum.

“Apa maksud tuan?” tanya Ummu Habibah al-Uzdiyyah pula.

“Anak kamu ini luar biasa kebolehannya. Dia akan menjadi pembantu saya. Apabila saya ada urusan ke tempat lain, dia akan menggantikan tempat saya. Hanya itu yang saya minta sebagai balasannya,” terang Imam Ismail Kustantani.

Baharulah senang hati Ummu Habibah al-Uzdiyyah mendengarnya. Sejak itu, Imam Syafie berguru dengan Imam Ismail Kustantani. Walaupun umurnya baharu sembilan tahun, tetapi kebolehannya membaca Quran melebihi mereka yang lebih tua daripadanya. Apabila Imam Ismail Kustantani ada urusan, dia menyuruh Imam Syafie menggantikan tempatnya sebagai guru.

Bab 5 Seorang Penyair

Apabila salah seorang antara kaum kerabat ataupun jiran dan saudara kamu sakit, kamu perlu ringankan langkah menziarahinya kerana ia disaksikan oleh malaikat dan dicintai Allah.

Suasana di pasar Ukhaz pada pagi itu lebih sibuk daripada biasa. Orang ramai berkumpul kerana pada hari itu diadakan persembahan deklamasi puisi oleh penyair-penyair yang terkemuka di kota Mekah. Imam Syafie diajak oleh Khalid untuk turut menyaksikannya.

“Setiap perkara yang kita lakukan perlu difikirkan faedahnya supaya tidak menjadi sia-sia. Apakah menyaksikan deklamasi puisi itu boleh mendatangkan kebaikan kepada kita?” tanya Imam Syafie yang berasa ragu-ragu dengan ajakan kawan baiknya itu.

“Penyair adalah manusia yang bijak memilih kata-kata yang indah dalam puisinya. Dengan menyaksikannya, kita dapat mendengar bait-bait puisi yang indah menusuk hati. Kita dapat menggunakan kata-kata yang indah itu dalam

pertuturan kita. Ia juga dapat menarik perhatian orang ramai dan mereka mudah memahami ucapan kita," pujuk Khalid bersungguh-sungguh.

Akhirnya Imam Syafie bersetuju. Selepas mendapat keizinan daripada Imam Ismail Kustantani, kedua-duanya pun pergi ke pasar Ukhaz. Di sana orang ramai sudah berkumpul. Tidak lama kemudian acara mendeklamasikan puisi pun berlangsung. Seorang demi seorang penyair handalan naik ke pentas mendeklamasikan puisi masing-masing. Imam Syafie berasa teruja apabila mendengar bait-bait puisi yang menyentuh hatinya.

"Benar katamu. Penyair adalah manusia yang dikurniakan bakat menyusun kata-kata indah dalam rangkap yang indah. Tidak semua manusia dikurniakan kelebihan itu," kata Imam Syafie sambil melahirkan rasa kagumnya.

Semasa dalam perjalanan pulang, Imam Syafie tidak banyak berbual. Dia mengingati semula bait-bait puisi yang didengarnya sebentar tadi. Oleh kerana dia mempunyai daya ingatan yang kuat, semua puisi yang didengar dapat dihafalnya.

"Kenapa awak diam sahaja? Adakah awak tidak seronok mendengar puisi tadi?" tanya Khalid apabila dilihatnya Imam Syafie lebih banyak berdiam diri.

"Saya seronok dan gembira," jawab Imam Syafie.

"Tetapi kenapa awak berdiam diri?"

"Saya sedang mengingati semula bait-bait puisi yang

dibacakan tadi.”

“Apakah faedahnya awak buat begitu?”

“Dengan menghafal kata-kata yang indah itu, ia akan membentuk diri saya menjadi seorang penyair suatu hari nanti.”

“Apakah awak dapat menghafalnya?”

“Dengan izin tuhan semua puisi yang kita dengar tadi dapat saya menghafalnya.”

“Cuba bacakan sahabatku.”

Imam Syafie pun membaca semua puisi yang mereka dengar sebentar tadi. Khalid berasa kagum dengan kebolehan Imam Syafie yang dapat menghafal semua puisi itu hanya dengan sekali mendengarnya sahaja.

“Awak ada bakat dan boleh menjadi penyair yang hebat,” puji Khalid.

“Semua puisi yang saya bacakan tadi adalah karya orang lain. Bukan karya saya sendiri,” kata Imam Syafie pula.

“Sekiranya engkau mempelajari ilmu syair dengan mudah dapat mencipta puisi-puisi yang lebih hebat dari yang kita dengar tadi,” balas Khalid pula.

Lantas timbul keinginan Imam Syafie mempelajari ilmu mengarang puisi. Lalu menyatakan hasratnya itu kepada ibunya.

“Bukankah belajar Quran dan hadis itu lebih baik daripada

belajar mengarang puisi?" ternyata Ummu Habibah al-Uzdiyyah kurang senang dengan kemahuan anaknya itu.

"Zaid bin Thabit juga seorang penghafal Quran. Tetapi dia juga pandai bersyair dan menjadi penyair kesayangan Rasulullah. Apabila seseorang itu pandai menulis syair, kata-katanya juga menyebabkan orang yang mendengarnya mudah faham," kata Imam Syafie lalu memujuk ibunya supaya membenarkannya mempelajari ilmu menulis puisi.

"Bagaimanakah kamu hendak mempelajarinya? Sedangkan kita tidak punya wang hendak mengupah seorang guru mengajar kamu mengarang puisi." Akhirnya Ummu Habibah al-Uzdiyyah mengalah selepas melihat kemahuan anaknya yang begitu kuat.

"Di perkampungan Bani Huzail terdapat ramai penyair yang hebat dan dikenali ramai. Antaranya Mas'ab bin Zubair yang menjadi juara penyair di pasar Ukhaz pada tahun ini. Anakanda akan berguru dengannya," kata Imam Syafie dengan gembira.

"Bagaimana sekiranya dia meminta bayaran," tanya Ummu Habibah al-Uzdiyyah lagi.

"Guru anakanda Imam Ismail Kustantani tidak meminta apa-apa bayaran. Kerana itu anakanda yakin Mas'ab bin Zubair juga begitu. Mereka tahu kita orang miskin yang bercita-cita tinggi. Kerana itu mereka tidak tergamak meminta upahnya." Akhirnya Imam Syafie berjaya meyakinkan ibunya.

Keesokan harinya, Imam Syafie pergi ke perkampungan Bani Huzail yang terletak di pinggir kota Mekah. Kedatangannya disambut baik oleh penduduk kampung itu kerana mereka terkenal sebagai orang yang suka memuliakan tetamu.

“Anak muda, adakah kamu mempunyai kenalan ataupun saudara di perkampungan ini?” tanya seorang lelaki yang ditemuinya di masjid selepas sembahyang zohor.

“Tidak ada, tuan. Saya ke sini hendak berguru dengan Mas’ab bin Zubair. Bolehkah tuan membawa saya bertemu dengannya?” tanya Imam Syafie pula.

“Dia seorang penyair terkenal. Masanya lebih banyak digunakan bagi mengarang puisi berbanding bergaul dengan orang ramai. Oleh itu agak sukar hendak berjumpa dengannya,” jawab lelaki itu. Dia kelihatan seperti dalam keadaan serba salah.

“Saya cuma meminta bantuan daripada tuan menunjukkan di mana kediamannya. Selepas itu biarlah saya yang berurusan dengannya,” pinta Imam Syafie.

Lelaki itu membawa Imam Syafie ke rumah Mas’ab bin Zubair. Rumahnya terletak di lereng bukit dan sederhana sahaja. Kehidupannya tidak menunjukkan kemewahan walaupun dia seorang penyair terkenal. Pintu rumah itu tertutup. Cuma tingkapnya sahaja yang terbuka. Imam Syafie tidak mahu mengganggu tuan rumah yang kemungkinan sedang berehat. Dia duduk di halaman rumah itu menunggu tuannya keluar. Selepas lama menunggu, tiba-tiba pintu rumah itu terbuka. Keluar

seorang lelaki yang sudah berumur. Rambutnya putih kapas, begitu juga dengan janggut dan misainya.

“Kamu sedang menunggu siapa?” tanya Mus’ab.

“Saya mahu berjumpa dengan tuan,” jawab Imam Syafie.

“Kenapa duduk di sini? Kenapa tidak masuk ke dalam rumah?” tanya Mus’ab lagi.

“Saya takut sekiranya mengganggu tuan,” jawab Imam Syafie.

“Sekarang kamu sudah bertemu dengan saya. Katakanlah apa yang kamu mahu?”

“Saya mahu berguru dengan tuan. Ajarkan saya ilmu mengarang syair,” pinta Imam Syafie.

“Kamu masih terlalu muda. Sebaiknya belajar dahulu ilmu agama. Terutama Quran dan hadis.”

Lalu Imam Syafie mengatakan dia sudah mempelajari ilmu agama, Quran dan hadis. Bagi membuktikannya, dia membaca ayat-ayat Quran yang sudah dihafalnya. Mus’ab begitu terpegun dengan kebolehan Imam Syafie menghafal Quran ketika usia yang terlalu muda.

“Saya juga sudah hafal semua puisi ciptaan tuan,” kata Imam Syafie lalu membaca puisi-puisi yang ditulis oleh Mus’ab.

“Kamu seorang budak yang hebat,” puji Mus’ab.

“Saya pasti menjadi lebih hebat sekiranya dapat berguru

dengan tuan," kata Imam Syafie pula.

"Kamu boleh tinggal di rumah saya dan berguru dengan saya," kata Mus'ab memberikan persetujuan.

"Wahai tuan, saya tidak mempunyai apa-apa untuk diberikan kepada tuan," balas Imam Syafie pula.

"Adakah saya meminta sesuatu daripada kamu selain tinggal di rumah saya?" tanya Mus'ab pula.

"Tidak, tuan...."

Mulai hari itu, Imam Syafie tinggal di rumah Mus'ab. Keluarganya tidak ramai. Selain seorang isteri, mereka mempunyai tiga orang anak. Mereka menganggap Imam Syafie sebagai anak angkat. Sebagai membalas budi baik gurunya, Imam Syafie mengajar anak-anak mereka mengaji hingga mereka pandai membaca Quran.

"Syafie, sudah tiga bulan kamu tinggal di sini. Apakah yang kamu pelajari selama ini?" tanya Mus'ab pada suatu hari.

"Tuan mengajar saya bersyair hingga saya pandai menulisnya. Selain itu, saya juga sudah dapat menghafal 10,000 rangkap syair kaum Bani Huzail."

Jawapan itu mengejutkan Mus'ab. "Apakah saya pernah menyuruh kamu menghafal syair sebanyak itu?" tanya Mus'ab hairan.

"Tuan tidak pernah menyuruhnya tetapi saya sendiri yang mahu menghafalnya," jawab Imam Syafie.

“Bagaimana kamu dapat menghafal syair yang begitu banyak?” tanya Mus’ab lagi.

“Semuanya dengan izin Tuhan...,” jawab Imam Syafie.

Kemudian katanya lagi, “Wahai tuan, saya sudah menulis serangkap puisi. Mahukah tuan mendengarnya?”

“Sila bacakan....”

Maka Imam Syafie pun mendeklamasikan puisi pertamanya di hadapan Mus’ab.

Wahai para pengembara

berhentilah di pelontaran mina

Ucapkan takbir dan tahmid

Di lembah dan di bukit mina

Pemandangannya sungguh menakjubkan

Di kala para hujjaj membanjiri Mina

Melimpah umpama banjir di Sungai Furat

Jika kaum Rafidhah kasihkan Muhammad

Ketahuilah wahai manusia dan jin

Bahawa aku adalah kaum Rafidhah.

Mus’ab memuji syair yang dicipta oleh Imam Syafie itu. Pujian itu menyebabkan Imam Syafie berasa terlalu gembira lalu pulang ke rumah bagi memaklumkan kepada

ibunya. Ketika itu, Ummu Habibah al-Uzdiyyah berada di dapur. Pintu rumah itu tertutup. Dengan rasa tidak sabar, Imam Syafie mengetuk pintu dengan kuat sambil memanggil nama ibunya menyuruh membuka pintu.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah bergegas membuka pintu. Apabila melihat Imam Syafie, dia berasa agak tersinggung lalu berkata, “Beginikah pekerti kamu selepas menjadi seorang penyair? Sesungguhnya ilmu itu menjadikan kamu sombong. Lebih baik kamu pergi menuntut ilmu agama hingga budi pekerti kamu menjadi baik,” marah Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

“Ampunkan kesalahan saya,” kata Imam Syafie sambil melahirkan rasa kesalnya. Dia memohon ampun dan maaf kepada ibunya.

“Pergilah kamu menuntut ilmu. Balik selepas dadamu penuh dengan ilmu agama,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

Bab 6 Menuntut Ilmu Hadis dan Fiqah

Apabila salah seorang antara kaum kerabat ataupun jiran dan saudara kamu sakit, kamu perlu ringankan langkah menziarahinya kerana ia disaksikan oleh malaikat dan dicintai Allah.

Imam Syafie berasa sedih kerana dimarahi ibunya. Itu pertama kali dia mengalaminya. Walaupun dia sudah meminta maaf dan walaupun ibunya sudah memaafkan kesilapannya namun dia tetap berasa sedih. Tambahan pula apabila ibunya menyuruh dia pergi menuntut ilmu supaya pekertinya berubah menjadi lebih baik.

“Anakku, kamu menjadi angkuh selepas menjadi seorang penyair. Tetapi kamu akan menjadi zuhud sekiranya menjadi seorang ulama. Kerana itu ibu lebih suka kamu menjadi seorang ulama. Hidupmu pasti selamat di dunia dan akhirat.” Imam Syafie teringat kata-kata ibunya.

Kini dia terpaksa membuat pilihan antara menjadi seorang

penyair ataupun seorang ulama. Kedua-dua ciri itu sudah ada pada dirinya. Sekiranya mahu, dia boleh menjadi seorang penyair yang lebih hebat daripada Mus'ab. Tetapi ibunya pasti tidak menyukainya. Dia tidak tergamak melukai hati ibunya. Imam Syafie keluar dari rumahnya dan terus berjalan ke Masjidil Haram. Di pertengahan jalan, dia bertemu dengan gurunya, Imam Ismail Kustantani.

"Kenapa kamu menangis?" tanya Imam Ismail Kustantani.

"Saya berdosa kepada ibu saya. Saya takut menjadi anak yang derhaka," jawab Imam Syafie lalu menceritakan apa yang berlaku.

"Ibu mahu saya menjadi seorang ulama, bukannya seorang penyair. Apa pendapat tuan?" tanya Imam Syafie meminta pandangan gurunya.

"Apa sahaja perkara yang kamu lakukan perlu mendapat keredaan daripada ibumu. Tanpa keredaan ibu, Allah juga tidak reda. Oleh itu, tunaikan permintaan ibumu dan jadilah seorang ulama," jawab Imam Ismail Konstantani.

"Baiklah," ujar Imam Syafie.

"Bagi menjadi seorang ulama, kamu perlu penuhkan dadamu dengan ilmu Quran, Hadis dan fiqah. Di samping itu, kamu perlu pelajari juga ilmu yang lain," pesan Imam Ismail Kustantani.

"Saya sudah mempelajari ilmu Quran. Ajarkan pula saya ilmu hadis dan fiqah," pinta Imam Syafie.

"Pengetahuan saya cuma dalam bidang Quran. Bagi

menuntut ilmu hadis dan fiqah, kamu perlu berguru dengan mereka yang ahli dalam bidang itu," kata Imam Ismail Kustantani.

"Bawalah saya bertemu dengan mereka. Saya mahu mempelajari kedua-duanya," pinta Imam Syafie bersungguh-sungguh.

"Marilah kita ke Masjidil Haram dan berdoa di hadapan Kaabah semoga mendapat petunjuk," ajak Imam Ismail Kustantani.

Mereka berjalan menuju ke Masjidil Haram. Selepas melakukan tawaf mengelilingi Kaabah, mereka berdiri di hadapan Kaabah lalu berdoa. Imam Syafie berdoa semoga dia dipertemukan dengan guru yang mahir dalam ilmu hadis dan fiqah. Imam Ismail Kustantani pula berdoa semoga anak muridnya itu menjadi seorang ulama. Selesai berdoa, mereka duduk di penjuru Kaabah sambil menunggu masuknya waktu sembahyang asar. Tiba-tiba Imam Ismail Kustantani terpandang Imam Sufian Ainiah yang mahir dalam ilmu hadis lalu di hadapannya. Dia segera mendapatkannya.

"Syukur kepada Tuhan kerana kita dipertemukan di sini pada waktu ini," kata Imam Ismail Kustantani dengan wajah gembira.

"Kita jarang dapat bertemu wahai sahabatku. Kamu sibuk mengajar ilmu Quran dan saya pula sibuk mengajar ilmu hadis. Walaupun setiap kali masuknya waktu sembahyang fardu kita sama-sama sembahyang berjemaah di sini, namun jarang dapat bertemu. Maklum sahaja masjid ini

luas dan ramai jemaah yang datang," balas Imam Sufian Ainiah.

"Benar katamu. Tuhan pertemukan kita pada saat saya sangat berharap dapat bertemu denganmu," kata Imam Ismail Kustantani pula.

"Mungkinkah ada perkara penting yang mahu disampaikan ataupun tuan berhajatkan sesuatu daripada saya?" tanya Imam Sufian Ainiah.

"Perkara itu ada kaitan dengan anak muda ini," jawab Imam Ismail Kustantani sambil menunjuk ke arah Imam Syafie.

"Siapakah anak ini?" tanya Imam Sufian Ainiah sambil matanya merenung ke arah Imam Syafie.

"Dia anak muridku yang paling istimewa. Kamu tentu mengagumi kelebihan yang Tuhan kurniakan kepadanya," jawab Imam Ismail Kustantani sambil tersenyum.

"Apakah kelebihan budak ini sahabatku?" tanya Imam Sufian Ainiah lagi.

"Walaupun umurnya baharu sembilan tahun, beliau sudah dapat menghafal Quran. Kemudian dia berguru dengan Mus'ab hingga dapat menghafal 10,000 buah puisi yang dikarang oleh penyair daripada kabilah Huzail. Bukankah itu sesuatu yang mengagumkan?" jawab Imam Ismail Kustantani sambil menceritakan keadaan Imam Syafie.

Imam Sufian Ainiah tertarik mendengarnya lalu berkata, "Belum ada anak murid saya yang dikurniakan bakat yang

begitu hebat seperti budak ini. Saya menawarkan diri mengajar kamu ilmu hadis. Semoga kamu menerimanya kerana Allah."

"Sahabatku, kebetulan dia sedang mencari seorang guru mengajarnya ilmu hadis. Sebentar tadi kami sama-sama berdoa di hadapan Kaabah semoga dipertemukan dengan seorang guru. Tuhan sudah pertemukan dengan kamu," kata Imam Ismail Kustantani.

"Saya bersyukur kerana dipertemukan dengan tuan. Saya mahu berguru dengan tuan," kata Imam Syafie pula.

Sejak hari itu Imam Syafie berguru dengan Imam Sufian Ainiah. Dia belajar ilmu hadis hingga banyak hadis yang dapat dipelajari serta dihafalnya. Dalam masa yang singkat, Imam Syafie muncul sebagai anak murid Imam Sufian Ainiah yang paling cemerlang. Apabila ketiadaan Imam Sufian Ainiah, Imam Syafie yang menggantikan tempatnya mengajar ilmu hadis. Akhirnya Imam Syafie diakui sebagai seorang yang pakar dalam ilmu hadis.

"Kamu sudah dapat menguasai ilmu Quran dan hadis. Sampai pula masanya kamu mempelajari ilmu fiqah kerana bidang itu tidak kurang pentingnya," kata Imam Sufian Ainiah.

"Tuan adalah guru saya. Apa kata tuan saya taat dan patuh. Tetapi saya lebih suka mempelajari ilmu Quran dan hadis," kata Imam Syafie pula.

"Bagi menjadi seorang ulama, kamu perlu mempelajari ilmu Quran, hadis dan fiqah," kata Imam Sufian Ainiah.

Melihat Imam Syafie berdiam diri, dia menyambung kata-katanya, “Saya akan serahkan kamu kepada Imam Muslim bin Khalid al Zanji. Dia seorang yang mahir dalam ilmu fiqah dan dilantik menjadi Gabenor Mekah,” kata Imam Sufian Ainiah.

“Mahukah dia mengajar saya?” tanya Imam Syafie pula.

“Kami bersahabat baik. Dia tentu tidak akan menolak permintaan saya,” jawab Imam Sufian Ainiah.

“Sekiranya ada keizinan daripada tuan, benarkan saya pulang untuk bertemu dengan ibu saya. Kami sudah lama tidak berjumpa. Saya akan datang semula ke sini,” pinta Imam Syafie dengan harapan permintaannya dipersetujui oleh gurunya.

“Saya benarkan kamu pulang bertemu dengan ibumu. Tetapi selepas tiga hari, kamu perlu pulang semula ke sini. Kamu jangan membuang masa kerana ilmu itu perlu dituntut dengan segera,” kata Imam Sufian Ainiah.

Imam Syafie pulang ke rumah untuk bertemu dengan ibunya. Sekali lagi didapati pintu rumah tertutup rapat. Dia memberi salam namun tidak ada jawapan. Dia mengulangi sekali lagi ucapan salamnya namun masih tidak ada jawapan. Selepas tiga kali mengucapkan salam, namun masih tidak ada jawapan. Akhirnya Imam Syafie duduk di muka pintu hingga dia terlena kerana kepenatan.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah sedang bersembahyang sunat pada waktu itu, jadi dia tidak dapat menjawab ucapan salam daripada anaknya. Selesai sembahyang sunat, dia

menuju ke pintu rumah lalu membukanya. Alangkah terperanjatnya Ummu Habibah al-Uzdiyyah apabila dilihatnya Imam Syafie sedang tidur lena di muka pintu rumahnya.

“Maafkan ibu kerana sedang bersembahyang tasbih tadi. Masuklah ke dalam rumah dan berehatlah kerana kamu tentu kepenatan,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

“Tadi saya berasa penat dan mengantuk. Tetapi selepas bertemu dengan ibu, rasa penat dan mengantuk itu pun hilang.”

Ummu Habibah al-Uzdiyyah tersenyum gembira mendengar kata-kata anaknya lalu berkata. “Sesungguhnya ilmu Quran dan hadis yang kamu pelajari itu dapat membentuk dirimu menjadi anak yang soleh.”

Imam Syafie berasa senang hati mendengar kata-kata pujian daripada ibunya. Lalu dia menyatakan cadangan Imam Sufian Ainiah supaya dia mempelajari ilmu fiqah daripada Imam Muslim al-Zanji.

“Anakku, tiga hari kamu berada di rumah ini adalah terlalu lama. Kerana itu lebih baik kamu pendekkan cutimu dan pergilah segera mempelajari ilmu fiqah,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah pula.

Imam Syafie akur dengan kehendak ibunya. Dia memendekkan cutinya lalu kembali kepada Imam Sufian Ainiah. Keesokan harinya, Imam Syafie dibawa berjumpa dengan Imam Muslim al-Zanji.

“Siapa nama kamu wahai anak muda?” tanya Imam Muslim al-Zanji.

“Nama sebenar saya Muhamad bin Idris bin Abbas bin Uthman bin Syafie bin Said bin Abu Abid bin Abdul Yazid bin Hasyim bin Abdul Mutalib bin Abdul Manaf,” jawab Imam Syafie.

“Kamu tinggal di mana?” tanya Imam Muslim al-Zanji lagi.

“Di sebuah desa bernama Sya’ab al-Khaif,” jawab Imam Syafie.

“Anak ini daripada keturunan yang baik. Keluarganya bertemu nasab dengan Nabi Muhammad. Dia sudah mahir dalam ilmu Quran dan hadis. Dia juga berguru dengan penyair Mus’ab hingga dapat menghafal 10,000 buah puisi. Sekarang dia mahu mempelajari ilmu fiqah,” kata Imam Sufian Ainiah pula.

Selepas mendengar kata-kata daripada Imam Syafie dan Imam Sufian Ainiah, dengan senang hati Imam Muslim al-Zanji menerima Imam Syafie menjadi anak muridnya. Sejak itu dia tekun mempelajari ilmu fiqah.

Setiap hari Imam Syafie menghadiri kelas ilmu fiqah yang diajar oleh Imam Muslim al-Zanji. Namun dia menghadapi satu masalah kerana belajar ilmu fiqah perlu banyak catatan sedangkan dia tidak mampu membeli alat tulis dan kertas. Oleh itu dia menulis catatannya pada kulit kayu, pelepah tamar dan kertas terbuang yang dibuang orang.

Pada suatu hari, Imam Syafie masuk ke dalam kelas tanpa

membawa apa-apa kerana dia sudah kehabisan pensel dan kertas. Apabila Imam Muslim al-Zanji mengajar, Imam Syafie menulis pada tapak tangan kiri dengan jari telunjuk kanannya. Perbuatan itu disedari oleh gurunya.

“Adakah kamu sedang bermain ataupun mengikuti apa yang saya ajarkan?” tanya Imam Muslim al-Zanji.

“Saya sedang belajar,” jawab Imam Syafie.

“Pelajar lain masuk ke dalam kelas menulis pada buku dan kertas. Tetapi saya lihat kamu asyik menggaru tapak tangan kamu,” kata Imam Muslim al-Zanji lagi.

“Maafkan saya. Saya menulis apa yang tuan ajar pada tapak tangan saya kerana tidak mampu membeli alat tulis dan kertas,” kata Imam Syafie pula.

“Sekiranya benar begitu, cuba kamu baca semula apa yang kamu tulis pada tapak tangan kamu tadi,” pinta Imam Muslim al-Zanji.

Imam Syafie membaca semula apa yang diajarkan oleh Imam Muslim tanpa tinggal satu patah perkataan pun. Imam Muslim al-Zanji dan semua anak muridnya berasa kagum dengan kebolehan luar biasa Imam Syafie.

“Kamu adalah anak murid saya yang paling miskin. Demi Tuhan saya tidak akan mengambil apa-apa bayaran daripada kamu. Teruslah berguru denganku hingga kamu menjadi mahir dalam ilmu fiqah,” kata Imam Muslim al-Zanji.

Imam Syafie semakin tekun belajar hingga akhirnya dia

diakui gurunya dapat mengajar serta dapat memberi fatwa mengenai hukum-hukum agama.

Walaupun begitu, Imam Syafie merasakan dirinya masih kekurangan ilmu agama. Dalam diam-diam dia mempelajari kitab *Muwatta'* yang dikarang oleh Imam Malik bin Anas hingga semua kandungan kitab itu dapat dihafalnya.

Bab 7 Belajar dan Mengajar

Kasihanilah anak yatim kerana Rasulullah juga tergolong sebagai anak yatim dan beliau akan bersama-sama dengan orang yang menyayangi dan mengasihi anak-anak yatim di akhirat.

"Saya bersetuju dengan kata-kata tuan." Imam Ismail Kustantani pula menyokong. "Dia dilahirkan untuk menjadi seorang ulama yang terbilang. Sejak berumur sembilan tahun sudah dapat menghafal Quran. Kemudian dia dapat menghafal beratus buah hadis. Kerana itu saya yakin dia akan menjadi ulama terbilang pada suatu hari nanti."

"Sekarang pun dia sudah menjadi ulama yang terbilang. Walaupun umurnya masih muda tetapi diberi kepercayaan oleh guru-gurunya bagi mengajar serta memberi fatwa. Belum pernah penghormatan seperti itu diberikan kepada seorang anak muda yang umurnya baru belasan tahun." Abdul Rahman pula menyokong.

"Berbanggalah kaum Quraisy kerana melahirkan anak seperti Imam Syafie. Ilmunya akan memenuhi muka bumi.

Pengikutnya ramai dan namanya masyhur," puji Imam Muslim al-Zanji pula.

"Apabila Imam Syafie bercakap berkenaan ilmu Fiqah, beliaulah orang yang lebih mengetahui ilmu Fikah daripada orang lain. Apabila beliau bercakap mengenai bahasa Arab, beliau juga yang lebih mengetahui mengenai bahasa Arab daripada orang lain. Apabila beliau bercakap mengenai syair, beliau adalah penyair agung yang tidak ada tandingannya," puji Yunus bin Abdul Ala seorang ahli bahasa Arab juga seorang penyair.

Kemudian katanya lagi, "Apabila Imam Syafie berceramah ataupun mengajar ilmu agama, ramai ahli bahasa dan penyair yang terkemuka menghadirinya. Ini kerana bahasa yang diucapkannya adalah bahasa yang baik. Lidahnya fasih apabila menuturkan kata-kata. Tidak ramai ulama yang mempunyai kelebihan seperti itu."

Imam Syafie terus mendapat pujian demi pujian. Orang ramai memperkatakan mengenai kehebatannya. Tambahan pula apabila Imam Muslim al-Zanji, Gabenor Kota Mekah. Imam Ismail Kustantani, pakar dalam ilmu Quran dan hadis turut memujinya. Oleh itu, nama Imam Syafie semakin dikenali ramai. Apabila dia datang ke Masjidil Haram, orang ramai mengerumuninya bagi bertanya masalah agama. Apabila dia membaca Quran, ramai yang kagum dengan kemerduan suaranya.

"Wahai Imam Syafie, berikanlah nasihat kepada kami. Semoga kami insaf serta bertambah keimanan kami," pinta seorang lelaki yang sudah berumur.

Imam Syafie tidak menghampakan permintaan lelaki itu. Dia naik ke atas mimbar lalu berkata dengan suara yang lantang tetapi sedap didengar kerana kefasihan lidahnya. “Wahai kaum muslimin sekalian. Sesungguhnya tidak ada harta yang lebih mulia dan berguna selain daripada ilmu. Tidak ada yang lebih menguntungkan selain daripada adab sopan. Tidak ada yang lebih berguna selain daripada akal. Tidak ada yang lebih buruk selain daripada bersifat kedekut.”

“Apakah awak yakin dengan ucapannya itu?” tanya Kasim seorang pemuda kepada kawan di sebelahnya.

“Imam Syafie mengamalkan apa yang dikatakannya. Ketika orang lain sibuk mengumpulkan harta, dia memenuhi dadanya dengan ilmu. Adap sopannya tetap dijaga walaupun dia disukai orang ramai. Dia juga bersifat pemurah,” jawab Abdul Muluk yang lebih mengenali Imam Syafie berbanding kawannya.

“Apakah benar dia seorang yang pemurah? Boleh kita buktikan?” Kasim seolah-olah mahu mengujinya.

Mereka bersetuju menguji Imam Syafie bagi membuktikan beliau seorang yang pemurah.

Selepas menyampaikan ucapannya, Abdul Muluk bertemu dengan Imam Syafie lalu berkata, “Wahai Imam Syafie, saya hadiahkan kepada tuan 100 dirham. Gunakanlah untuk faedah diri tuan.”

Abdul Muluk lalu menyerahkan wang sebanyak 100 dirham kepada Imam Syafie. Beliau mengambil pemberian itu lalu

dimasukkan ke dalam poketnya.

Tidak lama kemudian datang pula Kasim dengan wajah seperti orang dalam kesusahan lalu berkata, “Wahai tuan, saya memerlukan 100 dirham. Sudikah tuan membantu saya?”

Tanpa banyak bicara, Imam Syafie menyeluk sakunya lalu mengeluarkan 100 dirham yang baharu diterimanya daripada Abdul Muluk lalu diserahkan kepada Kasim. “Saya tidak memerlukan duit ini. Ambillah....”

Kasim cepat beredar dari situ bagi bertemu dengan Abdul Muluk. Kemudian dia pun berkata, “Benarlah Imam Syafie itu seorang yang pemurah. Walaupun dia tidak mengenali saya tetapi dia tidak bertanya lebih lanjut lalu menyerahkan wang yang awak berikan itu kepada saya.”

Sekarang barulah Kasim yakin, Imam Syafie itu seorang yang pemurah. Dia selalu memuji kemurahan hati Imam Syafie di hadapan orang ramai. Peristiwa itu membuat nama Imam Syafie menjadi semakin terkenal serta disayangi orang ramai.

“Wahai Imam Syafie, tuan memiliki bakat yang besar sebagai seorang penyair. Kehebatan tuan melebihi saya. Kerana itu rugi sekiranya bakat tuan itu disia-siakan,” kata Mus’ab sambil memujuk Imam Syafie supaya kembali mengarang serta mendeklamasikan puisi.

“Wahai guruku Mus’ab, sesungguhnya minat saya lebih besar kepada ilmu agama. Saya tidak dapat memberi sepenuh tumpuan kepada sastera,” kata Imam Syafie pula.

“Memadai sekiranya tuan memberi sokongan kepada kami golongan penyair. Sesekali dampingi kami dan hadiri majlis deklamasi puisi,” pinta Mus’ab.

Imam Syafie menyatakan persetujuannya.

Tidak lama kemudian, pertandingan membaca syair diadakan di pasar Ukhaz. Ramai kawan-kawannya mendesak Imam Syafie memasuki pertandingan itu. Kerana tidak mahu menghampakan permintaan mereka, akhirnya Imam Syafie bersetuju memasukinya.

Dia membaca sebuah syair Kabilah Huzail yang panjang. Sebelum itu, tidak siapa yang dapat menghafal kerana terlalu panjang. Tetapi Imam Syafie dapat menghafalnya tanpa sepatah perkataan pun yang tertinggal. Akhirnya dia muncul sebagai juara dengan mengalahkan gurunya, Mus’ab. Imam Syafie diberikan hadiah berupaya wang dan pakaian yang mahal. Tetapi semua hadiah itu diberikan kepada kawan-kawan yang memerlukannya.

“Saya masuk pertandingan itu bukan hendak merebut hadiah, bahkan sekadar memenuhi permintaan kamu,” kata Imam Syafie.

Kerana kehebatannya, beliau menjadi tempat rujukan penyair yang mahu mengkaji puisi Arab terutama puisi kabilah Huzail. Namun, minat Imam Syafie lebih kepada mempelajari ilmu agama.

Pagi itu, Ummu Habibah al-Uzdiyyah mengemaskan rumah. Dia masuk ke dalam bilik Imam Syafie dan didapatinya bilik itu penuh dengan timbunan tulang, kulit

kayu, pelepah tamar dan kertas lusuh. Dia berasa tidak senang hati melihatnya.

“Sesungguhnya kebersihan itu sebahagian daripada iman. Kenapa bilikmu bersepah dengan sampah sarap? Lebih elok kamu bersihkan bilik itu dan bakar sahaja semua timbunan tulang, kulit dan kertas lusuh itu,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

“Ini bukan sampai sarap, tetapi ilmu yang saya pelajari. Saya tuliskan pada tulang, kulit kayu, pelepah tamar dan kertas-kertas lusuh kerana tidak mampu membeli buku catatan,” kata Imam Syafie pula.

“Ilmu yang kamu pelajari itu sepatutnya disimpan dalam ingatan, bukannya di dalam bilik tidur,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

Kata-kata ibunya itu menginsafkan Imam Syafie. Dia pun menghafal semua catatan itu satu persatu hingga semuanya habis dihafal. Kemudian baharulah dia membakarnya satu persatu hingga habis kesemuanya.

“Mulai hari ini semua yang saya pelajari akan disimpan di dalam kepala,” janji Imam Syafie.

Sejak itu dia tidak lagi mencatatkan ilmu yang dipelajarinya tetapi terus menghafalnya untuk disimpan dalam ingatannya. Dia dapat melakukannya kerana dikurniakan daya ingatan yang luar biasa. Semua yang diajar gurunya dapat diingatinya satu demi satu tanpa ada satu pun yang tertinggal.

“Wahai sahabatku Imam Syafie, kita sama-sama mempelajari ilmu agama hingga menjadi pandai. Tetapi tidakkah kamu sedar kita masih jahil dalam satu bidang yang penting dalam kehidupan kita sebagai seorang lelaki?” tanya Khalid lagaknya seperti sedang bermain teka teki.

“Bidang apa lagi?” tanya Imam Syafie sambil merenung wajah Khalid.

“Ilmu peperangan. Bukankah ia satu bidang yang penting bagi kita pelajarinya? Sekiranya musuh datang menyerang, bagaimana kita hendak menentang mereka sedangkan kita jahil dalam ilmu peperangan malah langsung tidak tahu menggunakan senjata,” jawab Khalid.

“Benar katamu. Kita asyik mempelajari ilmu agama tetapi langsung tidak ambil tahu bidang ketenteraan. Sedangkan sekiranya pintu jihad terbuka, kita wajib menyahutnya,” kata Imam Syafie pula.

Dia mula sedar masih ada satu bidang lagi yang perlu dipelajarinya. Lantas dia mengajak Khalid dan beberapa orang lagi rakan yang sebaya dengannya berjumpa seorang lelaki tua bernama Amiruddin. Dia adalah bekas tentera tetapi kini bersara kerana usianya tidak mengizinkan lagi dia berkhidmat sebagai tentera. Orang tua itu tidak keberatan mengajar ilmu peperangan dan bermain senjata kepada anak-anak muda itu. Imam Syafie mempelajarinya bersungguh-sungguh. Selain ilmu peperangan, mereka juga diajar menggunakan senjata. Akhirnya Imam Syafie mahir memanah. Setiap kali

melepaskan anak panah, pasti tepat mengenai sasaran.

Bab 8 Merantau ke Madinah

Berbuat baik dan tunjukkan bakti kepada ibu bapa tanpa mengenali letih dan lelah sebagaimana mereka berbuat begitu sepanjang hayat mereka. Ia dapat menambah keberkatan pada umur, menambah rezeki dan keampunan atas dosa-dosa kamu.

Imam Syafie termenung jauh, sambil matanya merenung pepohon tamar yang subur menghijau, pelepahnya melambai-lambai ditiup angin petang. Hatinya berasa damai, sedamai kota Mekah yang penuh berkat itu. Entah kenapa, tiba-tiba ada satu perasaan aneh menerpa hatinya, seolah-olah direnggut kerinduan yang teramat sangat. Sesekali matanya merenung Kitab *al-Muwatta'* yang sedang dipegangnya. Kemudian beliau merenung ibunya yang sibuk membersihkan halaman rumah.

"Inilah kitab *al-Muwatta'* yang ditulis Imam Malik," bisik Imam Syafie perlahan.

Kitab itu dipegang. Pada saat itu juga terputar segala memori dan kenangan sepanjang beliau mula mengenali kitab itu hingga selepas beliau mampu menghafal segala isi

dan hujah yang terkandung di dalamnya.

“Setahun sudah aku mengenalimu melalui kitab ini, entah bila pula kita akan bersua muka dan bersama-sama menekuni ilmu Allah dan Rasulnya? Wahai Tuhan yang maha mengetahui, sesungguhnya aku begitu merindui pada salah seorang abid yang tersangat dekat denganmu,” getus Imam Syafie sambil meraup-raup wajahnya.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah melangkah perlahan mendekati Imam Syafie yang sedang ralit merenung kitab *al-Muwatta’* itu.

“Sudah lama ibu memerhatikan kamu. Kamu seperti memikirkan sesuatu yang berat,” tegur ibu Imam Syafie lalu duduk di sebelahnya.

Sambil tersenyum, Imam Syafie mengalih kedudukan, memberi sedikit ruang bagi membolehkan ibunya duduk dengan selesa.

“Tiada masalah yang besar ibu, cuma sekadar satu keinginan yang anakanda sendiri tidak tahu sama ada perlu dilunaskan ataupun membiarkan sahaja keinginan itu pergi dan mati sendiri.” Imam Syafie menjawab.

Ummu Habibah merenung wajah anakandanya, seolah-olah cuba menyelami gelojak perasaan yang dihadapi oleh anakanda tersayangnya itu.

“Usah risau ya ibu, anakanda baik-baik sahaja” kata Imam Syafie sambil memegang kedua-dua belah tangan ibunya sebagai kasih seorang anak.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah membalas pegangan tangan anaknya sambil tersenyum. Lantas melarikan kedua-dua tangannya ke bahu tegap Imam Syafie, kemas dan kejap pegangannya. Terpancar kasih seorang ibu pada wajahnya yang jernih itu. Lambang seorang wanita yang solehah.

"Ibu tidak begitu mengerti apakah sebenarnya kemahuanmu itu. Ibu meyakini kamu sudah dewasa dan cukup matang bagi memikirkan apa yang terbaik untuk dirimu." ujar Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

Mata kedua-dua anak dan ibu itu berpadu. Lama. Ada getar di situ. Betapa Imam Syafie mensyukuri nikmat daripada Allah yang menghadiahkan beliau seorang ibu yang penyayang dan memahami.

"Sudahkah anakanda bertanya kepada dia?" tanya ibunya.

"Dia?" tanya Imam Syafie kembali.

" Ya, dia," jawab Ummu Habibah al-Uzdiyyah sambil menoleh ke arah masjid yang terletak berhampiran dengan teratak kecil dan sempit kepunyaan mereka itu.

Imam Syafie tunduk tanda mengerti, sambil menggelengkan kepala beliau perlahan lahan bersuara, "Keinginan itu baharu sahaja timbul sebentar tadi, anakanda belum lagi bertanya kepada dia."

"Tanyalah dia, ibu yakin sekiranya keinginan anakanda itu baik untuk urusan dunia dan akhirat anakanda, pasti Allah mempermudah jalan untuk itu," jelas Ummu Habibah al-Uzdiyyah walaupun dia sendiri menyedari anaknya itu

sudah pasti lebih memahami mengenai itu. Siapa yang tidak mengenali anak tunggalnya ini, kerana kecerdasannya pada umur 15 tahun beliau diizinkan memberi fatwa di hadapan masyarakat dan menjawat sebagai guru besar ilmu hadis serta menjadi mufti di Masjidil Haram Mekah.

Tetapi seperti biasa, Imam Syafie yang kaya dengan sifat zuhud dan merendah diri itu berkata, “Terima kasih atas nasihat ibu itu, anakanda juga memohon doa daripada ibu. Saya pergi dahulu ya. Assalamualaikum,” balas Imam Syafie, lalu perlahan-lahan beliau berdiri dan memakai sepatunya yang agak uzur itu.

“Waalaikummussalam,” jawab Ummu Habibah sambil mem-perhatikan susuk tubuh Imam Syafie yang melangkah dengan tenang menuju ke Masjidil Haram.

“Dengan nama Allah yang maha pengasih dan penyayang dan salam sejahtera buat junjungan mulia Nabi Muhammad. Ya Allah, ampunilah dosa-dosaku dan bukalah pintu-pintu rahmat Engkau untukku,” doa Imam Syafie perlahan sambil melangkah masuk ke dalam Masjidil Haram yang penuh rahmat itu.

Tiba-tiba sayup-sayup kedengaran suara merdu melagukan Quran di dalam masjid. Mendayu-dayu bacaannya. Mata Imam Syafie melilau mencari gerangan yang sedang bertilawah itu, beliau kenal dengan pembacanya malah sedang merinduinya kerana sudah lama tidak berjumpa.

Jauh di satu sudut, duduk berteleku seorang pemuda yang

agak gelap kulitnya sedang asyik membaca Quran. Itulah Izzuddin al-Akmal, seorang pedagang yang kaya-raya dan sering berulang alik dari Makkah-Madinah-Syams. Imam Syafie tersenyum, tekaan beliau benar, sememangnya pemilik suara itu adalah Izzudin.

Namun, beliau tidak terburu-buru mendapatkannya kerana ada yang lebih diutamakan. Lalu Imam Syafie terus ke ruang hadapan masjid dan menunaikan solat *tahiyatul masjid* dan disusuli dengan solat hajat. Sujudnya lama, doanya diiringi dengan hamburan air mata, memohon kepada sang penciptanya dan akhirnya beliau hanyut dalam keasyikan bertemunya.

Seusai memberi Kuliyyah Usul Fiqh selepas solat asar bersama ahli jemaah di Masjidil Haram itu, Imam Syafie lekas mencari susuk tubuh Izzuddin, sudah lama tidak bertemu, beliau mahu bertanya khabar dan melepaskan rindu.

"Assalamualaikum," ucap seseorang dari belakang Imam Syafie.

"Waalaikummussalam," jawab Imam Syafie sambil menoleh.

Ternyata, Izzuddin terlebih dahulu menegurnya. Lalu dengan pantas Imam Syafie menghulurkan tangan untuk bersalam. Beliau mahu menjadi yang pertama menghulurkan salam buat sahabatnya itu, sesuai dengan sunnah Rasulullah.

"Apa khabar sahabatku yang sedang asyik di dalam

cintanya?" tanya Izzuddin, jiran merangkap sahabat baik Imam Syafie sejak kecil.

"Alhamdulillah, saya baik sahaja di sini. Bagaimana pula kamu? Sudah lama kita tidak bersua. Saya begitu rindu dengan kamu," jawab Imam Syafie sambil tersenyum.

Terserlah sifat penyayang dan mengambil berat beliau pada sahabat-sahabatnya. Begitulah peranan iman dalam hati, sesungguhnya iman itu berkait rapat dengan ukhuwah dan silaturahim. Imam Syafie begitu meyakini, iman yang kuat itulah juga yang meneguhkan hubungan para sahabat Rasulullah yang tergolong daripada Ansar dan Muhajirin dan akhirnya menjadi sahabat sejati hasil tarbiah Rasulullah.

"Alhamdulillah, saya juga baik sahaja. Saya baharu sahaja sampai dari Kota Madinah selepas membawa barang dagangan dari Shams ke kota itu. Kamu tahu sahabatku, di sana saya sempat Iktikaf di masjid Madinah dan siapa sangka, saya ditegur oleh seseorang yang sangat cerah wajahnya. Bersinar-sinar cahaya matanya," cerita Izzuddin dengan begitu teruja. Tergambar kegembiraan dan kebahagiaan daripada wajahnya yang bersih itu.

"Siapakah gerangan hamba Allah itu?" tanya Imam Syafie sambil tangan beliau masih kejap menyalami tangan sahabatnya itu. Beliau tidak mahu melepaskan genggaman tangan itu selagi mana Izzuddin tidak melepaskan tangan beliau.

"As-Syeikh Imam Malik, iaitu mufti Kota Madinah. Alhamdulillah, saya sendiri tidak menyangka dapat berjabat

tangan dan berbual dengan beliau. Selama enam tahun ini, saya hanya mampu melihat beliau dari jauh memberi Kuliyyah Ilmu dan sepanjang masa beliau sentiasa didampingi dengan anak murid beliau yang ramai dan berasal dari pelbagai ceruk negeri. Ternyata, beliau adalah seorang yang hebat dan penuh tawaduk dan cinta. Wajahnya bercahaya, bicaranya lembut penuh hikmah, bebola matanya terpancar sinar jihad, sentuhannya penuh tarbiah, beliau hanya memegang bahu saya, tetapi berjaya juga menyentuh hati saya dengan untaian kata-katanya. Saya sungguh gembira," cerita Izzuddin dengan penuh kegembiraan.

Imam Syafie terpana. Beliau terdiam seketika. Nama itulah yang memenuhi ruang piala hatinya kini. Kerinduannya kepada ulama besar yang menulis kitab *al-Muwatta'* itu semakin mendalam.

"Kenapa sahabatku? Adakah kamu juga sedang teringatkan Imam Malik? Sekiranya benar, sudah pasti kamu juga berpeluang untuk bertemu beliau. Alangkah bahagianya sekiranya saya menjadi kamu, dapat berdamping dengan pelbagai imam dan orang yang soleh," getus Izzuddin.

Imam Syafie serta-merta menundukkan kepalanya sambil berkata, "Sesungguhnya saya belum pernah bertemu dengan beliau. Kamu sungguh beruntung. Sesungguhnya orang alim itu sangat dekat dengan penciptanya," ujar Imam Syafie perlahan. Ada satu perasaan sayu dalam hati beliau, dan Izzuddin dapat mengesan ada getar daripada percakapan Imam Syafie itu.

“Tidak mengapalah, insya-Allah sekiranya ada rezeki untuk berjumpa beliau, kamu pasti juga dapat bertemu dengannya. Pasti kamu lebih mengetahuinya, siapalah saya untuk memberi nasihat kepada kamu,” bicara Izzuddin.

“Bukankah Allah sudah menjelaskan, ‘Dan tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang yang beriman’. Siapa pun saya, saya tetap perlukan peringatan dan nasihat. Terutama daripada seorang sahabat,” jelas Imam Syafie.

“Surah *ad-Dzariyyat*, ayat 55 bukan? Tetapi, bukankah kamu sudah pun menghafal kitab *al-Muwattha’* tulisan Imam Malik itu, bukankah lebih baik sekiranya kamu terus berguru dengan beliau? Saya yakin, pasti banyak yang kamu peroleh daripada beliau,” cadang Izzuddin.

“Sejujurnya, saya pun mempunyai keinginan bertemu malah berguru dengan beliau. Tetapi banyak perkara yang perlu saya pertimbangkan, lebih-lebih lagi perihal ibuku yang akan bersendirian sekiranya saya ke kota Madinah,” jelas Imam Syafie. Terbayang wajah tua ibunya di tubir mata beliau. Selepas ayahandanya meninggal dunia, hanya beliau yang menjadi peneman suka duka ibunya itu.

“Mengenai ibumu, usah dirisaukan. Bukankah kamu ada saya, saya boleh menjaga ibumu malah adikku Qatrunnada juga boleh menemani ibumu. Pergilah, sudah lama kamu mengkhatamkan kitab itu, mungkin sudah tiba masanya kamu berjumpa dengannya. Persoalan ibumu itu usah dirisaukan, kamu punya aku, malah kamu juga punya Allah

yang akan sentiasa menjaga ibumu," pujuk Izzuddin sambil memandang Imam Syafie dengan pandangan yang redup dan mendamaikan.

"Terima kasih, kamu sentiasa menjadi orang pertama yang akan membantu saya di saat saya kesusahan. Tetapi, saya perlu meminta kebenaran ibuku terlebih dahulu dan juga memohon pendapat Imam-imam dan guru-guruku di sini, mungkin mereka mempunyai pandangan yang berbeza," jelas Imam Syafie.

"Sekiranya begitu, tidak mengapalah, jumpalah mereka dan berbincanglah. Sekiranya kamu bersetuju untuk ke kota Madinah, usah bimbang mengenai ibumu itu," kata Izzuddin.

Akhirnya mereka berdua melangkah keluar dari perkarangan Masjidil Haram itu lalu menuju ke rumah mereka yang terletak tidak jauh dari Masjidil Haram. Di sepanjang perjalanan, Izzuddin tidak putus-putus menceritakan mengenai *keizzahan* Imam Malik kepada Imam Syafie, jauh di sudut hati Izzuddin, dia tersangat mahukan Imam Syafie ke sana, Izzuddin merasakan rugi bagi Imam Syafie sekiranya tidak berguru dengan Imam Malik kerana Izzuddin benar-benar meyakini Imam Syafie juga mampu menjadi sehebat Imam Malik malah mungkin lebih hebat. Siapa mampu mengetahui mengenai itu bukan?

"*Sodaqallah al-Azhim*...," tutur Ummu Habibah al-Uzdiyyah sambil menutup Quran lalu menciumnya lama.

Perlahan-lahan Imam Syafie mendekati ibunya. "Ibu,

anakanda mahu meminta pendapat dan keizinan daripada ibu."

"Katakanlah sahaja anakku," balas Ibu Imam Syafie sambil menanggalkan kain telekung yang sedang dipakainya.

Imam Syafie tidak menjawab, beliau cuba menyusun kata-kata yang terbaik untuk diucapkan kepada ibunya.

"Apakah sudah tiba masanya kamu memikirkan untuk bernikah anakku?" teka ibunya sambil tersenyum penuh makna.

"Bukan begitu, anakanda masih belum berniat lagi menambahkan bilangan penghuni rumah ini, tetapi anakanda berniat mahu mengurangkan penghuni di dalam rumah ini buat sementara," tutur Imam Syafie sambil menunduk, beliau tidak berani menatap ekspresi wajah ibunya.

"Kamu mahu ke mana?" tanya ibunya sambil mengusap-usap lembut rambut Imam Syafie.

"Anakanda berhajat mahu menuntut ilmu dengan Imam Malik di Kota Madinah. Sebenarnya anakanda sendiri tidak tahu sama ada Imam Malik sudi ataupun tidak menerima anakanda sebagai anak murid, mungkin anakanda perlu berbincang dahulu dengan para imam dan guru-guru anakanda di sini. Tetapi sebelum itu, anakanda mahu memohon izin daripada ibu dahulu, sesungguhnya apabila restu seorang ibu mendahului, maka sudah pasti reda dan restu Allah mengiringi. Sekiranya ibu tidak membenarkan, anakanda dengan rendah diri akan ikut dan taat kepada

keputusan ibu itu dan begitu juga sebaliknya," jelas Imam Syafie.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah tersenyum lebar, "Jadi, inilah keinginan yang mengganggu fikiran anakanda petang tadi? Pergilah anakku. Ibu berbesar hati menghantar kamu masuk ke medan jihad ilmu ini, kerana ibu yakin, hidup kita bukan semata-mata untuk diri tetapi kita juga mempunyai amanah yang perlu dilangsaikan buat masyarakat. Pergilah, ibu merestui keputusan dan keinginan kamu. Teruslah menuntut ilmu, kerana itulah sebaik-baik teman dan harta," jawab ibu Imam Syafie memberi galakan.

"Tetapi, anakanda akan meninggalkan ibu sendirian. Tidak mengapakah begitu? Bukankah anakanda juga mempunyai amanah kepada ibu?" tanya Imam Syafie

"Usah risau mengenai ibu, suatu masa nanti kita akan ditinggalkan sendirian untuk bertemu Allah, sama ada ibu yang meninggalkan kamu ataupun kamu yang akan meninggalkan ibu terlebih dahulu. Lagipun anakanda hanya sekadar pinjaman Allah buat ibu," jawab Ummu Habibah al-Uzdiyyah penuh hikmah.

Imam Syafie tersenyum lembut. Hatinya sejuk mendengar bicara ibunya itu, sesejuk titisan embun yang mulai membasahi bumi Mekah pada awal pagi itu.

"Pergilah berjumpa para Imam dan para gurumu, berbincanglah dengan mereka," beritahu ibu beliau lagi.

Imam Syafie menjadi sebak dengan galakan dan kesungguhan yang dipamerkan ibunya. "Ibu, terima kasih

kerana menjadi seorang ibu yang baik untuk anakanda dan terima kasih juga kerana sentiasa menyokong anakanda selama ini," kata Imam Syafie sambil memeluk erat ibunya.

Perlahan-lahan Ummu Habibah mengusap belakang anak tersayangnya itu sambil berkata, "Ibu tidak mampu memberikan kamu harta dan barangan mewah, hanya ilmu yang mampu ibu berikan sebagai harta. Pergilah ke mana yang kamu mahukan untuk menuntut ilmu, kerana ibu yakin, dengan ilmu kamu akan terselamat daripada tipu daya dunia."

Imam Syafie menjadi semakin sebak lalu memperkemaskan pelukan. Akhirnya mereka menangis di atas sejadah hijau yang lusuh itu sambil disaksikan oleh Izzudin yang turut berada di situ.

Imam Syafie melangkah masuk ke perkarangan Masjidil Haram, Imam Ismail al-Khustantani, Imam Sufyan bin Uyainah, Abdurrahman bin Abu Bakar dan Imam Muslim bin Khalid az-Zanji sedang duduk di dalam satu *halaqah*, terpamer senyuman daripada setiap wajah mereka.

"Assalamualaikum wahai tetamu Raudhatul Jannah," sapa Imam Syafie sambil menghulurkan salam buat setiap imam yang sudah pastinya sedang *berhalaqah* dan *bermuzakarah* mengenai ilmu Allah yang sebegitu luas.

"Waalaikummussalam ya Abu Abdullah, mari sertai kami di majlis ilmu ini," ujar Imam Ismail al-Khustantani kepada Imam Syafie.

Imam Syafie memandang wajah guru hadisnya yang

tersohor dan tawaduk itu sambil tersenyum berkata, “Sudah pasti wahai guruku, siapakah yang begitu sombong hinggakan tidak mahu berada bersama-sama di dalam taman-taman syurga?”

Lantas Imam Syafie melabuhkan punggungnya di sebelah Imam Muslim Bin Khalid az-Zanji, seorang ulama yang dihormati ketika itu.

“Sekiranya saya tidak silap, ada sesuatu yang sedang menyelubungi hatimu. Tidakkah kamu mahu berkongsi bersama kami?” tegur Imam Sufyan bin Uyainah.

Imam Syafie terpempan dan terpana. Beliau memandang tepat ke arah muka gurunya yang amat disayangi itu.

“Kenapa? Kamu terkejut? Bukankah Rasulullah berkata, 'Berhati-hatilah dengan firasat orang mukmin’. Sudah pasti Imam Sufyan mampu menyingkap rahsia dalam dadamu,” ujar Imam Ismail al-Khustantani sambil mengurut bahu Imam Syafie.

“Ayuh, kongsikan bersama kami,” pujuk Imam Abdurrahman bin Abu Bakar dengan melontarkan pandangan yang begitu redup.

Imam Syafie menarik nafas panjang, mencari kekuatan untuk berbicara. “Begini wahai para guruku, penerus perjuangan anbia, hati saya begitu terpanggil sekali untuk bermusafir ke kota Madinah bagi menuntut ilmu dengan Imam Malik bin Anas. Tetapi sebelum itu saya berbesar hati memohon nasihat dan pandangan daripada para guru sekalian sama ada perlu ataupun tidak untuk saya ke

sana."

"*Subhanallah*! Itu satu kemahuan dan azam yang baik wahai anak muda. Pergilah ke kota Madinah, dan bergurulah dengan Imam Malik di sana. Saya berbangga sekiranya anak muridku ini sanggup bermusafir beribu batu semata-mata mahu menuntut ilmu," balas Imam Ismail al-Khustantani sambil menepuk belakang badan Imam Syafie.

"Betul, pergilah wahai Abu Abdullah, kamu layak berguru dengannya, malah ini adalah suatu perkara yang digalakkan dalam Islam," celah Imam Sufyan bin Uyainah pula.

Imam Syafie hanya berdiam diri dan tunduk.

"Sebenarnya, apakah yang menggusarkan hatimu? Ceritakan sahaja, kamu sudah kami anggap seperti anak kami sendiri," bicara Imam Muslim Khalid al-Zanji lembut.

Imam Syafie tersenyum, sesungguhnya gurunya ini bijak memahami gejolak perasaannya ketika ini.

"Saya khuatir, adakah Imam Malik setuju menerimaku sebagai anak murid ataupun tidak, dengan rendah diri saya mengakui tidak sehebat anak murid Imam Malik yang berasal dari serata pelosok buana itu dan saya juga bimbang untuk meninggalkan ibuku di sini," ujar Imam Syafie.

"Usah kamu khuatir fasal ini semua. Mengenai ibumu itu tidak perlu kamu risau, kami dan penduduk kota ini sentiasa bersedia menjaga kebajikan dan keselamatan

ibumu itu," pujuk Imam Sufyan bin Uyainah lembut.

"Saya yakin yang Imam Malik pasti bersetuju menjadi gurumu apatah lagi dengan kedudukanmu sebagai mufti di kota Mekah ini. Tetapi sekiranya itu yang merisaukan kamu, kamu boleh meminta gabenor kita menuliskan surat bagi memperkenalkan kamu kepada Imam Malik bin Anas itu," cadang Imam Ismail al-Khustantani.

"Betul, saya setuju dengan pendapatmu, Imam Ismail. Mungkin itu akan memudahkan urusan anak murid kita ini di sana," sahut Imam Muslim al-Zanji.

"Kamu tidak perlu risau, kami pasti membantumu," ujar Imam Sufyan.

"Maha suci Allah yang mempermudahkan segala urusan," bisik Imam Syafie dalam hati lalu beliau tunduk menyalami kesemua guru-gurunya di situ. Ada tautan *mawaddah* yang kian mengukuh kuat di hati-hati mereka, sekukuh akar pepohon tamar yang mengakar di tanah gersang kota Mekah itu.

******

"Assalamualaikum," ucap Imam Ismail al-Khustantani di perkarangan rumah Imam Syafie.

"Waalaikummussalam," jawab Imam Syafie sambil meletakkan tasbih yang dipegang ke dalam poket jubah beliau. Dengan pantas daun pintu rumah beliau dikuak dan kelihatan satu susuk tubuh kecil milik Imam Ismail al-Khustantani yang sedang tersenyum lebar.

"Kenapa wahai guruku? Apa yang mendorongmu ke sini?" tanya Imam Syafie sambil berjabat tangan.

"Wahai anak muda, sudahkah kamu menunaikan solat Duha? Sekiranya sudah selesai, ayuh kita pergi ke pejabat Gabenor Kota Mekah ini. Saya sudah berjanji membawa kamu bertemu dengannya," jelas Imam Ismail al-Khustantani.

"Tetapi saya tidak mahu menyusahkan gabenor kita. Sudah pasti beliau mempunyai pelbagai bebanan kerja lebih penting yang perlu diselesaikan," ujar Imam Syafie berbaur bimbang.

"Kamu jangan khuatir. Saya sudah pun berbincang dengan gabenor kita selepas solat subuh tadi dan beliau bersetuju membantumu, tetapi beliau mengamanahkan saya membawa kamu bertemunya kerana gabenor kita turut mempunyai hajat yang lain bagi diserahkan kepadamu," jelas Imam Ismail al-Khustantani lagi.

Akhirnya Imam Syafie akur mengikut guru hadisnya itu ke pejabat gabenor yang terletak jauh di tengah kota. Matahari ketika itu sedang naik, memancar dan menghangat ke seluruh isi kota Mekah. Sesekali Imam Syafie mengelap manik-manik halus peluh yang mulai terbit di dahi, sesekali pula beliau mencuri pandang wajah Imam Ismail al-Khustantani, ternyata tiada peluh pada wajah tua itu malah wajahnya bercahaya dan cerah. Beliau asyik membilang biji-biji tasbih sambil berjalan dengan agak laju.

"Kenapa?" tanya Imam Ismail al-Khustantani.

“Saya kagum melihat kesungguhan dan semangatmu wahai guruku, walhal sayalah yang sebenarnya mahu ke kota Madinah,” getus Imam Syafie perlahan.

“Saya buat begini bukan semata-mata untukmu sahaja, tetapi semata-mata kemahuan saya yang sebegitu kuat mahu melihat Islam itu gemilang kembali. Pergilah kamu menuntut ilmu di kota Madinah itu, pelajari dan perkembangkanlah ilmu Allah ke serata pelosok negeri, kerana saya yakin, hanya cahaya ilmu dan hikmahnya mampu memadam kegelapan kekufuran yang kian bermaharajalela di bumi Allah ini,” ujar Imam Ismail al-Khustantani lagi.

Imam Syafie memandang wajah gurunya itu sambil berkata, “Baiklah, sememangnya itulah juga harapan dan cita-citaku. Moga dipermudahkan usaha kita ke arah itu.”

Sesampainya mereka di pejabat gabenor, gabenor yang bertubuh gempal itu sudah pun menunggu mereka di hadapan pintu, lalu dibawanya mereka berdua ke dalam biliknya.

“Imam Ismail sudah pun memberitahuku mengenai hajatmu, saya senang sekali sekiranya dapat membantumu. Selain surat untuk diserahkan kepada Imam Malik, apakah ada lagi yang boleh saya bantu?” tanya gabenor sambil menyerahkan surat yang sudah ditulisnya kepada Imam Syafie.

“Alhamdulillah, setakat ini saya tidak memerlukan apa-apa bantuan lagi, insya-Allah saya yakin Allah pasti membantu hamba-hambanya. Semoga Allah memberkati Tuan

Gabenor berserta para guruku yang begitu banyak membantu," kata Imam Syafie sambil menyelitkan surat itu di celah mushafnya yang berwarna coklat lusuh itu.

"Jadi bilakah kamu akan berangkat?" tanya gabenor lagi.

"Selepas selesai segala urusan saya di sini, dengan secepat mungkin saya akan berangkat ke sana. Saya memohon doa keselamatan daripada Tuan," ujar Imam Syafie sambil melemparkan pandangan lembut kepada gabenor

"Kamu tidak perlu bimbang, Allah pasti akan menjagamu. Ambil ini, ini sedikit bekalan wang bagi menampung makan minum kamu di sana," kata gabenor sambil menghulurkan satu uncang hitam yang berisi syiling dinar kepada Imam Syafie.

Imam Syafie terpempan. Suasana menjadi sunyi sebentar, yang kedengaran hanyalah alunan bacaan Quran yang dibaca oleh anak gabenor dari bilik bersebelahan.

Imam Ismail al-Khustantani yang melihat peristiwa itu seolah-olah memahami apa yang menyelubungi hati anak muridnya ketika itu, lalu diambilnya uncang itu dan diletakkan ke dalam telapak tangan Imam Syafie. Imam Syafie seolah-olah kaku dan tidak bersuara.

"Bukan saya tidak mengerti sifat zuhudmu itu, tetapi ambillah kerana kami ada hajat yang lebih besar yang mahu kami sampaikan kepadamu," pujuk Imam Ismail al-Khustantani lembut menusuk ke kalbu.

“Sebenarnya Abu Abdullah, saya mahu menyampaikan amanahku sebagai gabenor merangkap wakil penduduk bumi Mekah ini kepadamu. Kamu layak menerima wang itu kerana kami mahu mengamanahkan dirimu berguru dengan Imam Malik bin Anas. Selepas itu kamu akan dipertanggungjawabkan atas bidang ilmu yang kamu pelajari itu bukan sahaja kepada penduduk Mekah tetapi kepada seluruh manusia di muka bumi ini,” jelas gabenor dengan tegas.

Sekali lagi Imam Syafie terpana. Tiba-tiba air mata mengalir laju menuruni hingga ke bawah dagu beliau. Ada getar dalam jiwa beliau apabila memikirkan amanah yang perlu dilunaskan. Sebagai seorang ayah, Imam Ismail al-Khustantani datang mengusap lembut bahu Imam Syafie sambil mengalunkan ayat 10 hingga 13 surah *as-Saff*. Mendayu-dayu meresap lembut ke tangkai hati manusia yang mendengarnya.

“Wahai orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan rasulnya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu, yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, sekiranya kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (Dengan itu) Allah pasti mengampunkan dosa-dosa kamu, dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, serta ditempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam syurga Adn. Itulah kemenangan yang besar. Ada lagi limpah kurnia yang

kamu sukai, iaitu pertolongan daripada Allah dan kemenangan yang cepat (masa berlakunya). Sampaikanlah berita yang menggembirakan itu kepada orang yang beriman."

Perlahan-lahan Imam Ismail al-Khustantani menyapu air mata di pipi Imam Syafie sambil berkata, "Semoga ketakutanmu ini menjadi pendorong yang kuat untuk kamu menuntut ilmu di sana. Pergunakanlah peluang ini sebaik mungkin."

Akhirnya mereka bersatu dalam pelukan yang lama sambil diperhatikan oleh gabenor yang juga sedang menyapu air mata di pipinya sendiri.

Malam itu gerimis turun membasahi bumi Mekah. Desiran angin yang kuat itu terkadang menenggelami alunan bacaan Imam Syafie yang sedang mengimamkan solat isyak di Masjidil Haram.

Sesudah solat, serta-merta Izzuddin mendatangi Imam Syafie yang ketika itu sedang asyik memerhatikan rintik-rintik hujan melalui jendela masjid.

"Alhamdulillah, Izuddin. Sudah lama bumi gersang ini tidak diberi minum, hujan itu turun bersama rahmat dan rezeki," ujar Imam Syafie kepada Izzuddin perlahan.

"Mungkin bumi Mekah ini sedang menangisi kamu yang akan merantau jauh," pintas Izzuddin sambil tangannya dikeluarkan dari jendela bagi menyentuh titisan hujan yang sedang turun.

Imam Syafie tersenyum mendengar kata-kata Izzuddin. Beliau sekadar mendiamkan diri dan matanya merenung jauh ke luar jendela.

"Jadi bagaimana sahabatku, bilakah kamu akan bertolak ke kota Madinah?" tanya Izzuddin.

"Mungkin esok ataupun lusa saya akan berangkat ke sana. Tetapi saya sendiri belum pasti bagaimana saya hendak ke sana. Sama ada menunggang unta sendiri ataupun menumpang kafilah dagang yang akan ke sana. Saya tidak begitu mengetahui selok-belok jalan menuju ke sana," jawab Imam Syafie.

"Oh, kebetulan saya mempunyai rakan dagang yang saya hormati di kota Mekah ini. Mereka akan bertolak ke Madinah sesudah solat subuh esok bagi membawa barang dagangan ke kota Madinah. Mungkin kamu boleh menumpang mereka," beritahu Izzuddin gembira. Lega hatinya sekiranya dapat membantu Imam Syafie pergi ke kota Madinah yang penuh rahmat itu.

"Alhamdulillah, sekiranya begitu, lebih mudah perjalananku. Tetapi saya perlu berjumpa ketua kafilah itu bagi memohon izin daripadanya terlebih dahulu," ujar Imam Syafie sambil tersenyum nipis.

Izzuddin memeluk bahu Imam Syafie dan berkata, "Kamu tidak perlu risau, ketua kafilahnya ada di sebelah almari kitab-kitab yang terletak di hadapan masjid itu," beritahu Izzuddin lalu tangannya menuding ke arah satu susuk tubuh yang tinggi dan kurus badannya dan di ribaannya terdapat dua kanak-kanak sedang meletakkan kepala

mereka di situ. Kanak-kanak itu sedang tidur dengan nyenyaknya.

"Ayuh, kita bertemunya," getus Imam Syafie lalu menyusun langkah ke arah lelaki itu. Izzuddin dengan segera berjalan di sebelah beliau sambil mengesat tangannya yang basah kerana menyentuh titisan hujan dari jendela.

"Assalamualaikum saudaraku Naufal," sapa Izzuddin sambil melabuhkan punggungnya untuk duduk di sebelah pemuda itu.

Pemuda bertubuh kurus itu segera mengangkat kepalanya mahu melihat gerangan yang menyapanya. "Waalaikummussalam. Apa yang boleh saya bantu?" tanya Naufal dengan begitu lembut. Beliau mengalihkan pandangan ke arah Imam Syafie lantas menundukkan kepala tanda hormat kepada Imam Masjidil Haram itu.

Imam Syafie menghulurkan tangan untuk berjabat sambil berkata, "Saya mempunyai hajat yang mahu disampaikan kepadamu wahai Naufal. Itu pun sekiranya kamu tidak keberatan."

"Sudah pasti saya berbesar hati sekiranya dapat membantumu. Katakan sahaja, saya pasti mencuba sedaya upaya membantu sekiranya mampu," jelas Naufal dengan bersungguh-sungguh.

"Begini, saya bercadang mahu merantau ke kota Madinah, tetapi saya sendiri tidak begitu fasih dengan selok-belok perjalanan ke sana. Saya dengan rendah diri memohon menumpang kafilah dagang kamu yang akan ke sana pada

pagi esok. Sekiranya ada sedikit keberatan daripada pihak kamu menumpangkan saya, saya dengan lapang dada menerimanya tanpa sebarang dendam," ujar Imam Syafie sambil tersenyum.

Sesekali kanak-kanak yang sedang tidur di ribaan Naufal itu menggerak-gerakkan badannya. Mungkin terganggu dengan perbualan mereka ataupun sedang kesejukan menahan hembusan udara dingin yang menerpa masuk ke dalam Masjidil Haram itu. Naufal mencabut serbannya, lalu diselimutkan kanak-kanak itu dengan penuh kasih sayang. Terpancar akhlak seorang Muslim yang begitu indah hasil daripada iman yang kukuh mengakar dalam jiwa.

"Wahai muftiku, kenapa kamu mengatakan begitu. Saya mengalukan kedatangan kamu bersama-sama kami ke kota Madinah. Pasti ada rahmat dan berkat yang mengiringi kami ke sana dek kerana hadirnya insan yang soleh seperti kamu dalam kafilah kami. Marilah, kita bermusafir bersama ke sana," balas Naufal dengan begitu gembira sambil tangannya memegang kemas kedua-dua belah tangan Imam Syafie.

"Alhamdulillah, semoga Allah juga mempermudahkan urusan kamu," bisik Imam Syafie dan Izzuddin serentak.

Malam itu, Imam Syafie mengemaskan barang-barang yang mahu dibawanya ke Madinah. Beliau mengambil beberapa kitab kesayangannya dan diletakkan di dalam kantung yang akan di bawanya ke kota Madinah esok. Ummu Habibah al-Uzdiyyah pula sedang tekun menjahit stoking kaki buat anak kesayangannya. Hanya sepasang

stoking kaki yang mampu Ummu Habibah al-Uzdiyyah berikan buat anak kesayangannya sebagai bekal dan hadiah.

“Anakandaku, kamu sudah siap mengemas semua barang yang hendak dibawa?” tanya Ummu Habibah al-Uzdiyyah tenang.

“Insya-Allah, segalanya sudah cukup,” balas Imam Syafie mesra.

“Ambillah stoking kaki ini. Ini sahaja yang mampu Ummu berikan kepadamu,” jelas Ummu Habibah al-Uzdiyyah sambil menghulurkan stoking tebal yang dibuatnya itu kepada anaknya tersayang.

Imam Syafie terkesima. “Terima kasih ibu, tidak perlu ibu bersusah payah untuk saya. Saya tidak sanggup melihat ibu kepenatan. Cukuplah ibu menghadiahkan saya restu dan doa yang berpanjangan demi kejayaan dan keselamatan saya,” ujar Imam Syafie sambil menyimpan stoking kaki itu ke dalam kantung hitamnya.

Ketika itu juga Ummu Habibah al-Uzdiyyah bangkit perlahan-lahan menuju ke ruang tidurnya. Ada rasa sayu menyelubungi hati Imam Syafie pada saat itu.

“Ibu,” tegur Imam Syafie perlahan.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah berpaling sambil tersenyum lembut. “Kenapa?” tanya Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

“Ibu, adakah ibu benar-benar membenarkan anakanda bermusafir ke kota Madinah?” tanya Imam Syafie.

“Sudah pasti ibu membenarkan kamu pergi,” jelas Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

“Apakah ibu tidak berkecil hati dengan pemergian anakanda ini?” tanya Imam Syafie lagi.

“Kenapa kamu bertanya sebegitu? Usah dirisau mengenai diri ibu di sini. Ibu benar-benar mahu kamu pergi berjuang di medan ilmu dan sejujurnya ibu melepaskan kamu dengan lapang dada,” jelas Ummu Habibah al-Uzdiyyah lagi lalu datang menghampiri Imam Syafie.

Diusap lembut rambut anakanda kesayangannya seraya berkata, “Sudahlah, ibu tidak mahu dan tidak akan menjadi batu penghalang untuk kamu menuntut ilmu. Periksalah kantungmu, pastikan tiada barang penting yang tertinggal. Kemudian pergilah berehat sebentar. Esok kamu akan bermusafir jauh,” ujar Ummu Habibah al-Uzdiyyah lembut.

“Anakanda cuma risaukan ibu kerana selama 20 tahun anakanda hidup, belum pernah lagi anakanda meninggalkan ibu sendirian. Sekiranya ibu tidak merelakan anakanda pergi, tidak mengapa. Anakanda akan taat dan patuh mengikut arahan ibu,” beritahu Imam Syafie sayu.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah tersenyum lebar dan terus memeluk anak tunggalnya itu. “Pergilah, kamu punya amanah yang besar untuk Islam dan seluruh ummah,” jelas Ummu Habibah al-Uzdiyyah dengan tegas.

Keesokan harinya selepas sembahyang subuh, Imam Syafie dan para pedagang berangkat ke kota Madinah. Perjalanan mereka lancar kerana tidak ada apa-apa yang

menghalang. Imam Syafie sedang asyik membilang biji-biji tasbih, kadang-kadang kedengaran laungan qasidah yang dinyanyikan oleh pemuda-pemuda kafilah yang pergi bersama-sama beliau bagi menghilangkan suasana bosan menaiki unta di tengah padang pasir yang gersang itu.

Imam Syafie menumpang pergi ke Madinah bersama-sama kelompok kafilah yang anggotanya sekitar 45 orang. Beliau beruntung kerana ketua kafilah, iaitu Naufal menyediakan unta yang baik untuk beliau serta turut memberikan pelbagai bekalan makanan dan minuman sepanjang perjalanan ke kota Madinah.

"Wahai orang muda, saya selalu memerhatikan dirimu memberi Kuliyyah Usul Fiqh di Masjidil Haram. Kamu sebegini muda, tetapi sudah memahami disiplin ilmu yang sungguh luas dan mendalam. Saya begitu tertarik mengenalimu dengan lebih rapat," ujar seorang anggota kafilah yang bernama Ubaidillah.

Imam Syafie hanya tersenyum nipis. Hatinya masih ligat bertasbih dan bertahmid kepada Allah.

"Mungkin dari jauh saya kelihatan begitu indah untuk didekati, tetapi mungkin juga apabila sudah berdekatan baru kamu akan mengenali kejelekan diri ini," tutur Imam Syafie dengan merendah diri.

"Tidak sama sekali. Semakin saya mendekatimu, semakin saya kagum dan mahu rapat denganmu. Dengan sekadar melihat wajahmu sahaja sudah cukup membuatkan saya jatuh cinta kepada Allah," ujar Ubaidillah dengan jujur.

Tiba-tiba Naufal menjerit memberitahu, kafilah akan berhenti berehat dan solat sebentar di satu kawasan yang agak lapang. Imam Syafie dan Ubaidillah lekas-lekas turun dari unta yang mereka naiki lalu pergi ke telaga mata air yang berhampiran dengan tempat mereka berhenti. Mereka perlu beratur bagi mendapatkan mata air itu memandangkan hanya ada sebiji timba di situ. Imam Syafie melihat anggota kafilah yang turut sama beratur di belakangnya. Ada wanita, kanak-kanak, orang dewasa malah ada juga yang hampir sebaya dengan beliau.

"Ambillah dahulu air ini," ujar Imam Syafie kepada seorang wanita separuh abad yang juga sedang menunggu giliran menggunakan timba.

Ibu separuh abad itu, iaitu Rowaida begitu terpesona dengan kebaikan hati Imam Syafie,

"Alangkah halusnya budi dan akhlakmu wahai anak muda, semoga Allah memberkatimu," kata Mak Cik Rowaida terharu.

Begitulah yang terjadi, hingga akhirnya Imam Syafie memberi peluang dan mendahulukan anggota kafilah yang lain terlebih dahulu mengambil air walaupun sebenarnya giliran beliau lebih awal berbanding anggota kafilah yang lain.

Naufal, Saad dan Ubaidillah hanya duduk dan memerhati dari jauh gelagat dan tindak tanduk kesemua anggota kafilahnya.

"Cuba kalian perhatikan akhlak Imam Syafie itu. Beliau

mengutamakan orang lain berbanding kepentingan dirinya sendiri. Seawalnya tadi dia beratur di belakangku, tetapi sekarang dia menjadi orang yang paling terakhir menggunakan telaga itu," kata Ubaidillah kepada Naufal dan Saad yang merupakan saudara rapatnya.

"Sudah lama saya memerhatikan beliau, kita semua berkejar ke telaga itu bagi mendapatkan minuman dan membasahkan badan yang kepanasan, tetapi beliau sebaliknya hanya mengambil wuduk lalu terus bergegas menunaikan solat sunat," beritahu Naufal dengan begitu kagum.

"Malahan beliau disayangi semua anggota kafilah kerana budi pekerti dan sifat zuhudnya yang begitu tinggi. Acap kali saya melihat beliau memangku kedua-dua anakmu itu Naufal, beliau melayan si kecil Syahid dan Yassin sambil bacaan Quran tidak pernah lekang dari mulutnya," cerita Saad dengan suara yang agak perlahan. Beliau kurang sihat, badannya sekejap terasa panas dan sekejap terasa sejuk.

"Beliau seorang insan yang baik dan mengingatkan saya dengan pekerti Rasulullah yang akhlaknya seindah Quran itu," kata Naufal.

Tiba-tiba ada laungan yang agak kuat. "Wahai saudaraku, matahari sudah pun tinggi. Ayuh, kita tunaikan solat. Sudah masuk waktunya," beritahu Waqiyuddin separa menjerit kepada semua anggota kafilah.

Mereka meninggalkan semua pekerjaan mereka dan bergegas menunaikan solat. Seketika kemudian,

terdengarlah laungan azan daripada Waqiyuddin yang mengisi ruang pendengaran dan hati kesemua yang mendengarnya.

“ Wahai Imam Syafie,” kata Naufal sambil menunjukkan tempat imam kepada Imam Syafie.

Imam Syafie menganggukkan kepala tanda memahami maksud Naufal lalu bergerak ke hadapan bagi mengetuai solat jemaah mereka semua. Semua anggota kafilah turut berdiri memenuhi saf.

Sesudah Imam Syafie memberi sedikit tazkirah dan *mau’izah* kepada ahli jemaah, mereka semua terus bergegas bersiap sedia meneruskan perjalanan. Manakala Imam Syafie pula sudah jauh tenggelam dalam keasyikan bertilawah Quran. Tanpa beliau sedari, enam orang kanak-kanak yang duduk mengelilingi beliau kerana terpikat dengan kemerduan suara Imam Syafie.

“Pak cik, ajarlah kami membaca Quran sehebat pak cik,” pinta anak Naufal, iaitu Syahid.

Semua kanak-kanak yang lain pula mengangguk-anggukkan kepala mereka dengan laju, tanda mereka benar-benar menginginkan Imam Syafie mengajar mereka.

“Boleh wahai anak kecil, tiada salahnya untuk pak cik mengajar kamu semua,” jawab Imam Syafie sambil memegang bahu kanak-kanak itu.

Serta-merta keenam-enam kanak-kanak itu menerkam lalu memeluk Imam Syafie secara serentak kerana terlalu

gembira. Imam Syafie membiarkan sahaja kanak-kanak itu menggomol beliau, kerana beliau dapat melihat sinar kebahagiaan daripada mata kanak-kanak itu.

Tiba-tiba kanak-kanak itu berhenti daripada memeluk beliau selepas mendengar laungan daripada Abu Huzaifah yang mengajak semua anggota kafilah untuk berangkat.

“Ayuh! Naik ke atas unta kalian dengan segera, kita mahu bertolak tidak lama lagi,” beritahu Imam Syafie kepada semua kanak-kanak itu.

Kanak-kanak itu segera berlari mencari penjaga mereka yang sudah bersedia menunggu di atas unta. Imam Syafie merenung jauh, beliau menghitung hari sambil menjangka waktu ketibaan mereka semua ke kota Madinah. Menurut Naufal, perjalanan ke kota Madinah biasanya mengambil masa selama lapan hari, dan sepanjang waktu itu Imam Syafie terus-menerus berzikir serta membaca Quran di samping mengajar anggota kafilah mengenai ilmu hadis dan usul fiqh.

Akhlak dan pekerti beliau yang baik membuatkan beliau semakin disenangi dan disayangi oleh semua anggota kafilah. Melihat kebaikan dan pengaruh Imam Syafie yang begitu baik, dalam senyap, Naufal mula merangka sesuatu bersama saudara terdekatnya, Ubaidillah.

“Saya merasakan ada baiknya sekiranya Imam Syafie berada bersama-sama kita untuk berniaga,” cadang Naufal.

“Saya juga merasakan begitu saudaraku. Beliau mempunyai akhlak yang baik dan jujur. Saya yakin beliau

mampu membantu kita," sahut Ubaidillah sambil membetulkan tali yang mengikat untanya.

"Pekerti dan budinya mampu memberi pesona dan mempengaruhi pembeli supaya membeli dengan kita. Kamu boleh lihat sahaja, senyumnya tidak pernah lekang daripada bibirnya, bukankah itu adalah aset seorang peniaga?" getus Naufal sambil mencuri pandang ke arah Imam Syafie yang ralit membaca Quran.

"Malah, kehadiran beliau bersama kita sedikit sebanyak berjaya merubah akhlak dan laku pekerja kita di sini. Anggota kafilah sudah semakin dekat kepada Allah malah semakin jujur. Dalam pemerhatian saya, biasanya akan tercetus pergaduhan atau perselisihan antara pekerja kita ketika menjalankan amanah ketika bermusafir. Apatah lagi apabila melibatkan jadual menjadi pengawal yang akan mengetuai kafilah kita di hadapan, penunjuk jalan, peninjau tempat untuk berhenti, penjaga barangan dagangan dan sebagainya. Tetapi, maha suci Allah, hingga saat ini masih belum kedengaran anggota kafilah yang merungut tidak berpuas hati," ujar Naufal lagi.

"Benar, saya bersetuju denganmu. Amalan dan akhlak beliau sedikit sebanyak meresap ke dalam hati anggota kafilah kita. Beliau tidak pernah lekang daripada berzikir, malah beliau berjaya mengkhatam Quran hingga 16 kali," beritahu Ubaidillah dengan begitu bersemangat.

"Sekiranya begitu, saya akan mengajaknya menjadi sebahagian daripada perniagaan kita," ujar Naufal lagi.

"Baguslah sekiranya begitu. Kamu perlu bijak menyusun

kata, kerana hati saya yakin merasakan beliau pasti menolaknya memandangkan beliau mempunyai tujuan lain untuk datang ke bumi Madinah. Kamu perlu bertanya kepadanya secepat mungkin memandangkan kita sudah hampir dengan Madinah," luah Ubaidillah sambil meneguk air madu.

"Baiklah," jawab Naufal lalu bergegas menarik tali untanya mendekati unta yang dinaiki oleh Imam Syafie.

Dari jauh, Ubaidillah memerhati gelagat Naufal yang sedang berbincang dengan Imam Syafie perihal hajatnya tadi. Perbincangan itu tidak lama, seketika kemudian Naufal kembali mendekati Ubaidillah.

"Bagaimana, Naufal?" tanya Ubaidillah.

"Tidak berjaya. Beliau sememangnya tekad mahu berguru dengan Imam Malik bin Anas. Tetapi saya langsung tidak berkecil hati. Beliau sungguh santun dalam berbicara hinggakan saya langsung tidak terkilan dengan penolakannya. Maha suci Allah, sungguh baik hambamu itu ya Allah," getus Naufal dengan nada yang begitu terharu.

Bab 9 Bertemu Imam Malik

Banyakkanlah amal soleh kerana ia adalah pendinding dan perisai orang mukmin dan pelindung daripada serangan iblis.

Tiba-tiba qasidah yang sedang dilagukan terhenti, dan seketika kemudian terdengar laungan, "Alhamdulillah, kita sudah memasuki tanah suci Madinah!" laung Sulayman as-Sudaiisy.

Imam Syafie menghentikan bacaan Qurannya. Beliau memandang ke tengah bandar Madinah dengan satu harapan yang besar berserta senyuman lebar di bibir. Lantas beliau turun dari untanya lalu sujud mensyukuri percaturan penciptanya. Angin petang menghembus lembut ke mukanya, seolah-olah meraikan tetamu Allah yang bakal memakmurkan dunia dengan tintanya.

"Wahai Syafie, ke mana hala tujumu selepas ini? Sekiranya tidak keberatan, kamu boleh tinggal di rumah tumpangan kami," pelawa Naufal.

"Tidak mengapa, saya merancang mahu beriktikaf di

Masjid Nabawi sahaja. Lagi pula saya mahu mengenali para jemaah di sini. Terima kasih atas pelawaan itu," jawab Imam Syafie sambil memegang bahu Naufal.

"Sekiranya begitu, tidak mengapa, tetapi sekiranya kamu mempunyai sebarang kesulitan ataupun kekurangan wang, saya di sini bersedia malah berbesar hati membantumu," beritahu Naufal lagi.

Imam Syafie menganggukkan kepalanya sambil tersenyum memandang Naufal. Beliau terharu dengan kebaikan dan kemurahan hati Naufal yang langsung tidak berkira.

"Sudah terlalu banyak jasamu. Malah saya tidak langsung mampu membalas segala yang kamu berikan, hanya kepada Allah saya bermohon kerana hanya dia yang mampu membalas kembali segala kebaikan dan pengorbananmu," getus Imam Syafie lembut. Mata mereka bertentang.

"Saya memberi bukan mahu mendapat pujianmu, bahkan bukanlah kamu membalas kembali, tetapi bukankah itu sudah menjadi amanahku sebagai saudara seagama malah seakidah denganmu. Sekiranya bukan sesama saudara yang membantu, siapa lagi?" jelas Naufal perlahan sambil mengelap peluh yang keluar dari dahinya.

Imam Syafie terdiam, terngiang-ngiang kenyataan Allah dalam surah *al-Hujuraat* ayat 10 yang bermaksud, "Orang beriman itu sesungguhnya bersaudara."

Maha suci Allah yang mencampakkan perasaan kasih sayang dan persaudaraan kepada hati-hati hambanya.

“Baiklah, saya perlu beredar dahulu, masih ada urusan perniagaan yang belum selesai. Tambahan pula saya mahu membantu pekerja-pekerja saya memunggah barang dagangan di pasar, izinkan saya beredar dahulu. Assalamualaikum...,” kata Naufal sambil tangannya dihulur.

Imam Syafie dengan pantas menyambut tangan yang dihulur. Kejap dan kemas pegangan mereka. Sekukuh tautan silaturahim dan kasih sayang yang mengikat hati mereka. Kemudian Imam Syafie mengatur langkah dengan tenang menuju ke Masjid Nabawi.

“Ya Allah, jadikanlah aku daripada golongan orang yang bertaubat, jadikanlah aku daripada golongan orang yang bersih dan jadikanlah aku daripada golongan orang yang soleh.”

Doa Imam Syafie seusai memperbaharui wuduknya. Lantas kaki disusun laju melangkah ke dalam Masjid Nabawi yang sangat dirindui itu. Beliau melihat sekitar dalam masjid, beberapa tubuh sedang berdiri menunaikan solat. Ada juga sekumpulan pemuda yang sedang *berhalaqah* malah ada juga yang sedang bertilawah serta *mentadabbur* Quran. Imam Syafie tersenyum, insan-insan inilah yang akan menjadi sahabat-sahabatnya selepas ini.

Lalu, Imam Syafie berjalan mengambil tempat yang agak jauh dari kelompok ahli *imarah* masjid, lantas segera berniat iktikaf dan menunaikan solat Duha. Sujud Imam Syafie kali ini lebih lama dari biasa. Beliau berkali-kali mengulangi rasa kesyukuran dan berterima kasih kepada Allah yang mempermudahkan urusan perjalanannya,

malah mengizinkan beliau menjejakkan kaki ke bumi penuh berkat dan rahmat ini.

“Ya Allah, dengan pertolongan Engkau aku melawan musuh, dengan pertolongan Engkau aku menjelajah, dan dengan pertolongan Engkau aku berjalan. Ya Allah, aku memohon pekerjaan yang Engkau redai. Ya Allah, permudahkanlah permusafiranku ini dan dekatkanlah mana yang jauh. Ya Allah, Engkaulah kawan sebenar dalam pemusafiranku ini dan pengganti sebenar kepada ahli keluargaku serta saudara-maraku yang aku tinggalkan. Ya Allah, aku berlindung dengan Engkau daripada kesusahan dalam permusafiran, kejemuan dan kejelikan pemandangan dan perubahan buruk pada diri. Hanya kepada Engkaulah segala orang yang bertaubat dan segala orang yang beribadat memuji.”

Seusai berdoa, Imam Syafie membuka *mushaf* coklat tuanya lalu menyambung pembacaan Qurannya. Sekali-kali beliau memberhentikan bacaan dan *mentadabbur* ayat-ayat yang sudah dibacanya. Tanpa disedari, beberapa pasang mata memerhatinya dari jauh secara senyap-senyap. Mereka tertanya-tanya dari manakah gerangannya pemuda yang segak dan bercahaya wajahnya itu.

“Assalamualaikum,” sapa seseorang dari belakang Imam Syafie.

“Waalaikummussalam,” balas Imam Syafie sambil berpaling ke belakang. Ternyata, seorang lelaki separuh abad sedang tersenyum memandangnya.

Lantas, Imam Syafie menghulurkan tangan untuk

bersalam. Untuk seketika, kedua-dua tangan itu berpaut kukuh, hangat dan mesra.

“Kamu seperti bukan berasal dari sini,” tegur lelaki itu mesra.

“Ya, saya Syafie, berasal dari kota Mekah. tuan pula? “ tanya Imam Syafie.

“Saya Abu Harithah, bilal di sini. Apa hajat kamu ke mari? Mahu berdagang?” tanya Abu Harithah pula.

“Tidak, saya datang ke mari kerana mahu menuntut ilmu dan mengambil berkat bumi yang mulia ini,” jelas Imam Syafie.

“Baguslah, di masjid ini sentiasa diadakan majlis ilmu saban waktu. Cuma bergantung pada kita sama ada mahu mengikutinya ataupun tidak,” kata Abu Harithah sambil tangannya memegang bahu Imam Syafie.

“Maafkan saya sekiranya bertanya, memandangkan saya masih baru di sini, malah inilah kali pertama saya menjejakkan kaki di kota Madinah. Biasanya, majlis ilmu apakah yang sering diadakan di sini?” tanya Imam Syafie penuh minat.

“Pelbagai bidang ilmu, antaranya ilmu hadis, ilmu fiqah, ilmu mantik, ilmu nahu, ilmu maani, ilmu badi’, ilmu usul, dan pelbagai lagi,” jelas Abu Harithah bersungguh-sungguh sambil tangannya terawang-awang di udara.

“Saya yakin, begitu juga majlis ilmu di kota Mekah. Pastinya mempunyai pelbagai majlis ilmu dan *halaqah*

yang membincangkan cabang-cabang ilmu yang luas dan banyak," sambung Abu Harithah lagi.

"Ya, benar, tetapi saya yakin pasti ada banyak bidang pemikiran dan ruang lingkup ilmu yang berbeza. Saya tidak sabar lagi mahu mengikuti kuliah ilmu di sini," balas Imam Syafie, wajahnya bertambah cerah dan bercahaya.

Abu Harithah tersenyum, lalu berkata, "Saya dapat melihat kegembiraan yang terpancar pada wajahmu. Semoga Allah merahmati kamu di sini," kata Abu Harithah lembut.

"Amin. Terima kasih atas doa itu. Sebenarnya saya masih ada satu lagi soalan," beritahu Imam Syafie dengan penuh hormat.

"Dipersilakan, saya pasti gembira sekiranya dapat membantumu," beritahu Abu Harithah persis seorang bapa.

"Apakah Imam Malik ada mengajar di masjid ini? Adakah beliau berada di sini sekarang? Saya teringin sekali mahu melihat raut wajahnya," beritahu Imam Syafie penuh mengharap.

"Oh, perihal itu. Sudah tentu Imam Malik yang terkenal itu turut mengajar di sini, tetapi maaf kerana beliau tiada di sini pada waktu ini. Insya-Allah, selepas ini kamu pasti dapat melihatnya semasa kuliah ilmu yang akan disampaikan oleh beliau," jelas Abu Harithah.

Imam Syafie hanya tersenyum. Dalam hati, beliau tidak putus-putus berdoa semoga dipertemukan dengan Imam Malik.

Melihat Imam Syafie yang terdiam, lalu Abu Harithah berkata, “Saya juga mempunyai keinginan seperti kamu. Saya teringin sekali bermusafir ke kota Mekah bagi menuntut ilmu di situ. Saya mendengar pelbagai khabar dan cerita perihal syeikh-syeikh, imam-imam dan semua pengajian ilmu yang diadakan di sana. Cuma saya mempunyai anak-anak kecil yang perlu saya tunaikan hak saya ke atas mereka.”

“Insya-Allah, semoga Allah memperkenankan hajatmu. Tuan tidak perlu, sekiranya benar Allah mentakdirkan tuan ke sana, lambat laun tuan pasti berpeluang ke sana juga,” sambut Imam Syafie sambil memegang kedua-dua belah tangan Abu Harithah. Kemas, seolah-olah cuba memberi semangat dan sokongan.

Abu Harithah membalas dengan senyuman terharu. Buat seketika mereka terdiam, seolah-olah dapat merasakan kehangatan ikatan akidah Islamiah yang sedang laju mengalir dalam salur darah mereka.

Kemudian Imam Syafie mendekati makam Rasulullah perlahan-lahan. Dua pemuda yang sebaya beliau sedang berdoa di tepi makam Nabi Allah itu. Imam Syafie menghadiahkan selawat dan salam kepada Nabi Muhammad junjungan tercinta, juga kepada *ahlul bait* dan para sahabat. Beliau turut berdoa. Lama.

Kedua-dua pemuda tadi sudah beredar, tetapi Imam Syafie masih tetap setia berdoa. Sesudah itu, beliau bertafakur sebentar, mengimbau kembali pengorbanan Nabi Muhammad di jalan dakwah dan jihad. Apabila matahari

kian naik, beliau mula mengatur langkah menuju ke tengah kota Madinah, beliau mempunyai urusan yang masih belum diselesaikan. Sambil berjalan, sesekali Imam Syafie melemparkan pandangan ke sekitar, sesekali pula beliau menunduk zuhud membilang biji-biji tasbih di dalam poketnya.

Angin pagi bertiup sepoi-sepoi bahasa menampar pipi, penduduk kota Madinah ketika itu sedang sibuk berniaga. Anak-anak kecil sedang bermain di halaman rumah dan beberapa pemuda sedang mengepalai sekumpulan unta dan kambing menuju ke luar kota Madinah.

“Assalamualaikum,” sapa Imam Syafie kepada seorang lelaki yang berada di hadapan bangunan tempat gabenor Madinah bekerja.

“Waalaikummussalam. Ada apa yang boleh saya bantu?” tanya pemuda itu.

“Saya mahu bertemu dengan Gabenor Kota Madinah ini. Adakah beliau sedang sibuk sekarang? Sebolehnya saya tidak mahu mengganggu beliau sekiranya beliau sibuk,” jelas Imam Syafie.

“ Tuan gabenor ada, beliau sedang bertemu penduduk tempatan. Itu beliau,” beritahu pemuda itu sambil menunjuk kepada seorang lelaki separuh abad yang memakai jubah hitam. Beliau sedang berbual dengan seorang lelaki tua yang sedang memerah susu unta.

Imam Syafie menghampiri gabenor Madinah itu. Selepas memberi salam serta memperkenalkan diri, dia

menghulurkan sepucuk surat. Sambil tersenyum, tuan gabenor membuka surat yang dihulurkan oleh Imam Syafie, tetapi buat seketika senyuman itu perlahan-lahan hilang daripada wajahnya. Imam Syafie gusar melihat reaksi itu, beliau tidak berhenti berdoa dan berzikir memohon dipermudahkan urusan dan hajatnya.

“Wahai anak muda, sekiranya saya diperintahkan oleh gabenor Mekah supaya berjalan kaki tanpa sepatu dari kota Mekah ke kota Madinah, itu lebih mudah dan lebih disukai berbanding disuruh membawa kamu bertemu dengan Imam Malik,” jelas Gabenor Kota Madinah sambil perlahan-lahan melipat semula surat yang sudah dibacanya itu lalu diletakkan ke dalam laci meja.

Suasana sunyi sebentar. Imam Syafie terdiam mendengar kata-kata Gabenor Kota Madinah itu. Beliau cuba memahami maksud sebenar yang mahu disampaikan oleh tuan gabenor perihal hajatnya yang mahu bertemu Imam Malik.

“Sejujurnya, saya kurang memahami maksud tuan itu. Apakah saya tidak dibenarkan berjumpa dengan Imam Malik yang terkenal dan berilmu itu?” tanya Imam Syafie penuh tanda tanya.

“Kamu masih lagi belum benar-benar mengenali ‘siapakah’ orang yang mahu kamu temui itu,” ujar gabenor itu sambil mengerutkan keningnya sedikit.

Imam Syafie bertambah pelik dengan persoalan itu, lalu berkata, “Saya mahu berjumpa dengan Imam Malik.”

“Adakah semudah itu yang kamu sangka?” tanya tuan gabenor pula.

Imam Syafie terpinga-pinga. Matanya tepat merenung wajah gabenor, beliau semakin celaru. Pelbagai soalan bermain dalam mindanya. Apakah kedatangan aku tidak direstui?

“Saya sudah sedia maklum kamu mahu berjumpa dengan Imam Malik. Saya tidak bertanya, apa tujuan kamu hendak berjumpa dengannya. Tetapi saya bertanya ‘siapakah’ orang yang mahu kamu temui itu,” jelas gabenor lagi, tetapi dengan nada yang lebih lembut berbanding tadi. Mungkin beliau mahu mengendurkan keadaan dan mengurangkan kekusutan Imam Syafie berkenaan pertanyaan beliau itu.

“Imam Malik, penulis kitab *al-Muwatta’*. Saya berpendapat, hampir semua orang mengenalinya, bukankah beliau seorang ulama terkenal malah mempunyai ramai anak murid dari serata negeri serta mempunyai pengaruh daripada pelbagai peringkat lapisan masyarakat? Kerana itulah saya sanggup bermusafir ke sini mahu menuntut ilmu dengannya,” getus Imam Syafie, anak matanya membundar, seolah-olah menuntut penjelasan lanjut daripada Gabenor Kota Madinah itu.

“Tidakkah kamu tahu, Imam Malik itu mempunyai sikap yang pelik dan berbeza berbanding manusia lain. Oleh itu beliau digeruni dan dihormati oleh semua penduduk kota Mekah ini,” jelas gabenor itu perlahan.

Imam Syafie mendiamkan diri, beliau memberi ruang sepenuhnya untuk gabenor menjelaskan keadaan sebenar

kepadanya.

"Imam Malik itu kuat beribadat, beliau sentiasa sibuk bermunajat malah sibuk menulis kitab-kitab. Oleh kerana kesibukan itu, beliau sukar ditemui kecuali apabila ada hal mustahak yang memerlukan pendapat dan bantuannya," jelas gabenor itu lagi.

"Apa yang saya tahu, bukankah Imam Malik turut mengajar di Masjid Nabawi dan berjumpa masyarakat bagi menyelesaikan pertanyaan dan permasalahan penduduk kota Madinah?" tanya Imam Syafie.

"Benar, tetapi pada waktu-waktu tertentu yang ditetapkan sahaja. Sesudah tamat urusan itu, beliau segera pulang ke rumah dan menyambung amal ibadatnya," beritahu gabenor.

Imam Syafie terpana. Hatinya membuak-buak mahu berjumpa Imam Malik. Beliau semakin kagum dan menghormati penulis kitab *al-Muwatta'* itu.

"Bukankah tuan ini Gabenor Kota Madinah, mungkin tuan boleh memanggil beliau ke sini," ujar Imam Syafie. Beliau berharap gabenor dapat membantunya.

"Sebenarnya, itu lebih sukar. Imam Malik hanya takutkan Allah. Beliau hanya mendengar perintah Allah, malah arahan saya sebagai gabenor ini pasti tidak dilayan melainkan perkara itu benar-benar memerlukannya hadir," getus gabenor itu lagi sambil membetulkan serban di kepalanya.

“Sekiranya begitu, mungkin saya perlu pergi sendiri ke rumahnya. Sekiranya tuan tidak keberatan, mungkin kita boleh pergi bersama-sama, kerana saya tidak mengetahui di manakah rumah Imam Malik. Malah mungkin juga dengan hadirnya tuan bersama-sama saya, Imam Malik sudi berjumpa dengan saya,” cadang Imam Syafie.

“Itu pun sekiranya tuan tidak sibuk. Sekiranya tuan menolak, tidak mengapa, saya tidak berkecil hati kerana saya memahami tuan mempunyai amanah yang besar kepada kota Madinah ini,” sambung Imam Syafie lagi. Beliau bimbang sekiranya cadangannya tadi hanya menambahkan bebanan kepada gabenor Madinah itu.

“Oh, tidak mengapa. Urusan kamu ke mari dan surat yang diberikan Gabenor Kota Mekah itu juga satu amanah buat saya. Kamu adalah wakil dan utusan dari kota Mekah bagi menuntut ilmu di sini, dan saya diamanahkan mengurus urusan ini,” beritahu gabenor dengan penuh hemah.

“Alhamdulillah, sekiranya begitulah pandangan tuan gabenor, saya berbesar hati dengan pertolongan yang tuan hulurkan,” ujar Imam Syafie lembut.

“Ayuh, saya tidak mempunyai urusan rasmi hari ini, mungkin lebih baik kita berdua datang ke rumah Imam Malik sekarang,” ajak tuan gabenor sambil memperkemaskan jubahnya yang sedikit besar di badannya itu.

Lalu mereka berdua melangkah keluar dari ruang kerja tuan gabenor dan akhirnya menuju ke rumah Imam Malik dengan debaran yang menebak di dada mereka.

Di sepanjang perjalanan, tuan gabenor memperkenalkan kawasan-kawasan sekitar pada Imam Syafie. Sesekali beliau berhenti berjabat tangan dengan penduduk kota Madinah yang menegur dan memberi salam kepadanya.

Akhirnya mereka berhenti di hadapan sebuah rumah yang sederhana besarnya tetapi bersih ruang halaman depannya. Terdapat beberapa pasang sepatu dan capal tersusun kemas di atas sekeping kayu. Tuan gabenor mengetuk daun pintu rumah itu disusuli dengan ucapan salam.

Terdengar sahutan dari dalam rumah. Seketika kemudian pintu rumah itu di kuak dari dalam dan terpacullah satu wajah yang bersih sedang tersenyum mesra. Imam Syafie terpana, inikah gerangannya Imam Malik bin Anas? Monolog beliau dalam dirinya sendiri.

“Wahai Khabir, adakah Syeikh Imam Malik ada di rumah? Katakan kepada beliau, gabenor Madinah mahu berjumpanya,” beritahu tuan gabenor kepada Khabir yang sebenarnya merupakan pelayan di rumah Imam malik.

Sambil menganggukkan kepala, Khabir terus masuk semula ke dalam rumah. Buat seketika, Imam Syafie dan tuan gabenor menunggu dari luar rumah.

“Berdoalah, semoga Imam Malik bersetuju bertemu kita,” ujar tuan gabenor sambil memandang Imam Syafie yang berdiri di sebelahnya.

Imam Syafie hanya melemparkan senyuman yang lembut. Beliau meyakini Allah pasti memberikan yang terbaik

kepadanya, tidak kiralah sama ada dapat bertemu ataupun tidak dengan imam Malik.

Tidak lama kemudian, Khabir kembali menemui mereka di hadapan rumah. Sambil menghulurkan sehelai kertas berserta sebatang tinta, Khabir berkata, “Saya minta maaf tuan gabenor, tuan Imam Malik sedang sibuk dan beliau berpesan, sekiranya tuan gabenor mempunyai permasalahan mengenai agama, tulis sahaja di atas kertas ini, nanti tuan Imam Malik akan menjawabnya. Tetapi sekiranya tuan gabenor mempunyai urusan lain, beliau meminta supaya ditangguhkan urusan itu hingga pada hari pertemuan yang biasa diadakan bagi bertemu orang ramai.”

“Wahai Khabir, kamu beritahu kepada Imam Malik, saya ada membawa sekeping surat daripada Gabenor Kota Mekah. Saya perlu sampaikan kepada beliau sendiri, tanpa pengantaraan orang lain,” beritahu tuan gabenor sambil menoleh kepada Imam Syafie yang hanya membisu seribu bahasa.

Khabir tersenyum tanda mengerti lalu sekali lagi masuk semula ke dalam rumah. Tidak lama kemudian, Khabir datang membawa bersama-sama sebuah kerusi dan diletakkan kerusi itu di hadapan mereka berdua.

Imam Syafie memandang tuan gabenor tanda beliau tidak mengerti dengan tindakan Khabir. Tetapi tatkala melihat wajah tuan gabenor yang berubah gembira, Imam Syafie dapat menangkap sesuatu. Telahan Imam Syafie ternyata tepat apabila tidak lama kemudian muncul seorang lelaki

yang agak kecil tubuhnya, tetapi terserlah *keizzahan* dan ketokohannya daripada wajah dan peribadi luaran beliau. Lelaki itu kemudiannya duduk di atas kerusi yang disediakan oleh Khabir sebentar tadi.

“Wahai Tuan Imam Malik, saya perlu menyerahkan surat daripada Gabenor Kota Mekah ini kepadamu. Harap tuan sudi membacanya,” beritahu tuan gabenor lalu menghulurkan surat itu kepada Imam Malik.

Imam Malik dengan wajahnya yang agak serius membaca isi surat yang diberikan. Suasana sepi sebentar, yang kedengaran hanya bunyi riuh rendah para peniaga di pasar yang berada tidak jauh dari rumah Imam malik.

Tiba-tiba tanpa disangka, Imam Malik mencampakkan surat yang dibacanya lalu berkata, “Apakah semata-mata untuk belajar Ilmu Allah dan hikmah Rasulullah perlu menggunakan surat daripada Gabenor Kota Mekah?”

“Surat ini tidak membawa apa-apa makna kepada saya. Adakah kamu tersinggung?” soal Imam Malik dengan tegas. Jelas kelihatan kerutan di dahi beliau tanda beliau tidak berpuas hati dengan tindakan Gabenor Kota Mekah yang mengutuskannya surat.

Tuan Gabenor Kota Madinah menelan air liur, terasa pahit di tekaknya, beliau sungguh risau sekiranya Imam Malik langsung tidak berminat untuk menjadi guru kepada Imam Syafie, jadi bagaimana perlu beliau susunkan kata bagi memberitahu keadaan itu kepada Gabenor Kota Mekah nanti. Imam Malik lantas berdiri, kelihatannya ingin kembali masuk ke dalam rumah beliau semula. Imam Syafie

terbungkam melihat keadaan itu. Lalu Imam Syafie cepat-cepat memperkenalkan dirinya kepada Imam Malik.

“Moga-moga Allah merahmati tindakanmu wahai Imam Malik. Sesungguhnya akulah insan yang ingin belajar menuntut ilmu daripadamu, usah di salah faham dengan tindakan Gabenor Kota Mekah itu kerana sesungguhnya Gabenor Kota Mekah hanya berhasrat untuk membantuku,” jelas Imam Syafie sambil memandang Imam Malik yang sedang berdiri.

Tidak lama kemudian, Imam Malik kembali duduk di kerusinya, mungkin membatalkan hasratnya untuk kembali masuk ke dalam rumah. Melihat Imam Malik yang hanya berdiam diri, Imam Syfie lantas menyambung kata-katanya.

“Saya berasal dari kota Mekah tetapi dilahirkan di kota Ghazzah, Palestine. Saya anak yatim dan masih mempunyai ibu di kota Mekah. Manakala keturunan saya bertemu dengan keturunan Nabi Muhammad pada datuk Nabi Muhammad yang ketiga iaitu Abdul Manaf. Hajat saya ke mari adalah mahu berguru dengan tuan. Saya sudah membaca kitab *al-Muwatta’* hasil karangan tuan itu wahai Imam Malik yang di rahmati Allah.”

Imam Malik mendengar penjelasan daripada Imam Syafie sambil memandang tepat wajah Imam Syafie. Beliau meneliti setiap inci wajah yang berada di hadapannya. Terserlah kezuhudan pemuda itu dan terpancar nur di wajahnya, jelas sekali firasat Imam Malik mengatakan pemuda yang berada di hadapannya itu adalah seorang pemuda yang baik dan kuat beribadah kepada Allah.

“Siapakah nama kamu wahai anak muda?” tanya Imam Malik

“Nama saya Muhammad bin Idris bin Abbas bin Usman bin Syafie bin Saib bin Abdul Yazid bin Hasyim bin Abdul Mutalib bin Abdul Manaf. Tetapi saya dipanggil sebagai Syafie bersempena dengan nama moyang saya,” jelas Imam Syafie lagi

“Baiklah Syafie, saya mahu ingatkan kamu dan diri saya malah kepada kamu juga wahai Tuan Gabenor Kota Madinah, takutlah kepada Allah, takutlah kepada Allah, takutlah kepada Allah. Esok, kamu datang ke mari lagi, anak muda. Saya akan bacakan isi kandungan kitab *al-Muwatta’* kepada kamu,” beritahu Imam Malik lembut.

“Kitab *al-Muwatta’* itu sudah pun habis saya khatam dan saya sudah hafal setiap barisnya,” beritahu Imam Syafie jujur.

Imam Malik terpegun. Matanya ralit menerung wajah Imam Syafie yang bersih berseri itu.

“Cuba bacakan isi kandungan kitab itu kepadaku sekarang, wahai Syafie,” pinta Imam Malik sambil melemparkan senyuman hangat kepada Imam Syafie

Patuh dengan arahan guru barunya itu, Imam Syafie pun membacakan setiap baris ayat dari kitab *al-Muwatta’* kepada Imam Malik dengan sebegitu lancar dan fasih. Imam Malik bertambah kagum dan menyukai Imam Syafie, lalu beliau berkata lembut, “Adakah kamu sudah menghafaz Quran?”

Imam Syafie hanya menganggukkan kepalanya perlahan-lahan. Khuatir sekiranya dianggap riyak menceritakan amal ibadatnya kepada orang lain.

"Sekarang kamu tinggal di mana? Apakah kamu mempunyai saudara-mara di sini?" tanya Imam Malik lagi.

"Saya akan beriktikaf di Masjid Nabawi," jelas Imam Syafie dengan penuh zuhud dan tawaduk.

Imam Malik tersenyum mendengar jawapan Imam Syafie.

"Oleh kerana kita bersaudara, marilah tinggal bersama-sama saya. Ini pasti dapat memudahkan urusan kamu untuk belajar dengan saya, tambahan pula kamu adalah tetamu Allah, sebaik-baiknya saya meraikan kamu," ujar Imam Malik lalu mendepangkan kedua belah tangan beliau lantas memeluk Imam Syafie erat.

Tuan gabenor mengucapkan lafaz *hamdallah*, memuji memuja keagungan Allah. Sesungguhnya sudah selesai beban amanah yang digalaskan kepada beliau, lalu perlahan-lahan beliau meninggalkan pasangan anak murid dan guru itu. Dari kejauhan kedengaran qasidah yang dinyanyikan oleh sekumpulan penduduk kota Madinah yang sedang bergotong-royong membina rumah saudara mereka. Indah bait katanya, damai bagi yang mendengarnya dan sungguh mengasyikkan bagi jiwa-jiwa yang dekat dengan Penciptanya.

Bab 10 Merantau ke Iraq

Takwa adalah pakaian kebesaran dan hiasan akhlak Muslim sebenar. Ia ibarat pokok zaitun, minyaknya membawa berkat, ia juga memberi kejayaan dan kemenangan.

Betapa agungnya kota Madinah, penduduknya ramah, buminya subur, udaranya bersih dan pemandangannya cantik. Di sini tempat bersemadinya junjungan yang mulia Nabi Muhammad. Kota ini menyaksikan banyak kisah sejarah mengenai perjuangan seorang utusan Allah yang mengabdikan dirinya demi menegakkan syariat Islam.

"Sudah lapan bulan aku berada di bumi Madinah. Sudah lapan bulan aku menjadi murid Imam Malik. Semua ilmunya sudah aku pelajari. Syukur kepadamu, ya Allah," bisik hati Imam Syafie sambil merenung ke arah Masjid Nabi yang tersergam megah itu.

Seperti Masjidil Haram di Mekah, Masjid Nabi di Madinah juga dikunjungi orang ramai, siang dan malam. Mereka datang menziarahi makam Rasulullah serta mengerjakan

amal ibadat. Nabi Muhammad berpesan, “Sesiapa yang menziarahi makamku seolah-olah dia menziarahiku ketika hidupku.”

Semenjak bermukim di kota Madinah, setiap hari Imam Syafie menziarahi makam Rasulullah. Terasa Rasulullah dekat di hati. Jiwanya rasa tenang apabila berdoa di Raudhah. Dia juga sering ke perkuburan Baqik yang terletak tidak jauh dari Masjid Nabi. Sekiranya diturutkan rasa hati, mahu sahaja dia terus menetap di Madinah. Tetapi jiwanya masih dahagakan ilmu agama. Dia mahu terus merantau bagi menuntutnya.

“Ilmu Allah itu amat luas. Sekiranya semua daun-daun kayu dijadikan kertas dan air laut dijadikan dakwat, pasti masih tidak mencukupi bagi menulisnya. Kerana itu merantaulah menuntut ilmu walau sampai ke negeri China. Ketika usia masih muda, carilah ilmu sebanyak-banyaknya.” Imam Syafie teringat kata-kata Imam Malik.

Kata-kata itu memberi semangat kepadanya merantau menuntut ilmu. Dia tahu masih ramai ulama terbilang yang belum ditemuinya. Sekiranya boleh, dia mahu bertemu dan berguru dengan mereka. Tiba-tiba muncul wajah Imam Malik di matanya. Sejak berada di Madinah, Imam Malik melayannya dengan baik. Dia diberi tempat tinggal di rumahnya. Makan dan minumnya dijaga dengan sempurna. Oleh itu dia serba salah hendak meninggalkan Imam Malik yang kini sudah menjadi gurunya.

Seperti biasa, apabila selesai musim haji, orang ramai datang ke Madinah bagi menziarahi makam Rasulullah.

Antara mereka ramai yang datang dari Mesir dan Iraq. Apabila berada di Madinah, mereka mengambil kesempatan mengikuti kuliah Imam Malik. Sesekali Imam Syafie diperkenalkan kepada yang hadir. Malah sering juga Imam Syafie diminta memberi syarahan. Ramai yang memuji kepetahan lidahnya menyampaikan ceramah agama.

"Ini Abdullah bin al-Hakam, seorang ulama besar dari Mesir. Kamu berkenalan dengan dia. Mungkin ada faedahnya di kemudian hari nanti," kata Imam Malik lalu memperkenalkan seorang lelaki yang tampak alim kepada Imam Syafie.

"Saya datang mahu berguru dengan Imam Malik, ulama besar yang terkenal di Madinah. Saya mahu mempelajari kitab *al-Muwatta'*," kata Abdullah al-Hakam.

"Saya juga sedang berguru dengan beliau. Marilah kita sama-sama menuntut ilmu daripadanya," kata Imam Syafie pula. Mereka kemudiannya menjadi akrab.

Tidak lama kemudian, datang pula rombongan dari Iraq. Mereka juga berjumpa dengan Imam Malik serta mendengar kuliah agama yang disampaikannya. Imam Syafie juga diperkenalkan kepada mereka.

Petang itu, selepas sembahyang asar dan selepas selesai mengikuti kuliah Imam Malik, Imam Syafie pergi ke kawasan Raudhah di Masjid Nabi. Di sana, dia beriktikaf sambil berzikir dan membaca Quran. Tiba-tiba dia terpandang seorang lelaki yang elok wajahnya dan kemas pakaiannya. Imam Syafie menghampiri lelaki itu dan

mereka berkenalan.

“Saya Muhammad al-Husain datang dari Iraq, negeri seribu satu malam,” kata lelaki itu sambil memuji negeri Iraq.

Menurutnya, Khalifah Harun ar-Rasyid seorang pemerintah yang hebat. Baginda memerintah dengan adil. Rakyat berasa selamat berada di bawah pemerintahannya.

“Khalifah Harun ar-Rasyid seorang yang rajin beribadah dan suka bersedekah. Satu tahun baginda mengerjakan ibadat haji dan pada tahun berikutnya baginda berperang dengan mereka yang memusuhi Islam. Baginda juga mencintai ilmu pengetahuan. Di bawah pemerintahannya, kota Baghdad menjadi pusat ilmu pengetahuan,” beritahu lelaki itu. Imam Syafie tertarik hati mendengarnya.

Kemudian lelaki itu berkata lagi, “Khalifah Harun ar-Rasyid menghormati alim ulama. Mereka sering dijemput ke istana bagi membincangkan masalah agama. Baginda juga suka kepada penyair dan sering mengundang para penyair datang ke istana.”

“Siapakah guru Khalifah Harun ar-Rasyid?” tanya Imam Syafie.

“Gurunya Abu Yusof dan Muhamad bin al-Hasan asy-Syaibani. Kedua-dua ulama itu paling alim di kota Baghdad,” jawab lelaki itu.

“Satu hari nanti saya akan pergi ke Iraq berguru dengan dua ulama itu,” kata Imam Syafie.

“Menurut Imam Malik, tuan mempunyai kelebihan yang luar

biasa. Dapat menghafaz Quran ketika berumur sembilan tahun. Menghafal kitab *al-Muwatta'* ketika berumur 15 tahun. Tuan juga dikatakan dapat menghafal 10,000 syair Arab," puji lelaki itu.

"Semua itu dengan izin Tuhan juga. Semoga saya tidak lupa diri dengan sanjungan dan puji-pujian. Malah saya merasakan diri ini masih kekurangan ilmu pengetahuan. Oleh itu saya mahu berguru dengan ulama Iraq pula," kata Imam Syafie.

Petang itu Imam Syafie duduk berteleku di ruang masjid. Sesekali beliau mencuri pandang pada susuk tubuh sahabat-sahabatnya yang juga merupakan anak murid kepada Imam Malik. Imam Syafie tersenyum, memikirkan betapa besar keagungan Allah yang mempertemukan mereka dalam maksud dan tujuan yang sama iaitu pembelajaran ilmu sebagai ibadah mereka, walhal mereka berasal dari pelbagai negara dan tempat.

Imam Syafie asyik merenung satu persatu sahabat sepengajiannya. Akhirnya pandangan beliau terhenti pada satu susuk tubuh, Muhammad bin Husain. Siapa yang tidak mengenal Muhammad bin Husain? Beliau adalah antara anak murid Imam Abu Hanifah yang paling cerdas pemikiran dan mendalam ilmunya. Beliau pernah berguru dengan Imam Abu Hanifah, kemudian beliau merantau ke bumi kota Madinah berguru pula dengan Imam Malik.

Entah mengapa, timbul perasaan di benak Imam Syafie merantau ke kota Baghdad bagi bertemu anak-anak murid Imam Abu Hanifah yang hebat itu. Beliau belum

berkesempatan ke sana, malah belum pernah bertentang mata dengan Imam Abu Hanifah hinggalah imam tersohor itu meninggal dunia.

“Ya, mungkin sudah tiba masanya untuk aku bermusafir ke sana pula,” getus hati Imam Syafie. Lalu beliau berdiri menunaikan solat sunat, memohon petunjuk dan keizinan daripada Allah.

“Wahai guru yang saya hormati, saya mahu bertanyakan satu pendapat dan juga memohon keizinan daripada tuan,” beritahu Imam Syafie dengan penuh hormat kepada Imam Malik yang sedang meneliti kitab di atas kerusinya.

Imam Malik menutup kitab, lalu berganjak dari kerusinya dan akhirnya duduk bersebelahan dengan Imam Syafie. Beliau tersenyum menatap wajah anak muridnya lalu berkata, “Khabarkanlah kepada saya. Saya yakin, ini pasti persoalan yang besar bagi dirimu.”

“Begini tuan, saya begitu terkesan melihat kecerdasan anak murid Almarhum Imam Abu Hanifah iaitu Muhammad bin Husain. Ia membuatkan saya mahu bermusafir ke kota Baghdad bagi bertemu dan mengutip ilmu-ilmu daripada anak-anak murid Imam Abu Hanifah yang lain pula,” jelas Imam Syafie perlahan.

“Jadi, kenapa kamu bertanya kepadaku? Pergilah, pasti rahmat Allah mengiringi pencinta-pencinta ilmunya,” ujar Imam Malik dengan wajah yang sebegitu lembut. Mendamaikan mereka yang memandangnya.

Imam Syafie tersenyum, bagaikan ada udara dingin

menghembus ke segenap hatinya, seolah-olah memberi semangat untuknya pergi merantau ke bumi Baghdad.

“Semoga Allah merahmatimu juga wahai guruku. Doakan kesejahteraan saya di sana nanti,” kata Imam Syafie.

“Anakku, kamu adalah antara mata-mata rantai Islam. Kamulah penerus perjuangan mereka-mereka terdahulu, maka tetaplah kamu di atas perjuangan ini, sebarkan ilmu yang kamu ada, tadahlah seberapa ilmu yang kamu mampu cari serta perbaikilah sekiranya ada berlaku kesalahan,” pesan Imam Malik, seolah-olah menyatakan hasratnya yang sebegitu kuat.

“Terima kasih wahai guruku, pasti saya ingat nasihat tuan di mana sahaja kaki ini melangkah dan walau di bawah langit mana saya berada,” ujar Imam Syafie setelus hati.

Apabila Muhammad bin Husain pulang ke Iraq, dia dan kawan-kawannya menyebut-nyebut nama Imam Syafie serta memuji kehebatannya. Ramai penduduk Iraq yang mahu menjemput beliau datang. Tidak lama kemudian, Muhammad bin Husain mengirim surat menjemput Imam Syafie datang ke Iraq. Sekali lagi Imam Syafie menyatakan hasratnya kepada gurunya Imam malik.

“Wahai tuan guruku, esok saya akan merantau ke Iraq bagi menuntut ilmu agama. Khabarnya di sana ada beberapa orang ulama yang boleh saya berguru kepada mereka. Antaranya Abu Yusof dan Imam Muhammad al-Hasan. Selain itu kota Baghdad juga menjadi pusat sumber ilmu pengetahuan. Doakan saya, wahai tuan guruku,” kata Imam Syafie meluahkan hasrat di hati kepada Imam Malik.

“Saya sudah memberi persetujuan sebelum ini. Saya tetap mendoakan kamu. Pergilah merantau dengan niat mencari ilmu. Sekiranya saya masih muda, pasti saya bersama kamu ke Iraq. Tetapi saya sudah tua, dan pastinya tidak berdaya lagi menempuh perjalanan yang begitu jauh,” kata Imam Malik pula.

Alangkah gembira hati Imam Syafie mendengar kata-kata gurunya itu. Beliau terus mengemaskan barang-barang keperluan untuk dibawa ke Baghdad. Dia seolah-olah tidak sabar lagi mahu sampai ke negeri seribu satu malam itu.

Pada hari keberangkatannya, Imam Malik dan orang ramai menghantar Imam Syafie hingga ke pinggir kota Madinah. Di sana, satu rombongan para pedagang Madinah yang akan berangkat ke Kufah membawa barang-barang dagangan mereka sudah pun menunggu.

“Perjalanan dari Madinah ke Kufah mengambil masa selama 24 hari. Saya sudah menyewakan kamu seekor unta bagi dijadikan tunggangan,” kata Imam Malik lalu menunjuk ke arah seekor unta yang sederhana besarnya.

“Wahai tuan, saya sudah nekad hendak berjalan kaki hingga ke Kufah,” kata Imam Syafie yang kelihatan serba salah.

“Saya sudah bayarkan sewa unta itu kepada tuannya. Sekarang kamu boleh menunggangnya hingga sampai ke Kufah,” balas Imam Malik.

“Wahai guruku, setahu saya, tuan tidak pernah menyimpan duit yang banyak. Daripada manakah tuan peroleh duit

bagi menyewa unta ini?” tanya Imam Syafie pula.

“Jangan kamu khuatir. Petang semalam seorang sahabat saya yang bernama Abu Kasim memberikan saya 100 dinar. Duit itu saya bahagi dua. Sebanyak 50 dinar bagi perbelanjaan keluarga saya, dan 50 dinar bagi menyewa unta itu,” jawab Imam Malik.

Alangkah terharu Imam Syafie mendengarnya. Begitu pemurahnya Imam Malik. Selain begitu pemurah mencurahkan ilmu kepada sesiapa yang dahagakannya, beliau juga pemurah dengan harta yang dimilikinya. Selama berada di Madinah, Imam Syafie tinggal di rumah Imam Malik. Makan minum dan segala keperluannya ditanggung tanpa meminta apa-apa bayaran.

“Terima kasih wahai guruku. Halalkan makan minum saya selama berada di rumah tuan. Maafkan sekiranya ada kesalahan dan doakan saya supaya selamat dalam perjalanan. Panjang umur kita pasti bertemu lagi,” balas Imam Syafie.

Mendengar kata-kata Imam Syafie itu, air mata Imam Malik berlinangan. Berat juga hatinya hendak berpisah dengan murid yang cerdik, warak dan pandai mengambil hatinya itu. Sekiranya bukan kerana pergi menuntut ilmu, pasti dia tidak mahu berjauhan dengan Imam Syafie.

Sebelum berpisah, mereka sempat berpelukan sebagai tanda begitu eratnya kasih sayang antara keduanya. Penduduk Madinah juga ramai yang mengiringi Imam Syafie. Mereka turut mendoakan keselamatannya dalam perjalanan. Sepanjang perjalanan, Imam Syafie banyak

menghabiskan masanya dengan membaca Quran. Apabila mereka berhenti rehat, beliau juga sering diminta memberi tazkirah kepada anggota kafilah dagang itu. Selepas 24 hari perjalanan, akhirnya mereka selamat tiba di Kufah.

"Wahai Imam Syafie, tuan tentu memerlukan duit yang banyak bagi menampung perbelanjaan tuan selama berada di sini. Bantulah saya menjual barang-barang di pasar Kufah. Saya sanggup memberikan upah yang mahal kepada tuan," pelawa Syeikh Jabir ketua pedagang Madinah yang juga sahabat baik Imam Malik.

Dia yakin sekiranya Imam Syafie mahu bekerja dengannya sudah pasti dia beroleh keuntungan yang banyak kerana beliau seorang yang disukai ramai dan amanah. Kerana itu dia cuba memujuk Imam Syafie bekerja dengannya.

"Saya mengucapkan terima kasih kerana tuan sudi menumpangkan saya hingga selamat sampai ke Kufah. Tetapi saya memohon maaf kerana terpaksa menolak pelawaan tuan kerana tujuan saya datang ke sini bagi menuntut ilmu agama. Semoga tuan beroleh keuntungan dalam perniagaan," kata Imam Syafie pula.

Syeikh Jabir dan para pekerjanya menuju ke pasar tetapi Imam Syafie terus menuju ke masjid. Kebetulan pula sudah hampir masuk waktu sembahyang asar. Walaupun nama Imam Syafie sudah dikenali ramai di Iraq, tetapi mereka belum pernah bertemu. Kerana itu kehadiran Imam Syafie di masjid Kufah itu tidak disedari orang ramai. Selepas mengambil wuduk, Imam Syafie terus masuk ke dalam masjid. Selesai sembahyang sunat beliau duduk beriktikaf

sambil menunggu azan dilaungkan. Tiba-tiba muncul seorang lelaki mengambil tempat duduk di hadapannya. Imam Syafie sempat memerhatikan cara lelaki itu bersembahyang, ada yang tidak kena di hatinya. Selepas lelaki itu selesai memberi salam, lalu dihampirinya.

“Maafkan saya tuan. Saya melihat terdapat kesalahan semasa tuan bersembahyang tadi. Sebaiknya tuan perbaiki cara sembahyang tuan,” kata Imam Syafie dengan suara berbisik.

“Awak siapa hendak mengajar aku?” Lelaki itu melenting marah. “Sudah 15 tahun aku bersembahyang cara begini. Guruku Imam Yusof dan Imam Muhammad tidak pernah menegur aku. Inikan pula awak seorang anak muda yang masih mentah.”

“Saya ikhlas menegur tuan. Semoga tuan ikhlas pula menerimanya,” balas Imam Syafie.

Mereka tidak dapat berbual panjang kerana muazin mengumandangkan azan. Selepas bersembahyang, ketika hendak keluar dari masjid, lelaki itu bertemu dengan gurunya Imam Abu Yusof dan Imam Muhamad al-Hasan. Lelaki itu mengadu mengenai teguran Imam Syafie tadi.

“Anak muda yang masih mentah itu berani menegur cara saya bersembahyang. Sedangkan tuan berdua ulama besar di Iraq pun tidak pernah menegur saya,” kata lelaki itu sambil menunjuk ke arah Imam Syafie yang masih ralit di atas sejadahnya. Seperti biasa, selepas bersembahyang dia duduk berzikir ataupun membaca Quran.

“Siapa anak muda itu?” tanya Imam Abu Yusof.

“Saya tidak kenal. Mungkin baru sampai ke sini,” jawab lelaki itu.

“Kamu cuba tanya dia bagaimana cara sembahyang yang sempurna?” kata Imam Muhamad pula. Lelaki itu pergi mendapatkan Imam Syafie lalu bertanyakan soalan gurunya tadi.

“Saya memulakan sembahyang dengan dua fardu dan satu sunat. Dua yang fardu itu adalah berniat dan takbiratulihram. Satu yang sunat itu adalah mengangkat tangan. Tetapi saya melihat tuan tidak bertakbir dan tidak mengangkat tangan. Mungkin juga tidak berniat sembahyang,” jawab Imam Syafie.

Lelaki itu mendapatkan gurunya lalu memberitahu jawapan Imam Syafie. Imam Muhamad dan Imam Yusof tertarik hati dengan jawapan itu lalu mendapatkan Imam Syafie. “Wahai anak muda. Kamu berasal dari mana?” tanya Imam Muhammad al-Hasan.

“Saya berasal dari Mekah,” jawab Imam Syafie.

“Boleh sebutkan bangsa dan keturunan kamu?” tanya Imam Muhamad al-Hasan lagi.

“Saya berbangsa Arab daripada keturunan Abdul Mutalib,” jawab Imam Syafie.

“Adakah kamu pernah bertemu dengan Imam Malik?” tanya Imam Abu Yusof pula.

“Saya ke Madinah untuk berguru dengan Imam Malik. Kami baru sahaja berpisah apabila saya datang ke sini,” jawab Imam Syafie.

“Pernah kamu belajar kitab *al-Muwatta’* dengan Imam Malik?” tanya Imam Yusuf lagi.

“Dengan izin Tuhan saya dapat menghafalnya,” jawab Imam Syafie.

Imam Abu Yusof dan Imam Muhamad al-Hasan tampak terkejut mendengar jawapan Imam Syafie. Bagi menguji kebenarannya, mereka meminta Imam Syafie membacakan kitab *al-Muwatta’*. Imam Syafie pun membacanya dengan lancar.

“Adakah kamu sudah mempelajari Quran dan hadis?” tanya Imam Muhammad al-Hasan.

“Dengan izin Tuhan saya sudah hafal Quran dan hadis,” jawab Imam Syafie.

“Boleh kami menguji kebenaran kata-kata kamu?” tanya Imam Abu Yusof.

“Boleh tuan,” jawab Imam Syafie.

Imam Muhammad dan Imam Abu Yusof menulis beberapa masalah yang berkaitan dengan zakat, jual beli, faraid, pajak gadai, haji, dan lain-lain pada beberapa helai kertas. Kemudian Imam Syafie diminta menjawab masalah itu satu persatu. Kesemua masalah itu dapat dijawab oleh Imam Syafie berpandukan ayat-ayat Quran dan hadis hingga memuaskan hati kedua-dua ulama itu.

“Wahai Imam Syafie. Nama kamu sudah terkenal di Iraq. Kedatangan kamu pasti menggembirakan orang ramai,” kata Imam Abu Yusof.

“Mari tinggal di rumahku. Kamu akan kami layan seperti tetamu yang istimewa,” kata Imam Muhamad al-Hasan pula.

Bab 11 Dendang Perantau

Iman mempunyai bentengnya bagi menghalang segala serangan yang cuba merobohkannya. Oleh itu bagi menguatkan benteng iman, keimanan perlu dibajai dengan lima perkara, yakin, ikhlas, mengerjakan amalan sunat, istiqamah, bertatasusila ataupun berdisiplin dalam mengerjakan ibadah.

"Imam Abu Hanifah sudah lama meninggal dunia tetapi ajarannya masih kami amalkan hingga sekarang," kata Imam Muhamad al-Hasan. Kemudian beliau mengambil sebuah kitab lalu memberikannya kepada Imam Syafie.

"Ini kitab *al-Awsat* yang ditulis Imam Abu Hanifah. Selain Quran dan hadis, kitab ini menjadi rujukan kami," katanya.

"Kitab ini tinggi nilainya kerana ditulis oleh seorang ulama yang paling bertakwa. Insya-Allah saya akan membaca dan menghafalnya," kata Imam Syafie.

"Imam Abu Hanifah tidak banyak menulis kitab kerana masanya lebih banyak dihabiskan di dalam penjara. Malah dia meninggal dunia ketika berada di dalam penjara. Dia

diracuni oleh Khalifah al-Mansur kerana dendamnya pada ulama yang hebat itu," kata Imam Muhammad al-Hasan.

Kemudian katanya lagi, "Sekiranya Imam Abu Hanifah mahukan kekayaan dan hidup senang lenang, boleh sahaja dia memberikan kerjasama dengan khalifah. Dia pernah ditawarkan menjadi ketua perbendaharaan negara tetapi ditolaknya. Kemudian dilantik menjadi ketua hakim juga ditolaknya. Beliau lebih suka menjadi ulama bebas dengan tidak terikat kepada sesiapa."

Kemudian, Imam Muhammad al-Hasan pun menceritakan latar belakang Imam Abu Hanifah supaya Imam Syafie dapat mengenalinya dengan lebih dekat.

Imam Hanafi daripada bangsa Parsi. Nama sebenarnya al-Nukman bin Thabit. Beliau digelar Abu Hanifah kerana sentiasa membawa dakwat ke mana sahaja beliau pergi. Abu Hanifah dalam bahasa Parsi bererti dakwat. Beliau sentiasa membawa dakwat bagi menulis kitabnya serta menulis ilmu yang dipelajarinya.

"Rasulullah berkata, seandainya ilmu pengetahuan ada di bintang Thuraiya, pasti dapat dicapai oleh orang Parsi," kata Imam Muhammad al-Hasan sambil mengatakan orang yang dimaksudkan dalam hadis itu adalah Imam Hanafi.

"Walaupun Imam Hanafi sudah meninggal dunia tetapi ajarannya dikembangkan oleh anak-anak muridnya. Ramai antara mereka menjadi ulama besar," katanya lagi.

"Kerana itu, saya datang ke Iraq bagi menuntut ilmu agama dengan mereka. Khabarnya tuan salah seorang ulama

besar di sini," kata Imam Syafie pula.

"Tuan sudah berguru dengan Imam Malik. Sekarang tuan perlu belajar pula mazhab Imam Hanafi. Sekiranya tuan dapati mazhab ini yang paling sesuai, berpeganglah dengan ajaran Imam Hanafi," kata Imam Muhamad al-Hasan.

Mulai saat itu, Imam Syafie berguru dengan Imam Muhammad al-Hasan dan Imam Abu Yusof. Beliau juga dapat menghafal kitab *al-Awsat* dalam masa tiga hari sahaja. Berita itu mengejutkan guru-gurunya.

"Biasanya, anak-anak muridku mengambil masa selama satu tahun bagi menghafalnya. Tetapi kamu dapat menghafal dalam masa tiga hari sahaja," puji Imam Muhamad al-Hasan.

Imam Syafie menceritakan mimpinya bertemu dengan Nabi Muhammad yang mana selepas itu dia merasakan daya ingatannya begitu kuat hingga sekiranya ada timbunan kertas catatan ilmu agama setinggi gunung pun, dapat dihafalnya.

Selepas berguru dengan Imam Muhammad al-Hasan, Imam Syafie berguru pula dengan Imam Abu Yusof. Kemudian dia terus berguru dengan beberapa orang lagi ulama di Iraq. Dia sanggup berjalan jauh merantau ke seluruh Iraq semata-mata mahu menuntut ilmu agama. Akhirnya, seluruh negeri Iraq sudah dijelajahinya. Kemudian dia bertemu semula dengan Imam Muhammad dan Imam Abu Yusof.

“Wahai guruku, saya mahu merantau lagi bagi menuntut ilmu agama. Izinkan saya pergi dari sini. Doakan supaya perjalanan saya selamat,” kata Imam Syafie. Sebagai tanda hormat, dia meminta kebenaran terlebih dahulu daripada guru-gurunya.

“Nama kamu sudah terkenal di negeri Iraq. Sekiranya kamu mahu, kamu boleh menetap terus di sini. Tetapi sekiranya kamu mahu merantau lagi bagi mencari ilmu agama, kami tidak dapat menghalangnya,” kata Imam Abu Yusof.

Tetapi Imam Muhammad al-Hasan berdiam diri sahaja seolah-olah ada sesuatu yang sedang difikirkannya. Keadaan itu menimbulkan tanda tanya dalam hati Imam Syafie.

“Apakah tuan guru keberatan melepaskan saya pergi?” tanya Imam Syafie.

“Saya benarkan kamu pergi dari sini tetapi dengan satu syarat. Terima hadiah daripada saya terlebih dahulu,” jawab Imam Muhamad al-Hasan seperti berteka teki.

“Apakah hadiah itu?” tanya Imam Syafie pula.

“Esok saya berikan. Semoga kamu sanggup menerimanya,” jawab Imam Muhamad al-Hasan.

“Mungkin Imam Muhamad al-Hasan hendak mengahwinkan kamu dengan anak gadisnya?” bisik Imam Abu Yusof.

Imam Syafie terkejut mendengarnya kerana dia belum bersedia mendirikan rumah tangga. Tambahan pula

usianya masih muda. Biarlah dipenuhi dahulu dada dengan ilmu agama, baru boleh berfikir fasal kahwin. Namun sekiranya itu permintaan daripada gurunya, dia tidak akan menolaknya.

Keesokan harinya, selepas sembahyang subuh, Imam Syafie berjumpa Imam Muhammad al-Hasan bagi menerima hadiah yang dijanjikan.

“Di dalam uncang ini ada 3,000 dirham. Ambillah untuk perbelanjaan kamu menuntut ilmu,” kata Imam Muhammad al-Hasan sambil menyerahkan sebuah uncang duit.

Imam Syafie seperti keberatan menerimanya lalu bertanya, “Duit itu terlalu banyak. Tambahan pula setahu saya tuan bukan orang kaya dan tidak mempunyai simpanan harta yang banyak.”

“Beberapa hari yang lalu, seorang saudagar kaya datang menemui saya lalu memberikan hadiah berupa 3,000 dirham. Kemudian hadiah itu saya berikan kepada kamu,” jawab Imam Muhamad al-Hasan.

“Kenapa tuan berikan kepada saya semuanya? Bukankah elok dibahagi dua sahaja?” tanya Imam Syafie lagi.

“Duit ini menjadi lebih bermanfaat sekiranya digunakan untuk perbelanjaan kamu menuntut ilmu. Kerana itu saya serahkan semuanya kepada kamu. Harap kamu dapat menerimanya dan gunakan sebaik-baiknya,” kata Imam Muhammad al-Hasan.

Kemudian datang pula Imam Abu Yusof dengan membawa

seekor unta bersama seorang lelaki. Menurut Imam Abu Yusof, beliau menyewa seekor unta bersama seorang penunjuk jalan bagi memudahkan perjalanan Imam Syafie.

Beliau terharu dengan sifat pemurah guru-gurunya itu. Dia bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada mereka. Kemudian Imam Syafie pun berangkat ke Parsi. Apabila sampai di Heart yang terletak di utara Parsi, Imam Syafie singgah di situ. Lelaki penunjuk jalan itu meminta diri pulang ke Kufah.

Di Heart, Imam Syafie mempelajari bahasa Parsi hingga beliau fasih bertutur dalam bahasa itu. Ini memudahkan beliau menuntut ilmu dengan para ulama di sana serta memudahkan beliau menyampaikan kuliahnya kepada orang ramai. Akhirnya nama Imam Syafie terkenal di Parsi.

Walaupun Parsi sebuah negeri yang kaya dan subur tanahnya, ditambah pula dengan penduduknya yang baik dan ramah, namun Imam Syafie tidak bercadang mahu menetap di Parsi. Beliau mahu terus merantau bagi menuntut ilmu agama. Pada suatu malam, Imam Syafie bermimpi bertemu dengan gurunya, Imam Malik. Mimpi itu memberi kesan pada jiwanya. Kerinduannya kepada Imam Malik tidak tertahan lagi. Akhirnya, selepas berbincang dengan Imam Muhamad al-Hasan dan Imam Abu Yusof, Imam Syafie meninggalkan Parsi untuk pulang semula ke Madinah dengan melalui Iraq.

Semasa dalam perjalanan, beliau singgah di Diyar Rabi’ah dan Mudhar yang terletak di sempadan di antara Iraq dengan Parsi. Di sana terdapat masyarakat kaum Badwi.

Imam Syafie singgah di situ beberapa hari dan sempat mendalami bahasa Arab. Tambahan pula di kalangan orang Badwi di situ ada beberapa orang penyair terkenal.

Kemudian Imam Syafie meneruskan perjalanan secara bersendirian hingga sampai di Harran yang terletak di utara Iraq. Kebetulan pula beliau sampai pada pagi hari Jumaat. Tiba-tiba Imam Syafie mahu mencukur kepalanya kerana mendapati rambutnya sudah panjang dan tidak terurus. Beliau pergi ke sebuah kedai mencukur rambut. Kerana hari itu hari Jumaat, ramai yang datang hendak bercukur. Mereka yang berada di situ tidak mengenali Imam Syafie.

Selepas lama menunggu, akhirnya tiba giliran Imam Syafie. Tukang cukur terus menjalankan tugasnya mencukur rambut Imam Syafie. Tetapi baru separuh bahagian rambut Imam Syafie dicukur, tiba-tiba datang seorang lelaki yang juga mahu mencukur rambutnya. Tukang cukur itu lalu meninggalkan Imam Syafie bagi mencukur rambut pelanggan barunya. Sikap tukang cukur itu menimbulkan rasa tidak puas hati orang ramai yang sedang menunggu giliran. Sepatutnya tukang cukur itu menyuruh lelaki itu menunggu gilirannya. Imam Syafie yang baru dicukur separuh botak itu ditinggalkan begitu sahaja kerana melayan lelaki yang baru datang.

Selepas siap mencukur rambut lelaki itu, baru tukang cukur itu menyambung semula mencukur rambut Imam Syafie. Selepas selesai bercukur, Imam Syafie pun bertanya siapa lelaki itu.

“Dia pembesar Harran. Kerana itu saya memberi layanan

yang istimewa kepadanya," jawab tukang cukur itu.

"Berapa upah yang dibayar dia kepada kamu?" tanya Imam Syafie lagi.

"Lima dirham," jawab tukang cukur itu. "Dia bayar mahal kerana itu saya utamakan dia."

Imam Syafie mengeluarkan wang dari sakunya lalu memberikannya kepada tukang cukur itu. "Saya bayar kamu 10 dirham."

Tukang cukur itu tergamam kerana jumlah itu baginya terlalu banyak. Orang ramai yang berada di situ juga seperti tidak berpuas hati.

"Sepatutnya tuan tidak payah membayar upahnya kerana tukang cukur itu menghina tuan dengan mencukur rambut tuan separuh botak kemudian meninggalkan kerjanya kerana mahu mencukur kepala orang besar Harran itu," kata salah seorang pelanggan.

"Dalam poket saya cuma ada 10 dirham. Sekiranya ada duit yang banyak, pasti saya beri lebih banyak lagi," jawab Imam Syafie.

"Kenapa tuan begitu pemurah dengan saya?" tanya tukang cukur itu pula.

"Sebagai satu peringatan kepada kamu. Lain kali apabila datang orang miskin bercukur, kamu jangan sesekali menghinanya," kata Imam Syafie.

Kata-kata itu menginsafkan tukang cukur. Dia berjanji tidak

bersikap pilih kasih pada pelanggannya lagi. Barulah orang ramai yang berada di situ mengenali Imam Syafie. Masing-masing berebut mahu berjabat salam serta mempelawa menjadi tetamu di rumahnya. Tetapi Imam Syafie menolak pelawaan mereka dengan baik.

“Selepas sembahyang Jumaat nanti saya akan meneruskan perjalanan ke Madinah,” kata Imam Syafie.

Bab 12 Bagai Sirih Pulang ke Gagang

Ingat dan zikir kepada Allah sebanyak-banyaknya kerana ia mengubati penyakit jasmani dan hati. Ia mencetuskan ketenangan hidup dan qanaah.

Selepas beberapa hari berjalan meredah padang pasir yang panas dan gersang dengan menunggang unta, akhirnya Imam Syafie bersama para pedagang dari Iraq tiba di Madinah. Beliau terus menuju ke Masjid Nabi bagi menyempurnakan sembahyang asar. Kedatangan Imam Syafie menggembirakan orang ramai yang berada di situ. Mereka berkerumun mahu menyambut kedatangan ulama besar itu. Sementara menunggu masuknya waktu sembahyang asar, Imam Syafie melihat suasana Masjid Nabi yang sudah banyak berubah.

“Masjid Nabi ini semakin besar dan cantik. Saya sudah jauh merantau tetapi inilah masjid yang paling cantik pernah saya lihat. Syukur kepada Tuhan,” kata Imam Syafie sambil memerhatikan kawasan sekitar masjid.

“Khalifah Harun ar-Rasyid yang mencantikkan Masjid Nabi. Baginda juga mewakafkan banyak Quran dan kitab-kitab agama untuk masjid supaya dapat dibaca orang ramai,” puji Syeikh Jabar. Imam Syafie berasa senang hati mendengarnya.

Tidak lama kemudian, muncul Imam Malik diiringi 100 orang anak muridnya yang berpakaian jubah putih. Kedatangan mereka menarik perhatian orang ramai. Imam Syafie dapat mencium bau *anbar* yang semerbak memenuhi ruang masjid. Bau itu datangnya daripada Imam Malik dan anak-anak muridnya. Imam Syafie mahu menyambut kedatangan gurunya tetapi tidak dapat kerana orang ramai sedang mengerumuni ulama terkenal itu. Tambahan pula suara azan dilaungkan bagi menandakan masuknya waktu sembahyang asar.

Selesai sembahyang asar, Imam Malik terus memulakan majlis ilmunya tanpa menyedari kehadiran Imam Syafie. Imam Syafie pula tidak sempat memperkenalkan dirinya kerana tidak mahu mengganggu majlis ilmu gurunya itu. Dia berada dicelah orang ramai bagi mengikuti pengajian Imam Malik. Seperti biasa, orang ramai mengikuti majlis ilmu Imam Malik hingga masjid itu penuh sesak.

Apabila sampai kepada masalah 'cukai kharraj', Imam Malik mengajukan persoalan itu kepada anak muridnya. Seorang demi seorang memberi jawapan, namun tidak seorang pun dapat memberikan jawapan yang memuaskan hati Imam Malik. Kemudian Imam Malik bertanya pula kepada orang ramai sekiranya ada sesiapa yang dapat menjawabnya dengan tepat. Namun, tiada siapa yang berani memberikan

jawapannya.

Imam Syafie tahu jawapannya namun dia sengaja tidak mahu menonjolkan dirinya kerana Imam Malik belum mengetahui kehadirannya di situ. Akhirnya beliau membisikkan jawapan soalan itu kepada seorang lelaki yang duduk di sebelahnya. Kemudian lelaki itu bangun lalu memberikan jawapan seperti yang diajar Imam Syafie. Imam Malik berpuas hati dengan jawapan yang diberikan lelaki itu. Beliau memanggil lelaki itu tampil ke hadapan.

"Cuba kamu ulang semula jawapan kamu mengenai cukai kharraj tadi?" pinta Imam Malik.

Lelaki itu menjawab dengan lancar. Cukai kharraj dikenakan pada tanah yang dibuka oleh orang Islam secara peperangan ataupun damai yang tidak dibahagikan kepada pejuang-pejuang Islam, sebaliknya dijadikan harta negara, seperti yang dilakukan oleh khalifah Umar al-Khattab, dengan pemiliknya yang asal dan orang Islam sendiri dapat menggunakan tanah itu dan mengambil manfaatnya dengan dikenakan cukai kharraj. Cukai ini dikenakan mengikut keluasan tanah dan juga mengikut hasil keluaran tanaman, yang masing-masing lebih dikenali sebagai *nizam al-masahah* dan *nizam al-muqasamah*.

Cukai tanah sawah semasa zaman pemerintahan Umar al-khattab dikenakan sebanyak 14 dirham setiap ekar yang ditanam dengan gandum pada pihak yang lain. Rasulullah juga mengenakan cukai pada orang Yahudi yang menduduki daerah Khaibar sebanyak 20 peratus daripada hasil keluaran tanah itu. Walau bagaimanapun, nilai kharaj

yang dikenakan tidak tetap, sebaliknya mengikut cara pengairan.

Namun begitu, cukai kharraj ini dikecualikan daripada dua jenis tanah, iaitu:

1. Tanah yang dimiliki oleh orang kafir yang kemudiannya memeluk Islam, tanpa melalui peperangan.
2. Tanah yang dimiliki oleh pejuang-pejuang Islam yang diperoleh daripada rampasan perang yang dibahagi-bahagikan oleh khalifah.

Dua jenis tanah ini juga dikenali sebagai tanah *unsyur* yang dikenakan zakat 10 peratus ataupun lima peratus (1/10 ataupun 1/20) daripada hasil tanah.

Cukai kharraj tidak seperti zakat, kharaj boleh berubah mengikut beberapa ketentuan. Kadarnya pernah menjadi 50 peratus daripada hasil keluaran tanah ataupun 14 dirham setiap ekar tanah yang ditanam dengan gandum. Kadarnya dapat dikurangkan apabila wujud kesulitan pada petani. Kebolehan ini menjadikan kharraj sebagai satu alat dasar fizikal Islam yang penting.

"Adakah kamu sudah dapat menghafaz Quran?" tanya Imam Malik.

"Belum lagi tuan," jawab lelaki itu.

"Adakah kamu sudah habis membaca kitab *al-Muwatta'*?" tanya Imam Malik lagi.

"Belum lagi tuan," jawab lelaki itu.

“Adakah kamu pernah berguru dengan Imam Jaafar bin as-Siddiq?” tanya Imam Malik lagi.

“Belum tuan,” jawab lelaki itu.

“Sekiranya begitu, bagaimana kamu dapat menjawab persoalan saya tadi?” tanya Imam Malik dengan rasa hairan.

“Pemuda yang duduk di sebelah saya itu yang mengajarnya,” jawab lelaki itu sambil menunjuk ke arah Imam Syafie.

“Wahai anak muda. Datanglah dekat kepada saya!” kata Imam Malik sambil memandang ke arah Imam Syafie.

Sebaik sahaja Imam Syafie menghampiri, Imam Malik merenungnya dengan rasa yang takjub. Beliau seperti tidak percaya dengan apa yang dilihatnya.

“Kamu Imam Syafie?” tanya Imam Malik.

“Benar,” jawab Imam Syafie.

Imam Malik bangun lalu memeluk Imam Syafie. Mereka berpelukan sebagai tanda kasih sayang antara seorang guru dengan anak muridnya. Ramai yang terharu serta menitiskan air mata melihat situasi itu. Mereka gembira kerana Imam Syafie sudah pulang ke Madinah.

“Wahai guruku, saya datang kerana merindui tuan. Sudah beberapa tahun saya merantau. Sekarang saya pulang semula ke pangkuan tuan,” kata Imam Syafie.

"Saya juga merindui kamu. Syukur kerana Tuhan menemukan semula kita berdua," kata Imam Malik pula.

Selepas bertanya khabar berita, Imam Malik meminta Imam Syafie menggantikan tempatnya kerana beliau mahu pulang sebentar ke rumahnya.

"Kamu yang layak menggantikan tempat saya. Kerana itu duduklah di sini dan terus mengajar anak-anak murid saya hingga saya datang semula ke sini," pesan Imam Malik.

Imam Syafie pun duduk di tempat Imam Malik bagi menggantikan tempatnya mengajar kuliah agama hingga masuk sembahyang maghrib. Selepas maghrib, sementara menunggu masuknya waktu isyak, Imam Syafie menyambung lagi pengajiannya. Selepas sembahyang isyak, dia menyambung lagi kuliahnya hingga tengah malam.

Imam Malik pula berasa gembira kerana anak murid kesayangannya sudah kembali ke pangkuannya. Dia pulang ke rumah lalu menyuruh isteri dan anak gadisnya menyediakan masakan yang lazat untuk tetamu istimewa mereka.

"Dia seorang ulama yang paling bertakwa melebihi ayahanda. Kerana itu masaklah makanan yang lazat untuk tetamu istimewa kita itu," pesan Imam Malik.

Kemudian beliau datang semula ke masjid. Tetapi dia duduk dicelah orang ramai bagi mendengar majlis agama yang disampaikan oleh Imam Syafie. Selesai sembahyang isyak dan selepas tamat majlis ilmu, baru Imam Malik

menemui Imam Syafie.

“Wahai Imam Syafie, mari bermalam di rumahku,” pelawa Imam Malik.

“Dengan senang hati saya menerimanya,” balas Imam Syafie.

Apabila sampai di rumah Imam Malik, dilihatnya sudah jauh berubah. Rumahnya sudah besar dan cantik. Di dalamnya terdapat banyak perabot dan barang perhiasan yang mahal. Imam Syafie berasa sedih lalu menangis.

“Wahai Imam Syafie, adakah kamu menyangka saya sudah menjual akhirat dengan barang-barang perhiasan dunia ini?” tanya Imam Malik yang mengerti apa yang membuat anak muridnya itu menangis.

“Memang benar. Saya bimbang kesenangan dunia ini melalaikan tuan, lalu hanyut dalam lautan nafsu,” jawab Imam Syafie.

“Janganlah kamu bimbang kerana saya tidak akan menjual akhirat saya dengan kesenangan dunia ini. Semoga tuhan menetapkan pendirian saya,” pujuk Imam Malik.

“Semasa saya meninggalkan tuan beberapa tahun yang lalu, rumah tuan sederhana sahaja. Tetapi apabila saya datang, keadaannya sudah jauh berubah. Apakah makna semua ini?” tanya Imam Syafie.

“Rumahku ini dibina oleh sahabatku Abu Kasim. Barang perhiasan yang mahal ini adalah hadiah daripada saudagar-saudagar yang pernah menjadi anak-anak

muridku. Saya tidak boleh menolak pemberian mereka kerana Nabi Muhammad juga tidak menolak pemberian hadiah daripada sesiapa sahaja. Sekiranya saya menolak, bererti saya menyakiti hati mereka. Sekiranya dibuang pemberian mereka, itu satu pembaziran," jawab Imam Malik.

Barulah senang hati Imam Syafie mendengarnya. Dia yakin gurunya itu masih tidak berubah walau kehidupannya jauh sudah jauh lebih mewah daripada sebelumnya.

Tidak lama kemudian, makanan pun dihidangkan. Imam Syafie makan dengan begitu berselera. Pada malam itu juga Imam Syafie tidur nyenyak hingga ke pagi. Keesokan harinya, anak gadis Imam Malik mengadu kepada ayahnya.

"Ayah mengatakan tetamu kita itu seorang lelaki yang warak, alim dan kuat beramal ibadat. Tetapi saya lihat dia bukan seperti yang ayah katakan."

"Apa maksud kamu?" tanya Imam Malik pula.

"Ayah kata lelaki itu tidak pernah makan hingga kenyang. Tetapi malam tadi anakanda melihat dia makan begitu berselera dan banyak. Ayah juga kata lelaki itu banyak beramal ibadat pada waktu malam. Sedangkan malam tadi anakanda melihatnya tidur lena tanpa sempat bangun malam untuk sembahyang tahajud dan beramal ibadat," jawab anak gadis Imam Malik.

"Nanti ayahanda tanyakan perkara itu kepadanya," kata Imam Malik.

Tidak lama kemudian muncul Imam Syafie lalu Imam Malik pun bertanya, “Wahai Imam Syafie, bukankah kamu makan tidak pernah kenyang? Tetapi kenapa malam tadi kamu makan begitu berselera sekali hingga kekenyangan? Kemudian kamu tidur nyenyak sampai ke pagi?”

“Saya tahu makanan yang tuan hidangkan itu daripada rezeki yang halal. Kerana itu saya makan banyak bagi mendapat keberkatannya,” jawab Imam Syafie.

“Kamu tidur nyenyak sampai ke pagi dan tidak bangun malam untuk beribadat?” tanya Imam Malik lagi.

“Malam tadi di tempat perbaringan Tuhan memberi petunjuk hingga saya dapat menyelesaikan 100 masalah agama. Bukankah berfikir sejenak mengenai kebesaran Allah serta menyelesaikan masalah ummah itu lebih baik daripada melakukan ibadat sunat?” kata Imam Syafie pula.

“Benar katamu,” puji Imam Malik.

Imam Malik bertambah yakin dengan kehebatan Imam Syafie. Beliau mempelawa Imam Syafie terus menjadi anak muridnya.

“Kamu juga akan menggantikan tempat saya semasa ketiadaan saya,” kata Imam Malik.

Keesokan harinya Imam Syafie diminta menggantikan tempat Imam Malik memimpin majlis ilmu. Beliau bercerita mengenai kewajipan menuntut ilmu.

“Ilmu itu mempunyai keutamaan. Keutamaannya adalah membuat semua orang mengabdi kepadanya. Memelihara

ilmu itu wajib sebagaimana wajibnya seseorang itu memelihara diri dan maruahnya. Sesiapa yang mempunyai ilmu kemudian mewariskan ilmu kepada orang yang tidak berhak menerimanya, dia berlaku zalim," kata Imam Syafie.

Kemudian katanya lagi, "Saya dapati orang yang berilmu itu menjadi mulia meskipun dia dilahirkan di tengah-tengah keluarga yang buta huruf dan miskin. Ilmu selalu dapat mengangkat darjat manusia hingga orang mulia menghormatinya. Mereka akan mematuhi kata-kata orang yang berilmu. Setiap orang tidak akan merasakan kebahagiaan tanpa ilmu. Kamu tidak akan memperoleh ilmu kecuali dengan enam perkara iaitu kecerdasan, semangat waja, rajin, tekun, perbelanjaan yang cukup dan bersahabat dengan guru."

Selepas memberikan kata-kata semangat itu, barulah Imam Syafie mengajar ilmu hadis. Anak-anak murid Imam Malik tertarik dengan cara penyampaiannya. Keesokannya mereka meminta Imam Syafie mengajar lagi.

Bab 13 Kembali ke Mekah

Khusyuk secara zahir adalah khusyuknya orang awam, khusyuk secara batin adalah khusyuknya orang pilihan di sisi Allah.

"Sekiranya ada orang yang bahagia kerana ilmunya, inilah orangnya," kata Imam Malik sambil menunjuk ke arah Imam Syafie yang duduk di sebelahnya.

Menurut Imam Malik, Imam Syafie satu-satunya ulama yang disanjung orang ramai. Ke mana sahaja beliau sentiasa mendapat layanan yang baik. Berbeza dengan ulama lain seperti Imam Abu Hanifah dan sebagainya yang terpaksa menempuh pelbagai penderitaan. Mereka pernah dipenjara, diseksa dan sebagainya. Namun, Imam Syafie tidak pernah melalui penderitaan seperti itu.

Kemudian Imam Malik menyuruh Imam Syafie mengambil tempatnya bagi mengajar ilmu hadis kepada orang ramai. Beliau sendiri duduk di kalangan anak-anak muridnya seperti beliau juga sedang menuntut ilmu dengan Imam Syafie.

“Kenapa tuan begitu hormat kepada Imam Syafie? Bukankah dia juga anak murid tuan?” tanya salah seorang anak muridnya.

“Imam Syafie itu daripada keluarga Rasulullah. Dia juga seorang ulama. Kerana itu kita wajib menghormatinya,” jawab Imam Malik.

Kemudian dia menyuruh anak-anak muridnya menghormati Imam Syafie seperti penghormatan yang diberikannya, Mereka akur dengan permintaan itu. Imam Syafie semakin dihormati dan disayangi. Imam Malik juga meminta Imam Syafie tinggal di rumahnya supaya memudahkannya menghadiri di mana sahaja majlis ilmu. Kasih dan sayangnya kepada Imam Syafie semakin mendalam.

“Wahai Imam Syafie, saya sudah tua. Saya dapat merasakan ajal saya semakin hampir. Entah esok ataupun lusa saya dijemput menemui Tuhan. Sebelum meninggal dunia, saya mahu memberikan kamu separuh daripada harta dalam simpananku. Saya berharap sangat kamu sudi menerimanya,” kata Imam Malik.

Ketika itu mereka dalam perjalanan pulang dari masjid menuju ke rumah Imam Malik. Imam Syafie terkejut mendengarnya. Beliau tidak menyangka sampai begitu sekali kasih sayang yang ditunjukkan oleh Imam Malik kepadanya. Namun dalam hati dia mahu menolak pemberian itu.

“Saya cuma mahu menuntut ilmu darimu. Pada saya, ilmu yang tuan berikan itu lebih berharga daripada harta,” kata Imam Syafie berterus terang. Dia teringat pesanan ibunya

supaya keluar mencari ilmu, bukan mencari harta.

“Wahai Imam Syafie, kamu banyak membantu saya. Kamu sering berada di tempat saya mengajar anak-anak murid saya dengan ilmu agama. Kerana itu sepatutnya saya memberikan hadiah kepada kamu,” desak Imam Malik.

“Bukankah tuan mempunyai anak dan isteri? Mereka yang lebih berhak mewarisi harta tuan,” kata Imam Syafie pula.

“Harta saya banyak. Ia pemberian khalifah dan anak-anak murid saya yang ramai sudah menjadi saudagar. Harta itu akan saya bahagikan kepada dua. Separuh untuk kamu dan separuh untuk keluarga saya,” desak Imam Malik.

“Wahai tuan, bagaimana pendapat tuan mengenai harta pemberian khalifah itu?” tanya Imam Syafie pula.

“Harta itu selamat kerana itu saya menerimanya,” jawab Imam Malik.

“Harta selamat? Apa maksud tuan?” tanya Imam Syafie lagi.

“Harta khalifah itu diambil dari baitulmal. Kerana itu harta selamat,” jawab Imam Malik.

“Bukankah Imam Abu Hanifah pernah menolak wang pemberian khalifah?” tanya Imam Syafie lagi.

“Imam Abu Hanifah menjauhkan diri daripada khalifah. Beliau juga menolak pemberian hadiah daripada baginda. Kerana itu dia dipenjara hingga meninggal dunia,” jawab Imam Malik.

“Kenapa tuan mendampingi Khalifah? Kenapa tuan menerima hadiah daripada baginda?” tanya Imam Syafie.

“Saya mendampingi khalifah supaya memudahkan saya berdakwah kepada baginda. Memang benar saya menerima wang pemberian khalifah tetapi tidak pernah membelanjakannya. Wang itu saya simpan ataupun sedekahkan kepada mereka yang memerlukan. Sekarang wang itu akan saya serahkan kepada kamu,” jawab Imam Malik.

Kerana kuatnya desakan Imam Malik menyebabkan Imam Syafie terpaksa juga menerimanya. Benarlah seperti jangkaan Imam Malik, tidak lama kemudian beliau jatuh sakit selama 20 hari. Imam Malik meninggal dunia pada tahun 179 Hijrah. Umurnya ketika itu 86 tahun.

Pemergian Imam Malik mendukacitakan hati Imam Syafie. Dia merasakan kehilangan sesuatu yang berharga dalam hidupnya. Beliau dirundung kesepian yang tidak terhingga.

“Saya kehilangan seorang guru dan sahabat sejati,” kata Imam Syafie.

“Saya mengasihi guru dan sahabat saya dengan seluruh jiwa raga, sama seperti saya mencintai sanak saudaraku sendiri. Sahabat yang baik seiring sejalan dengan saya dan menjaga nama baik saya ketika saya hidup mahupun selepas saya mati. Sekiranya kita menghormati orang lain tentulah kita akan dihormati. Sesiapa yang menghina orang lain, dia pasti dicemuh dan dihina. Apabila kamu mengharapkan kemuliaan, dekatilah orang yang alim. Hanya orang yang berjiwa mulia dapat menjaga baik

dirinya dan selalu memuliakan tetamu," kata Imam Syafie meluahkan perasaannya.

Tiba-tiba kota Madinah dirasakannya begitu asing. Tidak lagi menenteramkan jiwanya. Beliau mahu merantau lagi bagi meluaskan perjalanannya.

"Semasa hidup, Imam Malik selalu menyuruh tuan berada di tempatnya bagi mengajar kami ilmu agama. Kerana itu sesudah dia meninggal dunia, tuan sepatutnya yang mengambil alih tanggungjawab itu. Tambahan pula tuan paling layak sebagai penggantinya. Kerana itu ajarlah kami ilmu agama," kata Yasir, salah seorang anak murid Imam Malik kepada Imam Syafie.

"Saya berasal dari kota Mekah. Saya datang ke sini bagi menuntut ilmu dengan Imam Malik. Sekarang beliau sudah meninggal dunia. Saya akan pulang semula ke Mekah kerana di sana ibu saya sedang menunggu. Tambah pula kami sudah lama tidak berjumpa," kata Imam Syafie.

"Bagaimana sekiranya tuan bawa ibu tuan ke sini dan terus menetap di Madinah?" tanya Jabir pula.

"Ibu saya sudah tentu tidak setuju kerana keluarganya berada di Mekah. Penduduk Mekah juga menunggu kepulangan saya bagi mengajar ilmu hadis," jawab Imam Syafie.

Penduduk Madinah terpaksa juga membenarkan Imam Syafie pulang ke Mekah. Sekali lagi mereka mengiringinya hingga sampai ke pinggir kota Madinah. Selepas lama berjalan meredah padang pasir, akhirnya Imam Syafie

selamat sampai ke kota Mekah.

Ummu Habibah al-Uzdiyyah menyambut kepulangan anaknya dengan rasa syukur dan gembira. Sebagai seorang ibu, beliau sentiasa mengikuti perkembangan anaknya. Apabila ada orang dari Madinah dan Iraq datang ke Mekah, beliau sering bertanya sekiranya mereka pernah bertemu dengan Imam Syafie. Mereka tidak keberatan menceritakan kehebatan Imam Syafie. Itu membuatkan Ummu Habibah al-Uzdiyyah berasa gembira.

Selepas berpisah sekian lama, Ummu Habibah al-Uzdiyyah bertemu semula dengan anak kesayangannya. Imam Syafie menceritakan pengalamannya berguru dengan Imam Malik serta pengalamannya merantau menuntut ilmu hingga ke Parsi.

“Imam Malik menyerahkan separuh daripada harta yang dimilikinya kepada anakanda. Harta itu masih ada dalam simpanan anakanda. Sudikah ibu menerimanya?” tanya Imam Syafie dengan harapan ibunya mahu menerimanya.

“Ibu menyuruh kamu pergi menuntut ilmu, dan pulang membawa ilmu penuh di dada. Ibu bukan menyuruh kamu pergi mencari harta. Ibu tidak memerlukannya,” kata Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

“Bagaimana pula dengan wang yang banyak itu wahai bonda?” tanya Imam Syafie lagi.

“Sedekahkan kepada fakir miskin dan mereka yang memerlukan. Itu yang lebih baik daripada kita membelanjakannya,” jawab Ummu Habibah al-Uzdiyyah.

Imam Syafie patuh pada suruhan ibunya. Semua wang itu diberikannya kepada fakir miskin dan mereka yang memerlukannya. Imam Syafie dan ibunya menjalani kehidupan seperti biasa.

Kepulangan Imam Syafie ke Mekah menggembirakan hati orang ramai. Mereka meminta Imam Syafie membuka kuliah ilmu di Masjidil Haram. Ramai yang berguru dengannya.

Nama Imam Syafie tersebar hingga ke Yaman. Gabenor Yaman tertarik dengan Imam Syafie lalu bercadang hendak membawanya ke Yaman. Tambahan pula penduduk Yaman perlukan bimbingan seorang ulama seperti Imam Syafie.

Selepas membuat persiapan, gabenor Yaman dan para pengiringnya berangkat ke Mekah dengan alasan hendak mengerjakan umrah. Selesai mengerjakan umrah, gabenor Yaman berjumpa dengan Imam Syafie.

“Kamu sudah pernah merantau hingga sampai ke Parsi. Tetapi kamu belum pernah sampai ke Yaman. Di sana juga ramai ulama terbilang. Penduduk Yaman juga mahu berguru dengan tuan,” kata gabenor Yaman kepada Imam Syafie.

“Saya tertarik dengan cadangan tuan. Tetapi saya perlu mendapat keizinan daripada ibu saya terlebih dahulu,” kata Imam Syafie pula.

Kemudian beliau menyatakan hasrat di hatinya mahu merantau ke Yaman pula. Ummu Habibah al-Uzdiyyah

tidak keberatan melepaskan anaknya pergi menuntut ilmu walau ke mana sahaja. Keesokan harinya Imam Syafie berangkat ke Yaman bersama gabenor dan para pengiringnya.

Bab 14 Bertemu Jodoh

Kubur adalah perhentian sementara bagi membolehkan ke satu perhentian lagi yang penuh dengan soal siasat. Oleh itu, siapkanlah jawapan yang adil dan benar menerusi amal yang benar dan taat kepada al-haq yang tidak berbelah bagi.

Apabila sampai di Yaman, gabenor Yaman mempelawa Imam Syafie tinggal di rumahnya. Tetapi Imam Syafie berasa tidak selesa tinggal di kediaman gabenor yang mewah dan cantik itu. Dia mahu keluar dari situ. Tetapi gabenor itu pula mahu Imam Syafie terus tinggal bersamanya.

“Wahai Imam Syafie, saya yang mengajak kamu datang ke Yaman. Kerana itu saya yang bertanggungjawab melindungi kamu, menjaga makan dan minum serta kebajikan kamu. Kerana itu teruslah tinggal di rumah ini. Saya tidak akan meminta apa-apa balasan daripada kamu,” pujuk gabenor Yaman itu.

“Saya tertarik hati untuk datang ke Yaman kerana negeri ini kaya dengan peninggalan sejarah. Di sini pernah wujud

kerajaan Sabak, Madain, Hirrah, dan Ghazzan. Di sini juga bermulanya kisah percintaan antara puteri Balqis dengan Nabi Sulaiman. Kerana itu izinkan saya melihat tempat-tempat bersejarah itu," kata Imam Syafie pula.

Gabenor Yaman bersetuju dengan permintaan itu. Imam Syafie menggunakan kesempatan itu melawat tempat-tempat bersejarah yang terdapat di Yaman. Dia juga mempelajari sejarah Yaman.

Ia dinamakan sedemikian, kerana di negara ini dikatakan banyak berkat dan kebaikannya. Ia sebuah negara yang makmur kerana tanahnya yang subur dan tidak kering. Rakyat Yaman mendapat akal membuat takungan-takungan air dan beberapa buah empangan supaya air hujan dapat dipergunakan dengan baik, sama ada bagi tujuan pertanian mahupun sebagai sistem perparitan. Justeru, kota-kota dan juga kampung-kampung serta tanaman mereka tidak lagi dilanda air bah pada musim hujan.

Negeri Yaman wujud sebelum wujudnya kota Madinah. Kebanyakan penduduk Madinah berasal dari Yaman. Penghijrahan itu berlaku selepas empangan Ma'arib pecah.

Antara kerajaan-kerajaan yang pernah wujud di Yaman adalah kerajaan Ma'in, Qutban, Saba', dan Himyar. Kerajaan Ma'in wujud kira-kira tahun 1200 sebelum Masihi, dan Kerajaan Qutban pula wujud kira-kira 1000 tahun sebelum Masihi. Kerajaan Qutban inilah yang menjadi pengawal Selat Bab el-Mandeb yang memisahkan Yaman dengan Sudan. Apabila kedua-dua kerajaan itu runtuh, ia

diganti dengan kerajaan Saba'.

Kerajaan Saba' mula wujud pada tahun 950 sebelum Masihi. Pada mulanya ia hanya sebuah kerajaan yang kecil. Tetapi selepas kerajaan Ma'in dan Qutban runtuh, ia dikuasai kerajaan Saba' yang diperintah Puteri Balqis.

Mereka membina empangan Ma'arib, iaitu sebuah empangan raksasa yang dapat menakung air antara dua buah gunung. Dengan adanya empangan itu, wujud kawasan pertanian yang subur di negeri Saba'.

Namun, apabila empangan Ma'arib itu pecah lalu menenggelamkan negeri Saba', bangun pula kerajaan Himyar. Tetapi kerajaan itu lemah dan dijajah oleh orang Rom dan Parsi.

"Wahai Imam Syafie. Saya memerlukan seorang jurutulis dan setiausaha peribadi. Pada hemat saya, hanya kamu yang paling layak memegang jawatan itu. Saya harap kamu sanggup menerimanya," kata gabenor.

Imam Syafie termenung sejenak. Tujuan dia datang ke Yaman mahu menuntut ilmu, bukannya mencari kerja. Walau bagaimanapun dia sedar, berada di tempat yang jauh memerlukan wang bagi menampung keperluan hidupnya.

Selepas berfikir sejenak, Imam Syafie pun berkata, "Wahai tuan gabenor, saya tidak menolak tawaran tuan itu. Tetapi berilah saya masa pergi menuntut ilmu dengan beberapa orang ulama yang berada di Yaman ini. Kemudian, baru saya menerima tawaran bekerja dengan tuan," kata Imam

Syafie.

Al-Malik terpaksa bersetuju dengan permintaan Imam Syafie. Dia juga memberi sedikit wang kepada Imam Syafie untuk keperluannya. Kemudian Imam Syafie menjelajah ke seluruh negeri Yaman. Dia sempat berguru dengan beberapa orang ulama yang terkenal di Yaman seperti Matraf bin Mazin al-Sana'ani, Amru bin Musallamah dan Hisham bin Yusof, Kadi Sana'i.

Namun, Imam Syafie masih berasa belum berpuas hati kerana kebanyakan ilmu yang dipelajari dengan ulama-ulama Yaman itu sudah pernah dipelajarinya sebelum itu. Oleh itu Imam Syafie berusaha meluaskan lagi ilmunya dengan mempelajari ilmu kedoktoran dan ilmu hisab.

"Mahukah kamu mempelajari ilmu firasat?" tanya Maulana Arif yang mahir dalam ilmu firasat.

"Boleh juga sekiranya tidak bercanggah dengan agama Islam," kata Imam Syafie.

"Percayalah, kamu tidak rugi apabila mempelajarinya." Akhirnya Maulana Arif berjaya memujuk Imam Syafie.

Selepas tamat mempelajari ilmu firasat, Imam Syafie memohon daripada gurunya untuk pulang ke Sana'a. Gurunya berpesan supaya berhati-hati apabila berkawan dengan orang yang cacat sebelah matanya, orang yang tempang ataupun terdapat apa-apa kecacatan pada tubuhnya.

"Sekiranya berkawan dengan orang seperti itu pasti

menyusahkan serta menyukarkan kamu," pesan gurunya.

Semasa dalam perjalanan pulang, Imam Syafie singgah di sebuah perkampungan lalu bertemu seorang lelaki yang kedua-dua matanya berwarna merah dan juling. Dahinya agak terbonjol.

"Lelaki ini tentu buruk perangainya seperti yang dipesan oleh guru," bisik hati Imam Syafie.

Lelaki itu menegur Imam Syafie dengan ramah lalu mempelawa singgah di rumahnya. Kemudian dijamunya dengan makanan yang enak serta minuman yang lazat.

"Saya sedang bermusafir. Boleh saya menumpang bermalam di rumah ini?" tanya Imam Syafie kerana tertarik dengan budi bahasa lelaki itu.

"Dengan senang hati saya menerima permintaan tuan," jawab lelaki itu.

Lelaki itu memasukkan unta tunggangan Imam Syafie ke dalam kandang. Kemudian membawa Imam Syafie ke sebuah bilik tidur yang dilengkapi dengan katil, tilam, selimut dan bilik air. Imam Syafie berasa gembira.

Pada keesokan harinya sekali lagi lelaki itu menghidangkan sarapan pagi. Lantas hati Imam Syafie berbisik, lelaki itu seorang yang pemurah dan baik hati.

"Mengikut ilmu firasat yang aku pelajari, lelaki seperti itu tidak boleh dipercayai. Tetapi ternyata sebaliknya. Ternyata ilmu firasat yang aku pelajari itu salah," bisik hati Imam Syafie.

Kemudian Imam Syafie bersiap-siap mahu meninggalkan rumah tumpangannya itu. Dia menemui lelaki itu bagi mengucapkan terima kasih.

“Kenapa tuan cepat sangat hendak pergi? Alangkah beruntungnya saya sekiranya tuan tinggal di rumah ini beberapa hari lagi.” Lelaki itu seolah-olah enggan melepaskan Imam Syafie pergi.

“Saya perlu pulang segera ke Sana’a. Sekiranya tuan datang ke sana, tanyalah di mana Imam Syafie. Mereka pasti membawa tuan kepada saya. Tiba pula giliran saya melayan tuan seperti tetamu,” kata Imam Syafie.

“Adakah kamu menyangka semua yang saya berikan itu secara percuma? Kamu perlu membayar setiap perkhidmatan yang saya berikan. Saya masukkan unta ke dalam kandang upahnya lima dirham. Makan dan minum kamu 10 dirham. Sewa bilik penginapan kamu 30 dirham. Sarapan pagi tadi lima dirham. Kamu perlu bayar kepada saya semuanya 50 dirham,” bentak lelaki itu.

Imam Syafie terpaksa menunaikan permintaan lelaki itu. Selepas membayarnya, Imam Syafie berbisik dalam hatinya, “Alangkah benar ilmu firasat yang aku pelajari....”

Apabila sampai di Sana’a, Imam Syafie terus menemui al-Malik. Gabenor Yaman itu gembira menyambut kepulangan Imam Syafie. Kemudian dilantiknya menjadi setiausaha dan jurutulisnya. Imam Syafie menerima tawaran itu kerana dia merasakan sudah sampai masanya dia bekerja bagi menyara diri sendiri.

Di samping bekerja, Imam Syafie menyebarkan ilmu kepada sesiapa yang berhajat mahu berguru dengannya. Anak murid serta pengikut Imam Syafie semakin hari semakin ramai. Namanya mula terkenal di Yaman.

“Kamu sudah dewasa. Selayaknya kamu mempunyai keluarga sendiri. Mahukah kamu sekiranya saya carikan kamu seorang isteri?” tanya gabenor Yaman pada suatu hari.

Imam Syafie tidak dapat menolak permintaan al-Malik. Tambahan pula beliau adalah majikannya. Dia menyerahkan kepada gabenor Yaman itu mencarikan calon isterinya.

“Saya akan menjodohkan kamu dengan seorang gadis yang baik daripada keturunan yang baik. Saya harap kamu tidak membantah dengan pilihan saya,” kata gabenor Yaman.

“Boleh saya tahu siapakah gadis itu?” tanya Imam Syafie pula.

“Namanya Hamidah binti Uyainah bin Amru bin Uthman bin Affan. Beliau adalah keturunan Khalifah Uthman bin Affan,” jawab Al-Malik.

Tidak lama kemudian Imam Syafie berkahwin dengan Hamidah. Mereka tinggal di rumah sendiri di Sana’a. Akhirnya mereka dikurniakan tiga anak iaitu Abu Uthman Muhammad, Fatimah dan Zainab. Mereka juga mempunyai seorang hamba perempuan berkulit hitam.

“Wahai Imam Syafie, Wilayah Najran memerlukan seorang hakim. Saya berpendapat kamu yang paling layak memegang jawatan itu. Kerana itu terimalah tawaran saya ini,” beritahu gabenor Yaman pada suatu hari.

Atas permintaan gabenor Yaman itu, akhirnya Imam Syafie membawa keluarganya berpindah ke Najran. Di sana dia dilantik menjadi hakim.

Bab 15 Fitnah di Najran

Kita perlu sentiasa memohon perlindungan daripada Allah, sekurang-kurangnya dengan mengucapkan "A'uzubillahi minassaitathanirrajim". Kita perlu bersabar sekiranya serangan syaitan datang juga bertalu-talu dengan hebat dan menyedari Allah taala hendak menguji keteguhan sabar kita, hendak melihat ketulenan jihad kita. Ketahuilah perang dengan syaitan itu lebih hebat daripada perang sabil.

Penduduk Najran menyambut baik kedatangan Imam Syafie. Tambahan pula nama beliau sudah harum di kalangan mereka. Dengan itu lebih mudah Imam Syafie menjalankan tugasnya sebagai hakim atau kadi di Najran. Selang beberapa bulan kemudian datang berita mengatakan al-Malik sudah meninggal dunia.

"*Innalillahi wa inna ilaihirajiun*, semoga Gabenor al-Malik dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan mereka yang beriman," bisik Imam Syafie sejurus mendengar perkhabaran mengenai pemergian gabenor Najran yang adil, zuhud dan pemurah itu.

Imam Syafie memerhati sekeliling masjid yang berada di tengah kota Najran itu. Beberapa orang sedang menangisi pemergian Gabenor al-Malik yang disayangi dan dihormati, ada juga yang menceritakan serta mengheboh-hebohkan kebaikan dan segala jasa yang Gabenor al-Malik curahkan kepada sekalian penduduk kota Najran.

Seketika kemudian, Imam Syafie bergegas mengajak sahabat-sahabatnya ke Sana'a bagi membantu menguruskan keperluan jenazah dan juga keperluan keluarga Gabenor al-Malik.

Hujan renyai-renyai mengiringi jenazah Almarhum Tuan Gabenor al-Malik yang dibawa menuju ke tanah perkuburan. Sesekali angin dingin menghembus membawa bauan harum yang entah dari mana puncanya, sewangi jasa-jasa yang almarhum tebarkan ke segenap kota Sana'a yang penuh berkat itu. Selepas sempurna dikebumikan, Imam Syafie dan para pengiringnya pulang semula ke Najran.

Hari itu seusai solat duha, Imam Syafie melangkah keluar dari masjid kota Najran. Sengaja beliau berjalan-jalan memerhati keadaan sekeliling. Tambahan pula beliau belum berkesempatan menziarahi kampung-kampung yang terletak di sekitar kota Najran itu.

Sudah menjadi kebiasaan beliau yang memegang amanah sebagai hakim di situ melihat suasana dan keadaan sebenar rakyat yang berada di bawah tanggungjawabnya itu. Tetapi semenjak Gabenor al-Malik sudah tiada, Imam Syafie berasa keseorangan. Namun begitu, tanggungjawab

perlu diteruskan. Pada hari itu beliau menjejak kaki ke sekitar penempatan penduduk kota Najran.

Khalifah Harun ar-Rasyid di Baghdad melantik as-Saud bagi menggantikan al-Malik. Dia berpindah ke Najran kerana merasakan negeri itu lebih kaya berbanding Sana'a.

Imam Syafie mengajak Gabenor as-Saud yang kini menjadi gabenor kota Najran bersama-samanya turun padang menemui rakyat yang mungkin mengalami kesulitan serta permasalahan. Tetapi gabenor baru kota Najran itu seolah-olah tidak berminat malah lebih mementingkan urusan majlis keraian atas pelantikannya sebagai gabenor yang akan diadakan tidak lama lagi.

"Saya mempunyai pelbagai urusan yang lebih penting berbanding menziarahi penduduk kota Najran yang langsung tidak mendatangkan apa-apa manfaat kepada saya," kata Gabenor as-Saud dengan lagak yang sombong sambil memandang tepat wajah Imam Syafie.

"Semoga Allah merahmatimu, tetapi saya dengan berbesar hati mahu mengatakan Tuan Gabenor al-Malik tidak pernah terlepas melawat ke setiap kampung-kampung termasuk di sekitar kota Najran ini. Beliau begitu mementingkan kebajikan setiap orang yang berada di bawah tanggungjawab beliau itu," beritahu Imam Syafie dengan lembut.

"Tuan Gabenor al-Malik itu tidak mempunyai kerja dan sebarang urusan penting yang perlu dilakukan. Lagipun beliau tidak begitu bijak mempergunakan peluang yang ada sepanjang menjadi gabenor kota Najran ini. Saya sedang

memikirkan mengenai majlis keraian yang akan diadakan bersama dengan pembesar kota ini. Urusan ini lebih memerlukan saya malah jauh lebih penting daripada pergi membuang masa dan berpanas menapak kaki ke kampung-kampung yang kotor itu," beritahu Tuan Gabenor as-Saud sambil berdiri lalu menuangkan air ke cawannya.

"Semoga Allah memelihara tuan daripada tipu daya syaitan dan dorongan nafsu yang melulu. Kebajikan dan hal ehwal penduduk kota Najran adalah lebih mustahak berbanding dengan majlis-majlis keraian yang tuan anjurkan itu. Bukankah tuan baru sahaja membuat majlis keraian dua hari lepas? Kenapa perlu adakan pelbagai majlis yang tidak mendatangkan manfaat malah hanya menggalakkan pembaziran? Saya dengan jujur merasakan tindakan tuan gabenor ini sudah melampau dan tidak sesuai sekali," ujar Imam Syafie dengan agak tegas.

Tuan Gabenor as-Saud menyisip perlahan-lahan air yang berada di cawannya, lalu berkata, "Inilah yang saya bimbangkan, kamu juga sudah mengikut telunjuk al-Malik yang kuno dan kurang bijak. Bukankah tindakan saya mengadakan majlis-majlis keraian itu adalah satu langkah yang baik. Itu adalah salah satu cara merapatkan hubungan saya dengan semua pembesar yang berada di kota ini. Bukankah itu juga bagi keuntungan dan kebaikan masa hadapan kota Najran ini?"

Tuan Gabenor as-Saud berhenti berkata-kata, beliau kembali menghirup air di dalam cawannya.

"Manusia seperti kamu dan Almarhum al-Malik tidak akan

terfikir mengenai hal ini, malah kamu langsung tidak tahu bersosial dan tidak pandai mengambil hati golongan pembesar-pembesar segenap negeri ini. Mungkin, yang kamu semua tahu hanya membuang masa menapak ke kampung-kampung yang tiada guna itu," jelas Tuan Gabenor as-Saud sambil ketawa besar seolah-olah mengejek Imam Syafie.

Imam Syafie tenang sahaja mendengar kata-kata daripada Tuan Gabenor as-Saud. Beliau beristighfar dalam hati memohon keampunan serta memohon supaya diberi kesabaran dalam berhadapan dengan karenah manusia seperti as-Saud yang lupa diri ini.

"Takutlah kamu kepada Allah wahai Tuan Gabenor as-Saud, apa sahaja yang terlintas di hati saya dan kamu sudah berada dalam pengetahuannya. Takutlah kamu kepada Allah yang juga mampu membalas setiap perbuatan kita ini pada bila-bila masa sahaja yang dia kehendaki," kata Imam Syafie dengan penuh berhati-hati.

Tuan Gabenor hanya mencebikkan bibir beliau tanda memprotes kata-kata Imam Syafie.

"Janganlah pula kamu menggunakan alasan yang hak semata-mata mahu menutup perkara batil yang kamu sudah lakukan. Menggunakan wang baitulmal bagi mengadakan majlis keraian malah membesarkan rumah menjadi bak istana mewah itu sebenarnya satu kesalahan dan penganiayaan yang besar pada rakyat dan fakir miskin. Keseluruhan wang di dalam baitulmal itu adalah hak mereka, bukannya bagi digunakan oleh tuan dengan

sewenang-wenangnya," tambah Imam Syafie lagi tegas. Beliau bukan membenci gabenor itu tetapi marah dengan kebatilan dan penganiayaan yang dilakukannya.

"Siapakah kamu wahai Syafie? Sekiranya hendak dibandingkan dengan saya? Saya ini gabenor kota Najran dan kamu hanya kadi. Kamu langsung tidak layak menasihati saya. Malah apa yang kamu nyatakan itu hanya dusta dan mengarut belaka!" bentak Tuan Gabenor as-Saud dengan kuat.

Beliau berasa tercabar dengan kata-kata Imam Syafie. Tuan gabenor sebenarnya tidak menyangka Imam Syafie berani menegur perbuatannya malah turut berani menasihatinya.

"Wahai Tuan Gabenor, saya bukanlah mahu menjarakkan hubungan kita dan saya juga bukanlah mahu menaikkan kemarahanmu, tetapi sebagai kadi kota Najran yang menyaksikan kesalahan kamu itu, saya perlu menasihati kamu. Walaupun saya tidak mempunyai jawatan yang lebih tinggi berbanding kamu, tetapi itu bukan alasan untuk saya berdiam diri terhadap kebatilan yang kamu lakukan," jelas Imam Syafie lembut, beliau tidak mahu niat baik beliau disalahertikan.

Tuan gabenor naik berang lalu meletakkan cawan di meja dengan kasar. Beliau bertambah marah apabila air di dalam cawannya tertumpah terkena kertas-kertas yang bertaburan di atas mejanya. Lalu tuan gabenor memandang tepat wajah Imam Syafie, kedua-dua bebola matanya membulat dan merah, jelas kelihatan

kemarahannya tetapi beliau tidak berkata walau sepatah pun.

“Saad, ke mari cepat!,” teriak tuan gabenor secara tiba-tiba.

Lalu datanglah seorang budak lelaki yang berkulit gelap dalam keadaan berlari-lari mendapatkan Tuan Gabenor as-Saud. Imam Syafie senyap memerhati keadaan yang berlaku di hadapannya itu. Beliau cuba membaca tindakan sebenar Tuan Gabenor as-Saud yang secara mengejut memanggil Saad masuk ke ruang pejabatnya.

“Apakah yang kamu lakukan di luar sana? Tidak nampakkah mejaku yang berselerak ini? Kemaskan ia dan lap air yang tertumpah di atas kertas-kertas itu. Aku mahu keluar berjumpa dengan sahabatku Amar. Sesudah aku kembali, pastikan meja ini sudah bersih dan minta lelaki itu keluar dari bilik aku ini,” kata Tuan Gabenor as-Saud sambil menudingkan telunjuknya ke arah Imam Syafie yang sedang berada di hadapannya.

Saad menganggukkan kepalanya beberapa kali dengan laju. Jelas beliau takut dengan Tuan Gabenor as-Saud itu.

Imam Syafie hanya melemparkan senyum kepada Tuan Gabenor lalu berkata, “Semoga pertemuan antara Tuan Gabenor dengan Pembesar Amar itu adalah satu ibadah dan atas niat melangsaikan amanah dan hak rakyat yang masih tidak tuan laksanakan itu. Tidak mengapa, saya hormati kehendak tuan, saya pergi dahulu. Assalamualaikum.”

Lalu Imam Syafie melangkah keluar dari bilik itu

meninggalkan Tuan Gabenor as-Saud berdua dengan pembantunya, Saad. Tuan Gabenor menggenggam tangan beliau dengan kuat. Beliau marah dengan kenyataan Imam Syafie itu, seolah-olah Imam Syafie cuba mengganggu gugat kedudukan beliau sebagai gabenor baru di kota Najran itu.

*****

Kota Najran kelihatan tenang, di tengah-tengah kota kelihatan penjual-penjual dan penduduk kota sedang sibuk berada di pasar mahu berniaga malah ada juga yang turut datang mahu membeli keperluan asas kehidupan.

Seketika kemudian, azan asar berkumandang dari masjid kota Najran memanggil ke seluruh isi kota bagi menyembahnya. Pasar sunyi sepi sejurus selepas itu, memandangkan kesemua daripada mereka bergegas menuju ke masjid Najran. Ada panggilan dan urusan yang lebih penting daripada jual beli di pasar.

Seusai solat asar, serta-merta kesemua ahli jemaah berkumpul bagi mengadakan perbincangan ilmu. Seperti biasa, Imam Syafie akan mengetuai majlis ilmu yang diadakan di ruang hadapan masjid Najran itu. Mereka mendengar pengisian yang diberikan dengan hati yang penuh tawaduk dan dengan penuh perhatian.

Sewaktu diadakan ruang bersoal jawab dan perbincangan, Ahmed Isyraq berdiri sambil mengangkat tangannya. Imam Syafie tersenyum dan mempersilakan Ahmed Isyraq bertanya, “Tuan Kadi, saya berharap tuan dan sahabat sekalian tidak salah faham dengan soalan yang akan saya

tanya ini. Saya kurang senang dengan perangai dan sifat yang ditunjukkan oleh tuan gabenor kita yang baru ini, iaitu Tuan Gabenor as-Saud. Beliau angkuh dan bermewah-mewah dengan harta baitulmal. Bukankah ini satu kebatilan?"

"Benar, malah tuan gabenor kita kali ini langsung tidak pernah datang ke kampung kita dan bertanya perihal kebajikan kami. Beliau begitu berbeza sekiranya dibandingkan dengan tuan dan Almarhum Tuan Gabenor al-Malik," sahut seseorang daripada kalangan ahli majlis ilmu pada petang itu.

"Saya juga belum pernah bersalaman dengan beliau memandangkan Tuan Gabenor as-Saud itu tidak solat berjemaah bersama-sama dengan kita di masjid kota Najran ini. Beginikah peribadi seorang pemimpin merangkap gabenor? Adakah kami perlu menghormatinya dengan perangai beliau yang sebegitu buruk?" tanya Ahmed Isyraq dengan penuh bersemangat dan beremosi.

Persoalan yang diutarakan Ahmed Isyraq itu disambut mesra oleh sahabat-sahabat yang turut serta dalam majlis ilmu itu, mereka semua turut mahu menanyakan perkara yang serupa kepada Imam Syafie.

"Wahai sahabat-sahabat, sememangnya Islam tidak mengajar hambanya melakukan penganiayaan malah kita sesekali tidak dibenarkan mengabaikan beban amanah yang Allah letakkan kepada mereka yang bergelar pemimpin," jelas Imam Syafie.

"Allah menegaskan dalam surah *Shaad*, ayat 26 iaitu 'Hai

Daud, sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah (pemimpin) di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, kerana ia menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang yang sesat dari jalan Allah mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan.'

Rasulullah juga berkata, ' Tiada iman bagi orang yang tidak memegang amanah dan tiada agama bagi orang yang tidak dapat dipegang janjinya,' (Riwayat Ahmad dan Dailami)," beritahu Imam Syafie dengan panjang lebar, sesekali dilurut-lurutkan janggut beliau.

"Sebagai pemimpin, kita sesekali tidak dibenarkan mengambil hak manusia lain. Seperti yang sahabat-sahabat saksikan, Tuan Gabenor as-Saud menggunakan wang baitulmal bagi kepentingan dirinya sendiri. Malah beliau sering mengadakan majlis keraian yang mewah dan menyisihkan fakir miskin daripada datang ke majlis-majlis itu. Kejadian ini bukanlah membenarkan kita untuk memperkatakan hal ini semata-mata, tetapi Islam menuntut kita menegur perbuatan tuan gabenor yang melampaui batas ini. Rasulullah pernah berkata 'agama itu nasihat'," sambung beliau lagi.

Sahabat-sahabat hanya menganggukkan kepala tanda setuju, tanpa menyedari ada antara mereka sebenarnya mata-mata yang diutuskan oleh Tuan Gabenor as-Saud sebagai satu langkah berjaga-jaga selepas kejadian Imam Syafie menasihati beliau tempoh hari. Orang suruhan Gabenor as-Saud melaporkan perkara itu kepada tuannya.

“Ini tidak boleh jadi!” bentak Tuan Gabenor as-Saud sambil menghentakkan tangannya yang besar itu ke meja.

Kuat sekali bunyinya. Hingga terkedu kedua-dua orang mata-mata yang diutuskan oleh Tuan Gabenor as-Saud untuk mengintip kegiatan Imam Syafie itu. Mereka berdua hanya menelan air liur, memohon supaya mereka dijauhkan daripada dijadikan tempat melepaskan perasaan marah gabenor baru kota Najran itu.

“Kadi Syafie berani membuat kenyataan sebegitu di dalam masjid yang dipenuhi orang? Bukankah beliau sepatutnya memuji aku dan menaikkan namaku sebagai gabenor?” marah Tuan Gabenor as-Saud lagi.

Beliau benar-benar marah dengan tindakan dan kenyataan Imam Syafie yang seolah-olah menyokong luahan daripada salah seorang penduduk kota Najran. Tuan gabenor sudah dapat merasakan kedudukan beliau berada pada kedudukan yang agak membahayakan. Tambahan pula dengan kedudukan Imam Syafie yang dihormati di kalangan penduduk Kota Najran itu.

“Sabar wahai sahabatku as-Saud, engkau harus bertenang. Sekiranya engkau berterusan dalam keadaan beremosi begini, sudah pasti kita tidak dapat mencari penyelesaian yang baik,” pujuk sahabatnya, pembesar Amar.

“Jadi, apakah yang perlu aku lakukan? Aku benar-benar tercabar dengan perbuatan Kadi Syafie itu,” kata Tuan gabenor as-Saud dengan intonasi yang agak kendur sebelum tadi.

“Begini, lebih baik kau hantarkan wakil memberi amaran kepada Kadi Syafie itu. Kita minta beliau supaya tidak lagi memberikan komen dan memburuk-burukkan nama engkau selaku gabenor kota Najran ini. Aku merasakan itu sudah cukup menggertak Kadi Syafie supaya berhenti daripada kegiatannya itu,” cadang pembesar Amar.

“Cukupkah dengan tindakan itu?” tanya Gabenor as-Saud meminta kepastian.

“Sudah cukup. Sekiranya beliau enggan dan berkeras, kita juga tanpa ragu-ragu akan berkeras dengan beliau selepas ini,” kata pembesar Amar sambil ketawa kecil.

Gabenor as-Saud bersetuju dengan cadangan itu. Dia segera menghantar wakil bagi bertemu dengan Imam Syafie. Kedatangan utusan gabenor itu disambut dengan baik.

“Wahai Tuan Kadi Syafie, saya harap tuan mengerti dan benar-benar faham maksud kedatangan kami ini,” ujar Ziyyad.

“ Khabarkan sahaja,” sahut Imam Syafie. Tangannya tidak lepas membilang biji-biji tasbih, memuji Tuhannya.

“Kami diutuskan oleh Gabenor as-Saud bagi mengingatkan tuan supaya tidak lagi mengeluarkan kenyataan yang boleh memburukkan nama baik tuan gabenor kita itu. Sekiranya tuan enggan, kami juga tanpa sedikit belas kasihan akan berbuat apa sahaja kepada tuan selepas ini,” ugut Ziyyad dengan suara yang keras.

“Sekiranya itu yang Gabenor as-Saud mahukan, kalian pulang berdua sahaja. Usaha kalian ini sia-sia sahaja kerana saya tidak akan sesekali berpaling daripada menyatakan kebenaran. Sampaikanlah kata-kata saya ini kepada Tuan Gabenor as-Saud,” bicara Imam Syafie dengan lembut dan tenang.

“Tuan Kadi Syafie, kami tidak bergurau akan perihal ini. Saya benar-benar meyakini Tuan Gabenor as-Saud tidak berdiam diri sekiranya tuan masih juga tidak berdiam diri daripada membicarakan perihal buruk tuan gabenor kita itu,” jelas Ziyyad lagi.

“Saya hanya takutkan Allah,” kata Imam Syafie sambil tersenyum, lantas bersegera memakai sepatunya lalu menuju ke masjid an-Najran.

Matahari sedang naik ketika itu, memancar kuat dan menghangatkan bumi Najran, tetapi semangat dan kekentalan yang dimiliki Imam Syafie lebih hangat dan kuat berbanding itu.

Pertemuan itu segera dimaklumkan kepada Gabenor Najran. Beliau berasa marah dan tersinggung. “Tuan Kadi Syafie itu sungguh degil. Beliau tidak menghiraukan amaran malah beliau langsung tidak gentar apabila aku sendiri datang menemuinya bagi mengugutnya. Semakin aku tekan beliau dengan amaran, semakin laju dan mara dia ke hadapan membicarakan mengenai penyelewengan kuasa yang aku lakukan. Amar, aku buntu,” keluh Tuan Gabenor as-Saud sambil tangannya memintal mintal hujung jubahnya itu.

“Oh, perihal itu usah engkau bimbangkan. Aku sudah pun merancang satu idea yang menarik,” kata pembesar Amar sambil tersenyum jahat.

Tuan Gabenor memandang pembesar Amar, lalu pembesar Amar melihat ke kiri dan kanan lantas berbisik sesuatu di telinga Tuan Gabenor as-Saud. Tidak lama kemudian mereka sama-sama tergelak kuat.

“Akan aku naikkan pangkat engkau Amar,” kata Tuan Gabenor as-Saud sambil menepuk-nepuk bahu pembesar Amar dengan mesra.

Amar hanya tersenyum sambil mengangkat keningnya tanda gembira dengan tawaran yang diberikan kepada beliau itu.

*****

Pagi itu, Imam Syafie duduk di bilik pejabatnya meneliti permasalahan-permasalahan penduduk kota Najran yang perlu di selesaikannya. Sekonyong-konyong itu datanglah Abu Ishak menemuinya bersama sekeping surat.

“Assalamualaikum, ini surat dari kota Baghdad untukmu,” kata Abu Ishak lalu menghulurkan sekeping surat kecoklatan kepada Imam Syafie

“Walaikummussalam, terima kasih,” sambut Imam Syafie sambil tersenyum.

Beliau terbayangkan sahabat-sahabatnya di bumi Baghdad. Mungkinkah mereka yang mengirimkan khabar berita?

“Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang. Assalamualaikum. Buat Tuan Kadi Syafie, sudah datang surat perkhabaran daripada Tuan Gabenor as-Saud mengenai perihal engkau di sana yang menyokong puak Alawiyah ataupun orang Syiah yang sememangnya memusuhi Bani Abbasiyah. Aku, Khalifah Harun ar-Rashid, bersetuju dengan cadangan yang diutarakan oleh Tuan Gabenor as-Saud bagi memecat engkau daripada takrifan sebagai Kadi dan hakim kota Najran. Sekiranya ada yang engkau mahu kemukakan kepadaku, sampaikan kepadaku secepat mungkin,” - Khalifah Harun ar-Rashid.

Imam Syafie melipat kembali surat itu, lalu dikemaskan barangan di atas meja kerjanya itu. Beliau keluar dari tempat itu kerana akur dengan arahan yang dikeluarkan oleh khalifah Harun ar-Rashid itu.

Beliau tersenyum, gembira meneguk hikmah yang Allah berikan kepadanya, sesungguhnya kehilangan jawatan itu langsung tidak menggundahkan perasaannya malah beliau bersyukur kerana dengan ini beliau lebih mudah membuat ceramah dan majlis ilmu serta lebih bebas membincangkan mengenai sistem pentadbiran kota Najran yang sudah hampir rosak itu.

Melihat Imam Syafie yang semakin melebarkan usahanya untuk menyatakan mengenai kebobrokan pentadbiran kota Najran itu, tuan Gabenor as-Saud semakin risau dan bimbang, apatah lagi apabila melihat sudah semakin ramai penduduk kota Najran yang membenci dan memarahinya.

Lalu Tuan Gabenor as-Saud pun menghantar sepucuk lagi surat kepada Khalifah Harun ar-Rashid dengan tujuan mengatakan Imam Syafie berserta ahli kumpulannya sedang merancang hendak menjatuhkan kerajaan Abbasiyah termasuk menggulingkan Khalifah Harun ar-Rashid.

Apabila mendapat perkhabaran itu, Khalifah Harun ar-Rashid menjadi marah lalu menghantar tentera ke kota Najran bagi menangkap mereka yang disyaki hendak menjatuhkan khalifah. Selain itu, Khalifah Harun ar-Rashid juga menghantar surat ke seluruh kawasan bagi menangkap sesiapa sahaja yang terlibat dengan gerakan anti kerajaan Abbasiyah itu.

Berita itu tersebar luas, pengikut dan penyokong Imam Syafie yang mengetahui berita itu membuat persiapan hendak melawan, tetapi atas nasihat Imam Syafie mereka tidak jadi menentang tentera Khalifah Harun ar-Rashid.

“Sesungguhnya sahabatku, kita bukanlah menentang Khalifah Harun ar-Rashid, malah kita sama sekali bukanlah pengikut puak Alawiyah yang mahu menjatuhkan Kerajaan Abbasiyah, tetapi kita hanya menentang kezaliman pemerintahan oleh gabenor as-Saud dan konco-konconya itu. Jangan menentang Khalifah Harun ar-Rashid itu, saudaraku,” pesan Imam Syafie lembut.

Beberapa hari selepas itu, mereka pun ditangkap lalu dibawa ke Baghdad. Mereka semua dirantai kaki dan tangan lalu dipaksa berjalan kaki di atas padang pasir yang panas itu dari kota Najran menuju ke kota Baghdad.

Di sepanjang perjalanan itu terdapat mereka yang sakit dan begitu menderita, Imam Syafie dengan tenang mengingatkan mereka akan firman Allah di dalam surah *at-Taubah* ayat 111 yang bermaksud,

“Sesungguhnya Allah membeli dari orang mukmin diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka. Mereka berperang pada jalan Allah; lalu mereka membunuh ataupun terbunuh. (Itu menjadi) janji yang benar daripada Allah di dalam Taurat, Injil dan Quran. Dan siapakah yang lebih menepati janjinya (selain) daripada Allah? Bergembiralah dengan jual beli yang kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang besar.”

Imam Syafie mengalunkan ayat itu berulang-ulang kali, sayu dan syahdu bacaannya, lembut memasuki hati-hati yang sedang di sapa dengan ujian dari Allah. Mengalirlah air mata kegembiraan dari jiwa-jiwa yang hidup dengan penciptanya kerana mengenangkan janji Allah itu. Sungguh, janji Allah itu pasti!

Bab 16 Terlepas daripada Hukuman

- -

Sebesar-besar keaiban (keburukan) adalah kamu mengira keburukan orang lain sedangkan keburukan itu terdapat dalam dirimu sendiri.

Angin panas Ramadan bertiup lembut, seolah-olah memujuk mereka yang sedang diuji. Berjalan kaki dengan keadaan kedua belah tangan yang dirantai dengan rantai besi benar-benar menguji keimanan dan kesabaran mereka, apatah lagi mereka jarang sekali diberi makan malahan minum.

Imam Syafie terus melangkah, walaupun beliau sendiri sudah hilang upaya berbuat sedemikian. Sesekali beliau memandang sahabat-sahabatnya bagi memastikan keadaan mereka, apabila kelihatan antara mereka yang hampir berputus asa, Imam Syafie segera menghembus ayat-ayat cinta pembakar semangat dari Quran kepada mereka.

Imam Syafie dan pengikutnya mengisi perjalanan yang sukar dengan membaca Quran yang sudah mereka hafaz dari kulit ke kulit. Perjalanan mereka dengan berjalan kaki bermula dari Arab selatan iaitu Yaman hingga ke Arab utara iaitu ke kota Baghdad mengambil masa selama hampir dua bulan.

Malah apabila mereka sudah sampai ke kota Baghdad, rantai yang membelenggu kedua-dua belah tangan mereka masih lagi tidak dibuka, hinggakan darah-darah hitam pekat melekat pada rantai-rantai besi yang mengikat tangan mereka. Mereka benar-benar sudah lemah, tetapi iman yang berada dalam hati milik tubuh-tubuh yang lemah itu tidak pernah sekalipun menjadi lemah.

*****

“Pang!” Pintu penjara yang terletak di tepi kota Baghdad ditutup kuat, membingitkan telinga-telinga yang mendengarnya.

“Jangan sesekali kalian cuba membuat onar dan sebarang kekecohan di sini. Kelak pasti kalian dihukum dengan hukuman yang lebih berat,” kata penjaga penjara dengan tegas.

Imam Syafie dan pengikutnya hanya berdiam diri. Lambat-lambat mereka mengengsotkan badan mereka ke tepi dinding bagi merehatkan diri yang teramat lemah dan letih itu. Sesungguhnya berada di penjara itu lebih baik daripada dipaksa berjalan di tengah padang pasir yang panas dan terik seperti yang sudah mereka tempuhi selama dua bulan sebelum ini.

“Wahai Imam Syafie, pada perkiraanmu apakah yang akan terjadi kepada kita selepas ini? Mungkinkah akan berakhir ke tali gantung?” tanya Abdul Razzaq perlahan. Beliau begitu dahaga. Tekaknya terasa perit dan kesat pada saat itu.

“Ataupun mungkin sahaja bukan ke tali gantung, tetapi ke pedang bagi dipancung, wahai Abdul Razaaq,” sambung Waliyyuddin tanpa sempat Imam Syafie menjawab soalan itu terlebih dahulu. Waliyyuddin memandang wajah Abdul Razaaq dengan muka yang bercahaya dan penuh kegembiraan, panji syahid berkibar megah di piala hatinya. Sungguh, beliau sudah tidak sabar mahu bertemu kekasih hatinya iaitu Allah yang maha agung.

“Saya sendiri tidak dapat menjangka apa yang akan kita tempuhi selepas ini, kerana saya juga seperti kalian, hanya manusia biasa malah hamba yang lemah. Berserah dan bertawakal sahaja kepada Allah, kerana dialah yang maha mengetahui serta dialah juga yang maha mentakdirkan segala sesuatu,” ujar Imam Syafie kepada kesemua sahabatnya.

Sahabat-sahabat Imam Syafie hanya mengangguk-anggukkan kepala tanda mengerti. Ada juga sesetengah daripada mereka hanya berdiam diri, mungkin kerana memikirkan apa yang bakal Allah takdirkan buat mereka selepas ini.

“Sekiranya pedang pancung yang menanti kita selepas ini, bersyukurlah kerana kita ditakdirkan bertemu Allah tidak lama lagi. Tetapi sekiranya bebas dari penjara ini yang

diberikan, bersyukurlah kerana Allah bentangkan peluang dan ruang masa yang lebih untuk kita terus berbakti dan mengutip timbunan-timbunan pahala di sepanjang jalan dakwah dan perjuangan ini, wahai sahabat sahabat seakidahku," tambah Imam Syafie lagi sambil menggerak-gerakkan kedua-dua belah tangannya yang agak kebas itu.

Tiba-tiba seorang lelaki yang bengis wajahnya datang, bulat matanya serta melentik hujung misainya bersama-sama dengan seorang lelaki yang agak tegap badannya. Mereka berdua masuk dan menutup pintu penjara dengan kasar, sambil mencekak kedua-dua belah tangannya di pinggang, lelaki bengis itu memandang setiap satu daripada pengikut Imam Syafie, manakala lelaki bertubuh tegap itu mengayun-ayunkan rotan tebal yang berada di tangannya itu ke udara. Berdesus-desus bunyinya.

"Kamu yang duduk di hujung sana. Ke mari!" kata Panglima Ghadafi sambil menunjuk ke arah Abdul Razzaq.

Abdul Razzaq pun bangun dan berjalan mendekati Panglima Ghadafi. Sahabat-sahabatnya yang lain hanya diam memerhati dan dalam hati mereka tidak putus-putus berdoa memohon perlindungan dan penyerahan sepenuhnya kepada Allah atas apa sahaja yang bakal terjadi.

"Katakan kepada aku yang engkau dan sahabat-sahabat lain dipengaruhi oleh Imam Syafie bagi menjatuhkan kerajaan Abbasiyah," kata Panglima Ghadafi dengan bersahaja tetapi tetap bernada keras.

"Semenjak aku bernafas dan hidup di bumi Allah ini, belum

pernah aku terfikir malah merancang mahu menjatuhkan kerajaan Abassiyyah wahai tuan panglima," kata Abdul Razzaq penuh hemah.

"Mengaku sahaja wahai hamba Allah, Tuan Gabenor Kota Najran sudah pun mengesahkan kamu semua sudah merancang mahu menggulingkan Khalifah Harun ar-Rashid. Kamu ingat kami bodoh dan boleh ditipu begitu sahaja?" gertak Tuan Panglima Ghadafi lagi sambil merenung tajam wajah Abdul Razzaq.

Tuan Panglima Ghadafi memandang pemuda bertubuh tegap itu dan mengisyaratkan sesuatu kepada beliau. Lalu pemuda itu mendekati Abu Razzaq lantas memukul tubuh Abdul Razzaq dengan rotan tebal itu. Sahabat-sahabat Abdul Razzaq terus menghampiri dan melindungi tubuh sahabat mereka itu daripada dirotan.

"Pengawal!" jerit Panglima Ghadafi lalu diperintahkan mereka mengawal pengikut-pengikut Imam Syafie daripada menghalang urusannya mahu mendera Abdul Razzaq. Selepas berpuas hati dengan kawalan daripada empat orang pengawal penjara itu, Panglima Ghadafi mengarahkan Abdullah supaya meneruskan semula kerjanya memukul Abdul Razzaq.

"Mengakulah kepadaku yang Imam Syafie yang bersalah dan beliau juga adalah pimpinan tertinggi Puak Alawiyyah itu!" ujar Panglima Ghadafi bengis.

"Imam Syafie bukan pimpinan puak Alawiyyah. Beliau tidak pernah berbuat salah kepada kami malah kami menyayanginya," kata Abdul Razzaq sambil menahan

kesakitan badannya yang dirotan bertalu-talu.

“Kami bukan pengikut Puak Alawiyyah. Kami tidak menentang Khalifah Harun ar-Rasyid. Jujurnya kami menentang pemerintahan Gabenor as-Saud yang zalim dan tindak bertanggungjawab itu,” sahut Harithah dari belakang.

Panglima Ghadafi hanya memandang Harithah. Lalu diangkat tangannya dan menunjuk ke arah Harithah seolah-olah mahu memanggil pengikut Imam Syafie itu ke hadapan.

Sebelum sempat Panglima Ghadafi berkata apa-apa, Imam Syafie pun berdiri lalu berkata, “Akulah yang menjadi pokok pertuduhan kalian, biarlah tuan panglima bertanya kepada aku sahaja mengenai pertuduhan itu.”

Panglima Ghadafi tersenyum mengejek, tetapi beliau membiarkan sahaja Imam Syafie berjalan ke hadapan menuju ke arahnya. Sebaik sahaja Imam Syafie berdiri menghadap Panglima Ghadafi, paluan rotan tebal bertubi-tubi menghinggapi batang tubuhnya yang kurus kering itu. Imam Syafie jatuh dan terguling-guling menahan kesakitan akibat pukulan rotan tebal yang tidak berhenti.

Keadaan di ruang kecil penjara itu bising dengan suara-suara teriakan dan kemarahan daripada pengikut Imam Syafie, tanda protes dengan penderaan yang dikenakan ke atas Imam yang mereka sayangi itu.

“Wahai tuan panglima, Imam Syafie tersangat baik dan disayangi kesemua penduduk kota Najran. Oleh itu

timbullah iri dan dengki orang lain lalu memfitnah Imam Syafie mahu menjatuhkan Khalifah Harun ar-Rasyid," ujar Zulkarnain dengan kuat.

"Benar, kami sepanjang masa bersama Imam Syafie dan sentiasa mendengar butir percakapannya. Malangnya tuduhan Gabenor as-Saud itu benar-benar palsu kerana belum pernah kami dengar Imam Syafie menentang khalifah, malah beliau tidak pernah memburukkan nama baik khalifah," teriak Jahsyi pula sambil bebola matanya tidak lepas memandang tubuh Imam Syafie yang sudah lebam.

"Kami hanya menentang pentadbiran gabenor kota Najran yang baru itu, tidak pula pernah kami menentang pemerintahan khalifah Harun ar-Rasyid," sambung Harithah lagi

"Kami difitnah!" kata Talhah kuat hingga bergema ruang kecil penjara itu dengan suaranya.

Tuan panglima hanya ketawa mendengar kata-kata daripada pengikut Imam Syafie. Beliau mengisyaratkan kepada Abdullah supaya terus memukul Imam Syafie dengan lebih laju dan kejam. Mengalirlah air mata dari setiap pengikut Imam Syafie lantaran kesedihan melihat imam yang dihormati mereka sedang diuji hebat.

Air mata yang mengalir bukan tanda ketakutan atas perlakuan Panglima Ghadafi dan Abdullah. Mereka tidak gentar didera dan dipukul dengan lebih kejam, tetapi mereka kalah apabila melihat ketua mereka diperlakukan sebegitu teruk. Mereka hanya terus-terusan memberitahu

hal sebenar dan perihal fitnah itu kepada Tuan Panglima Ghadafi, namun panglima itu hanya memekakkan telinganya tanpa menyedari Khalifah Harun ar-Rashid sedang berada di sebalik jeriji ruang penjara yang agak terselindung, melihat dan mendengar segala yang berlaku dalam senyap.

Selepas penat menyeksa, para pengawal pergi. Para tahanan dibiarkan sendiri. Imam Syafie dalam keadaan tenang mendirikan solat sunat hajat, sujudnya lama dengan rintihan dan memohon supaya keadilan bagi pihak mereka ditegakkan. Sesudah solat, Imam Syafie duduk berteleku bertasbih dan bertahmid sambil memejamkan kedua-dua kelopak matanya yang luka itu.

Sedang beliau larut dalam keasyikan memuji dan memuja Allah, datang seorang pengawal menghampirinya dan dibawa menghadap Khalifah Harun ar-Rahsyid. Imam Syafie menarik nafasnya dalam-dalam, beliau menyerahkan segalanya hanya kepada hadrat Allah atas apa yang bakal terjadi. Beliau meyakini ketentuan Allah itu adalah sebaik-baik aturan kepadanya yang bergelar hamba.

Imam Syafie dengan segera menghampiri Khalifah Harun ar-Rashid dengan keadaan merangkak kerana kedua-dua belah kakinya diikat dengan rantai besi semenjak malam tadi. “Assalamualaikum, ya Amirul Mukminin wabarakatuh,” sapa Imam Syafie memberi ucapan salam kepada Khalifah Harun ar-Rashid dengan ucapan yang tidak disempurnakan iaitu tanpa Warahmatullah.

"*Waalaikassalam warahmatullah wabarakatuh*," jawab Khalifah Harun ar-Rasyid sambil mengerutkan keningnya.

Imam Syafie hanya tersenyum sambil menundukkan mukanya memandang lantai istana. Manakala Khalifah Harun ar-Rasyid memandang Imam Syafie dengan wajah yang penuh dengan tanda tanya dan kehairanan.

"Mengapa kamu mengucap salam dengan ucapan yang tidak diperintahkan oleh sunnah iaitu tanpa *Warahmatullah* dan saya dengan kebaikan hati sebagai khalifah tetap juga menjawab salam kamu yang tidak lengkap itu dengan sempurna berserta doa," ujar Khalifah Harun ar-Rasyid.

"Wahai Tuan Khalifah yang dihormati, saya tidak perlu mengucapkan doa *Warahmatullah* ke atasmu kerana rahmat Allah itu sudah pun terletak dalam hati tuan khalifah sendiri," jelas Imam Syafie dengan penuh hemah sambil melemparkan senyuman ke arah khalifah meskipun bibirnya sedang bengkak dan berdarah.

Sebaik sahaja Khalifah Harun ar-Rasyid mendengar penjelasan daripada Imam Syafie, hatinya menjadi lembut. Kemudian Imam Syafie membaca surah *an-Nur* ayat 55 yang bermaksud:

"Dan Allah berjanji kepada orang yang beriman antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang soleh bahawa dia sungguh-sungguh menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana dia menjadikan orang yang sebelum mereka berkuasa, dan sesungguhnya dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang diredainya untuk mereka, dan dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah

mereka berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa."

"Benarlah, Allah tidak akan melupakan janjinya. Jawapan salam dan doa daripada tuan tadi menukarkan hati saya menjadi aman sentosa," getus Imam Syafie dengan penuh berhemah dan tenang.

Hati Khalifah Harun ar-Rasyid menjadi bertambah lembut apabila mendengar kata-kata Imam Syafie yang berhemah itu. Lantas beliau terus bertanya, "Kenapa kamu menyebarkan faham Syiah dan menjadi pemimpin puak Alawiyyah? Apakah alasanmu bagi menolak tuduhan yang dikenakan ke atas dirimu ini?"

"Wahai tuan khalifah yang saya sanjungi kerana kebaikan hatimu. Sejujurnya saya tidak dapat menjawab pertanyaan Tuan Khalifah dengan baik apabila saya masih dirantai sebegini. Sekiranya belenggu ini dibuka daripada kedua-dua belah tangan dan kaki saya ini, Insya-Allah saya akan menjawab persoalan tuan dengan sempurna," bicara Imam Syafie.

Khalifah Harun ar-Rasyid tersenyum mendengar kata-kata Imam Syafie yang penuh berkias itu, lalu beliau memerintahkan pengawalnya supaya membuka rantai besi yang mengikat kaki dan tangan Imam Syafie. Apabila rantai yang membelenggu kedua-dua kaki dan tangannya itu dibuka, Imam Syafie duduk dengan baik kemudian beliau membaca surah *al-Hujurat* ayat 6 yang bermaksud:

"Hai orang yang beriman, sekiranya datang kepadamu orang fasiq yang membawa suatu berita, periksalah dengan teliti supaya kamu tidak menimpakan suatu

musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.”

“Wahai Amirul Mukminin, berita yang sampai kepada baginda itu adalah dusta belaka. Ini semua hanya berpunca daripada iri hati dan akhirnya saya difitnah sebegini,” jawab Imam Syafie.

“Sekiranya benar kamu tidak mengaku yang kamu terlibat dengan gerakan yang mahu menjatuhkan saya, saya minta kamu dendangkan syair yang selalu kamu dendangkan kepada sekalian penduduk kota Najran itu. Ada sesuatu yang saya mahu tanyakan sesudah itu,” kata Khalifah Harun ar-Rasyid sambil mengelus-ngelus janggutnya yang sejemput itu.

Lalu Imam Syafie pun mendendangkannya,

> “Wahai para penunggang,
>
> berhentilah di pelontaran mina,
>
> Ucapkan takbir dan tahmid,
>
> Di lembah bukit mina,
>
> Sungguh menakjubkan,
>
> Di kala opera hujjaj membanjiri mina,
>
> Melimpah umpama banjir di sungai Furat,
>
> Jika golongan Rafidhah kasih kepada Muhammad,

Ketahuilah wahai manusia dan jin,

Bahawa aku adalah orang Rafidhah,"

"Wahai Syafie, bukankah orang Rafidhah itu salah satu golongan orang Syiah?" tanya Khalifah Harun ar-Rasyid dengan pandangan yang tajam.

"Rafidhah yang dimaksudkannya adalah orang yang mencintai Ali bin Abi talib. Bukanlah pengikut Syiah sahaja yang cinta dan sayang kepada Ali bin abu Talib. Mereka yang bukan Syiah juga cinta kepada Ali bin Abi talib," jelas Imam Syafie.

Khalifah Harun ar-Rasyid mengangguk-anggukkan kepalanya sambil memandang pembesar-pembesarnya yang berada di sekeliling beliau di dalam istana itu.

"Tuan Khalifah juga adalah anak putera kepada bapa saudara Rasulullah iaitu Abbas. Sudah semestinya saya dan tuan sama-sama menghormati keluarga Rasulullah malah ahli keluarganya juga. Sekiranya saya dituduh Syiah kerana saya sayang dan cinta kepada Rasulullah dan keluarganya, demi Allah, biarlah umat Islam sedunia ini menyaksikan saya adalah Syiah. Saya meyakini seluruh umat Islam di muka bumi ini malah tuan sendiri tentunya sayang dan cinta kepada keluarga Rasulullah juga. Sekiranya begitu, mereka semua perlu dihukum seperti saya dihukum kerana mereka juga layak digelar Syiah," sambung Imam Syafie lagi.

Melihat Khalifah Harun ar-Rasyid yang hanya berdiam diri

dan kelihatannya sudah mulai memahami maksud sebenar Imam Syafie mengenai Rafidhah itu, Imam Syafie terus menyambung dendangan syairnya yang tergantung dek soalan Tuan Khalifah tadi.

> "Di kala kami memuliakan Ali,
>
> Kami dituduh oleh orang jahil,
>
> Bahawa kami dari golongan Rafidhah,
>
> Dan aku dituduh golongan nasiib,
>
> bila aku menyebut kelebihan abu bakar,
>
> maka tetaplah aku menyakininya,
>
> sehingga ke akhir hayatku."

Khalifah Harun ar-Rasyid tersenyum mendengarnya. "Wahai Imam Syafie, bagaimana pula pendapatmu mengenai peperangan Siffin yang terjadi antara Muawiyah dengan Ali bin Abi Talib hingga munculnya golongan Syiah dan Khawarij itu?" tanya Khalifah Harun ar-Rasyid kepada Imam Syafie.

Imam Syafie terdiam lalu menjawab seperti yang pernah dijawab oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz apabila ditanya soalan sedemikian.

"Wahai tuan Khalifah yang saya hormati, kedua-dua belah tangan saya ini dilindungi Allah daripada darah-darah yang tumpah dalam perang Siffin itu. Saya tidak pula mahu

mengotori lidah saya dengan pembicaraan sengketa itu yang hanya akan merosakkan kebersihan kedua-dua belah tangan yang sudah dilindungi ini," kata Imam Syafie dengan penuh tawaduk.

Khalifah Harun ar-Rasyid terdiam mendengar penjelasan Imam Syafie yang tidak mahu membahaskan mengenai peperangan itu. Lalu tuan khalifah bertanya pula mengenai persoalan-persoalan lain yang sedang membelenggu kepalanya. Selepas berlaku soal jawab dan sedikit perbincangan.

Akhirnya Khalifah Harun ar-Rasyid berpuas hati dengan penerangan yang diberikan oleh Imam Syafie lantas beliau berkata, "Baiklah, mulai sekarang kamu perlu bergembira dan melenyapkan segala kegelisahan serta jernihkan perselisihan antara saya dengan kamu. Saya perlu memelihara hak keluarga kamu dan menghormati pengetahuan kamu. Antara mereka yang dituduh dan berada dalam tahanan saya, sudah sembilan orang dibunuh melainkan kamu sahaja yang terlepas daripada hukuman itu lantaran kerana hujah yang kamu kemukakan itu," jelas Khalifah Harun ar-Rasyid sambil menepuk-nepuk bahu Imam Syafie yang sedang duduk bersila menghadapnya itu.

"Semoga Allah merahmati kamu Tuan Khalifah atas keadilan dan kebaikan hatimu itu," kata Imam Syafie sambil tersenyum. Hatinya tidak putus-putus melafazkan *hamdallah*, memuji dan bersyukur atas bantuan yang Allah berikan.

“Wahai Imam Syafie, ambillah 2,000 dinar ini tanda permohonan maaf dan terima kasih daripada saya atas segala yang berlaku sepanjang tempoh kamu ditangkap,” ujar Khalifah Harun ar-Rasyid sambil menghulurkan satu uncang kain berwarna kuning.

Imam Syafie terdiam. Beliau langsung tidak berhajat kepada sebarang harta dan wang, lalu ditolaknya pemberian itu dengan baik kerana beliau juga risau sekiranya wang hadiah itu menggelapkan nasihatnya terhadap khalifah sebentar tadi. Selepas menolak beberapa kali, akhirnya tuan khalifah menerima alasan Imam Syafie dan menghormati permintaan beliau yang tidak mahu menerima wang hadiah itu.

Beberapa hari kemudian, Imam Syafie disuruh datang lagi ke istana Khalifah Harun ar-Rasyid, di sana tuan khalifah memberinya 1,000 dinar pula. Imam Syafie cuba menolak, tetapi tuan khalifah tetap memintanya mengambil wang hadiah itu.

“Wahai Imam Syafie, beberapa hari lepas saya sudah meraikan kehendak dirimu yang enggan mengambil wang hadiah saya yang bernilai 2,000 dinar itu. Jadi pada hari ini saya mengharap supaya kamu pula dapat meraikan permintaan saya ini. Terimalah hadiah pemberian saya ini,” bicara Khalifah Harun ar-Rasyid sambil memandang wajah Imam Syafie dengan lembut.

Apabila mendengar kata-kata khalifah, maka Imam Syafie pun menerima wang itu demi tidak mengecilkan hati tuan khalifah yang begitu mahukan beliau mengambilnya.

Kesemua wang itu habis diberikannya kepada pekerja-pekerja istana yang beliau temui melainkan hanya tinggal sedikit daripada wang itu di simpan bagi dirinya.

Beberapa hari kemudian, Imam Syafie berjalan dengan pantas menuju ke Istana Tuan Khalifah Harun ar-Rasyid, sesekali dilemparkan pandangannya ke sekeliling kota Baghdad buat sekian kalinya. Hatinya begitu terpanggil untuk bermusafir pula ke bumi Mesir yang subur dengan tanaman dan tamadun ilmu itu. Perkiraannya, selepas berjumpa dengan Khalifah Harun ar-Rasyid, beliau akan persiapkan kelengkapan dan persediaan bagi memulakan permusafiran ke Mesir.

Awan berarak perlahan. Mengiringi dan menemani perjalanan Imam Syafie yang menuju ke istana itu. Setibanya beliau di sana, didapatinya tuan khalifah sudah pun sedia menunggunya di ruang hadapan istananya.

"Assalamualaikum *warahmatullahi wabarakatuhu,* wahai Amirul Mukminin," ucap Imam Syafie pantas, beliau mahu menjadi yang pertama mengucapkan salam di dalam pertemuan itu.

"Waalaikumsalam *warahmatullahi wabarakatuhu*. Saya mempunyai perkhabaran gembira buatmu, dan saya berharap kamu sudi menerimanya," bicara Khalifah Harun ar-Rasyid.

"Apakah perkhabaran itu?" tanya Imam Syafie sambil menapak ke hadapan bagi lebih mendekati tuan khalifah yang dihormati itu.

“Saya mahu melantikmu menjadi hakim di kota Baghdad ini. Bagaimana pendapatmu?” tanya Khalifah Harun ar-Rasyid.

“Maafkan saya, sebenarnya saya sudah dalam perkiraan mahu bermusafir ke kota Mesir bagi meluaskan lagi pencarian ilmu saya. Tambahan pula Gabenor Mesir sudah mengajak saya ke sana memandangkan saya lebih diperlukan di sana. Saya berharap tuan tidak berkecil hati dengan penolakan saya ini,” jelas Imam Syafie dengan panjang lebar.

Khalifah Harun ar-Rasyid hanya menunduk memandang daunan kering yang tiba-tiba jatuh di hujung kakinya. Beliau tidak memberi sebarang komen selepas mendengar penjelasan dan kehendak Imam Syafie itu, kerana Gabenor Mesir sendiri sudah pun memberitahu beliau mengenai perkara ini.

Lalu mereka berdua beriringan menuju ke dalam istana bagi mendengar qasidah yang sedang dinyanyikan oleh pelayan-pelayan di istana. Kemudian datang pula pelayan menghidangkan makanan dan minuman yang lazat. Tetapi Imam Syafie tidak menyentuhnya.

“Apakah kamu tidak sudi menjamah makanan ini?” tanya Khalifah Harun ar-Rasyid seperti tersinggung.

“Saya sedang berpuasa sunat. Maafkan saya,” jawab Imam Syafie.

Khalifah Harun ar-Rasyid tidak jadi marah. Kemudian dia menyuruh pengawal membawa as-Saud datang

menghadap. Tidak lama kemudian, pengawal membawa Gabenor Najran itu dengan kaki dan tangannya dirantai. Dia dipaksa merangkak menghadap Khalifah Harun ar-Rasyid.

“Inilah balasan kepada sesiapa yang memfitnah keluarga Rasulullah,” kata Khalifah Harun ar-Rasyid.

Kemudian katanya lagi, “Wahai Imam Syafie, kamu berhak menuntut hukuman qisas kepada gabenor Najran yang memfitnah kamu. Saya serahkan kepada kamu menuntutnya.”

Sebelum sempat Imam Syafie menjawab, as-Saud yang lebih dahulu bersuara, “Wahai Imam Syafie, kamu seorang ulama besar yang dikurniakan sifat kasih dan sayang terhadap orang yang berdosa. Saya mengaku bersalah. Maafkan saya.”

Imam Syafie memandang ke arah as-Saud yang masih terikat kaki dan tangannya. Ada riak-riak belas kasihan pada wajahnya kerana dia juga tahu betapa sengsaranya apabila kaki dan tangan dirantai.

“Wahai Tuan Khalifah Harun ar-Rasyid. Boleh perintahkan pengawal membuka rantai itu dari tubuh as-Saud?” tanya Imam Syafie.

“Boleh,” jawab Khalifah lalu menyuruh pengawal membukanya.

As-Saud nampak gembira lalu memeluk kaki Imam Syafie sambil meminta ampun. Ternyata Imam Syafie kurang

senang dengan perbuatan gabenor Najran itu. “Kamu mohon ampun daripada Allah kerana dia maha pengampun lagi maha penyayang…,” kata Imam Syafie.

“Wahai Imam Syafie, sekiranya kamu jatuhkan hukuman bunuh ke atas Gabenor Najran ini, saya perintahkan pengawal memancung kepalanya di hadapan kamu sekarang juga,” kata Khalifah Harun ar-Rasyid.

“Wahai tuanku, as-Saud sudah insaf dan dia sudah meminta maaf. Kerana itu saya maafkan dia. Bebaskanlah dia,” kata Imam Syafie.

Khalifah Harun ar-Rasyid membebaskan Gabenor Najran itu. As-Saud pun berkata, “Wahai Imam Syafie, kembalilah semula ke Najran. Kamu akan dilantik menjadi ketua hakim Najran. Saya berjanji melayan kamu dengan baik. Selain rumah kediaman, saya juga akan memberi hadiah yang banyak kepada kamu kerana memaafkan saya daripada kesalahan ini.”

“Sekiranya kamu menolak tawaran as-Saud, kamu boleh terus tinggal di Baghdad. Kamu juga boleh hidup senang lenang di sini. Apa sahaja yang kamu minta, saya sanggup memberinya,” kata Khalifah Harun ar-Rasyid pula kepada Imam Syafie.

“Wahai tuanku, izinkan saya membawa keluarga saya ke Mesir. Itu sahaja permintaan saya,” kata Imam Syafie.

Khalifah Harun ar-Rasyid dan as-Saud cuba memujuk tetapi tidak berjaya kerana Imam Syafie sudah membuat keputusan mahu berhijrah ke Mesir. Dia memohon beredar

dari situ. Semasa dalam perjalanan menuju ke rumahnya, beliau bermonolog sendirian.

Pangkat dan harta kekayaan hanya boleh membuat orang yang sebelumnya membisu menjadi banyak bicara. Hati mereka tidak pernah mengenali kelebihan orang lain, dan tidak tahu pula darjat kemanusiaan mereka sendiri.

Diseksa di dalam penjara, hukuman gantung, menanam biji benih di tanah yang gersang, menanggung malu, menjual rumah dengan harga murah, menjual kasut semua itu lebih disukai daripada meminta belas kasihan daripada orang kaya.

Bab 17 Pulang ke Mekah

Hati adalah raja dalam diri. Oleh itu, lurus dan betulkan ia supaya empayar kerajaan dirimu tegak di atas al-haq yang tidak disertai oleh iringan-iringan pasukan kebatilan.

"Kita akan bertolak selepas sembahyang subuh," pesan Imam Syafie kepada isterinya sebelum keluar dari rumah untuk pergi ke masjid.

Hamidah akur dengan perintah suaminya. Barang-barang yang hendak dibawa sudah dibungkus rapi. Tiga orang anaknya sudah bersedia bagi menempuh perjalanan yang jauh.

Selepas sembahyang subuh, Imam Syafie keluar dari masjid untuk segera pulang ke rumah. Tiba-tiba dia didatangi oleh seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai utusan Gabenor Kota Mekah.

"Tuan Gabenor Kota Mekah meminta saya menyampaikan berita penting kepada tuan. Saya harap tuan tidak terkejut apabila mendengar berita ini," kata utusan Gabenor Kota

Mekah itu.

“Katakanlah wahai saudaraku. Saya sudah bersedia mendengarnya,” kata Imam Syafie.

“Terlebih dahulu saya mahu menyampaikan rasa syukur seluruh penduduk Mekah kerana tuan terselamat daripada hukuman bunuh oleh khalifah. Orang ramai mendoakan keselamatan tuan kerana kami yakin tuan berada di pihak yang benar,” kata utusan itu.

“Adakah itu berita penting yang kamu maksudkan?” tanya Imam Syafie pula.

“Berita penting itu belum saya sampaikan lagi. Cuma saya mahu tuan tahu yang penduduk kota Mekah sentiasa mendoakan keselamatan tuan,” jawab utusan itu.

“Bagaimana pula dengan ibuku? Adakah dia juga mengetahui hal keadaan diriku?” tanya Imam Syafie lagi.

Tiba-tiba wajah ibunya terbayang diruang matanya. Ibunya pasti susah hati apabila mendengar dia ditangkap serta dikurung di dalam penjara oleh Khalifah Harun ar-Rasyid.

“Wahai tuan, ajal maut itu ditakdirkan. Apabila sampai ajal, setiap manusia pasti akan mati,” kata utusan itu.

“Apa maksudmu wahai saudaraku? Berterus teranglah…,” kata Imam Syafie sambil memegang bahu utusan gabenor itu.

“Ibumu sudah meninggal dunia. Dia selamat dikebumikan. Semoga dia tenteram di alam sana,” kata lelaki itu.

Imam Syafie segera mengucapkan kalimah "*Innalillah wainna ilaihi rajiun*…." Kemudian dia menadah tangan berdoa semoga ibunya ditempatkan di kalangan hambanya yang solehah serta mendapat rahmat dan keampunan.

"Tuan benar-benar seorang yang tabah. Saya menyangka tuan akan meratap hiba apabila mendengar berita ini," kata utusan itu sambil melahirkan rasa kagumnya.

"Sekiranya saya meratap hiba, bermakna saya tidak reda dengan apa yang ditakdirkan Tuhan. Tambahan pula saya dididik supaya bersabar menempuh segala dugaan," jawab Imam Syafie.

Mereka tidak dapat berbual lama kerana utusan Gabenor Kota Mekah itu hendak berjumpa dengan Khalifah Harun ar-Rasyid. Imam Syafie pula segera pulang ke rumah bagi menyampaikan berita itu kepada isterinya.

"Kita pulang ke Mekah dan tangguhkan pemergian ke Mesir," kata Imam Syafie.

"Saya ikut sahaja," ujar Hamidah pula.

Imam Syafie bersama keluarganya dan ditemani seorang penunjuk jalan berangkat ke Mekah dengan menaiki unta. Selepas beberapa hari berjalan menempuh padang pasir yang gersang, akhirnya mereka selamat sampai ke kota Mekah. Imam Syafie terus menuju ke rumah ibunya. Kepulangannya disambut oleh jiran tetangga.

"Ibumu meninggal dunia dalam keadaan yang baik. Semoga dia ditempatkan dalam kalangan orang yang baik,"

kata Hasan, jiran ibunya yang paling dekat.

“Adakah ibu saya meninggalkan apa-apa hutang piutang? Sekiranya ada, saya yang akan membayarnya,” kata Imam Syafie.

“Ibu kamu seorang wanita solehah yang reda dengan kehidupannya. Dia tidak pernah berhutang dengan sesiapa,” beritahu Hasan.

“Adakah ibu saya ada meninggalkan wasiat?” tanya Imam Syafie lagi.

“Ibumu ada meninggalkan surat wasiat. Ada dalam simpanan saya,” jawab Hasan lalu pulang ke rumah mengambil surat wasiat itu. Kemudian diserahkannya kepada Imam Syafie.

Dalam surat itu, ibunya berwasiat apabila Imam Syafie kembali ke Mekah, semua harta yang dibawanya perlu disedekahkan kepada mereka yang memerlukan. Imam Syafie patuh dengan wasiat ibunya itu. Semua harta yang dibawanya habis disedekahkan kepada fakir miskin dan mereka yang memerlukan. Yang tinggal cuma ilmu di dadanya.

Penduduk kota Mekah menyambut kepulangan Imam Syafie dengan gembira. Mereka segera meminta Imam Syafie mengajar mereka ilmu agama. Imam Syafie tidak keberatan menyebarkan ilmu yang dituntutnya.

Beberapa tahun sudah berlalu. Khalifah Harun ar-Rasyid sudah meninggal dunia dan diganti oleh Khalifah al-

Makmum. Baginda menjemput Imam Syafie datang ke Baghdad. Imam Syafie tidak membantah kerana beliau juga sudah lama tidak ke sana.

*****

“Alhamdulillah,” terpacul lafaz *hamdallah* daripada bibir Imam Syafie sebaik sahaja beliau sampai di kota Baghdad. Kedatangan beliau ke kota itu adalah kali kedua. Kali pertama kira-kira 10 tahun yang lalu. Kedatangan Imam Syafie tersebar luas dan pantas, beliau disambut dengan penuh rasa syukur dan gembira oleh semua penduduk kota Baghdad.

“Zubair, adakah kamu sudah mendengar berita gembira ini?” tanya Handzalah kepada sahabatnya yang sibuk mengira gerombolan kambingnya itu.

“Berita gembira? Begitu banyak berita gembira yang saya peroleh dalam beberapa hari ini. Cuba kamu khabarkan, berita gembira yang mana satu?” tanya Zubair sambil berkerut-kerut dahinya membilang jumlah kambing ternakannya.

“Imam Syafie, anak murid Imam Malik sudah sampai ke kota ini. Sudah pasti kedatangannya dapat membantu menguatkan lagi pengaruh mazhab kita ini. Rahmat Allah sudah datang kepada kita,” ujar Handzalah dengan begitu gembira.

Sesudah kematian Imam Abu Hanifah, mereka sudah kehilangan guru yang paling disayangi dan dihormati. Oleh kerana itulah penduduk Baghdad begitu gembira dengan

kehadiran Imam Syafie. Mereka berharap Imam Syafie dapat meneruskan perjuangan Almarhum Imam Hanafi.

"*Alhamdulillah ya muqtadir wa ya Rabbul Jalil*. Sekiranya begitu, ayuh kita beritahu kepada kesemua sahabat-sahabat seguru kita mengenai berita ini, kita sepatutnya berbincang sesama kita, dan sebarang masalah dan cadangan boleh kita utarakan kepada Imam Syafie supaya sedikit sebanyak dapat membantu perkembangan mazhab kita ini," cadang Zubair dengan begitu bersemangat. Di tubir mata beliau sudah tergambar kegemilangan mazhab yang di ikutinya itu di seluruh bumi Iraq.

"Bagus cadangan kamu itu. Malah mungkin juga sebarang persoalan dapat kita rungkaikan bersama dengan beliau, bukankah beliau mufti di Mekah dahulu, malah berguru pula dengan Imam Malik? Beliau juga pernah berguru dengan Imam Abu Yusof dan Imam Muhamad al-Hasan. Imam Syafie juga sudah membaca kitab *al-Awsat*. Sudah pasti beliau dapat membantu kita," tambah Handzalah sambil mengipas dirinya dengan hujung serban yang dipakainya, matahari duha sedang naik hangat ketika itu.

Imam Syafie memandang muka-muka bercahaya yang berada di hadapannya. Hampir 150 orang anak murid Almarhum Imam Abu Hanifah sedang mengelilinginya sesudah usai solat zohor. Mereka tampak bergembira memperkenalkan diri masing-masing malah mereka larut dalam perbincangan yang berat mengenai hala tuju perkembangan Islam, iaitu mazhab Imam Abu Hanifah di bumi Baghdad itu.

“Saya mahu menziarahi kubur Imam Hanafi di Khaizaran. Siapa yang mahu menemani saya?” tanya Imam Syafie.

Ternyata semua mereka yang berada di masjid itu mahu mengiringi Imam Syafie ke tanah perkuburan pengasas Mazhab Hanafi itu. Apabila sampai sahaja di tempat itu, Imam Syafie singgah di sebuah masjid yang terletak berhampiran dengan kawasan tanah perkuburan. Kemudian, Imam Syafie bersembahyang sunat tetapi tidak mengangkat *takbiratul ihram*.

“Wahai Imam Syafie, bukankah tidak mengangkat *takbiratul ihram* dalam sembahyang itu bercanggah dengan mazhab tuan?” tanya salah seorang pengikut Mazhab Hanafi.

“Saya lakukan itu sebagai tanda penghormatan terhadap ilmu Imam Hanafi,” jawapan Imam Syafie itu menggembirakan para pengikut Imam Hanafi.

Selepas menziarahi makam Imam Hanafi, mereka bersembahyang maghrib secara berjemaah dan diimamkan oleh salah seorang pengikut Mazhab Imam Hanafi. Sekali lagi Imam Syafie ditanya kenapa beliau sanggup berimamkan daripada pengikut mazhab Hanafi.

“Perbezaan pendapat kami cuma daripada segi cabang ilmu fikah sahaja. Saya tidak pernah melarang sesiapa berimamkan pengikut mazhab orang lain,” jawab Imam Syafie.

Selepas sembahyang isyak, mereka berbincang lagi. Perbincangan hanya berhenti selepas dua jam mereka berbincang dan bermusyawarah. Masing-masing mulai

bergerak pulang ke rumah masing-masing. Sesetengahnya pula mahu bersama Imam Syafie beriktikaf di dalam masjid bagi bersama mendirikan solat malam dan juga membaca Quran.

“Wahai insan yang dirahmati Allah, saya ada membawa kepadamu beberapa kitab karangan Imam Abu Hanifah untuk tuan hadam,” kata Syeikh Isa bin Munkadir sambil menghulurkan beberapa kitab kepada Imam Syafie.

Imam Syafie memandang wajah Syeikh Isa bin Munkadir yang sudah beruban janggutnya itu. Sambil mengambil kitab-kitab itu beliau berkata kepada kadi kota Baghdad, “Terima kasih wahai Syeikh Isa bin Munkadir, hanya Allah yang mampu membalas jasa-jasa tuan ke atas saya.”

“Tidak mengapa, kitab-kitab ini adalah hak tuan yang perlu saya sediakan. Hak tuan sebagai saudara seakidah dan hak tuan sebagai ulama tersohor malah tetamu istimewa yang perlu kami raikan dan hormati,” jelas Syeikh Isa bin Munkadir lagi dengan penuh mesra.

“Saya hanya manusia biasa wahai Syeikh Isa bin Munkadir. Usah terlalu tuan bersusah payah melayani saya,” getus Imam Syafie.

Syeikh Isa bin Munkadir hanya menggeleng-gelengkan kepalanya sambil tersenyum. Beliau sudah begitu mengerti sifat zuhud dan tawaduk yang bertunjang di hati Imam Syafie itu.

“Tidak mengapalah, ambillah dahulu kitab-kitab itu. Fahamilah dan semoga selepas itu kita sama-sama dapat

membincangkan mengenai karangan Imam Abu Hanifah ini bagi pencerahan dan kefahaman yang lebih mendalam," ujar Syeikh Isa bin Munkadir lagi.

"Baiklah, akan saya cuba fahami kitab-kitab ini selepas ini," jawab Imam Syafie.

"Semoga Allah mempermudahkan urusan tuan membacanya dan membuka pintu-pintu kefahaman di dada kita memahami ilmunya ini," bicara Syeikh Isa bin Munkadir sambil bersalaman dengan Imam Syafie untuk pulang ke rumahnya.

Imam Syafie mengiringinya hingga ke halaman masjid. Kemudian mereka berpisah. Malam itu langit begitu indah dengan kerdipan-kerdipan bintang, malah purnama sedang bercahaya gemilang, seperti benar-benar meraikan kehadiran seorang 'bintang' ilmu yang bakal memberi cahaya kepada kegelapan kekufuran yang kian beraja di hati manusia.

Malam itu ketika orang lain sedang nyenyak tidur, Imam Syafie bangun melakukan solat tahajud dan sunat. Kemudian dia membuka kitab-kitab Imam Hanafi di bawah sinaran cahaya pelita. Imam Syafie membaca kitab-kitab itu. Beliau terus menelaah kitab itu hingga ke pagi.

"*Bismillahirrahmanirrahim*. Wahai Tuhan kami, tambahkanlah ilmu kami dan luaskanlah fahaman kami. Wahai Tuhan kami, lapangkanlah dada kami dan permudahkan urusan kami. Ya Allah Ya Nur, keluarkanlah kami daripada kegelapan ragu dan muliakanlah kami dengan cahaya kefahaman, bukakanlah kepada kami

makrifat ilmumu, berikanlah kepada hati kami akan cahaya sebagaimana Engkau memberi cahaya kepada matahari dan bulan serta permudahkan bagi kami pintu-pintu kurniamu, wahai Allah yang maha penyayang lagi maha bijaksana," doa Imam Syafie sebagai mukadimah majlis ilmunya selepas solat subuh itu.

Ahli jemaah yang sedang mengelilinginya begitu bersemangat. Tiada tanda keletihan malah tiada langsung yang mengantuk. Imam Syafie menarik nafas, terasa berat di dada, namun beliau perlu akur ada sesuatu yang perlu beliau perbetulkan dan perlu beliau sampaikan kepada penduduk kota Baghdad itu.

"Wahai saudara seakidah, saya sudah menelaah beberapa buah kitab karangan Imam Abu Hanifah," ujar Imam Syafie lembut.

Sengaja beliau memberhentikan kata-katanya di situ. Beliau mahu memerhati reaksi anak-anak murid Imam Abu Hanifah. Kelihatannya ramai yang sedang menguntum senyum gembira kerana Imam Syafie sudah pun selesai membaca kitab tulisan imam mazhab mereka yang disayangi dan dihormati itu.

"Sebelum itu saya mahu kepastian adakah ini kitab yang dikarang Imam Hanafi ataupun hasil tulisan yang dikumpulkan oleh anak-anak muridnya?" tanya Imam Syafie pula.

Kemudian katanya lagi, "Setahu saya, cuma kitab *al-Awsat* yang ditulis Imam Hanafi. Kitab-kitab yang lainnya ditulis oleh anak-anak muridnya. Walau bagaimanapun saya

menghargai kandungan kitab-kitab ini kerana banyak ilmu yang bermanfaat di dalamnya. Tetapi, perlu untuk saya katakan, terdapat beberapa kesilapan di dalam kitab itu."

Serta-merta perbincangan itu menjadi bising, ramai yang terperanjat dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Imam Syafie, malah tidak sedikit yang menahan marah. Beberapa orang anak murid Imam Abu Hanifah bingkas bangun, cuba memperkatakan sesuatu kepada Imam Syafie.

Tetapi Imam Syafie dengan tenang memberi isyarat memohon mereka semua bertenang dan duduk seperti sediakala. Beliau cuba melemparkan senyum sebagai satu cara mengendurkan kembali ketegangan yang berlaku sebentar tadi.

"Wahai sahabat-sahabat yang dirahmati Allah. Saya bukan melulu dalam menyatakan perihal ini. Saya sudah selesai menghadamkan kitab tebal yang berjumlah 130 muka surat ini. Saya dapati di dalamnya terdapat lapan muka surat yang dicatatkan dan dibahaskan dengan butir-butir yang pada pendapat saya menyalahi nas Quran dan sunnah Rasulullah yang sahih," jelas Imam Syafie sambil dalam hati beliau memohon supaya dibukakan pintu kefahaman bagi semua ahli majlis ilmu pada pagi subuh itu serta diberi ketenangan bagi mereka menerima kenyataan yang cuba beliau sampaikan.

Kemudian, Imam Syafie menyambung lagi, "Berdasarkan pada butir-butir yang dituliskan di sini, terdapat kenyataan yang bertentangan dengan penjelasan Allah pada surah...."

Tanpa sempat Imam Syafie menghabiskan kata-katanya, seorang anak murid Imam Abu Hanifah berdiri dengan muka yang merah lalu berkata, “Hentikanlah kata-kata kamu itu. Kami sudah bertahun-tahun belajar mengenai kitab itu dari baris ke baris melalui Imam Abu Hanifah sendiri, tetapi sungguh menghairankan kerana kami tidak pun menjumpai sebarang butir-butir yang menyalahi Quran mahupun hadis sahih Rasulullah. Malahan imam Abu Hanifah juga tidak bertemu kesalahan yang kamu katakan itu,” bicara Hussain al-Adawy dengan suara yang tidak tinggi tetapi intonasi yang kurang menyenangkan bagi sesiapa yang mendengarnya.

“Oleh itu, aku mengharapkan supaya sahabat-sahabat sekalian dapat bersabar sebentar bagi mendengar penjelasan saya ini terlebih dahulu. Izinkan saya mengemukakan hujah dan dalil yang menyokong kenyataan saya. Sesudah itu, kita sama-sama bermusyawarah mengenai perkara ini. Saya tidak menyuruh kalian mengikut saya, tetapi saya mengharap kita semua sama-sama dapat bertemu dengan hikmah dan kebenaran,” bicara Imam Syafie sedikit tegas sambil memandang hadirin yang berada di hadapannya.

“Sudahlah, kami tidak mahu mendengarnya lagi. Imam Abu Hanifah sudah tiada, kami mengharapkan kamu datang membawa rahmat tetapi sebaliknya perkara ini yang terjadi. Kami berpegang dengan ajaran imam kami. Walaupun beliau sudah tiada, tetapi kami tetap setia dan yakin dengan ajarannya. Ayuh, sahabat-sahabat, mari kita beredar,” ajak Hussain al-Adawy lagi.

Sebaik mendengar kata-kata dari Hassan al-Adawy, hampir kesemua daripada anak-anak murid Imam Abu Hanifah berdiri dan mula melangkah meninggalkan majlis ilmu yang dikepalai oleh Imam Syafie itu.

“ Astarghfirullah... istighfar wahai sahabat-sahabatku, bukankah Rasulullah pernah berkata, ‘Perbezaan pendapat itu adalah rahmat’. Jadi kenapa kita perlu mengeruhkan suasana menjadi sebegini?” bicara Handzalah dengan tenang. Beliau berusaha memujuk sahabat-sahabatnya supaya tidak meninggalkan majlis malah mendengar penjelasan daripada Imam Syafie terlebih dahulu.

“Benar, sahabat-sahabat sekalian, bukankah Allah menjelaskan dalam surah *al-Hujurat* ayat 10, ‘Orang beriman itu bersaudara. Sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah pada Allah, supaya kamu mendapat rahmat’.

“Kita sepatutnya mengajak sahabat-sahabat kita sabar mendengar penjelasan daripada Imam Syafie ini terlebih dahulu, bukannya kita mempengaruhi mereka supaya keluar dari majlis ini. Bukankah itu perbuatan yang akan merosakkan hubungan ukhuwah dan silaturahim yang sudah kita miliki ini? Allah menyuruh kita memperbaiki hubungan, bukan mengeruhkannya,” sahut Zubair pula, beliau sememangnya risau dengan tindakan yang hanya berpandukan nafsu semata-mata. Beliau risau juga sekiranya tetamu mereka iaitu Imam Syafie berkecil hati.

“Sudahlah, baik kita dengar sahaja dahulu keterangan daripada Imam Syafie. Bukankah beliau itu pernah menjadi

mufti Mekah malah berguru pula dengan Imam Malik, sudah pasti beliau bukannya berkata-kata kosong, pasti ada hujah dan dalilnya. Siapalah kita sekiranya hendak dibandingkan dengan beliau. Beliau insan yang dekat dengan Allah, sudah pasti kita sepatutnya menghormati pendapat beliau. Sekiranya tidak berpuas hati dan ada keraguan, kita sepatutnya adakan perbincangan. Itulah yang sebaik-baiknya," jawab sahabat-sahabat yang lain pula.

Hampir separuh daripada anak murid Imam Abu Hanifah mulai duduk, tetapi terdapat juga separuh daripada mereka yang berdiri lalu terus keluar dari majlis ilmu itu dengan cepat. Marah dan tidak berpuas hati dengan kenyataan Imam Syafie.

Imam Syafie hanya menunjukkan wajah yang tenang. Inilah *mehnah* dan *tribulasi* yang perlu dihadapinya dalam menyampaikan kebenaran. Beliau berlapang dada dengan tentangan yang diberikan oleh saudara-saudara barunya itu, malah beliau juga reda dengan ujian yang Allah hidangkan kepadanya itu.

Lalu Imam Syafie menyambung semula penjelasannya yang terhenti sebentar tadi. Beberapa orang hadirin menganggukkan kepala mereka. Sesekali ada yang mengangkat tangan bertanyakan persoalan dan keraguan. Perbincangan itu berjalan dengan lancar, dan pada akhir perbincangan mereka, Imam Syafie mengajak hadirin bersama-sama menyampaikan apa yang mereka bincangkan pada malam itu kepada mereka yang tidak ikut serta.

Majlis ilmu itu diakhiri dengan doa supaya dilapangkan dada setiap mukmin dengan kebenaran dan supaya dijauhkan fitnah orang mukmin dengan sifat berpecah belah serta berprasangka.

Angin malam bertiup lembut, menampar pipi dan mendamaikan jiwa. Tetapi tiada siapa tahu ribut taufan yang melanda hati-hati di kalangan penduduk kota Baghdad itu. Bisa punah segala ikatan silaturahim malah bisa ranap sebuah kepercayaan hanya dengan ribut yang di kawal nafsu. Sungguh, ada hati-hati yang tersinggung sedang memendam rasa.

*****

Imam Syafie masih setia malah tetap berusaha menyampaikan kebenaran dan memperbetulkan kesilapan kitab karangan Imam Abu Hanifah kepada orang ramai. Beliau menyampaikan kepada semua penduduk bumi Baghdad mengenai itu walau ada yang menyokong malah turut ada yang menentangnya.

Beliau masih ingat pesanan terakhir gurunya iaitu Imam Malik supaya tetap berada di atas jalan ini bersama mata-mata rantai malah memperbaiki sekiranya ada yang silap dan khilaf antara mereka.

Di akhir ceramah dan majlis ilmu beliau, Imam Syafie selalu berpesan mengingatkan dirinya dan para hadirin yang mendengar penjelasan dan penerangan beliau, “Sesungguhnya saya tidak akan bertukar fikiran dengan seseorang melainkan saya mahu supaya saya dan dia diberi pertolongan dan saya juga tidak bertukar fikiran dan

berbincang dengan sesiapa melainkan saya selalu berharap supaya Allah menunjukkan kebenaran menerusi lidah saya dan lidah orang itu. Semoga saya dan kalian dipelihara oleh Allah daripada tipu daya syaitan yang licik."

Sesudah selesai memberikan ceramahnya di dewan orang ramai, lalu Imam Syafie berjalan dengan pantas menuju ke masjid bagi menunaikan hak Allah ke atas beliau. Kepalanya menunduk memandang bumi dan mulut beliau terkumat-kamit membaca Quran yang sudah dihafalnya sejak kecil. Sesekali ada beberapa penduduk kota Baghdad memberikan ucapan salam kepada beliau, malah ada juga segelintirnya menjauhkan diri daripadanya.

Imam Syafie tersenyum memandang reaksi mereka, beliau meyakini, Allah juga yang mencampakkan rasa cinta di hati manusia dan Allah juga yang mencampakkan rasa benci di hati hamba-hambanya. Allah itu tidak akan pernah sekali berlaku zalim, pasti ada hikmah tersembunyi yang cuba Allah hadiahkan, itulah pendirian Imam Syafie.

"Assalamualaikum, wahai Abu Abdullah," ucap Syeikh Isa bin Munkadir kepada Imam Syafie. Beliau selaku kadi merangkap hakim di kota Baghdad itu perlu bertanggungjawab atas kekecohan yang berlaku di kalangan penduduk kota itu.

"Waalaikummussalam, wahai Tuan Kadi Syeikh Isa bin Munkadir," jawab Imam Syafie sambil menghulurkan tangan berjabat tanda silaturahim.

Tuan Kadi as-Syeikh Isa bin Munkadir menarik nafas dalam-dalam, lalu beliau memulakan bicaranya, "Saya

berharap tuan tidak berkecil hati dengan kata-kata saya selepas ini, kerana saya perlu selesaikan perkara ini sebaik mungkin demi keselamatan dan keamanan keseluruhan penduduk kota Baghdad."

Imam Syafie hanya tersenyum. Beliau sudah dapat meneka apa yang bakal disampaikan oleh tuan kadi itu kepadanya.

"Silakanlah Tuan Hakim Syeikh Isa Bin Munkadir, katakan apa yang mahu disampaikan kepada saya," bicara Imam Syafie dengan lembut.

"Sebelum tuan datang ke kota Baghdad, ketika itu penduduknya aman sepakat dan bersatu dalam satu aliran mazhab iaitu mazhab Imam Abu Hanifah. Tetapi selepas mendengar kenyataan-kenyataan tuan, sekarang mereka berpecah-belah, berprasangka buruk dan berselisih faham. Semua ini dek kerana perbuatan dan tindakan tuan itu. Saya yakin bukan ini yang diajarkan oleh Imam Malik kepada tuan," luah Tuan kadi Syeikh Isa bin Munkadir berbaur ketidakpuasan pada tindakan Imam Syafie.

Imam Syafie tidak menjawab kritikan itu. Beliau seperti biasa, mempamerkan wajah yang bersahaja dan tenang seolah-olah tidak langsung terasa hati dengan kritikan itu. Mana mungkin kritikan manusia mampu menawan hati malah memberi kesan di jiwa yang sudah ditakluk dengan kecintaan yang tinggi kepada Tuhan.

Melihat Imam Syafie yang hanya berdiam diri, Tuan Hakim Syeikh Isa bin Munkadir menambah bicaranya, Saya kesal memberikan kepada tuan kitab-kitab karangan Imam Abu

Hanifah itu. Permuafakatan yang dicari, namun perselisihan juga yang didapat."

Imam Syafie hanya menjawab sambil tersenyum, "Semoga Allah merahmati tuan dan juga saya."

Tuan Kadi Syeikh Isa bin Munkadir terpana. Beliau menghujani Imam Syafie dengan ayat-ayat kasar, tetapi Imam Syafie dengan penuh kasih sayang tetap memberikan tindakan yang baik, jauh sekali mahu melawan dan berdebat.

"Saya belum benar-benar mengerti sebab tindakan tuan yang membongkar kesilapan kitab karangan Imam Anu Hanifah ini. Sudah begitu banyak yang menentang tetapi tuan tetap tersenyum malah bukan tidak ada yang mengkritik tetapi tuan tetap tenang. Apa yang tuan mahukan sebenarnya?" tanya Tuan Kadi Syeikh Isa bin Munkadir kehairanan.

"Keredaan Allah," jawab Imam Syafie ringkas lalu terus bergegas masuk ke dalam masjid memberikan ruang bagi tuan kadi berfikir dan memahami dengan sebenar jawapan beliau tadi.

*****

Semakin hari semakin ramai yang menentang pandangan Imam Syafie, namun beliau dengan penuh hemah dan hikmah menjawab sebaik mungkin.

"Saya tidak bertukar fikiran dengan tujuan mahu mendedahkan kelemahan dan kesalahan orang itu. Malah

apabila saya membentangkan hujah-hujah yang benar, dalil-dalil yang sahih dan alasan yang terang lalu kebenaran hujah saya itu diterima oleh orang yang berbahas dengan saya, pasti saya menghormatinya. Tetapi apabila orang itu menolak kebenaran hujah saya semata-mata kerana kesombongannya, bukan kerana kesilapan daripada pihak saya, pasti saya lupakan sahaja orang itu daripada lorong ingatan saya.''

Sesudah beliau berkata begitu, Handzalah bangun untuk bertanya, "Bagaimana tuan dapat menerima dan menghormati orang yang tuan ketahui dirinya itu adalah lawan tuan? Bukankah itu sesuatu yang membahayakan?"

Imam Syafie menjawab dengan penuh tawaduk, "Lawan saya itu ada kebaikan dan faedahnya bagi diri saya. Saya harap dan berdoa semoga Allah tidak menjauhkan mereka daripada saya."

"Lawan memberikan tuan kebaikan dan faedah? Saya kurang mengerti wahai hamba Allah yang dirahmati," tanya Handzalah lagi.

"Lawan itu peranan mereka ibarat cermin yang sentiasa menunjukkan kekurangan dan kelemahan kita. Tambahan pula, apabila mereka sering bercakap tentang kesalahan saya, saya dapat mengelak daripada melakukan kesalahan itu lagi. Malahan apabila mereka berlumba-lumba mahu mengalahkan, saya dapat memotivasikan diri saya supaya berusaha lebih gigih kerananya," jawab Imam Syafie sambil memandang lembut wajah Handzalah yang kelihatan terperanjat dengan jawapan beliau itu.

Pagi itu hujan renyai-renyai bersama rahmat dan rezeki yang Allah curahkan buat hamba-hambanya. Di tepi pintu masjid kota Baghdad, Imam Syafie berdiri sambil memerhati rintik-rintik hujan yang membasahi bumi kering Baghdad. Diam-diam Imam Syafie berdoa semoga hembusan dingin hujan itu bisa menyejukkan hati yang masih panas lantaran kesombongan dan keegoan menerima kebenaran.

"Wahai Tuhanku, jiwa dan hatiku sudah berada di bumi Mesir. Selain bumi Mesir, kuanggap semuanya sudah kering dan mati. Hanya bumi Mesir yang subur di hatiku. Wahai Tuhan, aku tidak tahu apakah bahagia yang menanti ataupun aku menuju kehancuran apabila berada di sana nanti. Namun aku pasrah dengan ketentuanmu," bisik hati Imam Syafie sambil merenung dari kejauhan.

Bab 18 Berhijrah ke Mesir

Ketahuilah istighfar yang diucapkan dengan betul mampu membuat syaitan lari ketakutan dan menggoncang empayar iblis di istana kerajaannya.

"Wahai tuanku, Imam Syafie sudah memecahbelahkan penduduk Baghdad. Kenyataannya yang menyalahkan kitab-kitab yang dikarang Imam Hanifah menyebabkan orang ramai berpecah dua. Satu menyokong Imam Syafie dan satu lagi menentangnya. Tuanku perlu bertindak segera. Sekiranya perkara ini dibiarkan, bimbang terjadi pergaduhan sesama sendiri," kata Tuan Kadi Syeikh Isa bin Munkadir.

"Pada pendapat kamu, apa yang patut beta lakukan?" tanya Khalifah al-Makmum pula.

Sebenarnya, perkara itu sudah sampai ke pengetahuan baginda. Tetapi baginda tidak ambil peduli kerana bimbang ia mengeruhkan lagi suasana. Tetapi apabila Syekh Isa sendiri yang mengadu, baginda tidak boleh lagi berdiam diri.

“Saya mencadangkan tuanku beri amaran kepada Imam Syafie supaya jangan lagi menyalahkan Imam Hanifah. Tuanku suruh dia menguatkan lagi mazhab Hanafi. Bukan menentangnya,” jawab Syeikh Isa.

“Wahai Syeikh Isa. Adakah kamu tahu kedatangan Imam Syafie ke Baghdad atas undangan beta sendiri?” tanya Khalifah al-Makmum.

“Kami tahu, sebab itu kami tidak berani menghalau Imam Syafie keluar dari Baghdad, bimbang tuanku murka,” jawab Syeikh Isa.

“Adakah kamu mahu beta menghalau Imam Syafie keluar dari Baghdad?” tanya Khalifah al-Makmum lagi.

“Itulah yang sebaik-baiknya tuanku. Sekiranya dia enggan pergi dari sini, tuanku tangkap dan kurung beliau di dalam penjara,” jawab Syeikh Isa.

“Wahai Syeikh Isa. Apakah kamu mahu beta lakukan apa yang pernah dilakukan oleh ayahanda beta Khalifah Harun ar-Rasyid kepada Imam Syafie? Dia dikurung di dalam penjara, dirantai kaki dan tangannya disebat dengan rotan? Adalah itu yang kamu mahu beta lakukan?” tanya Khalifah al-Makmum.

“Tuanku, saya mahu menjawab iya tetapi bimbang tuanku murka,” jawab Syeikh Isa.

“Tidakkah kamu tahu, selepas Imam Syafie ditangkap, dikurung di dalam penjara dan diseksa, ternyata dia berada di pihak yang benar. Dia diampunkan oleh ayahanda beta.

Kamu tahu bagaimana pula nasib mereka yang memfitnah Imam Syafie?”

Tiba-tiba muka Syeikh Isa menjadi pucat apabila mendengar kata-kata Khalifah al-Makmum. Dia bimbang menerima nasib seperti gabenor Najran yang dituduh memfitnah Imam Syafie. Akibatnya dia pula yang ditangkap dan dipenjarakan. Mujur Imam Syafie memaafkannya.

“Wahai tuanku, patik mengaku silap. Maafkan patik. Patik menarik semula cadangan patik tadi,” kata Syeikh Isa.

“Imam Syafie datang ke Baghdad dengan jemputan beta sendiri. Kerana itu jangan ada sesiapa yang cuba menghalaunya dari sini,” tegas Khalifah al-Makmum.

Sejak itu tidak ada yang berani lagi mengganggu Imam Syafie. Mereka yang menyokongnya bertambah yakin tetapi mereka yang menentangnya mengambil sikap menjauhkan diri. Tidak lama kemudian, datang pula utusan gabenor Mesir ke Baghdad. Utusan itu menghadap Khalifah al-Makmum membawa pesanan daripada gabenor Mesir yang meminta kebenaran daripada khalifah bagi membawa Imam Syafie ke Mesir. Permintaan itu dipersetujui.

“Benarkah tuan hendak meninggalkan Baghdad?” tanya Handzalah ketika kedua-keduanya sama-sama melangkah keluar dari masjid selepas sembahyang subuh.

“Memang benar. Pagi ini saya akan berangkat ke Mesir mengikut utusan gabenor Mesir. Saya akan maklumkan kepada keluarga saya di Mekah kemudian,” jawab Imam

Syafie.

“Bagaimana dengan kami yang menyokong tuan selama ini? Adakah akan ditinggalkan begitu sahaja?” Handzalah seperti berkecil hati.

“Sekiranya kamu menyokong pendapat saya kerana Allah, tentulah kamu tidak bimbang dengan ketiadaan saya. Berpegang teguhlah pada Quran dan hadis. Itulah sumber rujukan kita yang paling benar dan selamat,” pesan Imam Syafie.

Para penyokong Imam Syafie mengiringi pemergian beliau dengan doa semoga selamat dalam perjalanan. Selepas menempuh perjalanan yang jauh dan memenatkan, akhirnya Imam Syafie selamat tiba di bumi Mesir. Dia terus menuju ke Kota Fustat dan tempat yang mula disinggahinya adalah Masjid Amru. Masjid itu didirikan oleh Amru al-Ash, salah seorang sahabat Nabi Muhamad saw yang menakluki Mesir. Beliau mendirikan sebuah masjid yang dinamakan Masjid Amru sempena nama beliau. Orang ramai yang berada di situ menyambut kedatangan Imam Syafie dengan gembira.

“Tuan gabenor memaklumkan kepada kami mengenai kedatangan tuan. Kami berasa gembira. Kerana itu orang ramai berkumpul di masjid ini bagi menyambut kedatangan tuan,” kata Abu Rajab bin Asim, Imam Masjid Amru.

“Siapalah saya untuk menolak takdir yang ditentukan Tuhan. Apabila tuan gabenor Mesir menjemput saya datang ke sini, saya tidak dapat menolaknya. Tambahan pula kami berdua sudah akrab,” kata Imam Syafie pula.

“Rakyat Mesir perlukan bimbingan seorang ulama yang terbilang seperti tuan. Kerana itu, tuan gabenor menjemput tuan datang ke Mesir. Di Iraq sudah ramai ulama. Tugas tuan di sana boleh diteruskan oleh mereka. Tambahan pula tuan mempunyai pengikut yang ramai di Baghdad,” kata Abu Rajab sambil memuji kehebatan Imam Syafie.

“Wahai sahabatku Imam Abu Rajab, apakah masalah yang sedang melanda umat Islam di Mesir? Beritahu saya semoga Tuhan memberi petunjuk bagi kita menyelesaikannya,” tanya Imam Syafie.

“Di kalangan rakyat Mesir sering terjadi perbalahan antara pengikut Imam Malik dengan Imam Hanifah. Sering terjadi pertengkaran hingga pernah terjadi pergaduhan. Semoga kedatangan tuan dapat mengatasi masalah ini,” jawab Imam Abu Rajab sambil melahirkan rasa dukacitanya dengan situasi yang sedang berlaku.

“Kerana itu, tuan gabenor menjemput tuan datang ke Mesir bagi membantu menyelesaikan masalah ini. Kami yakin tuan mampu menyelesaikannya. Ini kerana tuan seorang ulama yang tinggi ilmunya serta dikurniakan kebijaksanaan yang luar biasa,” puji Imam Abu Rajab.

“Janganlah terlalu memuji, bimbang kita lupa diri. Pujian itu hanya untuk Tuhan semesta alam. Kita cuma insan biasa yang dikurniakan akal fikiran. Oleh itu, harga diri seseorang itu berdasarkan apa yang dilakukan bagi memperbaiki dirinya,” kata Imam Syafie pula.

Mereka tidak dapat berbual panjang kerana suara azan berkumandang menandakan masuknya waktu

sembahyang zohor. Imam Abu Rajab menyuruh Imam Syafie tampil ke hadapan menjadi imam tetapi ditolaknya dengan baik.

“Tuan diberi tanggungjawab menjadi imam di masjid ini. Kerana itu teruslah menjadi imam. Saya lebih selesa menjadi makmum,” katanya.

Selesai sembahyang, sekali lagi orang ramai berkerumun untuk bersalaman dengan Imam Syafie. Mereka sangat gembira serta menyayangi beliau. Tambahan pula kedatangannya dijemput oleh gabenor Mesir. Nama Imam Syafie sememangnya menjadi bualan rakyat Mesir terutama pengikut Imam Maliki kerana Imam Syafie pernah berguru dengannya.

“Sudilah tuan menjadi tetamu di rumah kami,” kata Abdul Wahab, Bilal di Masjid Amru.

“Terima kasih atas pelawaan tuan. Tetapi saya belum membuat keputusan bermalam di mana. Mungkin di masjid ini sahaja,” jawab Imam Syafie sambil mengatakan dia sudah biasa bermalam di masjid ketika bermusafir.

“Sebaik-baiknya tuan bermalam di rumah kami. Kami akan sediakan makanan dan minuman tuan. Pakaian tuan pula kami yang akan membasuhnya. Sekiranya tuan sakit, kami yang akan merawatnya,” kata Imam Rajab pula.

“Saya baru sahaja sampai di sini. Sebaik-baiknya saya menziarahi dahulu makam Imam al-Laith bin Saad. Kemudian berkunjung ke rumah gabenor. Selepas itu, baru saya fikirkan hendak tinggal di mana,” kata Imam Syafie.

Kemudian beliau menziarahi makam Imam al-Laith bin Saad seorang ulama yang terkenal di Mesir. Kedudukannya sama seperti Imam Malik di Madinah. Semasa berada di sisi makam itu, Imam Syafie berkata, “Wahai Imam, sesungguhnya kamu memiliki empat sifat yang tidak dimiliki oleh kebanyakan orang alim, kamu memiliki ilmu, banyak beramal, zuhud dan pemurah.”

Imam Syafie berasa kesal kerana tidak sempat berguru dengan Imam al-Laith bin Saad tetapi semasa berada di Yaman, dia dapat berguru dengan Yahya bin Hasan, anak murid Imam al-Laith.

Imam Syafie menyanjung ulama Mesir itu dengan berkata, “Ilmu itu berkisar kepada tiga jiwa iaitu Imam Malik, Imam al-Laith dan Sufyan bin Uyainah. Tidak rugi sesiapa yang berguru dengan mereka.”

Nama Imam al-Laith terkenal di Mesir. Semasa hidupnya, Imam al-Laith seorang yang alim serta anak muridnya ramai. Beliau membahagikan masanya kepada empat bahagian. Satu majlis untuk mengajar pemerintah berkenaan pemerintahan Islam, satu majlis pengajaran ilmu hadis, satu majlis kehakiman, dan satu bagi melayan pertanyaan orang ramai.

Imam al-Laith seorang yang kaya tetapi pemurah hingga tidak pernah membayar zakat kerana hartanya habis dibelanjakan kepada fakir miskin dan mereka yang memerlukan. Pernah satu ketika beliau pergi ke Iskandariyah dengan menyewa tiga buah kapal. Kapal pertama dinaiki untuk diri dan keluarganya, kapal kedua

untuk tetamunya dan kapal ketiga untuk barang-barang makanan dan minuman. Beliau juga selalu menjamu fakir miskin dengan makanan yang baik dan lazat tetapi dia sendiri memakan roti kering sahaja.

“Di mana rumah Sayidah Nafisah iaitu cucu Sayidina Hasan bin Ali *karamallah wajhah*?” tanya Imam Syafie kepada Imam Abu Rajab.

“Dengan rela hati saya menemani tuan bertemu dengannya,” jawab Imam Rajab menyatakan kesanggupannya.

“Berapa jauhkah rumahnya dari masjid ini?” tanya Imam Syafie lagi.

“Agak jauh juga, kerana dia tidak mahu diganggu orang ramai kecuali sekiranya ada perkara yang mustahak,” jawab Imam Abu Rajab.

Selepas sembahyang asar, Imam Rajab dan Imam Syafie berjalan kaki menuju ke rumah Sayidah Nafisah. Kedatangannya disambut dengan baik lalu dipersilakan masuk ke dalam rumah.

“Alangkah gembira hatiku pada hari ini kerana dikunjungi seorang lelaki yang alim daripada keluarga Quraisy. Mungkin ada perkara mustahak yang hendak disampaikan?” tanya Sayidah Nafisah.

“Kami datang mahu menziarahi seorang ibu yang sangat kami hormati dan kasihi. Tentulah tidak sopan sekiranya saya datang ke Mesir tetapi bersikap sombong dengan

cucu Sayidina Ali," jawab Imam Syafie.

Sayidah Nafisah memuji kebijakan dan kealiman Imam Syafie. Tetapi beliau tetap merendah diri. Malah berjanji hendak menghadiri kelas agama yang dipimpin oleh Sayidah Nafisah. Sebelum pulang, Imam Syafie mengambil beberapa buah hadis daripada Sayidah Nafisah serta berjanji mahu membaca buku-buku tulisan beliau.

"Sekiranya tuan sudi, bermalam sahaja di rumah ini. Tuan pasti dilayan sebagai tetamu," pelawa Sayidah Nafisah.

"Saya mahu menemui gabenor Mesir kerana dia yang mengajak saya datang ke Mesir. Tentulah tidak manis sekiranya saya tidak menziarahinya," kata Imam Syafie menolak pelawaan itu dengan baik.

"Saya tidak dapat menemani tuan ke rumah gabenor," kata Imam Abu Rejab pula.

"Kenapa? Apakah tuan tidak menyukainya?" tanya Imam Syafie dengan rasa hairan.

"Dia seorang gabenor yang baik. Cuma saya berasa malu bertemu dengannya. Saya cuma berani datang ke rumahnya sekiranya dijemput," jawab Imam Abu Rejab.

"Kenapa tuan berasa malu dengannya?" tanya Imam Syafie lagi.

Imam Abu Rajab tidak mahu menjawabnya. Imam Syafie pula tidak mahu mendesaknya kerana tidak mahu mengecilkan hati kawan baiknya itu. Imam Syafie bersendirian pergi ke rumah Gabenor Mesir Abbas bin

Musa. Kedatangannya disambut dengan baik. Beliau menyuruh pembantunya menyediakan makanan yang enak untuk tetamu istimewanya itu. Tetapi Imam Syafie cuma meminum segelas susu dan memakan beberapa biji buah kurma. Dia tidak menyentuh makanan yang lain.

"Kenapa tuan tidak menjamah makanan itu? Kami memasaknya khas untuk kita nikmati bersama," kata gabenor Mesir.

"Semasa berada di Masjid Amru tadi, saya didatangi beberapa orang lelaki yang mengadu sedang kelaparan. Anak-anak dan isteri mereka juga sedang kelaparan. Adakah kita tergamak bermewah-mewah dengan makanan ini sedangkan di luar sana ramai yang sedang kelaparan?" tanya Imam Syafie.

Wajah gabenor berubah merah padam. Dia berasa malu yang teramat sangat. Tetapi dia tidak berani memarahi Imam Syafie kerana masih ada rasa hormat dan kasih sayangnya kepada ulama yang terbilang itu.

Melihat gabenor menundukkan kepala, Imam Syafie menyambung kata-katanya, "Kasihanilah orang miskin kerana Nabi Muhammad sayang kepada orang miskin. Kasihanilah anak yatim kerana Rasulullah juga tergolong sebagai anak yatim dan beliau akan bersama-sama dengan orang yang menyayangi dan mengasihi anak yatim di akhirat."

Gabenor semakin tunduk apabila mendengar kata-kata Imam Syafie. Makanan yang terhidang di hadapan tidak disentuhnya. Dia tidak berani memandang muka Imam

Syafie apatah lagi menyanggah kata-katanya.

“Apabila kita menikmati makanan, pilihlah makanan yang halal kerana ia menjamin kesihatan dan menyebabkan syaitan gerun. Tetapi jangan makan terlalu banyak kerana ia menyebabkan malas dan suka tidur. Itu menyukarkan untuk beramal ibadat,” kata Imam Syafie lagi.

“Benar katamu,” kata Gabenor Mesir. Nasihat Imam Syafie itu benar-benar menginsafkannya.

“Ketahuilah wahai tuan gabenor, tiga perkara yang boleh memudaratkan manusia di samping orang yang sihat menjadi sakit iaitu meminum minuman keras, terlalu banyak melakukan persetubuhan dan terburu-buru memasukkan makanan sedangkan di mulut masih ada makanan. Penyakit itu berpunca daripada perut. Kerana itu jagalah perut kita,” kata Imam Syafie lagi.

“Saya akan ingat nasihat itu wahai Imam Syafie,” ujar gabenor.

Kemudian katanya lagi, “Tinggallah di bumi Mesir ini, wahai ulama terbilang. Di sini saya menjadi pelindung kamu. Beritahu saya sekiranya kamu memerlukan apa-apa bantuan.”

“Dengan izin Tuhan saya akan menetap lama di Mesir. Inilah negeri yang paling saya suka selain Mekah dan Madinah. Sekiranya diizinkan, saya meminta kebenaran mengajar ilmu agama di Masjid Amru. Hanya itu yang saya pinta,” ujar Imam Syafie.

Dengan senang hati, Abbas bin Musa membenarkannya. Tambahan pula tujuan dia menjemput Imam Syafie datang ke Mesir adalah bagi mengembangkan ajaran agama Islam. Semenjak Imam al-Laith meninggal dunia, rakyat Mesir seperti anak ayam kehilangan ibu. Dia berharap Imam Syafie dapat mengisi kekosongan itu.

Selepas keluar dari kediaman Gabenor Mesir, Imam Syafie terus menuju ke Masjid Amru bagi menunaikan sembahyang maghrib dan isyak secara berjemaah. Selesai mengerjakan sembahyang, ramai yang mempelawa Imam Syafie tinggal di rumah mereka. Tetapi ditolaknya dengan baik. Akhirnya beliau memilih untuk tinggal di rumah Abdullah bin al-Hakam, kenalan rapatnya yang sama-sama berguru dengan Imam Malik di Madinah.

“Di kota Fustat, orang ramai terbahagi kepada dua. Satu menganut mazhab Hanafi dan satu mazhab Maliki. Saya dan Asyhab tetap menganut mazhab Maliki. Kami tidak akan berubah pendirian. Taat setia kami tetap kepada guru kita Imam Malik,” kata Abdullah al-Hakam.

“Mereka yang menganut mazhab Imam Maliki ataupun Imam Hanafi tetap bersaudara dalam Islam. Tuhan kita tetap sama. Nabi kita tetap sama. Agama kita juga sama. Sepatutnya perbezaan itu tidak menimbulkan masalah. Sekiranya terjadi perselisihan, ia pasti membawa perpecahan kepada orang Islam,” kata Imam Syafie pula.

“Tetapi mereka yang menganut fahaman mazhab Hanafi menganggap kami seolah-olah bukan bersaudara. Mereka tidak mahu menjadi makmum sekiranya imamnya

menganut fahaman mazhab Maliki. Begitu juga sebaliknya. Penganut mazhab Maliki tidak mahu berimamkan mereka yang bermazhab Hanafi," kata Abdullah al-Hakam pula.

Imam Syafie melahirkan rasa kesalnya dengan apa yang berlaku. Baginya, perbezaan fahaman itu hanya membawa kepada kelemahan umat Islam. Musuh-musuh Islam pasti mengambil kesempatan atas kelemahan itu.

"Kami yang menganut fahaman mazhab Maliki berasa sukacita apabila tuan datang ke Mesir. Ini pastinya dapat menguatkan lagi kami kerana tuan pastinya menganut fahaman Imam Maliki kerana pernah berguru dengan Imam kita itu," kata Abdullah al-Hakam.

"Apakah tuan sudah lupa Imam Maliki membenarkan saya membuat fatwa sendiri? Beliau juga membenarkan orang ramai menjadi pengikut saya," kata Imam Syafie pula.

"Sekiranya begitu, bagaimana pula pendirian tuan sekarang?" tanya Abdullah al-Hakam.

"Saya berpegang teguh kepada Quran dan hadis. Namun dalam masalah hukum fikah, saya mempunyai ijtihad sendiri iaitu tidak cenderung kepada Imam Maliki ataupun Hanafi," jawab Imam Syafie berterus terang.

Kemudian katanya lagi, "Tuan gabenor membenarkan saya mengajar ilmu agama di Masjid Amru. Tanggungjawab itu akan saya mulakan pada esok hari. Saya harap tuan juga sudi menghadirinya. Sekiranya terdapat perbezaan pendapat, kita bincang secara baik dengan menjadikan Quran dan hadis sebagai rujukan."

Menurut Abdullah al-Hakam, beliau juga mempunyai ramai pengikut di kota Fustat. Mereka begitu taksub dengan fahaman Imam Maliki. Kerana itu, beliau bimbang pengikutnya menjauhkan diri sekiranya dia berguru selain dengan Imam Malik.

"Saya tetap menganggap tuan sebagai sahabat walaupun kita berlainan fahaman. Tuan boleh mengajar mengikut fahaman tuan dan saya tidak akan mengganggunya," kata Abdullah al-Hakam pula.

Bagi mengelakkan terjadinya perkara yang kurang baik antara beliau dengan Abdullah al-Hakam, Imam Syafie mengambil keputusan menetap di Masjid Amru. Tambahan pula di situ ada sebuah bilik yang dapat dijadikan tempat kediamannya.

Imam Syafie pun membuka kelas mengajar agama di Masjid Amru selepas sembahyang subuh hingga tengah malam. Ketinggian ilmu Imam Syafie serta kefasihan lidahnya bersyarah serta berhujah menyebabkan jumlah anak muridnya semakin hari semakin ramai. Mereka dapat melupakan perbezaan anutan mazhab masing-masing kerana tertarik berguru dengan Imam Syafie.

Selepas sembahyang subuh, beliau mengajar Quran dan semua yang bersangkutan dengannya seperti tafsir, ulum Quran dan sebagainya. Kemudian dia mengajar ilmu hadis. Waktu tengah hari pula bagi perbincangan dan pertanyaan dengan orang ramai. Pada sebelah petang dan malam dia mengajar ilmu bahasa Arab, nahu, syair dan sebagainya.

Beliau selalu berkata, "Sesiapa yang mempelajari Quran,

besar harga dirinya. Siapa yang mempelajari hadis, tinggi martabatnya, siapa yang mempelajari bahasa, lembut hatinya, siapa yang mempelajari ilmu hisab, tajam pandangannya dan sesiapa yang tidak memelihara dirinya, tidak bererti ilmunya.”

Bab 19 Kaum Muktazilah

Ketahuilah sebesar-besar kesenangan di dunia dan akhirat adalah memberi maaf kepada orang lain dan melupakan terus kesalahannya. Allah pasti akan meninggikan darjatnya di sisi manusia.

Imam Syafie selalu berpesan kepada anak-anak muridnya, "Apabila saya memberikan hujah-hujah bagi sesuatu hukum, janganlah kamu menerimanya secara melulu. Gunakan akal fikiran kamu sendiri bagi membahasnya. Kerana fikiran itu perlu digunakan bagi mencari kebenaran. Saya tidak pernah mengatakan apa yang saya perkatakan itu adalah benar kerana yang benar itu hanya Quran dan hadis yang sahih."

"Wahai tuan guru, kata-kata yang sama pernah diucapkan oleh Imam Malik dan Imam Hanafi. Mereka juga tidak mewajibkan sesiapa pun taksub dengan fahaman mereka," kata al-Rabi' pula.

"Hanya Nabi Muhammad pemimpin ulung yang wajib kita patuhi. Selain itu, kita boleh menolak pendapatnya

sekiranya bertentangan dengan Quran dan hadis," kata Imam Syafie.

"Wahai guruku, pendapat tuan berbeza dengan pendapat Imam Malik, Imam Ahmad Hanbal, dan Imam Abu Hanifah. Tetapi tuan tidak pernah mencerca mereka dan mereka juga tidak pernah mencerca tuan. Mereka yang paling keras menentang tuan adalah pengikut yang fanatik terutama kaum Muktazilah. Mereka membenci serta memusuhi tuan. Boleh kami tahu kenapa wujud perbezaan itu? Bagaimana sekiranya tuan bermuzakarah dengan mereka?" tanya al-Munazil. Salah seorang anak murid Imam Syafie.

"Imam Abu Hanifah itu seorang ulama yang besar. Imam Malik itu pula guru saya. Imam Ahmad Hanbal itu sahabat saya. Antara kami, tidak pernah timbul masalah. Perbezaan pendapat kami cuma dalam bidang ilmu fikah, tetapi dalam ilmu tauhid, menyembah Allah tetap sama," jawab Imam Syafie sambil memuji tiga ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang terkenal itu. Walaupun berbeza pendapat, Imam Syafie tidak pernah mengumpat mereka.

"Bagaimana pula dengan kaum Muktazilah. Mereka memusuhi tuan dan tuan juga memusuhi mereka?" tanya al-Barak pula.

"Fahaman kaum Muktazilah itu turut ditentang oleh Imam Malik, Imam Ahmad Hanbal dan Imam Abu Hanifah. Mereka sanggup dipenjara dan diseksa kerana menentang fahaman Muktazilah," jawab Imam Syafie. Kemudian beliau menceritakan sejarah kemunculan fahaman Muktazilah.

Pada tahun 100 Hijrah, muncul seorang guru agama di Baghdad bernama Syeikh Abu Hasan Bashri. Antara anak muridnya ada seorang yang bernama Wasil bin Athak.

Dalam satu kuliah agama, Wasil bertanya bagaimana keadaan seseorang yang mengaku Islam tetapi melakukan dosa-dosa besar? Syeikh Hasan Bashri menjawab, seseorang yang beriman kepada Allah dan rasulnya tetapi dia melakukan dosa-dosa besar, dia tetap seorang Islam tetapi digelar Muslim yang berdosa. Di akhirat kelak sekiranya dia tidak sempat bertaubat sebelum meninggal dunia, dia akan dimasukkan ke dalam neraka sebagai hukuman atas dosa-dosa yang dilakukannya. Selesai menjalani hukuman, baru dimasukkan ke dalam syurga. Tetapi sekiranya dia sempat bertaubat, Allah itu maha pengampun.

Wasil bin Athak tidak sependapat dengan gurunya itu. Menurutnya, seseorang mukmin yang melakukan dosa-dosa besar, dia bukan lagi seorang Islam kerana ingkar hukum Tuhan tetapi tidak pula kafir kerana masih ada sedikit iman. Tempatnya bukan di syurga ataupun neraka. Tetapi di satu tempat di antara kedua-duanya.

Beliau juga mengatakan setiap manusia ditentukan tempatnya di syurga ataupun di neraka sejak azali. Mereka tidak dapat menolak takdir yang ditentukan ke atasnya. Kerana berbeza pendapat dengan gurunya, Wasil dan mereka yang sependapat dengannya menyisihkan diri lalu mereka digelar kaum Muktazilah.

Mereka berjaya mempengaruhi orang lain dengan cara

berdebat di khalayak ramai. Apabila berdebat ataupun berbincang, mereka lebih mengutamakan logik akal daripada berpandukan Quran dan hadis. Malah mentafsirnya mengikut pendapat sendiri. Akhirnya mereka berjaya mempengaruhi khalifah supaya menyokong pendapat mereka.

Oleh itu, ramai ulama yang ditangkap, dipenjara dan diseksa kerana menentang fahaman Muktazilah. Imam Hanafi dan Imam Malik pernah dipenjara kerana menentang fahaman Muktazilah.

“Walaupun mereka sering mencerca saya kerana bercanggah pendapat, tetapi saya tidak memusuhi mereka. Buktinya saya tidak pernah menghalau mereka yang hadir dalam majlis ilmu saya walau kedatangan mereka sering menimbulkan kekecohan,” kata Imam Syafie.

“Mereka sering mencabar tuan berdebat tetapi tuan selalu mengelaknya. Adakah tuan takut?” tanya al-Muzari pula.

“Kaum Muktazilah suka berdebat kerana mereka menggunakan akal fikiran sahaja. Sedangkan kita berpegang pada Quran dan hadis. Perdebatan seperti itu wujud sejak zaman dahulu dan tidak pernah berkesudahan. Oleh itu saya sering mengelak untuk berdebat dengan mereka. Kecuali sekiranya mereka datang dalam majlis ilmu saya, saya akan mempertahankan apa yang saya perkatakan,” jawab Imam Syafie.

“Khabarnya kaum Muktazilah mendapat perlindungan daripada gabenor Mesir. Oleh itu mereka semakin berani mencabar sesiapa yang tidak sefahaman dengan mereka.

Apakah tuan tidak berasa takut?" tanya Barak pula.

"Saya lebih takutkan Allah, kerana dia yang maha berkuasa. Semasa di Baghdad, saya pernah dipenjara dan diseksa. Tetapi dengan izin Allah akhirnya saya dibebaskan," jawab Imam Syafie.

Penjelasan itu dapat meredakan ketegangan antara pengikut Imam Syafie dengan pengikut Imam Hanafi, Imam Ahmad Hanbal, dan Imam Malik. Cuma dengan kaum Muktazilah yang semakin renggang. Ini disebabkan fahaman mereka bertentangan dengan pendapat semua ulama yang muktabar itu. Mereka lebih suka menggunakan logik akal fikiran daripada berpandukan Quran dan hadis.

"Wahai tuan guru, mengapa tuan masih berdiam diri dengan kaum Muktazilah sedangkan mereka mencaci maki tuan di khalayak ramai," kata Jubair, salah seorang anak murid Imam Syafie.

"Bersikap diam dalam menghadapi orang bodoh ataupun orang gila adalah kebajikan pada jiwa. Dalam sikap diam juga terdapat penjagaan bagi kehormatan. Tidakkah kamu tahu, harimau di hutan itu lebih ditakuti kerana diamnya sedangkan anjing yang menyalak itu dilempar dengan batu," kata Imam Syafie pula.

Hari berikutnya, apabila soalan yang sama diajukan kepadanya, Imam Syafie menjawab, "Saya anggap diam itu sebagai perniagaan. Meskipun tidak ada untungnya, tetapi saya tidak rugi. Namun saya tetap yakin diam itu ibarat barang niaga yang membawa banyak keuntungan bagi pemiliknya."

“Wahai tuan guru, kaum Muktazilah menganggap diri mereka lebih warak berbanding kaum lain. Apakah pendapat tuan?” tanya al-Rabi’ pula.

“Seseorang yang memiliki sifat warak tidak akan mempedulikan keaiban orang lain kerana disibukkan memikirkan keaibannya sendiri. Ibarat orang yang sedang sakit tidak mungkin menghiraukan kesakitan orang lain kerana sibuk memikirkan penyakitnya sendiri,” jawab Imam Syafie.

Pada suatu hari Imam Syafie jatuh sakit. Dia terpaksa berehat daripada mengajar. Tempatnya digantikan oleh Fityan, seorang yang memberi sokongan kepada fahaman Muktazilah. Dia juga mengaku menjadi pengikut Imam Malik yang setia. Dia menyokong kaum Muktazilah yang mengatakan Quran itu bersifat baharu dan makhluk.

Anak-anak murid Imam Syafie berasa gusar lalu mengadukan perkara itu kepada Imam Syafie. Kali ini beliau kelihatan marah dan tidak mahu lagi berdiam diri.

“Sesiapa yang mengatakan wahyu Allah itu makhluk maka kafirlah dia,” kata Imam Syafie memberikan fatwanya.

Kaum Muktazilah marah apabila mendengar kata-kata Imam Syafie itu. Mereka mengadu kepada gabenor supaya mengambil tindakan terhadap Imam Syafie. Namun gabenor tidak melayan aduan mereka kerana menghormati ulama besar itu. Tambahan pula dia yang menjemput Imam Syafie datang ke Mesir serta membenarkannya membuka kelas agama di Masjid Amru.

“Gabenor tidak mahu mengambil tindakan terhadap Imam Syafie. Biar kita sendiri yang mengambil tindakan terhadapnya,” kata Fityan kepada para pengikutnya.

“Apa yang patut kita lakukan?” tanya Jabar salah seorang pengikut Fityan yang setia.

“Mari kita berjumpa dengan beliau. Kita beri dua pilihan. Pertama tinggalkan Mesir, kedua menukar pendapatnya supaya bersesuaian dengan kita,” jawab Fityan.

“Sekiranya dia enggan?” tanya Jabar lagi.

“Kita bunuh dia...,” jawab Fityan.

Keesokan harinya mereka berjumpa dengan Imam Syafie yang ketika itu masih sakit. Kedatangannya disambut dengan baik oleh Imam Syafie. Selepas bertanya khabar, Fityan memberi kata dua kepada Imam Syafie sama ada meninggalkan Mesir ataupun menyokong pendapat kaum Muktazilah.

“Quran itu adalah wahyu Allah. Sesiapa yang mengatakan wahyu Allah itu makhluk, kafirlah dia,” tegas Imam Syafie. Dia langsung tidak takut mengemukakan pendiriannya walau diancam mereka yang memusuhinya.

“Kami tersinggung dengan kata-kata tuan itu. Mohon menarik semula fatwa yang mengatakan kafir sesiapa yang mengatakan Quran itu makhluk,” kata Fityan.

“Kata-kata itu juga yang diucapkan oleh Imam Malik dan Imam Ahmad Hanbal. Kenapa pula saya perlu membantahnya?” tanya Imam Syafie pula.

“Sekiranya begitu, lebih baik awak keluar dari Mesir,” kata Fityan lalu memberi amaran.

“Saya datang kerana dijemput oleh gabenor. Kerana itu hanya gabenor yang boleh menyuruh saya keluar dari sini,” tegas Imam Syafie. Beliau juga tidak kelihatan takut kepada sesiapa.

“Sekiranya kamu masih berdegil, terimalah balasan daripada kami,” gertak Fityan. Kemudian dia dan pengikutnya segera beredar dari situ.

Sejak itu, Fityan dan para penyokong setianya merancang bagi membunuh Imam Syafie. Tindakan itu terpaksa dilakukan demi menjaga kepentingan kaum Muktazilah. Sebelum itu mereka sudah berjaya menjatuhkan beberapa orang ulama Mesir yang menentang fahaman Muktazilah.

“Wahai tuan guru, berita perihal rancangan hendak membunuh tuan sudah tersebar. Kerana itu tuan guru perlu berwaspada. Jangan pergi ke mana-mana seorang diri. Kami sedia menemankan tuan guru,” kata al-Rabi’ sambil meluahkan kebimbangan hatinya.

“Saya bersabar menghadapi takdir yang datang. Sekiranya tidak, ia pasti datang juga pada saat yang lain,” kata Imam Syafie.

“Kami akan bawa tuan ke satu tempat rahsia. Di sana, tuan akan selamat kerana tidak siapa yang mengetahuinya,” pujuk al-Rabi’.

Imam Syafie bersetuju dengan cadangan itu. Dia dibawa

keluar dari kota Fustat lalu disembunyikan di satu kawasan perkampungan. Imam Syafie dan keluarganya berasa tenang di situ.

"Imam Syafie sudah tidak ada lagi di kota Fustat. Mungkin dia sudah meninggalkan Mesir. Dengan ini, tidak siapa lagi yang dapat menghalang kita," kata Fityan dengan rasa bangga kerana menyangka usahanya mengugut Imam Syafie sudah berhasil.

Kehilangan Imam Syafie membuat penduduk kota Fustat berasa sedih. Tambahan pula mereka tidak tahu di mana beliau berada. Mereka marah kepada Fityan apabila mendapat tahu dia dan para pengikutnya pernah mengugut Imam Syafie supaya meninggalkan kota Fustat. Mereka mengadu kehilangan Imam Syafie kepada gabenor Mesir.

"Saya yang menjemput dia datang ke sini. Sepatutnya dia menemui saya dahulu sebelum pergi dari sini," kata gabenor sambil melahirkan rasa kesalnya.

Al-Rabi' terpaksa membukakan rahsia di mana Imam Syafie berada dan kenapa dia disembunyikan. Gabenor berasa amat marah. Lalu memerintahkan Imam Syafie dipanggil semula ke kota Fustat. Gabenor juga memberi amaran sesiapa yang mengganggu ataupun menyakiti Imam Syafie akan menerima hukuman yang berat.

Bab 20 Antara Kasih dan Benci

Tafakurlah sebelum tidur bagi menghisab diri atas salah dan silap semasa aktiviti pada siang hari sebagaimana Umar bin al-Khattab menyiasati dirinya dengan pelbagai soalan berkenaan dosa-dosanya pada siang hari.

Masjid Amru yang terletak di tengah kota Fustat itu tidak lagi sunyi semenjak Imam Syafie membuka kelas belajar agama di situ. Orang ramai mengunjunginya setiap waktu. Kuliahnya bermula selepas sembahyang subuh hingga tengah malam. Mereka cuma berhenti rehat apabila waktu makan dan sembahyang fardu. Bilangan pelajarnya semakin bertambah hingga masjid itu penuh sesak. Mereka yang datang bukan sahaja terdiri daripada golongan anak-anak muda tetapi juga orang tua, alim ulama, ahli bahasa, penyair, dan lain-lain lagi. Pengikut Imam Maliki dan Imam Hanafi juga ramai yang datang. Mereka tertarik hati dengan kefasihan lidah Imam Syafie menuturkan kata-katanya. Bahasa yang digunakan indah sedap didengar serta mudah difahami. Namun ada juga yang tidak senang hati, terutama pengikut Imam Maliki dan

Hanafi yang fanatik.

“Semenjak Imam Syafie membuka kelas agama di Masjid Amru, orang ramai hanya bertumpu ke situ. Kelas agama yang dipimpin Abdullah al-Hakam dan Yazid semakin berkurangan,” kata Fityan sambil melahirkan rasa tidak puas hatinya.

“Kamu tidak perlu bimbang kerana orang ramai mudah tertarik dengan perkara yang baharu. Tidak lama lagi mereka akan berasa jemu dan kembali semula kepada pengajian Imam Abdullah dan Imam Yazid,” kata Qois pula.

“Ternyata andaian kamu silap. Bilangan mereka semakin hari semakin bertambah hingga Masjid Amru penuh sesak,” sanggah Fityan pula.

“Bukankah itu petanda baik? Kita tidak boleh menghalang sesiapa yang hendak belajar agama,” kata Qois lagi.

“Masalahnya, Imam Syafie membawa fahaman yang baharu. Dia tidak mengikut ajaran Imam Malik dan Imam Hanifah,” kata Fityan sambil melahirkan rasa bimbangnya.

“Pernahkah kamu mengikuti pengajiannya?” tanya Qois pula.

“Aku tidak mahu berguru dengan dia,” jawab Fityan.

“Sekiranya begitu, bagaimana kamu tahu dia mengajar fahaman baharu?” tanya Qois lagi.

“Kawan-kawan kita yang cakap. Mereka memuji Imam Syafie kononnya memiliki kehebatan yang luar biasa.

Setiap apa yang diajarnya mudah difahami," jawab Fityan.

"Bagaimana sekiranya kita menghadirinya? Sekiranya benar Imam Syafie membawa fahaman baharu, kita ajak dia berhujah. Dengan ini baru orang ramai akan sedar," kata Qois mencadangkan. Akhirnya Fityan bersetuju dengan cadangan sahabatnya itu.

Keduanya, datang menghadiri kelas yang diajar Imam Syafie. Namun tujuan kedatangan mereka bukan mahu belajar tetapi mencari di mana kelemahan dan kesilapan Imam Syafie. Seperti biasa, selepas sembahyang zohor, Imam Syafie memberi peluang kepada orang ramai mengajukan sebarang pertanyaan. Peluang itu yang ditunggu Fityan dan Qois.

"Apa pandangan tuan terhadap Imam Abu Hanifah?" tanya Qois.

"Dia penghulu ulama negeri Iraq," jawab Imam Syafie sambil memuji kehebatan Imam Abu Hanifah..

"Bagaimana dengan Imam Abu Yusof?" tanya lelaki itu lagi.

"Dia pengikut Imam Abu Hanifah yang paling alim berkenaan hadis. Saya pernah berguru dengannya," jawab Imam Syafie lalu memuji pula kehebatan Imam Abu Yusof.

"Bagaimana dengan Muhamad al-Hasan?" tanya Qois lagi.

"Dia pengikut Abu Hanifah yang paling alim dalam ilmu Fikah. Saya juga pernah berguru dengannya," jawab Imam Syafie lalu memuji pula kehebatan Imam Muhamad al-Hasan.

“Bagaimana pula dengan Imam Zufar?” Qois terus mengemukakan pertanyaan.

“Dia pengikut mazhab Hanafi yang paling mahir dalam ilmu Qiyas,” jawab Imam Syafie lalu memuji pula Imam Zufar.

“Baiklah tuan, ini pertanyaan yang terakhir. Bagaimana pula dengan Jundul?” tanya Qois.

Imam Syafie berdiam diri tidak mahu menjawabnya. Qois mengemukakan pertanyaan sekali lagi. Tetapi Imam Syafie tetap berdiam diri.

Apabila Qois bertanya soalan yang sama untuk kali ketiga, al-Rabi’ salah seorang anak murid Imam Syafie pun menjawab, “Dia seorang pendusta!”

Lantas Imam Syafie pun berkata, “Peliharalah lisanmu wahai al-Rabi’. Jangan kata dia pendusta yang besar. Katakan yang pendapatnya tidak dapat diterima.”

Qois kelihatan berpuas hati dengan jawapan yang diberikan Imam Syafie. Ternyata dia seorang yang alim dan zuhud kerana tidak mahu memburukkan sesiapa. Yang diperkatakannya hanya kebaikan seseorang sahaja. Dia mengelak daripada menceritakan keburukan orang lain. Tetapi Fityan tetap tidak berpuas hati dengan Imam Syafie. Giliran dia pula mahu mencabar.

“Bukankah tuan anak murid Imam Malik?” tanya Fityan.

“Memang benar saya pernah menuntut ilmu dengannya,” jawab Imam Syafie.

“Kenapa tuan menyeleweng daripada apa yang diajarkannya?” tanya Fityan lagi.

“Saya bukan menyeleweng, cuma berijtihad dengan pendapat sendiri. Imam Malik juga membenarkannya,” jawab Imam Syafie.

“Bukankah Imam Malik itu seorang yang alim dan tidak pernah melakukan dosa?” tanya Fityan lagi sambil memuji-muji Imam Malik.

“Imam Malik juga seorang manusia biasa yang tidak sunyi daripada melakukan kesalahan. Yang maksum hanya nabi dan rasul,” jawab Imam Syafie.

Jawapan itu menambahkan lagi kemarahan Fityan. Dia memaki hamun Imam Syafie dengan mengeluarkan kata-kata yang kurang sopan. Tetapi Imam Syafie tidak membalasnya. Dia cuma berdiam diri. Melihat keadaan itu, salah seorang anak muridnya marah lalu menghalau Fityan keluar dari majlis itu.

“Wahai al-Rabi’, tahukah kamu majlis ilmu seperti ini dipayungi malaikat? Mereka memohon keampunan daripada Tuhan untuk semua yang berada dalam majlis ini. Kerana itu tidak sepatutnya kamu menghalau lelaki itu dari majlis keampunan ini,” marah Imam Syafie.

“Saya tidak dapat menahan sabar dengan sifatnya yang kurang ajar dan biadab pada tuan,” kata al-Rabi’.

“Saya sendiri yang dicaci lelaki itu dapat menahan marah. Kenapa kamu pula yang menghalaunya?” marah Imam

Syafie lalu menyuruh al-Rabi’ meminta maaf kepada Fityan dan memujuknya kembali ke majlis itu.

Kerana patuh dengan perintah gurunya, al-Rabi’ meminta maaf kepada Fityan lalu memujuknya supaya kembali ke majlis ilmu. Tetapi Fityan menunjukkan rasa bongkaknya dengan tidak mahu memaafkannya dan tidak mahu kembali ke majlis ilmu.

Keesokan harinya, Imam Syafie melihat di halaman masjid itu dua lelaki sedang bertengkar dan hampir berkelahi. Imam Syafie datang meleraikan mereka.

“Kenapa kamu hendak bergaduh?” tanya Imam Syafie.

“Saya melihat dia kencing berdiri lalu menegurnya,” jawab lelaki itu.

“Benarkah apa yang dikatakan lelaki ini?” tanya Imam Syafie kepada lelaki kedua.

“Apa hak dia menegur saya?” tanya lelaki itu pula.

“Air kencingnya terpercik ke pakaian dia. Kemudian dia akan bersolat tanpa membasuhnya,” jawab lelaki yang pertama.

“Adakah kamu melihat percikan air kencingnya dan melihat dia sembahyang tanpa membasuhnya,” tanya Imam Syafie pula.

“Saya tidak melihatnya tetapi saya dapat merasakannya,” jawab lelaki yang membuat tuduhan itu.

Imam Syafie menasihati lelaki itu supaya jangan membuat tuduhan melulu. Tetapi lelaki itu mencaci maki pula Imam Syafie. Dia menuduh Imam Syafie mengeluarkan fatwa boleh kencing berdiri dan sekiranya terkena air kencing boleh dibawa sembahyang tanpa dicuci. Kemudian baru Imam Syafie tahu lelaki itu adalah Fityan yang memang marah kepadanya.

Imam Syafie tetap bersabar dengan perlakuan Fityan padanya. Dia tidak pernah mencaci ataupun mengata Fityan di hadapan orang ramai. Sekiranya ada yang mengadu mengenai Fityan, Imam Syafie lebih suka berdiam diri tidak ambil peduli pada apa yang dikatakan itu.

Fityan dan para pengikutnya terus mencaci Imam Syafie dengan mengatakan beliau membawa mazhab yang menyeleweng daripada ajaran Imam Maliki. Dia mengatakan hanya mazhab Imam Maliki yang lebih betul. Imam Syafie pula membalas dengan mengatakan fahaman mereka berbeza dengan fahaman mazhab Imam Maliki yang sebenar. Mereka sebenarnya yang menyeleweng. Fityan bertambah marah lalu menuduh Imam Syafie tidak tahu berkenaan hadis.

“Wahai Fityan, saya mahu bertanya. Siapakah yang lebih alim. Kamu ataupun Imam Ahmad bin Hanbal?” tanya al-Rabi’ pula.

“Sudah tentu Imam Ahmad bin Hanbal. Dia ulama terkenal selepas Imam Malik. Aku hormat kepadanya,” jawab Fitya.

“Bukankah Imam Ahmad bin Hanbal mengatakan “Setiap ahli hadis yang memegang tinta adalah terhutang budi

kepada Imam Syafie. Ini membuktikan Imam Syafie seorang ahli hadis yang mahir?” tanya al-Rabi’ lagi.

Fityan tidak menjawab. Namun dia tidak mahu mengalah. Dia berjumpa dengan gabenor mahu mengadu kononnya Imam Syafie membawa mazhab baru yang bertentangan dengan mazhab Imam Malik dan Imam Hanafi.

“Kami meminta tuan gabenor melarang Imam Syafie mengajar agama di Masjid Amru kerana dia menyeleweng daripada ajaran Islam,” beritahu Fitya.

“Imam Syafie itu sama keturunannya dengan Rasulullah. Dia membawa ajaran Islam yang sebenar. Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hanbal mengakui kealiman Imam Syafie. Beliau boleh berijtihad sendiri. Saya membenarkan dia terus mengajar di Masjid Amru. Saya akan menghukum sesiapa yang menghalang,” tegas gabenor Mesir.

Fityan masih tidak putus asa. Dendamnya pada Imam Syafie semakin menebal. Dia mencari helah mahu memfitnah Imam Syafie. Pada suatu hari, Muhamad anak kepada Imam Abdullah al-Hakam mengikuti pengajian Imam Syafie. Fityan mengambil kesempatan merenggangkan hubungan kedua-duanya.

“Adakah tuan tidak tahu Muhamad sudah berguru dengan Imam Syafie?” tanya Fityan.

“Saya tahu,” jawab Imam Abdullah al-Hakam.

“Kenapa tuan imam tidak melarangnya?” tanya Fityan lagi.

“Anak saya itu masih mentah. Dia perlu mengetahui

perbezaan pendapat antara ulama-ulama. Kerana itu saya tidak melarangnya," jawab Imam Abdullah al-Hakam.

Pada suatu hari pula, Muhamad mengadu kepada bapanya mengenai perbezaan pendapat antara Imam Maliki dengan Imam Syafie. Dia berasa ragu-ragu pendapat mana yang perlu diikutinya.

"Wahai anakku, teruslah menghadiri majlis ilmu Imam Syafie," kata Imam Abdullah al-Hakam.

Beberapa hari kemudian, Muhamad membuat pengumuman bahawa dia menganut mazhab Syafie. Semakin ramai yang menjadi pengikut Imam Syafie. Mereka terdiri daripada ahli fikah, ahli bahasa, penyair dan sebagainya. Fityan berasa marah dan dendamnya semakin membara.

"Wahai Aqil sahabatku, kamu berjiran dengan Imam Syafie. Tentu ada perkara yang tidak baik pernah dilakukannya kepada kamu. Mungkin juga ada tingkah lakunya yang menyakitkan hati kamu. Boleh ceritakan kepada aku?" tanya Fityan. Dia sengaja mah mencari keburukan Imam Syafie bagi dihebahkan kepada orang ramai.

"Memang benar Imam Syafie adalah jiran saya yang paling dekat. Selama kami berjiran, tidak ada sikapnya yang menyakitkan hati. Dia adalah jiran yang paling baik. Saya boleh ceritakan kebaikannya satu persatu sekiranya kamu mahu mendengarnya," jawab Aqil.

"Orang ramai cuma bercerita mengenai kebaikannya sahaja. Mustahil tidak ada sifat yang buruknya. Tambahan

pula dia bukan nabi ataupun rasul. Ataupun kamu boleh sahaja mereka-reka mengenai keburukannya. Aku akan memberi upahnya," pujuk Fityan.

"Walaupun saya mencari rezeki sebagai tukang jahit, namun kelakuan saya tidak seburuk itu. Saya menjaga kehormatan jiran. Saya tidak tergamak mahu mengkhianatinya," balas Aqil pula.

Fityan mengeluarkan uncang yang berisi wang dari sakunya lalu menghulurkannya kepada Aqil. "Aku akan beri lagi sekiranya kamu mahu bekerjasama dengan aku," katanya.

"Kerjasama yang bagaimana?" tanya Aqil pula.

"Menjatuhkan Imam Syafie kerana dia menyeleweng," jawab Fityan.

"Demi Tuhan, saya tidak tergamak melakukannya. Dia juga seorang ulama yang terkemuka. Ajarannya tidak menyeleweng," marah Aqil.

Petang itu selepas solat asar, Aqil bertemu dengan Imam Syafie. Tetapi dia tidak menceritakan mengenai Fityan kerana tidak mahu perkara itu menjadi bertambah buruk. Sekiranya boleh dia mahu mendamaikan kedua-duanya.

"Wahai Imam Syafie, apa pendapat tuan mengenai Fityan?" tanya Aqil.

"Dia seorang yang baik cuma berbeza pendapat dengan saya," jawab Imam Syafie.

“Apakah tidak ada cara bagi mendamaikan kalian?” tanya Aqil lagi.

“Saya tidak ada masalah dengan dia. Saya tetap berbaik sangka,” jawab Imam Syafie.

“Tuan seorang ulama yang baik. Semoga tuan selamat daripada fitnah mereka yang memusuhi tuan,” kata Aqil.

“Wahai sahabatku Aqil, kamu seorang tukar jahit yang mahir. Boleh jahitkan butang baju saya kerana sudah tercabut. Jubah saya juga sudah terkoyak, boleh kamu tampal ataupun jahitkan?” pinta Imam Syafe.

“Berikan pakaian tuan itu. Sekarang juga saya menjahitkannya. Kebetulan saya ada membawa benang, jarum dan butang,” jawab Aqil.

Selepas siap, pakaian itu diserahkan semula kepada Imam Syafie. Aqil menjahit butang baju dan pakaiannya yang koyak. Beliau gembira dengan kerja Aqil

“Wahai Aqil, berapakah upahnya?” tanya Imam Syafie.

“Tuan tidak perlu membayar apa-apa kerana kerja itu mudah sahaja,” jawab Aqil.

Imam Syafie berkeras mahu membayar upahnya, namun Aqil tetap menolaknya lalu segera pulang ke rumahnya. Keesokan harinya, Aqil datang lagi bertemu dengan Imam Syafie.

“Wahai sahabatku Aqil. Mungkin hari ini kamu sudah berubah fikiran. Ambillah 10 dirham upah kamu menjahit

pakaian saya semalam," kata Imam Syafie sambil menghulurkan wang kepada Aqil.

"Wahai Imam Syafie, saya datang ke sini mahu menziarahi tuan. Bukannya mahu menuntut hutang. Saya tidak mahu menerima apa-apa daripada tuan," kata Aqil.

"Kamu adalah tetamu saya. Saya tidak sepatutnya menyuruh tetamu membuat kerja. Sepatutnya saya yang berkhidmat kepada tetamu. Bukan tetamu yang berkhidmat untuk saya. Ambillah upah ini," desak Imam Syafie.

Akhirnya Aqil terpaksa juga menerima upah yang diberikan Imam Syafie. Hubungan mereka bertambah erat. Bertambah pula rasa dengki dan iri hati Fityan kepada Imam Syafie.

Pada suatu hari, al-Rabi' datang kepada Imam Syafie lalu berkata. "Wahai guruku, saya sudah dewasa. Sampai masanya untuk saya berkahwin. Tolong doakan semoga jodoh kami berkekalan dan bahagia di dunia dan akhirat."

"Sudah adakah gadis yang berkenan di hati?" tanya Imam Syafie.

"Sudah tuan. Saya mencintai gadis itu," jawab al-Rabi'.

"Kahwini wanita yang mencintai kamu. Sekiranya berkahwin dengan wanita yang tidak mencintai kamu, pasti kamu menderita dan jiwa murnimu akan rosak," kata Imam Syafie.

"Gadis itu mencintai saya…," ujar al-Rabi'.

“Adakah gadis itu pilihan keluarga kamu?” tanya Imam Syafie.

“Pilihan sendiri,” jawab al-Rabi’.

“Berapakah mahar yang diminta keluarganya?” tanya Imam Syafie lagi.

“Sebanyak 30 dirham,” jawab al-Rabi’.

“Berapa dirham pula wang yang kamu ada?” tanya Imam Syafie.

“Enam dirham sahaja,” jawab al-Rabi’.

Imam Syafie memberinya 24 dirham. Sejak itu al-Rabi’ semakin rapat dengan Imam Syafie.

Bab 21 Qaul Qadim dan Qaul Jadid

Tuntutlah ilmu sebanyak mungkin kerana ia dapat menjagamu dan membuatmu cemerlang di dunia dan akhirat. Ia juga amalan para nabi, rasul dan orang soleh.

"Niat mahu mengembara masih kuat. Dengan mengembara saya dapat menemui orang yang tidak dikenali akhirnya menjadi kawan. Dapat menemui orang yang bodoh bagi bertukar pendapat. Sekiranya saya menemui orang yang pintar, saya pun belajar daripadanya. Tetapi apakan daya, kerana saya sudah lemah dan tidak berdaya lagi hendak berjalan jauh," kata Imam Syafie kepada anak-anak muridnya.

Al-Rabi' berasa susah hati apabila melihat wajah Imam Syafie yang pucat dan tubuhnya semakin kurus. Dia bimbang guru yang paling dihormatinya itu sakit.

"Wahai Masyitah, saya lihat Imam Syafie semakin kurus. Apakah beliau sakit? Sekiranya beliau sakit, saya akan

carikan ubatnya," tanya al-Rabi' kepada Masyitah, perempuan Afrika yang menjadi jariah Imam Syafie.

"Beliau sibuk hingga tidak ada masa berehat. Kerana itu kemungkinan dia kurus," jawab Masyitah.

"Bagaimana dengan makan dan minumnya?" tanya al-Rabi' lagi.

"Imam Syafie sering berpuasa sunat. Apabila berbuka puasa, dia menjamah sedikit sahaja makanan dan meminum segelas susu. Beliau tidak pernah makan hingga kenyang walaupun dihidangkan dengan makanan yang lazat," jawab Masyitah.

"Sekiranya begitu, saya yakin Imam Syafie sedang sakit. Saya akan selidik apakah penyakit yang sedang dihidapinya," kata al-Rabi'.

"Wahai al-Rabi', kenapa kamu begitu mengambil berat pada diri saya?" tanya Imam Syafie pada suatu hari.

"Tuan adalah keturunan daripada keluarga Rasulullah yang mulia dan perlu dihormati. Tuan juga ulama terbilang dan menjadi guru saya. Oleh itu saya mengambil berat hal tuan. Sekiranya tuan sakit, saya panggil tabib bagi mengubatinya," jawab al-Rabi'.

"Setiap manusia diduga dengan pelbagai penyakit. Saya juga tidak terkecuali. Sekarang saya sedang menghadapi dugaan itu. Semoga saya mampu bersabar menghadapinya," kata Imam Syafie.

"Boleh saya tahu apa penyakit tuan? Mungkin boleh

dicarikan tabib yang pandai mengubatnya,” kata al-Rabi'.

Menurut Imam Syafie, beliau mengidap penyakit buasir berdarah. Penyakit itu sering mengganggunya ketika bersembahyang dan memberi kuliah agama. Namun, dia tetap bersabar menghadapinya. Setelah mengetahui penyakit gurunya, Al-Rabi' menjemput seorang tabib yang mahir bagi mengubati penyakit buasir. Namun penyakit itu tidak juga mahu sembuh.

“Sebaik-baiknya tuan jangan berdiri terlalu lama. Apabila duduk, duduklah dengan melunjurkan kaki,” nasihat tabib itu.

Namun nasihat itu tidak dihiraukan Imam Syafie. Dia tetap melakukan sembahyang sunat terutama pada waktu malam. Ada kalanya dia berdiri hingga ke pagi.

“Bukankah tabib meminta tuan duduk dengan melunjurkan kaki?” tanya al-Rabi' pada suatu hari.

“Tidak sopan mereka yang duduk dalam masjid dengan menjulurkan kakinya,” jawab Imam Syafie.

“Tuan juga dinasihatkan supaya jangan terlalu lama berdiri,” kata al-Rabi' lagi mengingatkan.

“Keseronokan bersembahyang sunat itu membuat saya lupa penyakit saya,” kata Imam Syafie pula.

Berita mengenai Imam Syafie mengidap penyakit buasir itu merebak cepat di kalangan orang ramai. Mereka berasa simpati kecuali Fityan dan kawan-kawannya.

“Imam Syafie membelakangi ajaran Imam Malik kerana itu dia mendapat bala,” cemuh Fityan sambil tersenyum gembira.

“Awak tidak boleh tuduh begitu. Mungkin itu dugaan daripada Tuhan bagi menaikkan darjatnya. Tambahan pula Imam Syafie orang yang beriman dan bertakwa. Tuhan sayang kepadanya kerana itu diberi cubaan bagi menguji imannya,” kata al-Rabi' mempertahankan gurunya.

“Kenapa kamu mempertahankan Imam Syafie? Apa yang kamu dapat?” tanya Fityan pula.

“Dia guru saya, kerana itu saya mempertahankannya. Sekiranya kamu sayang kepada Imam Malik, saya juga sayang kepada Imam Syafie”' jawab al-Rabi'.

Tiba-tiba Fityan termenung sejenak seolah-olah sedang memikirkan sesuatu. Kemudian mukanya yang bengis bertukar menjadi peramah. Dia tersenyum memandang ke arah wajah al-Rabi'.

“Wahai al-Rabi', kamu adalah murid kesayangan Imam Syafie. Khabarnya kamu juga diberi kepercayaan menghidangkan makanan dan minumannya. Benarkah begitu?” tanya Fityan. Suaranya lunak.

“Kamu tidak perlu ambil tahu apa khidmat saya dengan Imam Syafie kerana kamu memusuhinya. Mereka yang jahil sahaja membenci ulama,” jawab al-Rabi'. Hatinya puas kerana dapat meluahkan kata-kata yang pedas itu kepada Fityan.

Tetapi Fityan tidak marah. Suaranya semakin lunak malah bernada pujukan dengan berkata, “Mahukah kamu bekerja dengan aku? Upahnya seribu dirham. Kerjanya mudah sahaja....”

“Saya tidak mahu berkhidmat dengan sesiapa selain Imam Syafie,” tegas al-Rabi'.

“Kamu akan terus berkhidmat dengan Imam Syafie. Cuma aku ada satu tugas untuk kamu. Selepas tugas itu selesai, kamu akan mendapat 1,000 dirham,” pujuk Fityan lagi.

“Apa tugas yang kamu hendak suruh saya lakukan?” tanya al-Rabi'.

“Aku akan berikan kamu serbuk bagi dimasukkan ke dalam minuman Imam Syafie. Selepas itu kamu akan mendapat upahnya seperti yang aku janjikan.”

“Adakah itu racun?” tanya al-Rabi'.

“Ubat buasir...,” jawab Fityan sambil tersenyum.

“Sekiranya ubat buasir, saya akan terus berikan kepadanya. Biar dia sendiri yang memasukkan ubat itu ke dalam minumannya,” kata al-Rabi'.

“Ubat itu kamu sendiri yang akan memasukkannya ke dalam minuman tanpa pengetahuannya,” kata Fityan.

Tahulah al-Rabi' yang Fityan itu ada niat jahat pada Imam Syafie. Dia segera berlalu dari situ. Fityan pula berasa kecewa kerana muslihatnya tidak berjaya. Ternyata al-Rabi' itu orang yang cerdik.

Keesokan harinya, Fityan datang ke kuliah Imam Syafie. Namun, kedatangannya bukan mahu belajar tetapi mahu mencari kesilapan Imam Syafie. Seperti biasa, Imam Syafie mengajar sambil duduk dengan kedua-dua belah pahanya dirapatkan ke dadanya. Suatu ketika angin bertiup kencang hingga jubah Imam Syafie tersebak lalu terbuka auratnya.

“Apakah hukumnya mendedahkan aurat di dalam masjid?” tanya Fityan dengan suara yang lantang supaya didengar semua orang.

“Baiklah, mulai sekarang saya akan mengajar sambil menjulurkan kaki,” jawab Imam Syafie lalu duduk sambil meluruskan kakinya.

Fityan masih tidak berpuas hati lalu berkata, “Selama aku berguru dengan Imam Malik, tidak pernah aku melihat auratnya terbuka di dalam masjid. Dia lebih alim daripada kamu!”

Imam Syafie tidak menghiraukan kara-kata Fityan lalu terus mengajar. Akhirnya Fityan keluar sendiri dari majlis itu sambil memaki-maki Imam Syafie.

Penyakit buasir yang dihidapi Imam Syafie semakin teruk. Apabila tidur atas tilam, beliau terpaksa melapik dengan kain tebal bagi menampung darah yang keluar. Apabila menunggang kuda ataupun unta, darah meleleh hingga membasahi kasutnya. Namun itu tidak menghalang beliau beramal ibadat. Beliau tetap seperti biasa memenuhi aktiviti hariannya dengan mengajar di Masjid Amru. Ibadat sunat seperti sembahyang malam dan membaca Quran tetap diteruskannya.

“Imam Syafie dikurniakan kehebatan yang luar biasa. Dalam kesibukan mengajar ilmu agama pada sebelah siang, beliau masih sempat menulis kitab hingga 142 buah kitab,” puji al-Rabi'.

“Saya adalah jariah Imam Syafie. Saya sering memerhatikan apa yang dilakukan beliau pada waktu malam. Sepanjang pemerhatian saya, semasa beliau sedang menulis kitab, tidak pernah saya lihat beliau tidur,” kata Masyitah sambil memuji ketekunan Imam Syafie.

“Imam Syafie mengkaji semula kitab *al-Hujjah* yang dikarangnya semasa berada di Iraq. Kemudian menyusun kitab *al-’Umm*. Beliau mengubah fatwa-fatwa yang dikeluarkannya sebelum itu diganti dengan fatwa yang baharu. Pengikutnya menamakan *Qaul Jadid* bermaksud pendapat yang baharu. Pendapat yang dikeluarkannya semasa di Iraq dinamakan *Qaul Qadim*.”

“Kenapa perlu ada *Qaul Qadim* dan *Qauk Jadid?* Mengapa Imam Syafie mengubah fatwa-fatwa yang dikeluarkan semasa berada di Iraq? Perkara itu tidak pernah dilakukan oleh Imam Malik,” kata Fityan yang semangnya sengaja mencari kesilapan Imam Syafie.

“Ulama di Mekah dan Madinah termasuk Imam Malik sepakat mengakui ketinggian ilmu yang dimiliki Imam Syafie. Kefahamannya mengenai Quran dan hadis begitu mendalam. Oleh itu mereka membenarkan Imam Syafie membuat fatwanya sendiri,” jawab al-Rabi'.

“Kenapa dia mengubah fatwa-fatwanya? Kenapa ada *Qaul Qadim* dan *Qaul Jadid*?” tanya Fityan lagi.

“Tidak semua fatwa-fatwa itu diubah oleh Imam Syafie. Beliau mengkaji semula fatwa-fatwa itu bagi disesuaikan dengan keadaan semasa. Walau bagaimanapun, Imam Syafie tidak pernah mewajibkan kami mengikuti fatwa-fatwanya. Beliau berpesan sekiranya fatwa-fatwanya itu bersesuaian dengan Quran dan hadis, ikutlah fatwa itu. Tetapi sekiranya bertentangan dengan Quran dan hadis, tinggalkan fatwa-fatwanya itu.”

Jawapan al-Rabi' itu tidak memuaskan hati Fityan lalu berkata, “Kami mahu berdebat dengan Imam Syafie. Kamu aturkan tarikh dan tempatnya.”

“Imam Syafie tidak suka berdebat. Tetapi sekiranya kamu mahu berbincang dengannya, datanglah ke Masjid Amru pada waktu tengah hari iaitu sebelum sembahyang zuhur. Masa itu digunakan oleh Imam Syafie bagi melayan pertanyaan orang ramai,” kata al-Rabi'.

Keesokan harinya, Fityan bersama 20 pengikutnya datang ke Masjid Amru pada waktu tengah hari. Ketika itu Imam Syafie sedang di kelilingi orang ramai bagi bertanyakan masalah masing-masing.

“Wahai Imam Syafie. Kamu mengaku sudah dapat menghafal Quran sejak kecil serta menghafal banyak hadis. Apakah fatwa-fatwa yang kamu keluarkan tidak berpandukan Quran dan hadis hingga terpaksa dikaji semula dan diubah?” tanya Fityan.

“Fatwa-fatwa itu adalah benar pada pendapat saya, tetapi kemungkinan juga salah. Yang benar adalah hadis Rasulullah,” kata Imam Syafie.

“Tetapi guru kami Imam Malik tidak pernah mengubah fatwa-fatwa yang dikeluarkannya,” kata Fityan lagi.

“Saya juga pernah berguru dengan Imam Malik. Beliau adalah guru yang paling saya sayangi dan hormati. Saya sudah hafal kitab *al-Muwatta’* yang ditulis Imam Malik sejak saya berumur 15 tahun. Kamu mengaku menjadi anak murid Imam Malik. Kamu juga mengaku memegang teguh semua ajarannya. Tetapi apa yang saya dapati kamu menyeleweng daripada apa yang diajar oleh Imam Malik,” kata Imam Syafie.

Kata-kata itu menimbulkan kemarahan Fityan dan para pengikutnya. Mereka mencabar Imam Syafie membuktikan kebenaran tuduhannya.

Dengan tenang Imam Syafie berkata, “Antara perbuatan kamu yang menyalahi adalah terlalu taksub dengan Imam Malik hingga kamu lebih suka berhujah dengan menggunakan kata-kata Imam Malik berbanding hadis nabi. Kamu sanggup meratap hiba dan berdoa di kuburnya bagi mendapat berkat. Perbuatan kamu yang menadah air hujan dengan kopiah Imam Malik bagi diminum airnya juga adalah keterlaluan. Imam Malik melayan saya sebagai tetamu. Dia tidak pernah menyakiti hati saya walau kami berbeza pendapat. Tetapi bagaimana pula dengan kamu?”

Fityan dan para pengikutnya berasa marah. Mereka mengerumuni Imam Syafie dan hendak memukulnya tetapi berjaya dileraikan oleh orang ramai yang berada di situ.

“Lebih baik kamu pergi dari sini sebelum kami pukul kamu,” teriak al-Rabi'. Akhirnya Fityan dan para pengikutnya

beredar dari situ.

Peristiwa itu memberi satu pengajaran kepada Imam Syafie. Dia tidak mahu lagi berdebat dengan pengikut Imam Malik tetapi menulis sebuah kitab bernama *Khilaf Malik* yang menerangkan percanggahan amalan mereka dengan Imam Malik. Kitab itu dicetak bersama kitab *al-'Umm*.

“Wahai guruku, kitab *al-'Umm* dibaca orang ramai. Isi kandungannya tersebar di kalangan orang ramai. Tetapi kenapa tuan masih tidak mahu mendedahkan isi kandungan *Khilaf Malik*?” tanya al-Rabi'.

“Saya belum mahu mendedahkan kandungan kitab itu kerana menghormati Imam Malik sebagai guru saya. Saya perlu menyimpannya dahulu selama setahun barulah dihebahkan kepada orang ramai,” jawab Imam Syafie.

“Kenapa begitu?” tanya al-Rabi' lagi.

“Bagi menghormati Imam Malik sebagai guru saya,” jawab Imam Syafie.

Setahun kemudian, selepas Imam Syafie mengadakan sembahyang istikharah banyak kali serta berdoa memohon petunjuk, barulah kandungan kitab *Khalif Malik* itu dihebahkan kepada orang ramai.

Bab 22 Perginya Ulama Terbilang

Sesiapa yang mahu meninggalkan dunia dengan selamat, dia perlu mengamalkan perkara berikut iaitu mengurangkan tidur, mengurangkan makan, mengurangkan bercakap, dan berpada-pada dengan rezeki yang ada.

Pagi itu selesai sembahyang subuh, Imam Syafie memberi tazkirah kepada anak-anak muridnya. Kemudian beliau memberi peluang kepada mereka untuk bertanya.

“Wahai guruku, apakah pandangan tuan mengenai bermusafir?” tanya al-Rabi'.

“Pergilah bermusafir dengan penuh keyakinan. Pasti kamu memperoleh semula segala apa yang kamu belanjakan. Hidup pasti terasa nikmat selepas kita bekerja keras dan kuat berusaha ketika berada di tempat orang. Tasik yang tenang dan tidak mengalirkan airnya akan membusuk dan menjadi mati. Seekor singa di hutan hanya dapat membaham mangsanya apabila ia keluar dari sarangnya. Anak panah tidak akan mengenai sasaran sekiranya tidak

dilepaskan dari busurnya. Sekiranya kamu meninggalkan tempat kelahiran kamu bagi memperoleh kedudukan yang mulia di tempat yang baru, kamu umpama emas yang sudah disepuh lagi tinggi nilainya," jawab Imam Syafie dengan panjang lebar.

Kemudian katanya lagi, "Tinggalkanlah kampung halaman nenek moyang kamu. Jangan gusar tentang perpisahanmu dengan sanak saudaramu. Minyak ambar yang harum itu asalnya hanya kotoran binatang, tetapi selepas ia terpisah dari tempatnya, ramai orang menyukainya. Celak mata itu berasal daripada batu di tepi jalan. Tetapi dapat menghiasi kelopak bulu mata manusia selepas meninggalkan pinggir jalan itu.

"Pergilah bermusafir mencari kemuliaan, kerana dalam pengembaraan itu ada lima kelebihan iaitu menghilangkan kesedihan, membina penghidupan baru, memperoleh ilmu, menguatkan jiwa, dan dapat bergaul dengan ramai manusia daripada pelbagai perangai dan ragam."

Mendengar kata-kata Imam Syafie itu, ramai anak muda yang keluar bermusafir. Al-Rabi' juga mahu pergi tetapi terpaksa ditangguhkan dahulu kerana ayah dan ibunya sudah tua dan uzur. Tetapi dia berazam mahu bermusafir suatu masa nanti.

Selepas lima tahun berada di bumi Mesir, dan selepas ramai pengikut serta banyak kitab yang dikarangnya, Imam Syafie ditimba musibah. Beliau mengidap penyakit buasir berdarah. Penyakit itu semakin lama semakin parah. Darah yang keluar semakin banyak. Apabila beliau menunggang

kuda atau unta barah mengalir hingga membasahi kasutnya. Apabila tidur tilamnya dialas kain tebal bagi mengelakkan terkena darah. Apabila mengajar di Masjid Amru, beliau duduk di atas alas yang tebal. Namun dia tetap gigih menyebarkan ilmunya, tekun beramal ibadat serta tekun menulis.

“Wahai Imam Syafie, apakah terbatal wuduk sekiranya seseorang itu keluar darah?” tanya Fityan yang turut hadir dalam satu majlis ilmu di Masjid Amru. Kedatangan Fityan dan kawan-kawannya bukan mahu belajar tetapi mahu mengganggu majlis berkenaan.

“Sememangnya batal wuduk sekiranya seseorang itu keluar darah,” jawab Imam Syafie.

“Bukankah dituntut seseorang itu berwuduk apabila berada di dalam masjid?” tanya Fityan lagi.

“Benar kita digalakkan berwuduk apabila beriktikaf di dalam masjid,” jawab Imam Syafie.

“Sekiranya begitu, wuduk tuan terbatal kerana keluar darah. Tuan juga tidak boleh berada di dalam masjid ini. Sia-sia sahaja ilmu yang tuan ajarkan kepada orang ramai,” kata Fityan.

Imam Syafie tidak menjawab. Dia cuma berdiam diri saya. Melihat keadaan itu, Fityan dan kawan-kawannya semakin berani mencaci maki Imam Syafie hingga menimbulkan kemarahan anak-anak murid Imam Syafie. Hampir sahaja terjadi pergaduhan. Mujur Imam Syafie dapat meleraikan mereka.

“Perbuatan Fityan dan kawan-kawannya sudah melampau. Tetapi kenapa tuan tidak mahu membalasnya. Cukupkah dengan berdoa sahaja?” tanya Jubair sambil melahirkan rasa tidak puas hatinya.

“Adakah kamu menganggap kecil dan rendah pada sebuah doa? Padahal kamu tidak mengetahui kekuatan doa itu. Tidak ada salahnya kamu berdoa pada waktu siang ataupun di tengah malam. Tetapi renungkanlah, malam memiliki batas yang pasti berakhir tetapi doa itu tiada batas sempadannya.

“Janganlah kamu menganggap remeh doa orang yang teraniaya, kerana doanya menembusi orang yang zalim dan para pengikutnya. Doa itu akan masuk ke dalam jiwa mereka bagaikan anak panah yang menembusi tubuh.”

Namun kesabaran Imam Syafie itu disalahertikan oleh Fityan dan kawan-kawannya. Mereka semakin berani mencaci serta menghina Imam Syafie. Al-Rabi' tidak dapat bersabar dengan penghinaan yang dilakukan oleh Fityan pada Imam Syafie. Tanpa pengetahuan sesiapa, al-Rabi' berjumpa dengan gabenor Mesir lalu mengadukan apa yang dilakukan Fityan terhadap ulama terbilang itu. Gabenor berasa marah lalu memerintahkan supaya Fityan ditangkap bagi dibicarakan.

“Wahai Imam Syafie, saya mendapat aduan yang mengatakan Fityan mencaci serta menghina tuan. Selepas dibuat penyaksian dengan empat orang saksi, tuduhan itu ternyata benar. Sekarang saya mahu penyaksian daripada kamu pula. Apakah benar Fityan mencaci serta menghina

kamu?” tanya gabenor Mesir.

Imam Syafie tidak menjawab pertanyaan itu. Beliau cuma berdiam diri seolah-olah sengaja tidak mahu menjawabnya.

Melihat keadaan itu, gabenor bertanya lagi, “Wahai Imam Syafie, apakah tuan menafikannya?”

Sekali lagi Imam Syafie berdiam diri enggan menjawab pertanyaan itu.

Melihat keadaan itu maka al-Rabi' pun berkata, “Wahai tuan gabenor, tuan sudah mendapatkan empat orang saksi yang dipercayai mengaku melihat serta mendengar kata-kata cacian serta penghinaan yang dilakukan oleh Fityan terhadap Imam Syafie. Oleh itu kami meminta dia dihukum supaya perkara seperti itu tidak berlaku lagi.”

“Sekiranya Imam Syafie bersetuju membuat penyaksian yang Fityan mencaci serta menghinanya, saya jatuhkan hukuman supaya leher Fityan dipenggal. Tetapi Imam Syafie tidak mahu membuat penyaksian,” kata gabenor Mesir.

“Sekiranya tuan membebaskan Fityan, kami yakin dia semakin berani mengganggu serta menyakiti Imam Syafie. Oleh itu kami mohon supaya dia dijatuhkan hukuman,” kata al-Rabi'.

Orang ramai bersetuju dengan cadangan al-Rabi' supaya Fityan dijatuhkan hukuman. Tetapi pengikut setia Fityan pula meminta supaya dibebaskan.

“Imam Syafie sendiri tidak berani membuat penyaksian. Itu

menunjukkan tuduhan itu tidak benar. Fittyan perlu dibebaskan," kata Jumar, sahabat baik Fityan.

"Wahai Imam Syafie, apakah tuan memaafkan apa yang dilakukan oleh Fityan?" tanya gabenor pula.

"Semoga dia insaf dan bertaubat serta berlapang dada terhadap saya," jawab Imam Syafie.

"Wahai tuan gabenor, Imam Syafie sudah membuat penyaksian. Oleh itu jatuhkan hukuman bunuh terhadap Fityan," kata salah seorang anak murid Imam Syafie.

"Kata-katanya itu bukan penyaksian. Tetapi Fityan tetap dijatuhkan hukuman sebagai satu pengajaran," kata gabenor.

"Saya sanggup dihukum asalkan jangan dipancung," kata Fityan merayu simpati gabenor.

"Saya akan fikirkan apa hukuman yang sesuai kepada mereka yang menghina kerabat Nabi Muhammad," kata gabenor.

Malam itu, semalaman gabenor memikirkan apakah hukuman yang sesuai bagi dijatuhkan kepada Fityan yang mencerca serta menghina Imam Syafie. Baginya kesalahan itu berat dan tidak dapat dimaafkan. Walaupun Imam Syafie seperti tidak mahu memberikan kerjasama, tetapi itu tidak menghalangnya menjatuhkan hukuman kepada Fityan. Tambahan pula perbuatannya disaksikan orang ramai. Sekiranya dibiarkan sudah tentu Fityan dan kawan-kawannya semakin berani mengganggu Imam Syafie. Pada

malam itu gabenor bermimpi Fityan diarak keliling kota Fustat dengan rambut, janggut dan misainya dicukur licin.

Gabenor yakin mimpi itu adalah petunjuk daripada Tuhan mengenai hukuman yang paling sesuai bagi Fityan. Keesokan harinya orang ramai berkumpul bagi mendengar hukuman yang akan dijatuhkan. Gabenor memerintahkan supaya rambut, janggut dan misai Fityan dicukur licin. Kemudian dia didudukkan di atas unta lalu di arak keliling kota Fustat. Al-Rabi' disuruh memegang tali unta sambil berteriak "Inilah balasan bagi orang yang menghina kerabat Rasulullah...."

Orang ramai mengejek-ejek Fityan malah ada yang membalingnya dengan batu. Para penyokong Fityan berasa marah apabila melihat ketua mereka diperlakukan sedemikian rupa.

"Semua ini berpunca daripada Imam Syafie. Dia yang menyuruh pengikutnya membuat aduan kepada gabenor supaya Fityan dijatuhkan hukuman. Kita perlu membalas dendam ke atasnya," kata Sahol salah seorang pengikut Fityan.

"Bagaimana mana caranya?" tanya yang lain pula.

"Mari kita pukul Imam Syafie supaya dia tidak berani membuat aduan lagi kepada gabenor," jawab Sahol.

"Kita akan ditangkap oleh gabenor lalu dijatuhkan hukuman yang lebih teruk daripada Fityan," kata mereka yang berasa ragu-ragu dengan cadangan itu.

“Kita lakukan pada waktu malam supaya orang lain tidak nampak dan Imam Syafie tidak kenal siapa yang memukulnya,” kata Sahol dan mereka bersetuju dengan cadangan Sahol itu.

Pada malam itu, selepas selesai mengajar di Masjid Amru, Imam Syafie berjalan pulang ke rumahnya tanpa ditemani sesiapa. Di pertengahan jalan beliau disekat oleh Sahol dan kawan-kawannya. Mereka membelasah Imam Syafie hingga cedera parah. Akibat daripada kejadian itu, penyakit Imam Syafie bertambah teruk. Dia tidak mampu lagi berjalan menuju ke masjid.

“Wahai al-Rabi', mahukah kamu menjadi wakil saya bagi menemui Sayidah Nafisah?” tanya Imam Syafie kepada anak murid kesayangannya.

“Saya sedia menurut apa sahaja suruhan tuan guru,” jawab al-Rabi'.

“Pergilah berjumpa dengan Sayidah Nafisah. Sampaikan salam saya kepadanya dan katakan saya memohon dia mendoakan saya,” kata Imam Syafie.

Sambil menangis al-Rabi' berjalan menuju ke rumah Sayidah Nafisah. Wanita solehah itu berada di rumahnya. Dia cuma keluar apabila mengajar ilmu agama kepada anak-anak muridnya. Sesekali pernah juga Imam Syafie menghadiri kuliah Sayidah Nafisah walaupun dia sendiri seorang ulama yang tinggi ilmunya. Selepas mengucapkan salam, al-Rabi' menyatakan tujuan kedatangannya sebagai utusan daripada Imam Syafie.

“Kata Imam Syafie, doa puan mudah dimakbulkan tuhan. Kerana itu beliau meminta puan mendoakannya. Dia sekarang sedang menderita kesakitan,” kata al-Rabi'.

Sayidah Nafisah meminta diri masuk ke dalam rumah. Al-Rabi' terus menunggu di luar. Dia tahu perempuan solehah itu sedang berdoa untuk Imam Syafie. Al-Rabi' menunggu dengan sabar. Agak lama juga dia menunggu.

Kemudian barulah Sayidah Nafisah keluar mendapatkan al-Rabi' lalu berkata, “Sampaikan salam hormat saya kepada Imam Syafie. Katakan kepadanya Allah mengelokkan pertemuan Syafie dengannya. Dan Allah menggembirakan Imam Syafie dengan melihatnya.”

Apabila al-Rabi' menyampaikan kata-kata itu, tahulah Imam Syafie ajalnya sudah hampir dan Allah akan menjemputnya ke alam barzakh. Imam Syafie reda dengan ketentuan Allah pada dirinya.

Al-Rabi' antara anak muridnya yang sering melawat gurunya itu. Dia hanya meninggalkan Imam Syafie apabila masuk waktu sembahyang fardu. Kemudian dia kembali ke rumah Imam Syafie.

Semakin hari penyakit Imam Syafie semakin teruk. Kerana banyak darah yang keluar daripada buasirnya, tilam perbaringannya terpaksa ditembuk lalu diletakkan satu bekas di bawahnya bagi menampung darah yang keluar.

Imam Syafie tetap bersabar dan selalu berdoa,” Ya Allah ya Tuhanku, sekiranya ini ujian daripada-Mu, tambahkan lagi ujian ini dan aku tetap reda....”

Pada malam itu, al-Rabi' bermimpi seorang raja meninggal dunia lalu berjumpa seorang yang mahir mentafsirkan mimpinya. “Seorang yang paling alim dalam dunia ini akan meninggal dunia.” Kata ahli tafsir mimpi itu.

Al-Rabi' yakin orang alim yang dimaksudkan itu adalah Imam Syafie. Dia berasa sedih lalu menziarahi guru yang paling disayanginya itu.

“Wahai guruku, bagaimana keadaan tuan?” tanya al-Rabi'.

“Saya dalam keadaan yang daif,” jawab Imam Syafie.

Lalu al-Rabi' berdoa, “Ya Allah ya Tuhanku, kuatkan kedaifan yang dialami oleh guruku.”

“Doamu itu akan membunuhku kerana apabila kedaifan bertambah kuat ia pasti akan membunuhku,” kata Imam Syafie.

“Sekiranya tuan meninggal dunia, saya orang yang paling sedih sekali kerana tuan seorang guru yang paling disayangi,” kata al-Rabi' dengan nada suara yang sayu.

Kemudian katanya lagi, “Kehilangan tuan pasti diratapi orang ramai kerana mereka kasihkan tuan. Mereka perlukan bimbingan serta tunjuk ajar daripada seorang ulama yang amat tinggi ilmunya seperti tuan. Kehilangan tuan pasti tiada lagi penggantinya.”

Kemudian al-Rabi' menangis kerana berasa sedih. Tambahan pula apabila teringatkan kata-kata ahli tafsir mimpi yang mengatakan seorang yang paling alim di dunia akan meninggal dunia.

“Jangan menangis wahai anak murid yang paling saya sayangi. Sekiranya ada apa-apa pertanyaan mengenai diri saya, boleh kemukakan sekarang sementara saya mampu menjawabnya,” pujuk Imam Syafie.

“Tuan seorang yang pandai mematahkan hujah lawan apabila berdebat. Apakah rahsianya?” tanya al-Rabi'.

“Apabila saya berhujah dengan seseorang, saya tidak pernah berhujah kerana mahukan kemenangan bagi diri sendiri, tetapi mahu membuktikan kebenaran hadis Nabi Muhammad. Kerana itu saya berhujah bukan dengan menggunakan pendapat saya sendiri tetapi berpandukan hadis Rasulullah,” jawab Imam Syafie.

“Bagaimana keadaan tuan pada waktu pagi?” tanya Imam Hanbali pula yang turut berada di situ.

Imam Hanbali atau nama sebenarnya Ahmad bin Muhamad bin Hanbal lahir di kota Baghdad kira-kira 14 tahun selepas Imam Syafie dilahirkan. Dia juga pengikut mazhab Hanafi dan pernah berguru dengan Imam Malik bin Anas. Semasa mengerjakan ibadat Haji di Mekah, beliau bertemu dengan Imam Syafie lalu berguru dengan Imam Syafie. Kemudian apabila Imam Syafie pergi ke Baghdad, mereka bertemu semula. Apabila Imam Hanbali mendapat tahu Imam Syafie berada di Mesir, beliau datang ke Mesir bagi berguru dengan Imam Syafie.

“Pada waktu pagi, saya dalam keadaan mengembara keluar dari dunia, berpisah dengan rakan taulan dan kaum keluarga. Saya bukan pergi mencari harta tetapi menyebarkan ilmu kepada umat manusia,” jawab Imam

Syafie.

“Wahai tuan guru, kami tahu siapa yang memukul tuan. Benarkan kami membalas perbuatan mereka,” kata ar-Rasyid pula.

“Semua yang berlaku adalah dengan izin Tuhan. Kerana itu jangan kamu membalas dendam kepada seseorang kerana saya. Jangan sabitkan saya dengan kejahatan seseorang,” marah Imam Syafie. Dia tidak mahu sesiapa membalas dendam.

Selepas itu, tidak siapa lagi yang sanggup bertanya apabila melihatkan keadaan Imam Syafie yang semakin lemah dan menderita akibat kesakitannya. Mereka mahu dia berehat.

Apabila tidak ada lagi yang bertanya, Imam Syafie pun berkata, “Saya tahu ajal saya sudah hampir. Kamu menyangka saya ini seorang yang paling alim. Tetapi demi Allah saya tidak tahu ke mana saya akan ditempatkan, di syurga ataupun neraka.”

“Tuan seorang yang alim dan paling bertakwa antara kami. Kami yakin dengan keampunan Tuhan pada hambanya yang bertaubat. Tuan pasti ditempatkan di kalangan mereka yang mendapat keredaannya,” kata al-Rabi' pula.

Mendengar kata-kata itu, Imam Syafie pun bermunajat. “Sesungguhnya dosaku besar tetapi keampunan-Mu ya Allah lebih besar. Kerana itu ampunilah aku.

“Wahai Tuhan, limpahilah hidupku dengan kasih sayang sama ada siang ataupun malam. Tidak terhenti dalam

hatiku mengingatimu. Engkau masukkan ke dalam hatiku bahawa Engkau maha suci ya Allah. Sudah banyak dosa yang aku lakukan dan Engkau mengetahuinya. Namun pada saat petang menjelang dan pagi menjelma aku masih juga melakukan dosa tanpa henti.

“Oleh itu, pimpinlah aku pada jalan yang ditempuh oleh hamba-hambamu yang soleh. Dan jangan sesatkan aku dalam agamamu. Bimbinglah aku di dunia ini dan di akhirat kelak, serta cerahkan wajahku di saat orang bermuka masam mencuka.”

Semua yang mendengarnya berasa sebak malah ramai yang mengalirkan air mata. Selepas agak lama berdiam diri, Imam Syafie memanggil al-Rabi'.

“Wahai al-Rabi' saya mahu berpesan kepada kamu. Selepas saya meninggal dunia, beritahu Gabenor Mesir Abbas bin Musa supaya datang membersihkan jenazah saya,” katanya.

“Baiklah tuan guru…,” akur al-Rabi'.

Kemudian Imam Syafie membaca serangkap puisi.

Bila hatiku keras degil

dan kemahuanku menjadi sempit

Aku jadikan keampunan Engkau sebagai harapan

Dosaku mungkin besar

Tetapi keampunan Engkau lebih besar

Engkau pemilik keampunan

dan masih tetap mengampunkan

Jika engkau tidak izinkan

Iblis tidak dapat menggoda

Adam hambamu yang suci

Sampai dia boleh diperdayakannya

Ampuni aku wahai Tuhanku.

Ketika itu musim sejuk sedang melanda kota Fustat. Penyakit Imam Syafie bertambah teruk. Semakin ramai anak murid yang datang menziarahinya. Antaranya Imam Ahmad Hanbal.

“Wahai tuan guru, saya pernah berguru dengan anak murid Imam Abu Hanifah hingga saya mahir dengan mazhab Hanafi. Saya juga pernah berguru dengan Imam Malik bin Anas hingga saya mahir dengan mazhab Imam Maliki. Saya juga berguru dengan tuan hingga saya mahir dengan mazhab Syafie. Apabila tuan tiada, mazhab mana satukah yang perlu saya ikut?” tanya Imam Hanbali.

“Wahai Imam Ahmad Hanbal, kamu juga seorang ulama yang besar. Pengetahuan kamu mengenai Quran dan hadis menyamai pengetahuan saya, Imam Malik dan Imam Hanafi. Kerana itu kamu juga boleh berijtihad sendiri. Tetapi jangan paksa sesiapa mengikut ijtihad kita kerana ijtihad yang sebenar adalah Quran dan hadis,” jawab Imam Syafie.

Tidak lama kemudian, kedengaran azan menandakan masuknya waktu sembahyang maghrib. Imam Hanbali bertanya, "Wahai tuan guru, sudah masuk waktu sembahyang. Bolehkah kami pergi ke masjid?"

"Sembahyang fardu itu wajib. Adakah kamu hendak terus duduk di sini menunggu saya menghembuskan nafas yang terakhir?" tanya Imam Syafie pula.

Mereka pun pergi ke masjid untuk sembahyang berjemaah. Selesai sembahyang, mereka datang semula menziarahi Imam Syafie yang sedang sakit. Mereka membantu Imam Syafie mengambilkan wuduk untuk bersembahyang. Selesai sembahyang, beliau baring semula. Tidak lama kemudian, datang Yunus bin Abdul A'la.

Imam Syafie bersuara, "Wahai Yunus, bacakan untuk saya ayat suci Quran bermula dari ayat 120 dari surah *Ali Imran*. Perlahankan suaramu supaya tidak memberatkan saya mendengarnya."

Yunus akur dengan perintah gurunya. Dia membaca ayat-ayat suci Quran seperti yang disuruh Imam Syafie. Tidak lama kemudian, beliau seolah-olah seperti tertidur. Yunus menghentikan bacaannya kerana bimbang mengganggu gurunya yang sedang lena. Dia bangun hendak pergi dari situ.

"Wahai Yunus, teruskan bacaanmu. Jangan kamu pergi jauh dari saya kerana saya sekarang sedang nazak," kata Imam Syafie.

Apabila masuk waktu sembahyang isyak, sekali lagi anak-

anak muridnya bertanya bolehkah mereka meninggalkannya untuk pergi ke masjid sembahyang berjemaah?

“Sembahyang fardu itu adalah wajib. Adakah kamu hendak duduk di sini menunggu saya menghembuskan nafas yang terakhir?” marah Imam Syafie.

Orang ramai meninggalkannya untuk pergi sembahyang berjemaah di Masjid Amru. Tetapi sebelum selesai sembahyang isyak, Imam Syafie menghembuskan nafasnya yang terakhir pada malam Jumaat 28 Rejab tahun 204 hijrah, bersamaan 820 Masihi. Ketika itu beliau berumur 54 tahun. Beliau meninggal dunia di rumah Abdullah bin Hakam.

Berita Imam Syafie meninggal dunia cepat tersebar ke seluruh Mesir. Orang ramai datang menziarahi serta menyembahyangkan jenazahnya. Sayidah Nafisah turut datang.

Ketika berada di sisi jenazah Imam Syafie dia pun berkata, “Allah merahmatinya kerana dia sangat elok berwuduk.”

“Apakah yang dimaksudkan dengan elok berwuduk?” tanya al-Uzani.

“Imam Syafie seorang yang alim. Dia menjaga ibadatnya bermula daripada berwuduk. Apabila berwuduk dapat dibuat dengan sempurna, ibadat yang lain juga dilakukannya dengan sempurna,” jawab Imam Ahmad Hanbal.

Gabenor Mesir juga turut datang selepas dimaklumkan berita itu. Kemudian beliau memberitahu orang ramai sekiranya Imam Syafie ada berhutang dengan sesiapa, dia yang akan membayarnya.

Gabenor Abbas juga seorang yang alim. Dia yang mengundang Imam Syafie datang ke Mesir. Gabenor itu faham maksud Imam Syafie yang menyuruhnya membersihkan jenazahnya. Lalu dia bertanya kepada keluarga Imam Syafie sekiranya dia mempunyai hutang. Kata keluarganya ada tetapi tidak banyak. Gabenor Abbas membayarkan hutang itu. Gabenor menolong menyelesaikan hutang piutangnya. Kemudian jenazah Imam Syafie dikebumikan di tanah perkuburan Bani Zaharah. Ketika jenazahnya diusung ke tanah perkuburan, dia diiringi berpuluh ribu manusia.

Beberapa hari selepas Imam Syafie meninggal dunia, al-Rabi bermimpi bertemu dengan gurunya yang duduk atas kerusi yang diperbuat daripada emas dan dihamparkan intan permata yang amat cantik.

Apabila berita itu sampai kepada Imam Ahmad bin Hanbal, dia pun berkata, “Semoga Allah merahmatinya, dia ibarat matahari bagi dunia dan ibarat kesihatan bagi manusia, adakah pengganti bagi dua perkara itu?”

Bab 23 Pesan Imam Syafie

Kamu seorang manusia yang dijadikan daripada tanah dan kamu juga akan disakiti (dihimpit) dengan tanah.

Suasana sedih dan pilu masih menyelubungi penduduk kota Fustat. Mereka meratapi pemergian seorang ulama yang sepanjang hidupnya dihabiskan bagi menuntut ilmu serta menyebarkannya kepada orang ramai. Beliau mempunyai anak murid serta pengikut yang ramai. Ajarannya tersebar luas di seluruh Mesir, Iraq, Yaman, Jordan, Syria, dan beberapa buah negara lain. Kehilangannya diratapi ramai.

"Imam Syafie meninggal dunia ketika berusia 54 tahun. Imam Malik meninggal dunia ketika berumur 86 tahun. Kedua-duanya alim tetapi guru kita, Imam Syafie meninggal ketika usianya masih muda. Sekiranya tidak angkara Fityan dan para pengikutnya tentu umurnya masih panjang," kata Rafiq sambil menangis kerana sedih. Dia seolah-olah tidak dapat menerima kematian guru yang paling disayanginya.

“Bersabarlah kerana semuanya sudah ditakdirkan. Sebagai umat Islam, kita wajib percaya umur seseorang itu ditentukan ajalnya oleh yang maha berkuasa,” pujuk al-Muzani.

“Gabenor memerintahkan supaya Fityan dan beberapa orang pengikutnya ditangkap. Mereka akan dibicarakan tidak lama lagi. Sekiranya sabit kesalahan, mereka dihukum penjara,” beritahu al-Rabi' dalam satu majlis di Masjid Amru.

Sejak ketiadaan Imam Syafie, masjid itu seolah-olah kehilangan serinya. Namun majlis ilmu tetap diteruskan juga. Abdullah bin Hakam mengambil alih tugas Imam Syafie. Tambahan beliau adalah sahabat baik dan juga anak murid Imam Syafie. Malah beliau meninggal dunia di rumah Abdullah bin Hakam.

Petang itu selepas sembahyang asar, Abdullah bin Hakam memimpin majlis ilmu di Masjid Amru. Bilangan yang hadir berkurangan daripada biasa. Sedang Abdullah bin Hakam memberikan ceramah, tiba-tiba datang seorang lelaki yang tidak dikenali memakai pakaian yang serba putih. Rupa parasnya elok seperti orang yang alim.

“Wahai kaum Muslimin, di manakah bulan dan matahari yang selalunya menjadi penyeri majlis ini?” tanya lelaki itu.

“Apakah yang tuan maksudkan itu Imam Syafie?” tanya Abdullah bin Hakam pula.

“Siapa lagi bulan dan matahari bagi umat Islam ketika ini? Saya datang mahu mendapatkan cahayanya,” jawab lelaki

itu seperti berteka-teki.

“Imam Syafie meninggal dunia beberapa hari yang lepas. Kami mempelajari kandungan kitab *al-'Umm* yang ditinggalkannya,” kata Abdullah bin Hakam.

Lelaki itu tampak terperanjat lalu berkata, “Semoga Allah mengasihi serta mengampunkan segala dosanya. Beliau adalah pembuka segala pintu hujah yang terkunci. Penyuci air muka yang hitam dan penyingkap pintu fikiran yang tertutup.”

Orang ramai tercengang mendengar kata-kata lelaki yang tidak dikenali itu. Lebih menggemparkan apabila tiba-tiba lelaki itu hilang daripada pandangan. Ramai yang percaya lelaki itu adalah malaikat ataupun makhluk jin. Namun, ada pula yang mengatakan lelaki itu seorang Arab Badwi dari daerah pedalaman.

Berita kewafatan Imam Syafie juga sampai ke Iraq. Rakyat negara itu turut berasa sedih. Tambahan pula beliau mempunyai ramai pengikut serta anak-anak murid di sana. Semasa Abu Ali al-Hasan menjadi Perdana Menteri Iraq, beliau membina sebuah sekolah agama di Baghdad. Beliau menamakan sekolah itu Sekolah Agama Imam Syafie. Setiap hari orang ramai berkumpul di sekolah itu bagi mengenang ulama yang terbilang itu.

Kemudian Abu Ali al-Hasan bercadang mahu memindahkan kubur Imam Syafie ke Baghdad. Beliau mengarahkan Badr bin Abdullah, ketua tentera Mesir supaya menggali kubur Imam Syafie dan memindahkannya ke Baghdad. Perintah itu segera dilaksanakan. Sepasukan

tentera menggali kubur Imam Syafie tetapi dibantah penduduk kota Fustat hingga kerja-kerja itu terpaksa ditangguhkan. Badr bin Abdullah menghantar surat kepada Abu Ali al-Hasan memaklumkan masalah yang mereka hadapi. Perdana menteri terpaksa membuat surat perintah bagi dibacakan kepada orang ramai. Melalui perintah itu, penduduk kota Fustat tidak boleh berbuat apa-apa lagi.

Kerja menggali kubur Imam Syafie pun dijalankan semula oleh berpuluh orang anggota tentera. Mereka juga terpaksa membuat kawalan keselamatan yang ketat kerana menghadapi bantahan daripada orang ramai. Apabila kubur itu digali, mereka terjumpa ada batu bata yang membentengi liang lahad. Mereka terpaksa memecahkan batu bata itu.

Tiba-tiba mereka tercium bau yang harum keluar daripada liang lahad Imam Syafie. Kerana harumnya bau itu menyebabkan beberapa orang yang sedang menggali kubur itu pengsan. Sekali lagi kerja-kerja menggali serta memindahkan kubur Imam Syafie terpaksa ditangguhkan.

Bard bin Abdullah menghantar surat kepada Abu Ali al-Hasan menceritakan kejadian itu. Perdana menteri berasa terkejut dan kesal lalu membatalkan usaha itu. Sejak itu kubur Imam Syafie dikunjungi orang ramai.

Pada 7 Rabiul Awal 608 Hijrah, al-Malik al-Kamil al-Muzaffar al-Mansur mengarahkan supaya membina sebuah kubah yang cantik di makam itu. Tidak lama kemudian sebuah masjid didirikan lalu dinamakan Masjid Imam Syafie. Makam ulama terbilang itu terus dikunjungi

orang ramai hingga ke hari ini.

30 pesanan Imam Syafie:

1. Tuntutlah ilmu sebanyak mungkin kerana ia dapat menjaga dan membuat kamu cemerlang di dunia dan akhirat.
2. Perbanyakan menyebut Allah daripada menyebut makhluk. Perbanyakan menyebut akhirat daripada menyebut dunia.
3. Pilihlah makanan yang halal kerana ia menjamin kesihatan dan menyebabkan syaitan gerun.
4. Sabar menghadapi musibah adalah sebesar-besar erti sabar di mana sabar itu sendiri memerlukan kesabaran pula. Bala dan musibah menunjukkan adanya perhatian dan kasih sayang Allah. Oleh itu, bersyukurlah kerana syukur yang sedemikian setinggi-tinggi erti syukur.
5. Apabila salah seorang antara kaum kerabat ataupun jiran dan saudara kamu sakit, kamu perlu ringankan langkah menziarahinya kerana ia disaksikan oleh malaikat dan dicintai Allah.
6. Marah adalah salah satu antara panah-panah syaitan yang mengandungi racun. Oleh itu, hindarilah ia supaya kamu dapat menewaskan syaitan dan bala tenteranya.
7. Kasihanilah anak yatim kerana Rasulullah juga tergolong sebagai anak yatim dan beliau akan bersama-sama dengan orang yang menyayangi dan mengasihi anak-anak yatim di akhirat.
8. Berbuat baik dan tunjukkan bakti kepada ibu bapa tanpa mengenali letih dan lelah sebagaimana mereka

berbuat begitu sepanjang hayat mereka. Ia dapat menambah keberkatan pada umur, menambah rezeki dan keampunan atas dosa-dosa kamu.

9. Banyakkanlah amal soleh kerana ia adalah pendinding dan perisai orang mukmin dan pelindung daripada serangan iblis.
10. Takwa adalah pakaian kebesaran dan hiasan akhlak Muslim sebenar. Ia ibarat pokok zaitun, minyaknya membawa berkat, ia juga memberi kejayaan dan kemenangan.
11. Iman mempunyai bentengnya bagi menghalang segala serangan yang cuba merobohkannya. Oleh itu bagi menguatkan benteng iman, keimanan perlu dibajai dengan lima perkara, yakin, ikhlas, mengerjakan amalan sunat, istiqamah, bertatasusila ataupun berdisiplin dalam mengerjakan ibadah.
12. Ingat dan zikir kepada Allah sebanyak-banyaknya kerana ia mengubati penyakit jasmani dan hati. Ia mencetuskan ketenangan hidup dan qanaah.
13. Khusyuk secara zahir adalah khusyuknya orang awam, khusyuk secara batin adalah khusyuknya orang pilihan di sisi Allah.
14. Kubur adalah perhentian sementara bagi membolehkan ke satu perhentian lagi yang penuh dengan soal siasat. Oleh itu, siapkanlah jawapan yang adil dan benar menerusi amal yang benar dan taat kepada al-haq yang tidak berbelah bagi.
15. Kita perlu sentiasa memohon perlindungan daripada Allah, sekurang-kurangnya dengan mengucapkan "*A'uzubillahi minassaitathanirrajim*". Kita perlu bersabar sekiranya serangan syaitan datang juga

bertalu-talu dengan hebat dan menyedari Allah taala hendak menguji keteguhan sabar kita, hendak melihat ketulenan jihad kita. Ketahuilah perang dengan syaitan itu lebih hebat daripada perang sabil.

16. Sebesar-besar keaiban (keburukan) adalah kamu mengira keburukan orang lain sedangkan keburukan itu terdapat dalam dirimu sendiri.
17. Hati adalah raja dalam diri. Oleh itu, lurus dan betulkan ia supaya empayar kerajaan dirimu tegak di atas al-haq yang tidak disertai oleh iringan-iringan pasukan kebatilan.
18. Ketahuilah istighfar yang diucapkan dengan betul mampu membuat syaitan lari ketakutan dan menggoncang empayar iblis di istana kerajaannya.
19. Ketahuilah sebesar-besar kesenangan di dunia dan akhirat adalah memberi maaf kepada orang lain dan melupakan terus kesalahannya. Allah pasti akan meninggikan darjatnya di sisi manusia.
20. Tafakurlah sebelum tidur bagi menghisab diri atas salah dan silap semasa aktiviti pada siang hari sebagaimana Umar bin al-Khattab menyiasati dirinya dengan pelbagai soalan berkenaan dosa-dosanya pada siang hari.
21. Tuntutlah ilmu sebanyak mungkin kerana ia dapat menjagamu dan membuatmu cemerlang di dunia dan akhirat. Ia juga amalan para nabi, rasul dan orang soleh.
22. Sesiapa yang mahu meninggalkan dunia dengan selamat, dia perlu mengamalkan perkara berikut iaitu mengurangkan tidur, mengurangkan makan, mengurangkan bercakap, dan berpada-pada dengan

rezeki yang ada.

23. Kamu seorang manusia yang dijadikan daripada tanah dan kamu juga akan disakiti (dihimpit) dengan tanah.
24. Sesiapa yang menjalin ukhuwah dan menghidupkannya, dia memperoleh banyak kebaikan.
25. Allah menjanjikan kepada orang yang beriman, mereka akan ditinggikan darjat dan diberi kemuliaan selagi mereka menunaikan perintah Allah.
26. Allah menjanjikan kepada orang yang beriman, mereka pasti mendapat pertolongan Allah seperti dalam pernyataannya dalam surah *ar-Rom* ayat 47 yang bermaksud, dan adalah menjadi hak (tanggungjawab) kami untuk menolong orang yang beriman.
27. Allah menjanjikan kepada orang yang beriman, mereka pasti mendapat pembelaan daripada Allah sebagaimana pernyataannya dalam surah *al-Hajj* ayat 38 yang bermaksud, Allah membela orang yang beriman.
28. Allah menjanjikan kepada orang yang beriman dan bertakwa, Allah pasti menaikkan darjat mereka hingga ke taraf wali-wali Allah selagi memenuhi syarat-syaratnya seperti dalam pernyataannya dalam surah *al-Baqarah* ayat 257 yang bermaksud, Allah penolong (wali) bagi orang yang beriman.
29. Allah menjanjikan kepada orang yang beriman akan memberi petunjuk dan jalan lurus sebagaimana pernyataan Allah dalam surah *al-Hajj* ayat 54 yang bermaksud “Allah akan memberi petunjuk bagi orang yang beriman kepada jalan yang lurus.

30. Allah menjanjikan kepada orang yang beriman, mereka akan memperoleh rezeki yang baik dan pelbagai keberkatan selagi mereka menunaikan perintah Allah sebagaimana pernyataannya dalam surah *al-A'raf* ayat 96 yang bermaksud, sekiranya penduduk kota beriman dan bertakwa pasti kami akan melimpahkan mereka berkat dari langit dan bumi tetapi sekiranya mereka mendustakan ayat-ayat kami, kami akan seksa mereka disebabkan perbuatan mereka.

Bibliografi

Khairul Ghazali. *30 Wasiat Imam Syafie*. PTS Millennia Sdn Bhd.: Kuala Lumpur. 2005.

Muhamad Zaini Yahya. *Kisah pengembaraan Imam Syafie*. Darul Nu'man: Kuala Lumpur. 2000.

K.H Sirajuddin Abbas. *Iktikad Ahli Sunnah Wal-Jamaah*. Pustaka Aman Press: Kuala Lumpur. 1978.

Mustafa Suhaimi. *Imam Syafie*. Progresive Publishing House Sdn. Bhd. 2004.

Haji Mohd Said bin Abdul Hadi. *28 tokoh Islam yang terkemuka*. Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor. 1977.

Haji Azahari Othman. *Tazkirah Asy Syafie*. Pustaka haji Abdul Majid: Kuala Lumpur. 2003.